

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

**Bil. 45** **Khamis** **10 November 2016**

## KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 10)

## RANG UNDANG-UNDANG:

## Rang Undang-undang Perbekalan 2017

### **Jawatankuasa:**

## **Jadual:**

Maksud B.21	(Halaman 40)
Maksud B.22	(Halaman 112)
Maksud B.47	(Halaman 192)

## **USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada

## Peraturan Mesyuarat

(Halaman 27)

## Usul Anggaran Pembangunan 2017

### **Jawatankuasa:**

Maksud P.21	(Halaman 39)
Maksud P.22	(Halaman 112)
Maksud P.47	(Halaman 192)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

**Khamis, 10 November 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah faedah-faedah yang boleh diperoleh oleh Malaysia dan rakyatnya daripada sudut pelaburan, perdagangan dan pekerjaan untuk rakyat di negara ini berikutan baru-baru ini, YAB Perdana Menteri telah membuat rombongan dagang ke negara China dan hasilnya lebih RM144 bilion pelaburan dari negara tersebut akan dilaburkan di Malaysia.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Yang pertamanya, saya nak maklum Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia mempunyai hubungan yang rapat dengan negara China. Antaranya kerana Malaysia merupakan negara yang pertama dalam Asia yang mengiktiraf negara China. Dan kita menjalin hubungan diplomatik dengan negara China, dan pada tahun 2014 Perdana Menteri telah melawat negara China sempena ulang tahun ke-40 hubungan Malaysia dengan negara China. Dan pada waktu itu, kita membuat keputusan bahawa hubungan Malaysia China akan diangkat kepada tahap *comprehensive strategic partnership*, dengan izin.

Lawatan Perdana Menteri ke negara China baru-baru dua minggu yang lalu telah menghasilkan banyak perjanjian dan beberapa persetujuan telah dicapai. Termasuklah beberapa perjanjian dipanggil peringkat G2G (*Government to Government*) dan juga B2B. Hari ini saya akan fokus kepada perjanjian B2B (*Business to Business*). Fokus soalan Langkawi ialah berkaitan RM144 bilion yang ditandatangani. Jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, RM144 bilion ini ada tiga komponen:

- (i) komponen pelaburan;

- (ii) komponen pinjaman mudah; dan
- (iii) komponen kerjasama.

Salah satu daripada perjanjian MOU ditandatangani ialah kerjasama antara MATRADE di bawah MITI dengan Alibaba. Ini adalah satu perjanjian penting, kerana pada masa ini dalam platform Alibaba sudah ada 10,000 syarikat-syarikat PKS Malaysia yang tersenarai dalam platform Alibaba. Mungkin membolehkan syarikat-syarikat menembusi pasaran luar negara-negara. Jadi itu kerjasama, tidak ada nilai pelaburan.

Kedua ialah pelaburan. Pelaburannya antaranya ialah perjanjian antara Sarawak dengan Hebei Xinwuan Steel Group melibatkan pelaburan USD2 bilion untuk melabur dalam sebuah syarikat besi di negeri Sarawak.

Ketiga ialah mengenai pinjaman murah dan ini termasuk *East Coast Rail Line* yang lebih kurang RM50 bilion. Jadi faedah-faedah yang akan didapati umpamanya untuk kereta api dari Pelabuhan Klang ke Tumpat ini membuka kerana Pantai Timur ini kawasan yang kurang maju. Jadi ia membuka peluang pekerjaan dan sebahagian besarnya untuk *freight* untuk pengangkutan barang.

Satu lagi projek umpamanya Melaka Gateway, juga akan membangunkan Melaka. Empat pulau akan di *reclaim*, akan diadakan empat pulau. Dijangka membawa peluang pekerjaan dan juga pelancongan. Jadi ia membawa faedah besar kepada negara Malaysia, pelaburan dan juga perdagangan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Dengan adanya projek-projek besar yang hebat ini, saya ingin bertanya kepada Kerajaan tidakkah ada rancangan kerajaan bagi memastikan berlakunya *transfer technology* secara sistematik daripada projek-projek yang diadakan itu. Adakah kerajaan dapat memastikan sebahagian besar daripada pekerja-pekerja teknikal dan hal *management* dalam pengurusan tertinggi syarikat itu dapat diberikan kepada rakyat Malaysia?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Pertanyaan yang pertama *transfer technology*, yang kedua ialah pengurusan dan juga kerja-kerja teknikal. *Transfer technology* ini memang sesuatu perkara kita hasratkan. Kita mendapat pelaburan, projek-projek raksasa dari luar negara termasuklah sekarang ini pembinaan MRT1. Yang Berhormat Langkawi sedia maklum sebagai pakar kereta api sebab beliau penggerusi KTM. Sekarang ini dilaksanakan MRT1 fasa 1 umpamanya. Sebagai contoh kira-kira 50 peratus daripada nilai bajet ini adalah dilaksanakan oleh

syarikat bumiputera. Ini MRT1. *Transfer technology* ini penting umpamanya kereta api ini satu sistem telekomunikasi, sistem untuk memastikan tidak berlaku pelanggaran.

Keduanya umpamanya untuk *repair and maintenance*. Banyak lagi perkara-perkara, *rolling stock* umpamanya, gerabak-gerabak kereta api. Jadi yang telah ditandatangani antara kedua-dua pihak dengan CCCC daripada China ini ialah satu *framework agreement*, rangka kasar. Jadi belum ada lagi satu *agreement*, belum ada lagi satu MOA. Jadi ini semua diperhalusi, jadi sudah pasti kerajaan akan mengambil kira pandangan Yang Berhormat Langkawi supaya dipastikan ada *transfer technology*.

Kedua, soalan Yang Berhormat Langkawi berkaitan dengan pengurusan. Sudah pasti dalam perundingan kita, apa-apa yang kita lakukan Malaysia kita mahu supaya ada penyertaan yang munasabah syarikat dan juga rakyat Malaysia. Jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini cuma rangka perjanjian *framework*, *broad overall framework* dengan izin. Ia akan diperhalusi oleh pihak-pihak berkenaan dalam tempoh terdekat. Sudah pasti pandangan-pandangan Yang Berhormat dalam Dewan ini akan diambil kira oleh kerajaan untuk memastikan Malaysia juga mendapat manfaat daripada pelaksanaan RM144 bilion projek-projek yang dilaksanakan melalui MOU yang di tandatangan di China kira-kira dua minggu yang lalu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Bharu.

#### ■1010

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan satu soalan iaitu dalam konteks polisi pelaburan dan juga perdagangan negara sekarang ini dengan negara luar, sama ada China dengan negara-negara lain. Saya ingin tahu apakah pendirian kerajaan mengenai kedudukan perjanjian TPPA ekoran daripada perubahan pentadbiran Kerajaan Amerika Syarikat dengan kemenangan Donald Trump sebagai Presiden yang kelihatannya tidak bersetuju dengan polisi Parti Demokrat sebelum ini.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Ini di luar kita punya izin Tuan Yang di-Pertua, saya jawab ya. Jadi mengikut kenyataan Presiden *elect* Donald Trump, sebelum ini memang keraslah, *very harsh statement*, dengan izin. Tetapi kita tahu bahawa beberapa pendirian beliau telah berubah umpamanya berkaitan orang-orang Islam memasuki negara Amerika Syarikat, berkaitan dengan Mexico, maknanya ada beberapa perubahan. Kalau kita baca kenyataan awal amat menakutkan tetapi hujung-hujung kita dapati bahawa dia kendur sikitlah. Jadi kita berharap ini juga akan berlaku kerana kita harus berpijak di bumi nyata. Bumi nyata ialah Amerika Syarikat ialah sebuah negara perdagangan, banyak melabur luar negara Amerika dan juga berdagang banyak negara bagi Malaysia. Amerika Syarikat merupakan rakan dagang yang ketiga terbesar.

Dasar Kerajaan Malaysia secara umumnya kita hendak berbaik dengan semua negara. Kita ada dasar ekonomi, dasar politik dan Amerika merupakan sebuah negara yang penting dalam sektor *electrical, electronic* umpamanya. Kalau pergi ke Kulim atau Pulau Pinang ke Shah Alam ke Johor, banyak syarikat Amerika terlibat dalam sektor *electrical, electronic*. First Solar umpamanya, di Kulim ialah sebuah syarikat yang terbesar berkenaan solar dalam dunia. Mempunyai pekerja empat hingga lima ribu orang, Amerika Sport keluarannya. Jadi ini pelaburan Amerika, contoh *Western Digital* di Pulau Pinang, beberapa syarikat Amerika, Intell sebagai contoh. Ini antara syarikat yang sudah pun kita jangka dasar mereka akan terus terbuka. Walaupun sudah pasti akan ada perubahan dasar. Tetapi pada pandangan saya, perubahan-perubahan ini tidaklah radikal dan kita rasa hubungan Malaysia dengan Amerika akan terus mantap.

Mengenai TPP yang menjadi persoalan Yang Berhormat Kota Bahru, seperti yang saya sebut di luar Dewan semalam, sudah pasti kita kena buat dengan izin, *stock taking*. Kita dalam minggu depan Menteri-menteri APEC akan bertemu di Peru dan saya dijangka menghadiri mesyuarat tersebut juga dan salah satu agenda yang kita bincangkan ialah TPP. Kerana TPP ini, 12 buah negara daripada 21 negara APEC. Kami semua negara APEC dan kami akan bertemu. Jadi pada pandangan Malaysia, kita tidak berganjak pendirian kita, kita rasa TPP berfaedah secara keseluruhan untuk Malaysia, ada kos *benefit* tetapi keseluruhannya ada kos faedah, ada *benefit*. Jadi *insya-Allah* kita akan maklumkan Dewan ini bila tiba masanya. Terima kasih.

**2. Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berikutkan insiden kemalangan maut di Bandar Baru Bukit Raja, Klang pada 4 November 2016 akibat daripada ancaman cerucuk besi di kawasan tapak pembinaan:

- (a) apakah punca kemalangan dan tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa; dan
- (b) bagaimana cara untuk mengelakkan daripada perkara sebegini berulang lagi.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof]:** *Bismillahir Rahmaniir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya memandang serius aspek kemalangan di tapak pembinaan di negara ini. Ini kerana sebarang insiden kemalangan berlaku di tapak pembinaan khususnya di tapak-tapak pembinaan berisiko tinggi boleh membawa kejadian yang tidak diingini kepada orang awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu insiden kemalangan di tapak pembinaan ialah isu bersilang kementerian dan agensi kerajaan.

ia melibatkan bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia melalui Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Kementerian Kerja Raya iaitu Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994, Akta Pendaftaran Jurutera 1967, Akta Arkitek 1967 dan Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967. Juga Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, melalui beberapa akta yang berkaitan bidang kuasa pihak berkuasa tempatan.

Mengenai insiden kemalangan maut akibat insiden keruntuhan mesin cerucuk yang berlaku pada 4 November 2016 lalu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemalangan itu berlaku di tapak Seksyen 5, Projek Lebuhraya Persisiran Pantai Barat, Taiping Banting, iaitu di Persiaran Astana Bandar Bukit Raja, Klang. Hasil pemerhatian di tapak dan maklumat daripada Ketua Jurutera tempatan projek, mendapati sebuah mesin cerucuk telah terbalik semasa jentera tersebut beralih ke lokasi pemasangan cerucuk di jambatan yang merentangi Jalan Persiaran Astana iaitu dengan izin, *Bridge number S5-1*.

Berdasarkan laporan awal, punca kejadian berkemungkinan disebabkan oleh pergerakan mesin cerucuk yang terkeluar daripada *plate* besi pengalas mesin lalu terbenam dan terbalik. Akibat daripada impak tersebut, mesin cerucuk itu telah menghempap sebuah kereta milik awam dinaiki oleh seorang lelaki dan seorang perempuan yang kebetulan dari kawasan tersebut. Kedua-duanya mangsa meninggal dunia di tempat kejadian. Kita ucapkan takziah kepada keluarga mangsa. Walau bagaimanapun, punca sebenar kejadian ini masih lagi sedang disiasat oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan juga Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan daripada CIDB akan dilaksanakan mengikut Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 iaitu Akta 520. Mengikut pindaan Akta 520 yang telah berkuat kuasa mulai 1 Jun 2015, terdapat satu seksyen khusus berkaitan kewajipan kontraktor. Ia merujuk kepada seksyen 34B(1), berhubung tanggungjawab kontraktor pembinaan untuk memastikan keselamatan bangunan dan kerja pembinaan. Manakala seksyen 34C(1) pula memperuntukkan penalti tidak melebihi RM500,000 terhadap pihak kontraktor yang telah disabitkan kesalahan. Di bawah seksyen 34D, memperuntukkan penalti tidak melebihi RM500,00 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali kepada kontraktor yang cuai sehingga menyebabkan berlaku kematian.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Apakah tindakan yang diambil ke atas syarikat kontraktor yang terlibat dan juga adakah kementerian bercadang untuk

menyenarai hitamkan kontraktor yang terlibat dan juga adakah apa bentuk pampasan yang akan diberi kepada mangsa kemalangan itu? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa pertama sekali tindakan yang diambil ialah untuk menutup tapak pembinaan untuk tujuan siasatan. Siasatan akan dibuat di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu *Department of Safety and Health*. Bila disabitkan kesalahan, maka kontraktor boleh diambil tindakan. Tadi saya sudah katakan, peruntukan di bawah undang-undang yang boleh kita ambil tindakan bergantung dengan hasil siasatan sama ada untuk didakwa di mahkamah dan bila disabitkan, boleh dihukum sama ada denda ataupun penjara. Itu yang saya katakan tadi. Untuk kontraktor pula, sama ada kontraktor ataupun subkontraktor, kalau mereka disabitkan, maka mereka boleh diambil tindakan untuk disenarai hitamkan di bawah Akta CIDB dari penyenaraian sebagai kontraktor. Senarai hitamkan, *suspended* dan sebagainya ada proses.

Apa yang kita lakukan juga kalau kita melihat pada keadaan sekarang ini, manapun kontrak, tidak kira swasta atau kerajaan, mereka wajib mengambil perlindungan insurans. Kalau berlaku kemalangan, maka insurans akan bertanggungjawab untuk membayar segala tuntutan diakibatkan kemalangan, sama ada kematian ataupun kecederaan. Pada masa ini, saya tahu syarikat konsesi iaitu kontraktor yang terlibat juga sudah melawat waris dan itu antara mereka dan waris. Tapi dari segi perundangan, insurans memang ada.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas penjelasan yang tepat, jelas. Saya juga ingin mengucapkan takziah kepada mangsa keluarga. Soalan pertama saya ialah kena-mengena dengan pemandu kren pada hari tersebut. Adakah beliau telah ditahan dan disoal siasat dan siapakah kontraktor yang telah membekalkan kren tersebut. Sebab itu berbeza daripada kontraktor utama. Kedua adalah dua akta yang disebut oleh Yang Berhormat dan tiga akta yang disebut oleh Yang Berhormat adalah pada tahun 1994 dan tahun 1967. Agak ketinggalan dengan situasi masa kini. Adakah kerajaan bercadang untuk membawa akta-akta ini dengan kemas kini kan mengikut keadaan semasa? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof:** Untuk tujuan ini sebenarnya, untuk tujuan kemalangan di tapak pembinaan, kita dulu telah menubuhkan *a team of expert panel* daripada agensi kerajaan, sama ada negeri maupun Persekutuan dan juga *profesional bodies and industry*. Daripada itu mereka telah membuat *recomendation* dan salah satu *recomendation* ialah banyak senarai perundangan yang melibatkan sektor pembinaan.

**■1020**

Bukan sahaja yang saya katakan tadi. Keseluruhannya ada lebih kurang 23 yang juga dalam bidang kuasa *local authorities*, dengan izin. Dan ini kita perlu lihat bahawa kebanyakan undang-undang ini agak terkebelakang dan perlukan pindaan. So, salah satu rekomendasi ialah untuk membuat pindaan kepada undang-undang ini.

Kedua, banyak jugalah *recommendations*. Misalnya daripada segi *safety and health officers*. Sekarang ini tidak ada peruntukan kalau sesuatu kontrak itu untuk kita lantik *safety and health officers*, kecuali projek-projek— kalau kerajaan— projek yang melebihi RM20 juta, maka mereka wajib ada *safety health and officers*. Kita hendak melihat bahawa sekarang ini *safety and health officers* selain daripada yang dilantik oleh kontraktor, kita juga melihat ada rekomendasi bahawa kita ada lantikan *the third party* yang akan *certify and verify* sama ada apa yang dilaksanakan oleh mereka mematuhi kehendak dari sudut keselamatan dan kesihatan. Ini banyak rekomendasi yang telah dibuat dan kita komited untuk sentiasa menambah baik kesemua aspek sudut keselamatan dan kesihatan di tapak pembinaan.

Akan tetapi yang lebih penting bukan sahaja daripada segi penguatkuasaan tetapi juga untuk melibatkan *industry players* khususnya dan juga semua pihak berkepentingan supaya kita mematuhi pada *standard of operating procedure*, dan salah satu yang diperkenalkan di bawah CIDB ialah apa yang dikatakan SHASSIC iaitu *Safety and Health Assessment System* untuk kontraktor ini kalau mereka ikut kaedah ini, *insya-Allah*, mereka akan mematuhi semua SOP berhubung kait dengan *safety and health* di tapak pembinaan.

**3. Datuk Raime Unggi [Tenom]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan seperti yang kita sedia maklum bahawa perang saudara di Syria yang bermula sejak tahun 2011 masih lagi berlarutan sehingga kini dan tiada sebarang petunjuk akan penyelesaian dan pendamaian kepada konflik ini. Selaku wakil Malaysia di arena antarabangsa, saya ingin memohon pandangan Menteri Luar Negeri berkenaan perkara ini.

**Menteri Luar Negeri [Dato' Sri Anifah bin Haji Aman]:** *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tenom yang telah pun mengemukakan soalan ini.

Seperti yang kita sedia maklum, Malaysia sesungguhnya sangat peka dan prihatin dengan krisis yang berlaku di Syria yang telah pun berlanjutan lebih daripada

lima tahun dan mengorbankan ratusan ribu nyawa rakyat Syria. Konflik dalaman negara berkenaan juga tidak menampakkan jalan penyelesaian dalam masa yang terdekat ini. Selain daripada itu, kuasa-kuasa besar dunia juga tidak menemui jalan pendamaian dalam menangani konflik ini dan usaha-usaha gencatan senjata juga gagal dilaksanakan.

Sehingga kini, dianggarkan lebih daripada empat juta rakyat Syria yang telah menjadi pelarian di negara-negara jiran seperti Lubnan, Turki, Iraq dan juga Jordan. Sementara itu, dianggarkan lebih daripada enam juta rakyat Syria menjadi pelarian di negara sendiri.

Pihak bantuan kemanusiaan antarabangsa juga menghadapi pelbagai masalah untuk menghantar bantuan kemanusiaan ke dalam negara berkenaan dan pernah diserang oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sejak bulan September 2016, serangan ke atas semua kubu pemberontak telah pun dipertingkatkan oleh tentera pakatan ekoran kegagalan perjanjian gencatan senjata yang diterajui oleh Rusia dan Amerika bermula pada 12 September hingga ke 19 September 2016.

Pada ketika ini, bandar Aleppo iaitu merupakan bandar terbesar di Syria dan terletak berhampiran dengan sempadan Turki sedang menghadapi serangan udara yang begitu sengit di setiap penjuru daerah bandar tersebut oleh tentera Rusia dan Syria dalam usaha mereka untuk mengusir dan menghapuskan kumpulan pemberontak.

Terdapat laporan yang menyatakan bahawa bom pemusnah kubu bawah tanah ataupun *bunker busting bomb* telah digunakan dalam serangan terhadap kejiranan Bustan al-Qasr di timur Aleppo yang dikuasai oleh pemberontak. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tenom.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia selaku *Non Permanent Members Security Council* di PBB. Saya ingin bertanya, Tuan Yang di-Pertua, apakah perkembangan yang terbaru tentang isu Syria ini di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu PBB? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Anifah bin Haji Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Ingin saya maklumkan bahawa pada 8 Oktober yang lalu, Majlis Keselamatan PBB telah pun menerima draf usul yang telah pun diusulkan oleh Perancis dan Sepanyol dan juga Rusia.

Draf usul yang dikemukakan oleh Perancis dan Sepanyol menyeru agar serangan udara di Aleppo dan juga serangan udara di ruang negara Aleppo itu dihentikan serta-merta. Draf usul ini telah menerima jumlah undian yang diluluskan.

Walau bagaimanapun, Rusia telah menggunakan kuasa veto mereka dan ia tidak menghasilkan apa-apa persetujuan.

Usul Rusia pula adalah tidak mengandungi elemen-elemen di antaranya memberhentikan serangan udara di Aleppo. Malaysia tidak menyokong dengan draf usul yang telah dikemukakan oleh Rusia.

Pada 11 Oktober juga, *Saudi Arabia* telah mengemukakan sepucuk surat kepada Presiden Perhimpunan Agung PBB dan Setiausaha Agung PBB menyeru agar masyarakat antarabangsa memikul tanggungjawab dan mencari apa juga jalan penyelesaian untuk rakyat Syria.

Pada 13 Oktober yang lalu, Kanada juga telah pun menyuarakan agar satu perhimpunan pleno diadakan di perhimpunan agung yang lalu dan ia untuk mencari juga pelan penyelesaian yang berlaku di sini. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya ingin bertanya, berapa pelarian Syria itu telah dibenarkan masuk ke negara ini? Adakah Yang Berhormat tahu bahawa ramai di antara orang Malaysia pun pergi ke Syria untuk terlibat dalam perang di sana? Apakah tindakan yang diambil untuk mengelak mereka pergi ke Syria?

**Dato' Sri Anifah bin Haji Aman:** Yang Berhormat sedia maklum bahawa pada Perhimpunan Agung PBB yang ke-70, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun menyarankan Malaysia sedia menerima 3,000 pelarian dalam jangka masa tiga tahun. Setakat ini, kita telah pun menerima 78 pelarian di Malaysia dan kita anggarkan bahawa dalam masa terdekat dalam tahun 2016 ini, kemungkinan kita akan menerima 500 pelarian daripada Syria. Soalan kedua Yang Berhormat apa ya?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dari Malaysia yang pergi ke Syria dan terlibat dalam perang saudara. Apakah tindakan?

**Dato' Sri Anifah bin Haji Aman:** Ini telah pun dijawab oleh Menteri Dalam Negeri dalam sesi Parlimen, langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri untuk supaya mereka ataupun rakyat Malaysia tidak pergi ke negara-negara Iraq, Turki dan lain-lainnya.

Saya percaya bahawa *counter-narrative* yang telah kita laksanakan juga untuk menyelidiki apakah sebenarnya penarikan rakyat-rakyat Malaysia yang hendak pergi ke Syria dan Iraq untuk menjadi *foreign fighters* dan langkah-langkah yang kita ambil setakat ini *alhamdulillah*, telah pun kita dapat membendung masalah yang kita hadapi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi pertanyaan-pertanyaan Menteri berakhir.

**[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

## **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Sri Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan keupayaan pelajar yang mengambil kursus diploma kolej vokasional daripada aspek peluang melanjutkan pendidikan ke peringkat universiti awam, penawaran kerja sebagai pekerja berkemahiran tinggi serta peluang sebagai seorang usahawan muda yang berkemahiran tinggi.

**■1030**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Yang di-Pertua, Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) bermatlamatkan melahirkan tenaga kerja separuh mahir dan mahir serta mencorakkan landskap baru kepada sistem pendidikan yang berteraskan pencapaian kompetensi kemahiran dan akademik. Matlamat Transformasi Pendidikan Vokasional dapat dicapai melalui pengoperasian kolej vokasional Kementerian Pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan matlamat ini dicapai, Kementerian Pendidikan Malaysia diberi tanggungjawab untuk melatih pelajar seawal usia dalam bidang vokasional ke arah pembangunan negara yang mampan. Kolej vokasional diberi mandat untuk menawarkan program sehingga ke peringkat diploma untuk memenuhi hasrat di bawah Transformasi Pendidikan Vokasional. Diploma vokasional yang dianugerahkan kepada pelajar adalah diploma yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan mendapat akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia dan juga Jabatan Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia.

Sasaran keberhasilan, dengan izin, *outcome* lepasan Diploma Vokasional Malaysia ialah 70 peratus terus bekerja di industri dalam bidang yang dipelajari, 20 peratus menyambung pelajaran dan 10 peratus menjadi usahawan. Setakat ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 74.8 peratus pelajar lulusan Diploma Vokasional Malaysia yang bergraduat pada 24 Ogos 2016 telah mendapat pekerjaan di sektor industri dan swasta seluruh negara. Ini jelas menunjukkan bahawa lepasan ataupun graduan kolej vokasional telah mendapat pengiktirafan dalam kalangan pemain industri manakala 71 orang bekas pelajar kolej vokasional yang telah menjadi usahawan.

Bagi lepasan Diploma Vokasional Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, MQA telah meluluskan dua laluan iaitu laluan *Accreditation of Prior Experiential Learning*ataupun APEL dengan izin, dan laluan khas bagi pelajar

yang memperoleh Sijil Vokasional Malaysia (SVM) yang mencapai penyetaraan tiga kredit SPM. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Peruntukan RM4.6 bilion untuk memperkasakan institusi TVET perlu digunakan sebaik mungkin. Bukan sahaja untuk pembangunan prasarana dan infrastruktur dan fasiliti lebih bersifat fizikal, malah untuk pembangunan profesionalisme pelajar, pelatih dan juga pekerja.

Soalan tambahan saya, menyentuh mengenai kualiti graduan TVET, saya difahamkan kumpulan pertama graduan TVET sudah menerima diploma mereka baru-baru ini. Berapa jumlah peratusan graduan TVET kolej vokasional dan yang memohon ke peringkat IPT? Setakat mana, usaha kerajaan sendiri dalam memperbanyakkan bahan ilmiah dalam bidang TVET agar Malaysia mampu menjadi hab pendidikan teknik dan latihan vokasional serantau? Terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Paya Besar telah membangkitkan dua isu. Satu, berapa pelajar yang telah melanjutkan pelajaran, kohort yang telah dilaksanakan dan daripada aspek bahan-bahan ilmiah.

Yang Berhormat, berdasarkan sasaran 20 peratus graduan KV yang melanjutkan pengajian tinggi, sehingga kini sebanyak 8 peratus daripada graduan kolej vokasional, kohort pertama berminat memohon ke IPT 8 peratus daripada sasaran 20 peratus.

Daripada aspek bahan ilmiah, Kementerian Pendidikan Malaysia untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sentiasa memberi tumpuan kepada melengkapkan bahan sumber pendidikan bagi keperluan bidang TVET di kolej vokasional dan antara usaha yang telah dilaksanakan ialah dengan pertama, kerjasama pembinaan bahan ilmiah bersama dengan universiti teknikal seperti Universiti Malaysia Pahang. Kedua, menginisiatifkan perolehan bahan ilmiah dari luar negara seperti di Institute of the Motor Industry (IMI), United Kingdom. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Memandangkan ibu bapa dan calon-calon pelajar tidaklah berapa berminat sektor vokasional. Apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan untuk membuat atau memastikan mereka yang keluar lebih sesuai, dapat kerja-kerja yang lebih baik seperti terdapat di Jepun dan juga di Jerman iaitu dengan izin, *they are targeted for most specific sector with current and near future demand.* Itulah untuk memberi elevated status to the vocational school graduates. Terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat, seperti mana Yang Berhormat mengatakan sebentar tadi, mungkin pada yang tidak begitu minat pada pendidikan vokasional. Saya ingin membetulkan persepsi tersebut Yang Berhormat. Untuk maklumat Yang Berhormat, kita ada hampir 100,000 pelajar-pelajar lepasan PT3 yang minat menceburii bidang vokasional ini, hampir 100,000 dan jumlah pelajar-pelajar yang menduduki PT3 ialah 430,000. Dengan fasiliti yang ada buat masa ini, kita hanya dapat menempatkan hampir 23,000 walaupun 100,000 pelajar meminati bidang ini. Kita ada keperluan dan kita cuba melaksanakan dan hanya ada 80 kolej vokasional di seluruh negara yang dapat menampung pelajar-pelajar ini.

Walau bagaimanapun, betul apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu. Kita perlu mengambil langkah-langkah untuk memastikan lebih ramai lagi dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita juga bekerjasama dengan syarikat-syarikat, bukan sahaja syarikat tempatan malah syarikat-syarikat di luar negara. Contoh, Ford, Honda, Tan Chong dan juga Projek *LINK* Shell pelajar-pelajar ini ditempatkan di sana dan mereka juga dapat pekerjaan di sana.

Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif-inisiatif pelbagai aspek untuk mempromosikan bidang vokasional ini dan juga menempatkan kaunselor-kaunselor di sekolah menengah juga diberi pengetahuan yang terperinci dan juga komuniti-komuniti juga menganjurkan pelbagai program untuk mempromosikan bidang vokasional. Contoh, daripada pihak saya sendiri, kita telah menganjurkan satu program yang dipanggil *MINDER* untuk pelajar-pelajar di bandar dan luar bandar, memberikan maklumat tentang betapa pentingnya dan keperluan pelajar-pelajar di kolej vokasional ini. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Tuan Wong TienFatt @ Wong NyukFoh [Sandakan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan analisis kementerian mengapa kes jangkitan Tuberculosis di Sabah adalah tertinggi di seluruh negara. Apakah punca tersebut dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah tersebut.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana bertanya soalan berkaitan dengan penyakit Tuberculosis di negeri Sabah.

Bilangan kes tibi yang dilaporkan di Sabah telah meningkat daripada 3,728 pada tahun 2010 kepada 4,464 kes pada tahun 2015. Ini ialah satu peningkatan sebanyak

91.7 peratus dalam lima tahun dan 30 peratus daripada jumlah kes yang dilaporkan ada di dalam kalangan bukan warganegara. Pada tahun 2016 sampai bulan Jun tahun ini, sejumlah 2,432 kes telah dilaporkan di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan kes tibi ini adalah hasil daripada usaha gigih yang telah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Kesihatan Negeri Sabah dalam pengesanan kes-kes baru. Aktiviti pengesanan kes tibi adalah melalui beberapa program saringan pesakit yang ber-*symptomatic* yang mempunyai *contact* kepada pesakit tibi dan golongan yang mempunyai berisiko tinggi.

#### ■1040

Melalui aktiviti ini, bilangan pesakit yang disaring untuk penyakit tibi telah meningkat daripada 35,000 pada tahun 2010 kepada 113,000 pada tahun 2015. Peningkatan ini telah membantu kementerian untuk mengesan kes-kes baru ini dan ialah sebab mengapa kita nampak jumlah kes yang dilaporkan ialah lebih tinggi. Kementerian telah meningkatkan usaha saringan ini melalui pelbagai jenis langkah. Salah satu daripadanya pada masa sekarang selain daripada kemudahan-kemudahan kesihatan yang ada di negeri Sabah daripada hospital, klinik dan klinik desa.

Kita telah menambahkan kemudahan dengan membekalkan satu *mobile x-ray bus* yang pergi ke beberapa tempat pedalaman di dalam kawasan negeri Sabah untuk membantu di dalam proses saringan dan pengesanan. Tambahan unit x-ray telah diletakkan beberapa kemudahan kesihatan. Selain daripada itu, kita telah meningkatkan mutu, cara pemeriksaan melalui mikroskopi yang dijalankan oleh klinik-klinik kesihatan negeri Sabah untuk membantu pegawai-pegawai kita mengesan tibi secara lebih senang. Melalui aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan ini jumlah kes ini telah tambah kerana kerajaan telah berjaya untuk mengesan kes-kes yang sebelumnya mungkin tidak dikesan. Terima kasih.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Yang Berhormat Menteri, soalan saya tadi Menteri ada menjawab dengan terperinci apa langkah-langkah yang telah diambil. Akan tetapi masalahnya ini beberapa tahun ini setiap tahun tibi cases Sabah yang meningkat. Walaupun kementerian sudah mengambil langkah bagaimana mengawalnya. Jadi, saya punya pandangan, saya tidak tahu kementerian Menteri setuju atau tidak, salah satu perkara sebab peruntukan tidak mencukupi untuk melengkapkan kita punya *facility* hospital.

Seperti yang saya sudah hujah dalam saya punya peringkat dasar, Sandakan Duches of Kent Hospital. Masalah-masalah begitu banyak *operation theater* dua tahun belum lagi siap, lif tiga pun baru pasang satu, ambulans baru ada satu yang jalan. Ini

disebabkan tidak ada peruntukan yang turun untuk membaiki atau meningkatkan *facility*. Jadi, soalan saya juga tahun 2017 kita nampak Kementerian Kesihatan ada RM2.5 bilion peruntukan. Jadi, berapakah akan agih kepada Sabah, khasnya Sandakan? Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini secara langsung tidak berkaitan dengan penyakit tibi dan kemudahan yang telah disediakan. Di negeri Sabah untuk membuat saringan terhadap penyakit tibi. Secara lebih menyeluruh, kementerian memberi tumpuan kepada semua negeri di dalam meningkatkan kemudahan perkhidmatan kesihatan yang tersedia ada, termasuk negeri Sabah. Saya akan memberi butiran, mungkin pada masa Jawatankuasa, berkaitan dengan jumlah hospital dan klinik-klinik yang akan mendapat peruntukan pada tahun ini dan berapakah peratusan yang diberi kepada negeri Sabah.

Dalam perkara meningkatkan banyak yang kemudahan kita sudah tambah di negeri Sabah dan ini adalah satu proses yang berterusan. Saya menerima hakikat bahawa ada kekurangan-kekurangan di beberapa kemudahan yang ada. Itu bukan sahaja di dalam negeri Sabah tetapi di dalam negeri-negeri yang lain pun ada masalah itu juga. Oleh kerana ini ialah peruntukan yang diterima oleh kementerian, kita kena mengagihkan kepada seluruh negara kepada lebih daripada 3,000 klinik dan 148 hospital.

Keperluan-keperluan memang tinggi dan jumlah pesakit yang datang kepada kemudahan kesihatan banyak. Negeri Sabah ditambah dengan isu warga asing yang ada di dalam, khususnya di kawasan Timur Sabah. Di mana hospital daripada Sandakan ke Semporna, kita dihadapi dengan isu ini di mana satu jumlah daripada mereka yang datang untuk menggunakan kemudahan kita ialah mereka yang datang warga asing. Kita menghadapi semua isu ini dan cuba menyelesaikan ini secara berapa banyak yang boleh dengan peruntukan yang sedia ada yang telah dibekalkan oleh kerajaan kepada kementerian. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Rentetan daripada persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Sandakan. Menyedari hakikat bahawa penambahan pesakit dalam *tuberculosis* ini di peringkat negeri Sabah amat ketara. Berapa jumlah daripada pesakit ini yang telah membawa maut?

Di samping itu, kedua, persoalannya menyedari hakikat ada penambahan pesakit, peningkatannya. Juga persoalan daripada segi kemudahan di peringkat negeri Sabah ini, ini yang membimbangkan. Sedar tidak Yang Berhormat Menteri, saya tahu keperluannya amat mendesak di semua kawasan. Akan tetapi kita juga menyedari

hakikat, khususnya kemudahan kesihatan di peringkat luar bandar ini amat mendesak sangat.

Saya bagi contoh macam di Tawau. Tawau merupakan satu pusat hospital yang menjadi kawasan untuk *feeder* kepada Hospital Semporna, Kunak, Lahad Datu yang berhampiran. Bila mana *specialist* tidak mencukupi, bawa ke Tawau. Di Tawau pula, kalau tidak ada kepakaran yang mencukupi, bawa ke Kota Kinabalu. Saya difahamkan di Tawau contohnya, bila ada pesakit, tidak tahu *tuberculosis* ataupun berbagai pesakit yang terpaksa tidak mampu hendak dirawat di Tawau, hantar ke Kota Kinabalu. Keadaan pada hari ini, hospital itu tidak mampu hendak bawa pesakit daripada Tawau ke Kota Kinabalu pun untuk mendapat rawatan. Saya difahamkan hospital ini berhutang RM100,000 lebih oleh kerana tidak ada kewangan mencukupi untuk membawa pesakit. Ini membabitkan tentang nyawa manusia.

Saya ingat saya harap sungguh walaupun terdesak sangat keperluan ini merata di seluruh negara. Di Semenanjung banyak kemudahan kalaupun tidak swasta ada, Klinik-klinik 1Malaysia pun agak banyak tetapi di Sabah dan Sarawak ini agak jauh terpencil. Kalau ada hospital yang seperti di Tawau, jarak jauhnya *one and half hour*. Kalau ada yang *heart attack on the way* memang, dengan izin, dah pun meninggal dunia. Ada kes seumpama itu. Jadi, saya berharap sungguh keprihatinan pihak Kementerian Kesihatan, khususnya di luar bandar ini, khususnya di Sabah akan dapat perhatian yang lebih daripada pihak Kerajaan Pusat. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Seperti Ahli Yang Berhormat pun maklum, bahawa pada satu ketika dahulu kita telah membuat lawatan kepada Tawau, termasuk ke Semporna dan kepada pulau-pulau yang berhampiran dengan Semporna dan kemudahan-kemudahan kesihatan yang telah disediakan. Di dalam kawasan Semporna, dalam satu pulau kita telah menyediakan satu klinik kesihatan yang begitu cantik. Walaupun jumlah penduduk yang ada di situ tidak berapa banyak. Ketika lawatan saya, saya telah pun beritahu Ahli Yang Berhormat sebagai Ahli Parlimen kawasan itu. Bahawa ada kebolehan untuk meningkatkan lagi peluang-peluang perkhidmatan yang boleh disampaikan kemudahan yang telah disediakan.

Untuk meningkatkan mutu perkhidmatan di Hospital Tawau pada tahun 2016 dan tahun 2017, kementerian telah memberi peruntukan khusus. Ini kerana di dalam lawatan saya, lawatan Ketua Setiausaha Negara, kita telah mengenal pasti beberapa kekurangan yang kena dinaik taraf. Peruntukan ini disediakan supaya keperluan yang ada di Hospital Tawau ini dipertingkatkan secara berfasa untuk menunaikan keperluan ini. Kementerian sedang mengambil semua langkah-langkah yang boleh untuk

meningkatkan jumlah doktor pakar yang ditempatkan di Hospital Tawau ini berlaku secara berterusan. Akan tetapi kadang-kadang doktor meletakkan jawatan atau akibat daripada kenaikan pangkat, mereka dipindahkan ke kawasan yang lain.

Perkara-perkara itu ialah satu yang berlaku secara biasa dalam sistem. Dengan mengambil kira semua kekangan ini, tujuan kementerian ialah untuk memastikan bahawa perkhidmatan di Sabah ditingkatkan supaya mutunya secara bersama seperti yang ada di dalam Semenanjung Malaysia. Terima kasih.

#### ■1050

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan pendapat ataupun kenyataan Yang Berhormat Semporna tadi. Saya amat merasakan penyakit Tibi ini bukan sahaja menular di Sabah tetapi juga di Sarawak.

Soalan tambahan saya, apakah badan-badan bukan kerajaan yang telah menjalin kerjasama dengan pihak kementerian dalam membanteras penyakit Tibi ini daripada menular? Apakah usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk menarik lebih banyak badan-badan bukan kerajaan untuk turut serta dalam kerjasama ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, kerjasama dengan pihak-pihak sukarelawan seperti *Malaysian Tuberculosis Society* ialah satu perkara yang dibuat secara berterusan. Kementerian mempunyai perhubungan yang begitu baik dengan semua NGO yang melibatkan diri di dalam aktiviti ini. Apa yang kita mengharapkan kepada mereka ialah mereka meningkatkan kesedaran di dalam kalangan rakyat supaya lebih banyak orang akan datang untuk mendapat saringan kalau mereka ada simptom-simptom atau tanda-tanda yang menunjukkan bahawa ada kemungkinan mereka ada penyakit Tibi.

Saya mahu menjelaskan satu perkara. Peningkatan kes Tibi ialah satu isu yang bukan terhad kepada negara kita sahaja, ini ialah satu isu global. Dalam 20 tahun kebelakangan ini, jumlah kes di seluruh negara di dalam dunia ini sudah meningkat. Di dalam mengambil kira perkara ini, kita bertuah di dalam negara kita, di dalam Malaysia kita mempunyai satu sistem yang begitu terancang untuk membuat saringan dan memberi rawatan. Contohnya sistem untuk mengawal tibi ialah di dalam beberapa peringkat daripada kementerian, di peringkat negeri, di peringkat daerah sampai ke klinik-klinik di peringkat akar umbi termasuk klinik kesihatan dan klinik desa.

Kita juga mempunyai pegawai-pegawai yang telah dilatih, mempunyai kemahiran untuk membuat saringan. Kemudahan-kemudahan disediakan di banyak tempat ini termasuk klinik-klinik kesihatan di mana ada kemudahan x-ray dan kebolehan untuk

membuat pemeriksaan kahak contohnya. Pada tahun yang lalu kita sudah berjaya untuk buat pemeriksaan kahak kepada lebih daripada setengah juta rakyat Malaysia. Ini semua kelebihan yang kita ada di dalam negara kita kerana ada kemudahan yang begitu meluas, ada mereka yang mempunyai kemahiran yang begitu banyak dan itu yang membolehkan kita menjalankan saringan kepada satu jumlah rakyat yang begitu besar.

Ini tidak boleh dilakukan di negara-negara yang lain yang tidak mempunyai kemudahan-kemudahan macam ini. Ini ialah satu contoh di mana perkembangan perubatan di dalam negara kerana sudah mencapai satu tahap yang begitu tinggi, kita sudah meningkatkan saringan. Apabila kita telah meningkatkan saringan, jumlah kes yang boleh dikesan ini meningkat. Itu perkara yang baik walaupun nampak jumlah kes naik tetapi itu bermaksud kes yang tidak dirawat akan kurang dan ia akan mengurangkan jumlah kes yang ada di dalam masyarakat. Terima kasih.

**3. Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah kementerian merancang untuk menyelaraskan sistem pangkalan data polis supaya laporan polis boleh difailkan di semua balai dan mangsa tidak perlu berulang-alik beberapa balai bagi memberi keterangan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis Diraja Malaysia telah memperkenalkan sistem pengaduan atau *report police* secara berpusat.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Seriuslah. Iaitu *police reporting system* di seluruh negara yang berasaskan web dan juga mempunyai pangkalan data di Bukit Aman. Melalui sistem ini, semua *report* polis boleh dibuat di mana-mana balai polis di seluruh negara tanpa mengira di mana tempat kejadian itu berlaku kecuali laporan yang melibatkan kemalangan jalan raya iaitu di bawah sistem *one reporting* yang hanya berfungsi di Semenanjung sahaja setakat ini.

Ini bermaksud pengadu diberi kemudahan untuk membuat apa-apa *report* polis di mana-mana balai di seluruh negara tanpa perlu hadir ke balai polis di mana tempat kejadian itu berlaku. Pengadu juga boleh mendapatkan satu salinan *report* dan memberikan percakapan beramaran iaitu *caution statement* dengan izin, kepada pegawai penyiasat di balai berkenaan. Semua kemudahan yang diberikan ini hanya bagi kes-kes yang tidak memerlukan siasatan lanjut dan tidak melibatkan prosiding

mahkamah. Kalau ia memerlukan kedua-dua perkara ini, maka pengadu perlu diambil *statement* kembali di tempat kejadian berlaku.

Walau bagaimanapun, bagi kes-kes yang memerlukan siasatan lanjut untuk mendapatkan bukti-bukti dan keterangan untuk melengkapkan siasatan serta untuk tujuan pendakwaan di mahkamah, pengadu perlu hadir di balai polis di mana tempat kejadian itu berlaku kerana ianya tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah yang mengendalikan perbicaraan tersebut. Kementerian Dalam Negeri dan PDRM memberikan jaminan bahawa jika terdapat anggota yang bertugas di mana-mana balai polis yang enggan menerima *report* atau meminta pengadu membuat *report* di balai di mana tempat kejadian berlaku, tindakan tatatertib dan juga tindakan yang tegas akan diambil terhadap anggota yang berkenaan sehingga di boleh buang kerja.

Pengurusan PDRM telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran Bilangan 13/2004 yang memperincikan proses kerja berkaitan kemudahan ini. Sekiranya orang ramai mempunyai maklumat-maklumat mengenai keingkaran anggota polis yang enggan menerima laporan polis, bolehlah membuat aduan ke Cawangan Pengurusan Aduan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) di dalam Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAAs PDRM) melalui laman web [rmp.spab.gov.my](http://rmp.spab.gov.my) atau diemelkan kepada [ispaaapdrm@rmp.gov.my](mailto:ispaaapdrm@rmp.gov.my) atau melalui talian bebas tol bernombor 1800-880-222. Terima kasih.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Buah-buahan Malaysia sedap-sedap belaka,  
Durian, langsat, cempedak dan rambutan,  
Penerangan Datuk Timbalan Menteri akan saya sampaikan kepada rakyat jelata,  
Izin saya menyoal pertanyaan tambahan.*

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sejak bila Yang Berhormat Tebrau jadi seorang poet ini?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini kalah Yang Berhormat Kepong ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya oleh kerana saya difahamkan bahawa sebelum itu ada cadangan hendak membenarkan orang ramai membuat laporan polis secara atas talian. Jadi saya hendak tanya, adakah kementerian bercadang untuk melaksanakan laporan polis atas talian itu dalam masa yang terdekat? Kalau ada, agaknya bila? Sekian, terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Tebrau, sekali lagi dengan pantun beliau. Maklumlah beliau merupakan seorang bekas guru besar di daerah Johor Bahru yang terkenal dengan pantun dia. [Ketawa] Jadi untuk jawapan kepada soalan Yang Berhormat tadi, sebenarnya pihak polis sedang membuat *pilot project* di bawah inisiatif *modern policing* dengan izin, iaitu untuk melebarkan lagi cara membuat laporan polis secara *online*. Maknanya pengadu tidak perlu lagi datang ke balai polis untuk membuat laporan polis.

#### ■1100

Laporan polis ini boleh dibuat daripada *mobile phone* ataupun daripada komputer di rumah pun ia akan dipermudahkan. Masalahnya, sekarang ini ada perbincangan di antara pejabat Peguam Negara dan juga pihak polis mengenai cara untuk menandatangani laporan polis tersebut. Kalau dibuat dengan cara kertas, kita boleh menurunkan tandatangan dengan pen tetapi dalam cara *online*, atas talian dengan izin, satu mekanisme perlu dibentuk untuk menurunkan tandatangan dan memberikan kesahihan kepada laporan polis itu menurut peraturan ataupun undang-undang yang sedia ada.

Jadi, perbincangan ini saya rasa sedang berjalan dan akan dimuktamadkan tidak lama lagi. Sekiranya, cara ini dapat diterima iaitu membuat laporan polis secara *online* dengan *digital signature* yang ditetapkan, yang diluluskan, maka ia akan memberikan kemudahan kepada rakyat untuk tidak lagi membuat laporan polis di balai polis sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Bintang.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan atau tindakan-tindakan ke atas laporan polis yang dibuat oleh orang ramai. Oleh sebab, saya mendapat banyak aduan daripada orang awam walaupun bukti kes-kes itu ada diberikan oleh mereka. Apakah langkah terbaru yang akan diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah kelewatan ini? Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan itu memang soalan yang tepat dengan isu ini. Sekarang ini prosedurnya ialah sekiranya pengadu membuat laporan kepada polis, maka laporan tersebut akan dikategorikan mengikut jenis jenayahnya dan akan disalurkan kepada pegawai penyiasat. Maknanya kalau kes jenayah, ia akan pergi pada pegawai penyiasat jenayah dan sebagainya. Kes kemalangan jalan raya kepada pegawai penyiasat yang berkenaan. Kekangan daripada pihak polis juga adalah mengenai jumlah pegawai penyiasat dan jumlah kes yang diberikan kepada mereka. Jadi ia mengambil masa sedikit dan selepas itu hendak

dibawa kepada pegawai DPP pula supaya DPP dapat membincarakan kes itu dan sebagainya. Selepas itu ke mahkamah pula, ada juga kelewatan dia. Jadi bukan sahaja kelewatan tersebut disebabkan oleh polis walaupun dengan kekangan yang kita ada tetapi ia juga melibatkan institusi-institusi kehakiman dan juga pendakwaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak polis telah menubuhkan seksyen JIPS ini, Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard yang bertujuan untuk melihat kepada operasi polis dan bagaimana operasi polis ini boleh dilicinkan lagi pelaksanaannya. Jadi sebab itu, mereka melihat kepada cara-cara untuk melaksanakan *modern policing* yang mana *modern policing* ini kita menggunakan teknologi dan juga menggunakan cara-cara kepolisian yang terkini untuk memberikan khidmat yang lebih baik kepada masyarakat. Jadi JIPS tanggungjawabnya untuk melihat kepada isu PRS ini, *Police Reporting System* ini sebagai salah satu matlamat utamanya. *Insya-Allah* apa yang telah dibuat oleh JIPS setakat ini akan membawa hasil pada masa-masa akan datang di dalam bidang kuasa polis. Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, budi bicara Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon maklum bahawa saya telah melakukan satu laporan polis mengenai kes fitnah terhadap saya yang terpaksa saya lakukan setelah 30 jam, lebih daripada sehari. Hari pertama saya sampai hari Sabtu 5 November di balai polis IPD Klang Utara. Setelah saya berbincang untuk taip dan sebagainya, saya dimaklumkan bahawa server PDRM down. Server itu menunjukkan alamat internet hanya memaparkan ayat '*this page cannot be displayed*'.

Selepas itu saya diminta untuk datang hadir keesokannya. Saya sampai ke balai polis yang sama, IPD Klang Utara. Kali ini saya dimaklumkan sistem yang Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi PRS bermasalah dan lagi sekali menunjukkan laman web mereka '*this page cannot be displayed*'. Saya diminta untuk ke balai polis berdekatan di Balai Polis Kapar untuk melakukan laporan saya. Saya telah duduk di IPD Klang Utara keesokan hari, 6 November, Ahad— hampir dua jam taip dan sebagainya dan saya amat kasihan dengan pegawai yang bertugas.

Saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak kata seorang polis ingkar untuk mengambil laporan polis itu saya rasa tidak benar. Saya ingin mempertahankan pegawai polis. Saya rasa mereka memang hendak lakukan tugas. Tuan Yang di-Pertua, kegagalan adalah dari pihak kementerian untuk membekalkan komputer dan sebagainya yang canggih, teknologi terbaru kepada balai-balai polis untuk

melaksanakan tugas mereka. Apa yang saya perhatikan adalah komputer yang keuzuran, sistem OS yang ketinggalan, kelajuan 2GB RAM, kelajuan *Wi-Fi* yang terlalu lemah.

Bila pihak kementerian mempunyai kelemahan sebegini tetapi nak menyalahkan pegawai yang bertugas, saya rasa itu tidak patut. Saya ingin kementerian, walaupun ada polisi terbaru, *online* dan sebagainya, kita kena memberikan satu teknologi yang canggih, yang cekap kepada pegawai polis yang bertugas supaya mereka boleh melaksanakan tanggungjawab mereka secara sempurna. Kalau saya menjadi mangsa 30 jam baru boleh buat laporan, bayangkan rakyat biasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Selalunya pembangkang ini mengkritik polis tetapi hari ini ada juga daripada pembangkang yang membela polis. Saya tadi terangkan prosedur yang kita pakai, bukannya saya tuduh polis. Kalau sistem *down*, mereka boleh merekodkan laporan Yang Berhormat dengan secara bertulis, tidak ada masalah. Kenapa Yang Berhormat perlu datang balik keesokan harinya untuk buat laporan tersebut?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Duduk, duduk, saya jawab sekarang, tadi you tanya soalan. Itu perkara prosedur yang boleh dilaksanakan tanpa menuduh kepada kepincangan sistem yang ada sekarang ini. Itu satu.

Kedua, Yang Berhormat pun tahu perbelanjaan kerajaan sekarang ini terbatas dan pihak polis telah meminta untuk membuat segala penambahbaikan dalam sistem IT di PDRM. Perkara ini akan dilaksanakan apabila peruntukan itu ada. Soal sekarang ini adalah kita hendak memastikan bahawa segala SOP, prosedur yang digunakan dalam PDRM itu untuk mengawal tatacara pegawaiannya akan dapat dibentuk dan ia dibentuk sekarang melalui jabatan JIPS ini. Jadi, tidak timbul soal saya menuduh pihak polis tidak kerja ataupun Yang Berhormat membela pegawai polis, yang pentingnya mereka patuh kepada prosedur dan peraturan yang ada.

**Seorang Ahli:** Alat, alat.

**Datuk Nur Jazlan bin Mohamed:** Alat itu ada duit kita buatlah. Nanti bila kita hendak beli barang pula itu, pembangkang juga kata ada elemen tidak betul dan sebagainya. Jadi dah sokong pihak polis itu, baguslah itu, teruskan. Kita sama-sama bersepakat untuk memberi dukungan kepada pihak polis untuk menjalankan tugas mereka dengan baik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Satu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Manual itu tidak sesuai kerana saya juga kena tandatangan, walau

bagaimanapun saya kena datang keesokan hari, itu yang menyebabkan saya datang keesokan harinya. Terima kasih.

**4. Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah orang pekerja dan bukan pekerja yang telah terbunuh atau tercedera semasa kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan dan bagaimanakah keberkesanan "DOSH" dalam mencegah kemalangan daripada berlaku.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaaatuh. Salam sejahtera, salam 1Malaysia dan salam sehati jiwa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Barat, sebelum itu Tuan Yang di-Pertua izinkan saya mengucapkan selamat datang kepada kumpulan *Empower ECR* dan juga pemimpin cawangan Kampung Bongkok, Maran, Pahang. [*Tepuk*]

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang akan saya berikan ini sedikit sebanyak boleh memberi jawapan kepada beberapa soalan daripada Yang Berhormat yang lain termasuk Yang Berhormat Selayang pada 21 November 2016.

#### ■1110

Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 2011 hingga Oktober 2016, jumlah pekerja di sektor pembinaan yang tercedera yang dilaporkan dan disiasat oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) adalah seramai 598 orang.

Tahun	Bilangan Orang
2011	48
2012	110
2013	95
2014	98
2015	148
2016	95

Manakala jumlah pekerja di sektor pembinaan yang maut yang dilaporkan dan disiasat oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kementerian Sumber Manusia tahun 2011 sehingga Oktober 2016 berjumlah 402 orang.

Tahun	Bilangan Orang
2011	51
2012	67
2013	69
2014	72
2015	88
2016 sehingga Oktober	55

Bagi jumlah orang lain selain daripada pekerja, bermakna orang awam Tuan Yang di-Pertua, yang maut dilaporkan dan disiasat oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan tahun 2013 hingga tahun 2016 adalah berjumlah 6 orang di mana tahun 2013 seorang maut, tahun 2014 seorang dan 2016 sehingga Oktober seramai 4 orang.

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah kemalangan pada tahun 2011 iaitu seramai 99 orang dan pada tahun 2015 seramai 236 orang, ia menunjukkan peningkatan bilangan kemalangan. Namun pada tahun 2016, bilangan pekerja yang terlibat dalam kemalangan di tapak pembinaan didapati menurun seramai 86 orang berbanding pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, di antara beberapa langkah yang diambil oleh kementerian, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi meningkatkan kesedaran dan juga mengurangkan tahap kemalangan di tapak bina antaranya ialah;

- (i) penstrukturran semula jabatan dari tahun 2008 dengan menukuhan seksyen khas iaitu Seksyen Tapak Bina di setiap negeri;
- (ii) melalui penstrukturran JKKP, ibu pejabat pada tahun 2014, satu bahagian khas iaitu Bahagian Keselamatan Tapak Bina telah diwujudkan untuk mengawal selia, menyelaras aktiviti dan standard, penguatkuasaan dan promosi berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak kerja; dan
- (iii) mengadakan pelan penguatkuasaan tapak bina bermula tahun 2015 yang merangkumi perkara-perkara berikut; penambah bilangan aktiviti penguatkuasaan di tapak bina. Bilangan pemeriksaan di sektor pembinaan adalah sebanyak 7,329, pemeriksaan pada tahun 2013 melonjak kepada 9,822 pada tahun 2015.

Berikutnya ialah tindakan paliatif ke atas ketidakpatuhan perundungan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor pembinaan. JKKP telah mengeluarkan sebanyak 949 notis pada tahun 2013. Ini meningkat kepada 6,211 bilangan notis dikeluarkan kepada pelanggaran peraturan pada tahun 2015.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua ialah pihak kementerian dan jabatan menubuhkan *Safety Patrol Unit* dengan izin, di setiap JKKP negeri bagi membuat pemantauan tahap pembinaan pada waktu siang mahupun malam. Berikutnya mengadakan operasi penguatkuasaan mengejut di tapak bina berdasarkan aduan orang ramai, menggubal dan menyemak semula, menambahbaikkan perundangan berkaitan dengan tapak bina seperti akta, peraturan dan garis panduan supaya kekal relevan dan sesuai dengan kehendak semasa. Meminda Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, di antaranya meningkatkan penalti daripada RM50,000 kepada RM500,000.

Berikutnya menambah baik senarai semak pemeriksaan tapak bina untuk kegunaan pegawai JKKP menjalankan penguatkuasaan. Merancang dan menambah baik latihan kepada pegawai JKKP dan bahagian keselamatan dan kesihatan tapak bina. Menjalinkan kerjasama dan koordinasi di antara agensi-agensi yang berkaitan tapak bina seperti Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Kementerian Kesihatan Malaysia dan pihak berkuasa tempatan. Mengadakan perbincangan dan dialog bersama persatuan industri dan pembinaan seperti Master Builders Association Malaysia dengan izin, meningkatkan usaha sama dengan pihak majikan dan pekerja melalui Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan juga menghadiri berbagai-bagai seminar dan *conference* di peringkat nasional dan antarabangsa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya khususnya kebanyakan kemalangan kepada pekerja-pekerja negara ini adalah disebabkan kerana tidak ada *safe system of work* di mana ramai di antara mereka tidak menggunakan helmet, tidak menggunakan *glove* atau menggunakan *apparel dress* yang tidak sesuai. Apa yang menjadi masalah adalah kekurangan kawal selia oleh kementerian, *surprise check* tidak dibuat. Hanya apabila ada laporan dan sebagainya, baru kementerian menurunkan pegawai untuk menyiasat perkara sedemikian.

Kedua adalah mengenai kemalangan di tempat di mana mereka bekerja. Ada banyak kes di mana penyiasatan tidak dibuat, difahamkan telah diambil alih oleh pihak polis. Macam di mana membawa *cable car* dan sebagainya apabila kematian berlaku dan pihak polis menyiasat, tidak ada penyiasatan yang dibuat oleh kementerian. Kenapakah ini terjadi?

Adakah Yang Berhormat Menteri setuju bahawa pada waktu sekarang ada *overlapping jurisdiction* di mana macam Kementerian Kerja Raya, *local authority* dan kementerian Yang Berhormat, yang ketiga-tiga pun buat kerja yang sama, merangkumi

perkara yang sama. Maka ‘A’ ingat ‘B’ buat, ‘C’ ingat ‘B’ buat. Ketiga-tiga pun tidak buat atau tidak mengambil tindakan tegas terhadap perkara ini. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya perlu ada seimbangkan ketiga-tiga perkara ini, kementerian supaya *there will be a win-win situation* untuk pekerja dan orang ramai. Terima kasih.

**Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya satu sahaja setuju yang kemudian itu sahaja di mana penyelarasan diadakan. Sebenarnya Yang Berhormat Ipoh Barat, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah buat penyelarasan antara kementerian-kementerian. Oleh sebab itulah kita adakan Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di mana saya sendiri sebagai pengurusnya. Kita mengadakan mesyuarat setiap bulan untuk menyelaraskan kerja-kerja ini.

Oleh sebab itulah dakwaan Yang Berhormat Ipoh Barat sebutkan di atas tidak tepat sebenarnya. Oleh sebab itu saya terlibat dengan kerja-kerja penguatkuasaan ini Tuan Yang di-Pertua, seperti saya maklumkan awal tadi bagaimana notis kita keluarkan. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua. Pemeriksaan jentera, kita bukan sahaja melihat kepada tapak bina. Jentera yang digunakan di tapak bina itu pun kita buat pemeriksaan. Pemeriksaan jentera perakuan kelayakan kita buat Tuan Yang di-Pertua tahun 2016, 184,877 pemeriksaan dibuat. Pemeriksaan di tempat kerja 2016, 26,595 pemeriksaan kita buat.

Saya hendak ucapkan terima kasih banyak juga kepada kementerian-kementerian lain termasuk Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kesihatan, kementerian yang lain-lain yang bersama-sama dalam Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kerana kita menjalankan kerja. Saya rasa tidak ada *overlapping*. Oleh sebab itulah saling lengkap-melengkapi. Jadi saya rasa dakwaan Yang Berhormat sebutkan itu sebenarnya tidak tepat Yang Berhormat.

Oleh sebab itulah saya hendak sebutkan satu lagi apa yang disebutkan soalan pertama Yang Berhormat tadi. Saya tidak nafikan mungkin ada pekerja kita kadang-kadang dia *take for granted*, ambil mudah. Dia rasa oleh sebab pengalaman dia bekerja di tempat yang risikonya tinggi ini, jadi dia lalai kepada penggunaan peralatan ini. Akan tetapi kita mengambil tindakan. Oleh sebab itulah sebarang perlakuan, sebarang kesilapan, sebarang kemalangan yang berlaku, kita tidak akan lepaskan. Jadi sebenarnya suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat, bagaimana tindakan yang telah pun kita buat kepada majikan-majikan yang telah melanggar peraturan ini.

Umpamanya saman, denda kita telah keluarkan. Saya boleh sebutkan di sini Yang Berhormat. Beratus ribu, berjuta saman telah kita kenakan kepada majikan-majikan yang telah melanggar peraturan ini. Umpamanya kita ambil jumlah saman di sektor

pembinaan bagi tahun 2016 sehingga kini yang kita ambil, ada 1.381 juta. Makna kita tidak akan bertolak ansur kerana kemalangan menimpa pekerja kita ini adalah satu kerugian bukan sahaja kepada majikan tetapi kepada negara, bahkan kepada pekerja itu sendiri.

Seksyen 15, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan perlu ditegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerjaan pekerja-pekerja dan orang lain daripada bahaya yang diwujudkan.

#### ■1120

Oleh sebab itulah kita menjalankan berbagai-bagai aktiviti termasuklah kempen kesedaran dan temu bual ataupun ramah mesra bersama dengan majikan dan juga pekerja di sektor-sektor yang terlibat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, sedar kah kementerian bahawa terdapat juga syarikat-syarikat pemaju mahupun kontraktor-kontraktor pembinaan ini mereka menyorok ataupun *hide accident* yang berlaku. Mungkin sebab mereka tidak mahu didakwa sebab mereka tidak mengikuti prosedur. Jadi apa tindakan susulan yang dibuat oleh kerajaan ke arah untuk memastikan syarikat-syarikat ini akan terus patuh dengan prosedur yang sedia ada dan berapa kekerapan JKPP ini membuat audit di kawasan-kawasan terutama sekali yang berisiko tinggi ini.

Kita bimbang memang benar bahawa kemalangan ini akan mengakibatkan kerugian bukan sahaja kepada keluarga individu yang terlibat tetapi juga kepada negara dan juga kepada syarikat itu sendiri. Jadi apa langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan perkara begini tidak berlaku. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sebenarnya seperti saya katakan tadi bahawa kita membuat berbagai-bagai pemeriksaan. Jentera, tapak kerja, pemeriksaan kepada pekerja-pekerja, pemeriksaan kepada majikan termasuklah pengendali jentera-jentera ini sendiri. Oleh sebab itulah kita tidak akan bertolak ansur.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada soalan asal daripada Yang Berhormat Kinabatangan. Memang kita akui bahawa terdapat sedikit perbezaan. Kita ada dua agensi dalam Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Pertama, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan kedua ialah SOCSO. Peranan besar SOCSO ialah bagaimana membayar pampasan ataupun kepada orang berinsurans ini apabila mereka ditimpa kemalangan. Sebagai contoh, sehingga September 2016, kemalangan yang dilaporkan oleh SOCSO ialah 50,314 kemalangan. Akan tetapi kalau kita tengok di JKKP sedikit rendah kerana ada syarikat yang tidak melaporkan kepada

JKKP kerana apabila mereka melaporkan, mereka takut mereka akan di saman oleh kita. Kita tengah berusaha, Yang Berhormat Kinabatangan. *Insya-Allah* kita akan synchronize kan sistem ini. Umpamanya kalau katalah masa kemalangan majikan itu melaporkan kepada SOCSO dengan harapan kerana hendak mendapatkan pampasan kepada pekerja, dalam masa yang sama, maklumat yang masuk SOCSO itu akan terus kepada JKKP dan kita akan ambil tindakan seterusnya, *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan yang cukup baik itu.

5. **Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]** minta Menteri Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi menyatakan adakah pihak kementerian ada menjalankan penyelidikan bertujuan untuk meningkatkan lagi hasil kelapa sawit bagi membantu golongan peladang meningkatkan pendapatan mereka.

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi [Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur]:** Assalamualaikum dan salam 1Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kanowit, Kementerian Perusahaan, Perlادangan dan Komoditi (MPIC) melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menjalankan pelbagai penyelidikan bagi meningkatkan hasil sawit. Bagi sektor huluan, antara penyelidikan yang dapat membantu meningkatkan pendapatan peladang sawit adalah kajian mengenai kultur tisu, genom dan biak baka yang menghasilkan bahan tanaman yang bermutu tinggi.

Selain itu, baja bersepodu juga diformulasikan bagi membantu meningkatkan hasil tanaman sawit. Untuk memudahkan pengumpulan dan penghantaran buah tandan segar (BTS) dengan cepat ke kilang sawit, jentera pengangkutan bermotor telah diperkenalkan manakala bagi memudahkan penuaian BTS, jentera penuaian bermotor atau dikenali sebagai cantas telah digunakan.

Melalui usaha-usaha penyelidikan di atas, pendapatan pekebun kecil akan dapat diperingkatkan. Di peringkat hiliran pula, usaha-usaha penyelidikan diteruskan untuk meningkatkan produk nilai tambah berdasarkan sawit di sektor makanan, kesihatan dan *oleokimia* seperti minyak sawit merah, kapsul vitamin E, *tocotrienol*, kosmetik, bahan pencuci dan *surfactant*. Penghasilan pelbagai produk nilai tambah berdasarkan sawit akan meningkatkan permintaan dan harga minyak sawit di pasaran. Sekian, terima kasih.

**Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya adalah ditumpukan kepada pekebun kecil. Bagaimana kita dapat menambahkan hasil mereka

yang menanam sawit ini secara persendirian. Apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan bahagian huluan ini, *primary industries* memang betul banyak R&D telah dijalankan oleh MPOB dan juga syarikat-syarikat swasta.

Saya telah menghadiri satu Conference Well Faith dan difahamkan memang banyak bahan tanaman dari segi hibrid baru yang dapat mengeluarkan hasil lebih tinggi. Kalau dulu biasa kita dapat kurang daripada 20 tan sehektar *f&b fresh fruit, fruit ban*, juga minyak kurang daripada 20 percent. Daripada *new planting materials* yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat ini terutamanya syarikat-syarikat besar seperti IOI, Sime Darby dan sebagainya, memang banyak. Saya melihat mungkin dikhuatir sedikit sama ada *planting materials* ini telah diberi atau dibekalkan kepada pekebun-pekebun kecil supaya mereka juga dapat *planting materials* yang lebih bagus untuk menghasilkan lebih banyak lagi hasilan daripada kebun mereka yang kecil ini. Terima kasih.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih atas soalan yang begitu baik daripada Yang Berhormat Kanowit. Sebenarnya MPOB telah banyak menjalankan penyelidikan R&D dan para saintis daripada MPOB telah menghasilkan banyak pendapatan-pendapatan yang begitu memberi bantuan kepada rakyat ataupun khasnya kepada pekebun-pekebun kecil. Kita harus tahu bahawa di Malaysia ini, 40 peratus daripada penanam-penanam kelapa sawit adalah daripada pekebun kecil dan kerajaan memang amat prihatin dengan masalah-masalah dan juga mencari cara untuk menaikkan tahap pendapatan daripada pekebun-pekebun kecil.

Baka-baka pada mulanya, MPOB telah mendapat hasil kajian daripada kultur tisu (*tissue culture*) tetapi didapati juga bahawa *tissue culture* ini juga ada masalah-masalahnya. Jadi MPOB telah menjalankan lagi kajian-kajian yang terperinci. Maka didapati bahawa kita juga, MPOB juga telah mendapati bahawa genom ataupun program genom sawit ini adalah amat baik untuk menghasilkan baka yang betul-betul baik. Masalah yang dihadapi oleh *nursery-nursery* ialah kadangkala apabila kecil lagi, apabila *seedling* ini masih kecil lagi, maka kita tidak boleh tahu apa akan jadi apabila dia sudah membesar.

Akan tetapi dengan menggunakan sistem genom sawit ini, maka saintis boleh kenal pasti bahawa *seedling* ini akan menjadi hasil yang baik. Jadi dengan itu akan memastikan pekebun-pekebun kecil akan mendapat baka-baka yang betul-betul baik dan akan menghasilkan ladang yang baik dan boleh menghasilkan sawit yang banyak dan berkualiti.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Kanowit dan juga untuk makluman Dewan ini, di Sarawak sahaja kita ada 189 *nursery* yang telah dilesenkan oleh MPOB

sementara di Sabah kita mempunyai 155 *nursery* yang dilesenkan oleh MPOB dan di Semenanjung kita mempunyai 915 *nursery*. Dijangka bahawa *nursery-nursery* yang ada ini boleh cukup memastikan pekebun-pekebun akan mendapat bahan benih yang baik, baka yang baik untuk memastikan hasil mereka akan bertambah. Sekian, terima kasih.

■1130

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab persoalan bagaimana kita melakukan usaha untuk meningkatkan pendapatan pekebun dan peladang di peringkat akar umbi. Bukan hanya dari sudut kajian tentang *the right clone*.

Saya juga menyedari hakikat bahawa negeri Sabah dan Sarawak merupakan kedua-dua negeri yang mempunyai tanaman kelapa sawit yang terbesar dalam negara kita. Di samping itu, *downstream* daripada kajian yang disebutkan tadi, nilai tambah produk-produk yang kemungkinan akan boleh dihasilkan, apakah rancangan pihak kementerian untuk memastikan supaya diperbanyakkan *downstream process* ini. Kilang-kilang diwujudkan di peringkat negeri Sabah, di peringkat negeri Sarawak untuk membolehkan supaya anak-anak ini, di tempat di mana *resource, raw material* yang agak hampir, mereka tidak perlu untuk berhijrah dari Sabah ke Semenanjung dengan langkah-langkah kita perbanyakkan kilang-kilang proses *downstream* yang ada hubung kaitnya dengan kelapa sawit ini.

Adakah pihak kementerian telah pun mempunyai pelan tindakan yang komprehensif untuk membolehkan supaya peluang pekerjaan, peluang peningkatan pendapatan bukan hanya peladang tapi anak-anak, mereka juga akan dapat ditingkatkan dengan mewujudkan kilang-kilang ini?

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat dari Semporna.

Kerajaan memang amat prihatin berhubung dengan *down streaming* ataupun bahagian hiliran bagi industri kelapa sawit. Kita tahu bahawa ladang kelapa sawit kita mempunyai nilai yang tinggi. Kerajaan telah membuat kajian-kajian huluan yang begitu baik, mempunyai baka-baka yang baik dan penghasilan-penghasilan yang baik. Tetapi, kerajaan faham juga bahawa perlu diadakan kajian-kajian R&D berhubung dengan hiliran.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, seperti di Sabah, di Lahad Datu sendiri, kita mempunyai POIC, *Palm Oil Industrial Cluster* yang dimulakan oleh kerajaan negeri tetapi dengan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan daripada segi peruntukan-peruntukan. Tempat POIC ini dibina berbagai-bagai kilang. Satu daripadanya ialah akan

dibina sebuah kilang *oleochemical*. Kita tahu *oleochemical* ini adalah kilang yang akan menghasilkan bahan-bahan *olein* dan lain-lain yang akan akhirnya menjadi sabun, menjadi lilin dan lain-lain urusan— menjadi kosmetik hasil daripada *oleochemical* ini.

Demikian juga sekarang ini POIC sedang bekerja keras untuk berbincang dengan pihak-pihak dari luar negeri untuk menghasilkan *biomass*. *Biomass* juga adalah satu kajian yang baru, adalah satu perkara yang baru dalam industri perladangan kelapa sawit ini. Ia akan menghasilkan berbagai-bagai usaha. Kita boleh membina botol plastik daripada kelapa sawit. Jadi ini adalah penghasilan-penghasilan dan lain-lain, banyak lagi, yang baik untuk alam sekitar. Kalau botol-botol plastik yang dihasilkan daripada petroleum ini, dia sebetulnya tidak baik untuk *environment* tetapi apabila digunakan botol-botol daripada kelapa sawit ini melalui *biomass*, maka dia adalah baik untuk alam sekitar. Memang banyak usaha yang telah dikerjakan, dilaksanakan oleh kerajaan di Sarawak, Sabah dan juga di Semenanjung Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan minyak kelapa sawit yang dieksport ke negara-negara asing, saya ingin tahu apakah pasaran baru yang diterokai oleh pengeksport minyak ini kepada negara asing ini memandangkan China dan India dua negara yang terbesar membeli minyak kelapa sawit ini. Minta penjelasan dari Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar China dan India adalah pembeli terbesar, pengimpor terbesar kepada minyak kelapa sawit khasnya daripada Malaysia dan juga Indonesia. Tetapi sekarang ini negara yang sebelum ini membantah sekutu-kuatnya berhubung dengan minyak sawit, kononnya adalah tidak baik kepada tubuh badan kita, seperti Amerika, sekarang telah mengimport banyak minyak kelapa sawit kita. Begitu juga negara-negara Eropah yang dahulu memang membantah tentang penggunaan minyak kelapa sawit.

Jadi kita dapat bahawa akhir-akhir ini banyak negara yang sebelum ini menganggap bahawa minyak kelapa sawit itu adalah minyak yang tidak baik untuk tubuh badan kita, untuk kesihatan kita, sekarang ini telah berubah fikiran. Sekarang ini mereka pun mengimport banyak minyak kelapa sawit dari Malaysia. Sekian, terima kasih.

[**Soalan No. 6 – Y.B. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) tidak hadir]**

[**Soalan No. 7 – Y.B. Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang (Sibuti) tidak hadir]**

**8. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengapa 34 orang graduan UPSI yang memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Tamil pada bulan Jun 2014 masih belum ditempatkan di sekolah-sekolah kerajaan sehingga sekarang.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:**  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput atas soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penempatan graduan pendidikan adalah berdasarkan kepada kekosongan dan juga keperluan opsyen semasa. Kementerian Pendidikan telah mengemukakan permohonan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran untuk memperakui pelantikan tetap 34 graduan tersebut sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 mulai Januari 2017.

Sehubungan dengan itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 34 graduan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah dipertimbangkan dan akan ditempatkan secara berperingkat-peringkat mulai sesi persekolahan awal tahun 2017. Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, antara sebab mengapa 34 graduan UPSI tidak dapat ditempatkan pada masa ini adalah kerana wujudnya satu perubahan dasar agensi pusat yang melanjutkan umur persaraan kepada 60 tahun yang mengakibatkan unjuran keperluan guru telah berubah.

Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dua tahun adalah satu masa yang panjang dan graduan-graduan daripada perguruan, daripada kejururawatan semua, mereka akan hilang kemahiran mereka jika terlalu lama selepas mereka graduate, mereka tidak dapat kerja di dalam bidang itu. Dia akan hilang kemahiran mereka. So, berapa lagi graduan guru-guru macam ini di lain-lain kolej yang sedang tunggu? Kerana ini, satu, kita akan hilang dia punya *skill*. Terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput atas keprihatinan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Kemahiran dan kepakaran guru ini, apabila mereka dilantik menjadi seorang guru, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mereka akan terus ada program-program untuk— contoh dalam program LADAP, Latihan Dalam Perkhidmatan, mereka akan diberi kursus-kursus yang tertentu untuk memastikan kemahiran guru dan kewibawaan guru terus diperkasakan dari semasa ke semasa.

Kita sedar dan kita juga telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan semua guru walaupun mereka belum ditempatkan dalam masa yang

diperlukan, apabila mereka ditempatkan, kursus-kursus akan diberikan kepada mereka supaya kemahiran mereka, kebolehan dan kewibawaan mereka tidak akan terjejas sama sekali. Ini komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia dan bukan saja berlaku kepada guru-guru yang akan dilantik, malah guru-guru yang sedang berkhidmat, contoh yang berkhidmat 10 tahun, 15 tahun, 20 tahun, mereka juga akan menjalani kursus-kursus tertentu supaya kepakaran, kewibawaan dan kebolehan mereka akan sentiasa kekal sebaik-baik pada masa-masa yang akan datang.

Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1140

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya di sini mengenai graduan UPSI ini yang tiada tempat selepas memperoleh ijazah sarjana muda. Pertanyaan saya di sini adalah berasaskan logik. Sekiranya tiada tempat untuk mereka ditempatkan ataupun dengan izin, *there is no place for them to be sent to*, mengapa masih lagi menerima bakal guru-guru ini untuk mengambil jurusan ini. Dengan izin, *what I am trying to say*, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri *is that, if there is no opening, why do you take them and once they graduate they put in a long waiting list.*

Sebagai contoh tahun ini ada satu *interview* di Putrajaya untuk menempatkan guru-guru ini tetapi sampai sekarang walaupun sudah lepas *interview*, beratus-ratus dipanggil yang dipilih 30 tetapi penempatan itu belum selesai lagi. *It is coming to the end of the year. So, pada pandangan saya, it is a very regressive move, it should be on market demand* dan kita tahu di sekolah-sekolah Tamil di Malaysia tidak cukup guru, kekurangan guru. Ramai guru-guru kena buat *double shift, they have to extend and all that.*

Jadi saya tidak faham mengapa selepas dua tahun, mereka masih perlu menunggu lagi dan saya tidak boleh terima yang persaraan guru itu dipanjangkan, dipanjangkan. Saya faham *we need to keep good teachers in a system but what about* bakal yang baru ini, yang sudah mendapat ijazah. Harap Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan atas soalan tambahan dan terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita mengambil pelajar-pelajar ini berdasarkan kepada unjuran dan apabila unjuran dibuat untuk pelajar-pelajar 34 pelajar UPSI itu pada masa itu umur persaraan adalah 58 tahun.

Dalam masa mereka melaksanakan akademik mereka di UPSI, dasar diubah daripada 58 tahun ke 60 tahun. Berdasarkan kepada keperluan-keperluan inilah kita mengambil secukup-cukupnya guru-guru yang diperlukan untuk masuk ke IPTA ataupun di IPGM. Kita sedar dan kita sedia maklum walau bagaimanapun Yang Berhormat, unjuran-unjuran yang dibuat ini dibuat semata-mata berdasarkan kepada keperluan. Kita tidak akan membuat unjuran di luar daripada keperluan dan kita akan memastikan semua guru ini yang telah melaksanakan latihan dan juga di IPGM ataupun di IPTA akan ditempatkan.

Tiada siapa yang tidak mahu menempatkan mereka, Yang Berhormat kerana kerajaan, Kementerian Pendidikan sendiri dan untuk setiap pelajar yang belajar di IPTA contohnya di UPSI ini kos yang terlibat untuk satu pelajar ini hampir RM50,000. Maka apabila kita telah pun melaburkan cukup peruntukan untuk pelajar-pelajar ini maka kita hendak menggunakan perkhidmatan mereka untuk memastikan mereka dapat melaksanakan tanggungjawab mereka.

Akan tetapi saya pasti masalah-masalah ini akan diselesaikan mungkin dalam masa setahun, dua tahun ini dan selepas itu kita akan menempatkan mereka berdasarkan kepada keperluan dan persaraan-persaraan yang berlaku pada masa-masa terdekat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Akan tetapi mereka tidak boleh *apply* untuk kerja lain masalah dia, Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh] Sorry, I just need clarification, Tuan Yang di-Pertua.* Mereka tidak boleh mohon untuk kerja di tempat lain pada masa mereka menunggu setahun dua ini. *They can't apply, their bound RM50,000 is invested in them, they are bound to be with the government, they cannot apply any job anywhere else.* *[Dewan riuh]* So, we have teachers, tenure teachers who be jobless, they have no choice. What can they do? If they apply for a job they breach their contract. This is a real issue, Tuan Yang di-Pertua, you know. You invest but you don't let them apply anywhere else but you don't place them also, How? *[Dewan riuh]*

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya akan menjawab soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan Malaysia tidak akan melepaskan guru-guru ini Yang Berhormat. Komitmen kita adalah untuk memastikan kita bagi perjawatan kepada mereka. *[Disampuk]* Berlaku sekarang. Yang Berhormat hendak maklumat terperinci ini

bukan caranya, ini bukan kita berdialog. Yang Berhormat tanya soalan dan saya menjawab.

Bila Yang Berhormat tanya soalan saya tidak mengganggu Yang Berhormat. Sekarang jawapan saya terima Yang Berhormat. Kalau tidak puas hati saya boleh beri penjelasan. Semua graduan di IPTA dan juga IPGM yang dilatih memang menjadi komitmen Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menempatkan mereka dan apabila guru-guru bersara mereka akan ditempatkan.

Apabila berlaku suatu perubahan dasar umur persaraan meningkat maka adalah berlaku sedikit lebih guru tetapi kita tidak melepaskan tangan, kita tidak melepaskan batuk di tangga kerana kita hendak memastikan guru-guru ini ditempatkan kerana semua guru yang dilatih ini akan pasti ditempatkan hanya masa sahaja, Yang Berhormat. Kita pasti, kita tidak akan mengabaikan sesiapa Yang Berhormat. Kita tidak akan mengabaikan sesiapa dan kita akan memastikan kita akan menempatkan mereka di sekolah-sekolah dan tidak ada kekurangan guru-guru bahasa Tamil di sekolah-sekolah Tamil untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**9. Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan mengapa pergerakan koperasi di negara ini masih lemah berbanding dengan negara-negara Scandinavia dalam membanteras kemiskinan. Apakah model koperasi yang digunakan di negara kita tidak sesuai.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pendang yang menanya soalan. Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat dari segi sumbangan *turnover* ataupun perolehan koperasi, gerakan koperasi di Malaysia sememangnya belum setanding dengan koperasi di negara-negara Scandinavia.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) yakin gerakan koperasi di Malaysia berada di atas landasan yang kukuh ke arah mencapai tahap yang sama dengan negara-negara Scandinavia. Ini dilihat kepada pertumbuhan positif gerakan koperasi di negara ini dari tahun ke setahun.

Dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2011 sehingga 2015, bilangan koperasi telah meningkat pada kadar purata sembilan peratus setahun, keanggotaan meningkat

dua peratus, model syer meningkat tujuh peratus, aset meningkat tujuh peratus dan perolehan meningkat 16 peratus. Pertumbuhan koperasi di Malaysia juga berada di hadapan jika dibandingkan dengan koperasi di negara-negara ASEAN.

Antara faktor yang menyebabkan gerakan koperasi di Malaysia masih belum setanding dengan negara di Scandinavia ialah rantaian nilai yang kurang berkesan. Menyedari perkara tersebut KPDNKK melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah melaksanakan pelbagai program bagi merancakkan pembangunan koperasi di Malaysia seperti berikut:

- (i) *Program Co-operative Strategy Linkages* dalam sektor pemborongan dan peruncitan bagi menguasai rantaian nilai dan rantaian bekalan;
- (ii) *Program Kewujudan Ekonomi Setempat* melalui *Co-operative Satellite Centre* bagi memudahkan akses kepada keperluan harian rakyat; dan
- (iii) *Program Business Economic of Scale* bagi menjalankan perniagaan dalam skala ekonomi besar melalui penggabungan aktiviti ataupun penggabungan sumber.

Selaras dengan peneraju sektor mengikut enam sektor ekonomi utama yang digariskan dalam Dasar Koperasi Negara 2011 hingga 2020 sektor perkhidmatan kewangan, sektor pemborongan dan peruncitan, sektor pertanian dan industri asas tani, sektor perladangan, sektor pembangunan harta tanah dan industri pembinaan serta sektor pelancongan, penjagaan diri dan kesihatan. Penghasilan *blueprint* mengikut sektor masing-masing boleh meningkatkan ekonomi *of scale* yang akhirnya dapat memberi lonjakan besar kepada kemajuan gerakan koperasi dan seterusnya mencapai sasaran perolehan sebanyak RM50 bilion menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, konsep dan model koperasi yang diadaptasi di Malaysia adalah sama seperti model-model yang diguna pakai di negara Scandinavia yang berteraskan tujuh prinsip koperasi. Selain itu amalan tadbir urus koperasi di Malaysia juga mengguna pakai amalan tadbir urus yang standard dan diterima pakai oleh *International Co-operative Alliance* (ICA). Penghasilan *Profil 100 Koperasi Terbaik di Malaysia* juga diiktiraf semasa Persidangan ICA di Turki pada tahun 2015.

## ■1150

Profil ini menggunakan kriteria sejagat dalam menilai kualiti sesebuah koperasi. Peranan koperasi yang walaupun bermula di negara maju telah dapat digarap dan dimajukan mengikut kesesuaian di dalam sistem pembangunan sosioekonomi negara

bagi terus membantu memartabatkan agenda kesejahteraan rakyat, khususnya pembasmian kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup. Sekian, terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat bahawa gerakan koperasi di negara kita ini seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa tidaklah begitu maju. Jadi, soalan yang pertama, bagaimana, apakah daya usaha atau inisiatif yang diambil oleh kementerian untuk memulihkan koperasi-koperasi yang hidup segan mati tak mahu? Kedua, apakah jenis perniagaan yang paling popular di kalangan koperasi di negara kita?

**Dato' Henry Sum Agong:** Ya, terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Pihak kementerian dan kerajaan sentiasa memberi kesedaran kepada ahli-ahli koperasi di seluruh negara. Satu sebab mengapa ada di antara koperasi-koperasi yang diwujudkan tidak berfungsi dengan baik, kemungkinan ini disebabkan dengan kesedaran yang tidak begitu mantap di kalangan ahli-ahli sekalian. Yang Berhormat bertanyakan apakah produk yang koperasi-koperasi kita terlibat. Iaitu seperti di antaranya koperasi kredit, *loan* tabung modal ataupun pusingan dan lain-lain. Oh, minta maaf, produk-produk yang pihak koperasi kita melibatkan diri, barang runcit, perladangan, pelancongan dan lain-lain. Sekian, terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Persoalan saya berkaitan dengan koperasi-koperasi di Malaysia yang ditubuhkan khas untuk membanteras kemiskinan. Apakah KPI yang digunakan oleh kementerian untuk menerima, mengkaji, melulus dan memberikan dana-dana kepada koperasi ini? Bagaimana mekanisme yang diguna pakai untuk kita meluluskan koperasi ini sebagai secara dasar, koperasi ini perlu fokus kepada mekanisme untuk membanteras kemiskinan, bukan membuat sesuatu kerja secara holistik. Terima kasih Yang Berhormat.,

**Dato' Henry Sum Agong:** Terima kasih Yang Berhormat. Pihak kerajaan menggalakkan penubuhan koperasi. Ia boleh ditubuhkan di kalangan keluarga jika keluarga keahliannya minimum 25 orang ataupun anggota. Kalau terbuka, 50 orang. Menggalakkan penubuhan koperasi. Untuk membantu koperasi ini, kita ada kerajaan menyediakan bantuan yang kita panggil *start-up* sebanyak 50,000 yang boleh diberi kepada koperasi untuk *start-up*. Bantuan yang kedua, sebanyak 50,000 ke 100,000 kita panggil *scaling*. Ketiga iaitu *advance* sebanyak 100,000 ke 300,000. Ini merupakan bantuan yang boleh diberi kepada koperasi untuk memajukan koperasi-koperasi. Kalau koperasi ini sudah membesar dan memerlukan modal yang banyak, kita juga menyediakan bantuan maksimum sebanyak RM5 juta kepada koperasi-koperasi yang memerlukan. Sekian, terima kasih.

**10. Tuan Er Teck Hwa [Bakri]** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan kakitangan awam yang melanggar tata tertib telah diberikan amaran, digantung gaji dan pangkat, dilucutkan jawatan dan penceن atau ganjaran mengikut pecahan jenis kesalahan, gred jawatan dan kementerian dari tahun 2010 hingga 2016.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bagi pihak Dato' Sri Azalina, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Bakri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, seramai 31,230 orang penjawat awam di Perkhidmatan Awam telah dikenakan tindakan tata tertib bagi tempoh 2010 – Julai 2016 mengikut pecahan hukuman seperti berikut:-

- (i) 5,778 dibuang kerja;
- (ii) 152 diturunkan pangkat dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 48 bulan;
- (iii) 1,168 diturunkan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 36 bulan;
- (iv) 2,369 ditangguhkan pergerakan gaji dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 30 bulan;
- (v) 4,370 dilucutkan hak emolumen dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 24 bulan;
- (vi) 4,295 dikenakan denda maksimum tujuh hari emolumen dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 18 bulan; dan yang terakhir
- (vii) 13,104 diberi amaran dan tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat bagi tempoh 12 bulan.

Juga tersebut mengambil kira seseorang penjawat awam juga boleh dikenakan lebih daripada satu hukuman tata tertib mengikut merit kesalahan tata tertib. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab soalan dari Bakri. Di sini saya hendak tanya soalan tambahan, apakah tindakan yang dikenakan kepada mereka yang insaf dan mengaku salah. Ini disebabkan mereka mempunyai komitmen untuk menanggung keluarga dan sebagainya. Minta penjelasan.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Bakri. Soalan in iakan dibuat secara tulisan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalan daripada Yang Berhormat Kuala Selangor dan soalan daripada Yang Berhormat Kota Raja tidak dapat

dijawab secara lisan memandangkan kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tidak berada dalam Mesyuarat Majlis pada ketika ini.

*[Soalan No. 11 – Y.B. Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim (Kuala Selangor) tidak hadir]*

*[Soalan No.12 – Y.B. Dr. Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja) tidak hadir]*

13. **Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]** minta Menteri Kewangan menyatakan :-

- (a) pada tahun 2014, 2015 dan 2016, berapa peratuskah daripada seluruh pinjaman perumahan yang diberikan oleh institusi kewangan dalam negara bagi membiayai pinjaman perumahan kos rendah; dan
- (b) peratusan pinjaman perumahan kos rendah bagi bank perdagangan dan institusi kewangan pembangunan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi kewangan dalam negara bagi pembiayaan pinjaman perumahan kos rendah adalah merangkumi bank perdagangan dan institusi kewangan pembangunan. Pinjaman perumahan terkumpul dan peratusan daripada bilangan peminjam pembiayaan perumahan kos rendah bagi bank perdagangan pada tahun 2014 berjumlah RM26.9 bilion bersamaan 647,652 orang peminjam iaitu 27 peratus.

#### ■1200

Manakala pada tahun 2015 pembiayaan yang diberikan berjumlah RM24.8 bilion iaitu bersamaan 600,721 orang peminjam atau 24.6 peratus. Sehingga akhir bulan Ogos 2016, jumlahnya adalah sebanyak RM21.5 bilion iaitu bersamaan dengan 562,526 orang peminjam atau 22.9 peratus.

Pada tahun 2014 dan tahun 2015, Institusi Kewangan Perdagangan juga telah membiayai pinjaman perumahan kos rendah iaitu masing-masing sebanyak RM2 bilion kepada 48,552 orang peminjam atau dua peratus dan 47,876 orang peminjam atau dua peratus. Manakala sehingga akhir bulan Ogos 2016, pembiayaan yang diberikan adalah berjumlah RM1.9 bilion kepada seramai 46,223 orang peminjam atau 1.9 peratus. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Usul Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1).

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**12.02 tgh.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd Rashid Shirlin]:**  
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2017 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Isnin, 14 November 2016.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017**

DAN

**USUL  
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2017**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Anggaran Pembangunan 2017 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis” **[Hari Ketiga]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Maksud B.21 [Jadual] -**

**Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan 2017] –**

**Tuan Penggerusi:** Terima kasih. Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk dibahas.

Sila Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**12.03 tgh.**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Penggerusi. *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

**Tuan Penggerusi:** Setiap pembahas 10 minit ya, ingat. Sila, teruskan.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Butiran 27400 – Pembangunan Usahawan Nelayan/Pengusaha. Pada Belanjawan 2017 peruntukan telah diturunkan kepada RM268 juta berbandingkan kepada RM238 juta sebelumnya iaitu penurunan 10 peratus.

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]**

Sebenarnya Tuan Penggerusi, untuk Belanjawan 2017 banyak telah diharapkan untuk dicadangkan untuk pihak nelayan secara positif. Sebenarnya pihak nelayan bukanlah hanya mengharapkan bantuan kewangan tetapi mereka mengharapkan

bantuan secara lebih positif supaya dapat menjalankan cara hidupan mereka sebagai nelayan dengan tiada gangguan luar iaitu lebih merupakan bantuan teknikal yang lebih bermakna jangka masa panjang dan bukan hanya melalui *handout*.

Ada contoh-contoh yang lepas di mana bahawanya bantuan kewangan seperti peruntukan pembaikan rumah nelayan telah banyak disalahgunakan atau diselewengkan oleh pihak-pihak tertentu di mana beberapa tahun lepas beberapa pegawai yang tidak bertanggungjawab telah didakwa di mahkamah kerana beratus beribus telah disalurkan ke pihak yang lain. Ini adalah kelemahan sistem yang hanya memberi bantuan kewangan tanpa melihat secara manakah nelayan boleh dibantu dengan lebih bermakna iaitu untuk meningkatkan kebolehan dan keupayaan mereka dan memberi perlindungan kepada mereka untuk menjalankan carian hidupan mereka tanpa gangguan dan dalam keadaan yang aman. Itulah harapan besar mereka. Itulah yang kita ingin minta daripada pihak berkuasa.

Butiran 040200 di bawah Pengurusan dan Perlindungan Sumber. Apa yang nelayan-nelayan Pantai Timur khususnya mengharapkan adalah perlindungan sumber ikan di laut dan juga dari gangguan nelayan warga asing. Kita tahu warga asing daripada negara Vietnam telah ditekan oleh nelayan-nelayan daripada negara China. Oleh sebab itu mereka telah *encroach* dengan izin, ke perairan Malaysia di mana nelayan kita pula dikenakan banyak tekanan yang tidak boleh mereka tangani bersendirian. Di situlah letaknya perlunya kerajaan mengambil satu langkah yang lebih dinamik untuk mengatasi masalah mereka.

Sudah tiga Menteri berlalu dan pelbagai rombongan nelayan kita bawa ke Parlimen pada tiap-tiap tahun sejak PRU-13 tetapi masih juga masalah-masalah ini berterusan dan tiada nampak penghujungnya. Kita rasa hairan dan pihak nelayan juga merasakan musykil kenapa pihak berkuasa, Jabatan Laut, Polis Marin, Jabatan Perikanan tidak termasuk Navy kita sudah berpuluhan tahun tidak dapat menyelesaikan masalah mereka.

Akibatnya ikan terus pupus dan dicuri oleh nelayan asing. Ini adalah satu kenyataan hari ini di mana setiap kali mereka keluar pendapatan mereka makin berkurangan. Ini di samping daripada tekanan atau *provocation* atau provokasi daripada nelayan-nelayan asing yang masih berterusan tanpa reda keadaannya. Soalannya, kenapakah pihak berkuasa kerajaan tidak begitu bermaya atau tidak peka masalah nelayan yang di antara golongan yang termiskin yang perlu pembelaan yang amat sangat. Soalannya, sampai bila masalah ini akan diatasi dengan lebih baik dan lebih menyeluruh.

Tuan Pengerusi apabila aduan-aduan telah dibuat oleh pihak nelayan tentang masalah mereka, antara alasan yang diberi adalah mereka, pihak berkuasa perlu lebih banyak bukti dan bukti ini telah diletakkan kepada nelayan. Sepatutnya pihak berkuasalah yang berusaha kerana ini di bawah bidang tanggungjawab dan kuasa mereka. Inilah satu keganjilan yang kita dapat hari ini. Pihak-pihak nelayan tidaklah berkemampuan untuk membeli alat-alat yang canggih atas sedemikian rupa untuk mengatasi rekod atau bukti yang diperlukan.

Kita rasa hairan kerana hari ini telah beberapa kali dicadangkan oleh pihak nelayan untuk menggunakan kemudahan pesawat kecil atau apa dipanggil *drone*. *Drone* ini digunakan oleh mereka yang suka, hobi kapal terbang kecil dan juga digunakan oleh Pasukan Bola Sepak Malaysia pun untuk latihan. Jadi apakah masalahnya untuk kerajaan menggunakan khidmat atau *services drone* yang kecil yang harganya begitu murah yang boleh dibeli dan boleh membuat pemantauan yang lengkap dan terperinci. Inilah masalahnya.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Pelik juga yang nelayan luar sukar untuk kita hendak tangkap sedangkan kalau di kawasan saya itu boleh dikatakan setiap hari nelayan-nelayan kecil ini yang diburu. Mungkin adalah kesilapan, kesalahan yang mereka alami. Kadang-kadang bot mereka dirampus, pukat mereka dirampus. Tiba-tiba kalau nelayan luar pula kita tidak dapat untuk hendak tangkap ataupun hendak dibawa ke pengadilan, ini satu perkara yang agak pelik. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih kepada sahabat saya.

■1210

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Saya minta ucapan tersebut dimasukkan dalam sebahagian daripada ucapan saya. Saya bersetuju itulah antara situasi sebenar yang berlaku hari ini. saya ingin menyambung tentang kegunaan *drone* tadi. Kalau kerajaan tidak mampu membeli *drone* yang harganya berapa ribu sahaja, bagaimanakah nelayan memandang tindakan kerajaan membeli jet-jet mewah untuk kegunaan pihak atasan, pihak VIP dan Menteri-menteri dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana sudah ada begitu banyak pesawat mewah.

Akan tetapi untuk membeli *drone* yang begitu murah dan kecil untuk membela nasib nelayan golongan yang termiskin tidak dapat dipertimbangkan pun sehingga begitu lama. Itulah ya, satu dilema yang dihadapi oleh kerajaan atau satu situasi yang kita rasa amat menyedihkan kerana pihak yang amat memerlukan pembelaan tidak diberi tumpuan yang sepatutnya dan begitu lama perkara ini telah diajukan.

Saya juga musykil apabila saya sebagai Ahli Parlimen meminta senarai syarikat-syarikat yang telah diberi lesen laut dalam oleh kementerian, sehingga hari ini saya tidak dibekalkan oleh senarai tersebut. Kenapakah ini menjadi satu rahsia? Ini kerana kita seperti apa yang dikatakan oleh sahabat saya tadi, pihak-pihak yang mempunyai lesen bot besar mendapat satu keistimewaan dan kita juga ingin mengetahui siapakah yang begitu istimewa yang diberi layanan tersebut? Kenapakah senarai ini dirahsiakan? Adakah ini juga dimasukkan di bawah OSA? Ini kerana sebagai satu rekod yang patut dibuka. Baik.

Di bawah Butiran 27400 – Pembangunan Usahawan Nelayan/Pengusaha. Saya ingin menyebut di sini, baru-baru ini kerajaan telah menujuhkan Pasukan Sukarelawan Simpanan Maritim Malaysia untuk kawasan ESSZONE. Kenapakah satu inisiatif yang agak sama atau hampir sama tidak diadakan untuk membantu nelayan ini? Sudahlah *surveillance* dan pihak-pihak berkuasa yang ada hari ini gagal atau begitu lemah, kenapa tidak ada inisiatif yang boleh dilakukan di Malaysia Timur tidak boleh diadakan di Pantai Timur Semenanjung?

Di bawah Butiran 23702 – Pengurusan dan Perlindungan Sumber Perikanan. Saya juga meminta penjelasan di sini, apabila pihak nelayan meminta sebab-sebab kenapa pengawasan atau rondaan tidak dibuat sebagaimana sepatutnya. Antara alasannya adalah tidak ada peruntukan. Minyak untuk rondaan tidak ada dan tidak cukup. Ini adalah alasan yang amat menyedihkan, yang tidak munasabah. Sekali lagi saya merujuk kepada kemudahan orang atasan dengan jet eksekutif dan sebagainya boleh merata dunia, kenapakah untuk meronda lautan kita, menjaga sumber makanan orang yang begitu miskin, yang mengharapkan ikan sebagai sumber protein utama mereka dan sumber pendapatan mereka tidak dapat dibela hanya dengan memberi peruntukan untuk minyak. Ini adalah keperluan asas. Itulah perkataan yang kita hadapi hari ini.

Akhir sekali di bawah Butiran 26900 – Pemantauan Maklumat Industri Perikanan ada RM5.2 juta. Di sini saya ingin bertanya, tidakkah di bawah pemantauan maklumat industri ikan ini, kerajaan diberi maklumat tentang kepupusan ikan di perairan kita? Ini kerana inilah laporan yang disampaikan oleh nelayan tetapi kita tidak dengar apa-apa laporan tentang kedudukan keseluruhan kepupusan ikan di perairan kita. Ini adalah satu

masalah yang tidak ditimbulkan di mana-mana pihak yang patut memberi satu *prominent* kepada masalah ini. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana peluang ini dan saya harap soalan-soalan yang telah dikemukakan diambil berat oleh pihak berkenaan kerana ini merupakan satu masalah asas oleh golongan yang termiskin, yang perlu pembelaan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

#### **12.14 tgh.**

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berhubung dengan pembikinan dan pembaikan jalan ladang. Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian, apakah perancangan untuk menentukan, memastikan bahawa pembikinan dan baik pulih jalan-jalan ladang khususnya di kawasan Parlimen saya Kinabatangan? Sebab saya telah berurusan dengan kementerian beberapa kali tetapi nampaknya masih gagal untuk mendapatkan peruntukan.

Jadi peladang, petani di kawasan saya meminta saya untuk menyampaikan hasrat mereka agar sekurang-kurangnya pihak kementerian memberi peruntukan di Parlimen Kinabatangan untuk tujuan naik taraf jalan-jalan ladang yang tujuannya untuk mengeluarkan hasil-hasil tanaman, buah-buahan yang mereka terokai selama ini. Di Sabah ini terkenal dengan hujan lebat dan ini dijangka hujung bulan November, Disember, Januari. Memang hujan lebat dijangka turun. Jadi kalau tidak ada jalan yang baik, sudah tentu mereka tidak akan dapat mengeluarkan apa juar hasil-hasil tanaman mereka dan ini akan merugikan pendapatan kehidupan sehari-hari mereka.

Kedua Tuan Pengerusi, berhubung dengan subsidi benih padi. Subsidi benih padi ini memang satu keperluan bagi masyarakat. Baru-baru ini FELCRA Plantation telah mengeluarkan satu benih padi *cruiser* yang pertama kali dalam dunia dan benih padi ini dijangka dapat mempertingkatkan pendapatan petani-petani khususnya dalam padi 15 hingga 20 peratus peningkatan dia. Jadi, saya meminta mungkin kementerian menghantar pegawai-pegawai untuk berbincang dengan FELCRA Plantation supaya mungkin benih-benih padi ini dapat dieksplorasi di seluruh negara. Untuk membantu mempertingkatkan pendapatan ekonomi negara melalui penanam padi.

Seterusnya, saya ingin berbicara soal industri beras negara. Kalau saya tidak silap banyak kali sudah saya meminta kepada kerajaan supaya melihat mengkaji

semula keputusan cuma untuk membenarkan satu syarikat monopoli mengimport beras iaitu Bernas. Kalau dahulu, memang kita boleh akui sebab Bernas ini mewakili negara tetapi sekarang Bernas ini dimiliki oleh orang-orang perseorangan. Jadi, mungkin diberi kelonggaran kepada syarikat GLC kerajaan untuk turut menerokai, untuk turut serta dalam apa ini perniagaan industri beras ini. Sebab saya melihat tidak ada macam mana sebuah syarikat boleh memastikan *stockpile* beras untuk negara.

Saya mahu tanya kepada kementerian di mana *stockpile* beras kita dan berapa *stockpile* beras yang kita ada?

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Okey, tidak akan lama. Saya mahu tanya beranggaran Yang Berhormat Kinabatangan, berapa *profit* yang didapati oleh BERNAS untuk beli murah di Vietnam dan jual di Malaysia ini? Berapa dia punya *profit* setahun.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Hujah daripada Yang Berhormat Sungai Siput ini saya masukkan dalam ucapan saya supaya kementerian boleh menjawab sebab saya pun tidak tahu berapa *profit* dia. Dia tidak beritahu kita. Jadi, mungkin pihak kementerian boleh bertanya dengan Bernas berapa *profit* atau keuntungan yang dia perolehi.

Oleh sebab itu, rasa saya dalam keadaan negara pada hari ini sistem monopoli ini harus kita lihat sebagai satu sistem yang tidak ada keuntungan dia— tidak. Kita harus ada persaingan secara terbuka di antara satu sama yang lain.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Kinabatangan. Sekijang, Sekijang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Setuju tidak Yang Berhormat Kinabatangan kalau kerajaan kita bagi-bahagikan kuota BERNAS ini kalau selama ini BERNAS menjadi hanya satu syarikat tunggal yang membawa masuk beras ini kita beri juga kepada syarikat-syarikat agensi lain seperti FELCRA, RISDA dan FELDA untuk membawa masuk beras ini. Apa pandangan Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Sebetulnya itulah yang antara lain yang dinanti-nantikan. Sebab sekurang-kurangnya, syarikat GLC ini dia mewakili kerajaan dan dia boleh akan memastikan bahawa *stockpile* itu memang

sentiasa terjamin. Kalau syarikat sendirian berhad biasa macam mana hendak mewakili negara kita. Itu sebab saya selalu bertanya di mana *stockpile* beras kita. Di mana *stockpile* gula kita. Macam-macam.

## ■1220

Rasa saya tidak ada. Kita bergantung sama *outsourcing* dengan negara-negara Thailand, China, India dan Pakistan, macam-macam. Jadi satu hari mungkin ada *clash* antara negara dengan negara, saya nampak mungkin rakyat Malaysia ini akan kelaparan satu hari nanti sekiranya tidak ada pembekal-pembekal yang membekalkan kita sekiranya ada berlaku pertembungan, mungkin harap-harap tidaklah.

Jadi saya juga ingin menggesa pihak kerajaan melalui kementerian, mungkin waktunya untuk kita melihat kalau kita lihat di *Philippine* satu ketika dulu, ladang mangga dia tak ada. Satu ketika dia guna *house to house*. Dia bagi benih mangga satu rumah empat atau lima benih, dia edarkan di dalam bandar. Dalam bandar itu ada berjuta-juta rumah, kemudian dia wujudkan koperasi untuk *collect* buah-buah itu. Hari ini *Philippine* terkenal dengan pengeluaran mangga yang terbesar di dunia. Kita pun negara Malaysia mengimpor mangga daripada *Philippine*.

Di *Philippine* ada jutawan *banana* ataupun pisang, di *Philippine* ada jutawan *mango*, di *Philippine* ada jutawan kelapa. Di Malaysia saya mahu tanya, berapa ada jutawan mangga, pisang, kelapa, saya rasa tidak ada. Jadi kalau tidak ada, apa harapan kerajaan untuk memastikan bahawa mungkin di masa akan datang tanah kita masih banyak tetapi kita tumpukan dengan penanaman yang tidak bermanfaat. Satu lagi, pihak kementerian rasa saya perlu mengesyorkan kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya mewartakan tanah-tanah produk makanan ini. Sebab kalau tidak diwartakan, akhirnya tanah-tanah yang mengeluarkan produk makanan ini dinaiktarafkan sebagai *industry land* ataupun *development land*.

Jadi akhirnya, contoh satu ketika dulu negara kita Malaysia ini merupakan pengeluar minyak sawit terbesar di dunia. Sekarang kita nombor dua. Kenapa kita menurun? Ini kerana pengurangan saiz tanah untuk penanaman kelapa sawit itu sendiri. Jadi daripada 25 juta kita eksport pada tahun-tahun yang lalu, sekarang ini tinggal 19 juta. Jadi kita tidak mahu tanah-tanah yang mengeluarkan produk makanan ini dinaiktarafkan sebagai tanah industri dan sebagainya. Jadi akhirnya tanpa kita sedari, sebab ada pepatah orang tua-tua dahulu, “*Bukit sekalipun kalau dicangkul hari-hari, bukit itu akan runtuh*”. Jadi kita tidak mahu tanah yang kita sediakan untuk pertanian ini kita kurang, kita kurang sedikit demi sedikit, sedikit demi sedikit, akhirnya tanah pertanian yang mengeluarkan hasil makanan itu akan tidak kita nampak.

Saya mintalah kerajaan supaya serius sedikit melihat bahawa industri makanan ini sebagai satu industri yang mendatangkan keuntungan yang kepada negara itu sendiri. Sebab kita lihat antara import dan eksport di negara kita, bahan-bahan mentah terlalu jauh beza dia. Kita import contohnya sampai 25 bilion, kita eksport lebih kurang 7 bilion, 8 bilion. Jadi tidak seimbang antara yang masuk dengan yang keluar. Ini kerana sedangkan tanah kita di negara kita ini, tanah Malaysia ini sebenarnya subur. Kita buang apa sahaja, dia tumbuh. Saya telah buat penyelidikan Tuan Pengerusi, tidak ada barang-barang makanan yang turun harga sampai hari ini. Dia akan naik dari semasa ke semasa, dari sehari ke sehari. Jadi ini contoh yang paling baik kita lihat bahawa melibatkan dalam produk hasil makanan ini akan mendatangkan keuntungan kepada negara kita. Jadi saya percaya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan ada idea-idea dan ilham untuk memastikan bahawa hasil tanaman di negara kita ini dipertingkatkan dan jadikan negara Malaysia sebagai gedung pengeluaran makanan pada masa-masa akan datang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

#### **12.24 tgh.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan B.21 10400 – Industri Padi dan Beras. Saya sependapat dengan Yang Berhormat Kinabatangan berkaitan dengan soal pengimportan beras yang tidak seharusnya dimonopoli oleh satu syarikat milik individu iaitu BERNAS. Malah saya juga bersetuju bahawa seharusnya soal pengimportan beras ini harus diambil alih oleh pihak kerajaan sendiri dengan mewujudkan kembali iaitu seperti Lembaga Padi dan Beras Negara. Ini adalah untuk tujuan bagi merancakkan dan juga memartabatkan pengeluaran beras tempatan.

Masalah yang dihadapi sekarang ini oleh pak tani dan juga pengilang-pengilang beras, baru sahaja saya dimaklumkan bahawa beras tempatan sekarang ini seperti tidak laku, berada di gudang di kilang itu dari bulan 8 yang lalu masih belum boleh keluar dari kilang kerana kebanjiran ataupun lambakan beras, dikatakan wujud lambakan beras import. Jadi bila kita memberikan monopolii import beras ini kepada satu syarikat iaitu BERNAS dan juga melalui anak-anak syarikat di bawah BERNAS ataupun JV dengan BERNAS ini, maka saya lihat bahawa di sana ada kelemahan-kelemahan dari sudut penguatkuasaan pemantauan sehingga kita gagal untuk memastikan sama ada dia mengimport itu pada kadar yang dibenarkan ataupun lebih daripada apa yang dibenarkan. Daripada *report* yang diberikan kepada saya baru sebentar tadi,

menunjukkan bahawa pengimportan itu telah lebih daripada apa yang dibenarkan oleh pihak kerajaan. Jadi sebab itu bagi saya bahawa kerajaan harus mengambil alih persoalan ini.

Kedua ialah kita tidak boleh mengimport beras yang lebih berkualiti dari beras tempatan. Masalah yang berlaku sekarang ini ialah - Maksud saya beras putih. Saya tidak ada masalah kepada beras basmathi atau beras wangi. Beras basmathi atau beras wangi, saya tidak ada masalah untuk kita membenarkan dibawa masuk. Akan tetapi untuk beras putih ini kita tidak boleh membenarkan beras putih yang berkualiti lebih tinggi daripada beras tempatan. Ini akan menjadikan beras tempatan tidak dapat dimartabatkan ataupun tidak dapat dilambakkan dalam pasaran kira. Ini kerana inilah juga yang menjadi masalah kepada kita pada hari ini Tuan Pengerusi, bila kita mengimport beras putih yang berkualiti lebih tinggi daripada beras putih tempatan, mereka yang pengilang-pengilang dan pemberong yang mengkampitkan beras ini akan mencampurkan beras putih tempatan itu 60% dan beras putih daripada luar yang diimport itu 30%, tetapi dilabelkan sebagai beras import. Ini tidak menguntungkan sebab dari satu sudut kita lihat bahawa sepatutnya kalau hendak dilabelkan, mesti kita labelkan supaya dilabelkan untuk mengangkat martabat beras tempatan.

Ini kerana bila orang hendak makan, orang hendak makan pada label. Orang hendak makan, orang nak lihat, "Oh, ini beras putih tempatan. Beras putih import dan sebagainya". Jadi, kita mesti memastikan supaya yang dimakan oleh rakyat di dalam negara kita ini ialah beras putih tempatan, bukan beras putih dari luar. Jadi sebab itu saya harap bahawa beras putih import ini mestilah beras putih yang kualitinya lebih rendah supaya beras putih tempatan itu dapat dilambakkan dalam pasaran secara yang lebih meluas. Ini sekali gus akan menggerakkan kilang-kilang itu dapat memproses beras dan beras tempatan itu akan dilambakkan dalam pasaran. Ini dengan sendirinya, pengilang-pengilang akan menawarkan insentif yang lebih kepada pak tani-pak tani. Maknanya pendapatan pak tani itu akan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Sekarang kalau dia kata RM1,200, RM1,200 sahajalah tetapi tidak ada insentif-insentif lain yang ditawarkan oleh pengilang. Ini kerana pengilang juga mengambil kira kepada masalah keuntungan yang bakal mereka peroleh jikalau beras tempatan tak dapat diproses untuk dikeluarkan daripada kilang mereka bagi dilambakkan dalam pasaran. Jadi, saya harap bahawa soal ini harus diberikan keutamaan untuk memastikan supaya kita dapat memartabatkan beras tempatan. Ini kerana Tuan Pengerusi, tahap sara diri kita ialah 70%.

■1230

Maknanya kita telah berjaya untuk menghasilkan beras tempatan ini 70 percent. Jadi sepatutnya apabila dalam satu kaedahnya ialah kalau kita hendak bawa masuk untuk menampung lagi 30 percent itu, mestilah ia lebih rendah. Takkannya kita hendak tampung 30 percent itu beras yang lebih tinggi. Macam orang main bola lah, 11 orang pertama itu mestilah pemain-pemain yang hebat, sebab itu Kedah boleh jadi johan. Mestilah 11 yang pertama itu ialah pemain-pemain yang berkualiti. Yang lain itu, pemain simpanan itu, pemain yang rendah kualitinya. Kita takkan letakkan, maknanya pemain simpanan itu, pemain yang kualitinya lebih tinggi daripada 11 orang pemain yang utama.

Jadi macam itu juga saya kata dalam kaedah membawa masuk beras dari luar ini. Jadi kita hendak tampung 30 percent sahaja lagi. 30 percent lagi. Jadi mestilah kita tampung dengan 30 percent lagi itu daripada beras yang kualitinya lebih rendah.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Pokok Sena, pemain Kedah makan beras apa ya?

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Untuk merancakkan dan melambakkan beras tempatan di dalam pasaran.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Ya, boleh saya celah sedikit?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih...

**Tuan Penggerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Penggerusi, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya hendak minta komen sedikit. Ada beras di Kedah yang diusahakan sendiri. Beras yang berkualiti tinggi, beras perang bernama SRI Lovely di Jeniang, Kedah. Beras ini tidak mendapat sebarang bantuan daripada kerajaan semua sebab ia tidak ke BERNAS tetapi ia selalu disebut sebagai beras yang terbaik daripada segi beras yang sihat. Jadi komen sedikit.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik, ini satu perkembangan baru yang seharusnya diberikan perhatian oleh kerajaan untuk membantu mereka yang mengeluarkan beras perang yang dari sudut kesihatan. Saya melontarkan beras yang berkualiti tinggi ini beras putih, bukan beras perang, ya. Jadi itu satu perkembangan yang harus diberikan perhatian oleh kerajaan bagi membantu pengeluaran tersebut.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Yang Berhormat, boleh saya tanya?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ringkas, ya?

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]:** Ya, ringkas. Saya difahamkan sekarang memang ada, sebab Yang Berhormat tadi ada menyebut tentang bekalan beras dalam

negara kita dan bekalan beras tempatan harus diutamakan. Saya ada menerima maklumat bahawa sekarang ini ada 23,000 metrik tan beras lambakan yang sedang berlaku dalam kilang-kilang Melayu seluruh Malaysia. Lambakan 23,000 metrik tan.

Saya difahamkan juga bahawa itu adalah beras yang diproses. Beras yang belum diproses sampai 40,000 metrik tan. Apakah pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Memang betul seperti apa yang saya sebut tadi, ada kilang yang saya baru hubungi tadi, sebelum saya berbahas ini, daripada bulan lapan tempoh hari masih belum dikeluarkan daripada kilangnya kerana tidak dapat dilambakkan kerana lambakan beras putih import melebihi daripada apa yang sepatutnya iaitu 30 percent. Jadi sebab itu bagi saya, untuk hendak mengelak ini, bagi memastikan lambakan beras putih tempatan ini, maka kualiti beras putih import itu mesti lebih rendah daripada kualiti beras putih tempatan. Jadi ini yang saya mohon.

Kedua, Tuan Pengerusi ialah permutuan padi. Ini menjadi isu di kalangan petani-petani apabila ada permutuan yang lebih tinggi dan sebagainya. Saya boleh bersetuju apabila kita hendak *fix* permutuan ini, kita hendak tetapkan permutuan itu pada 20 percent kah, berapakah, 16 percent, 20 percent, 22 percent dan sebagainya pada waktu-waktu yang kita katakan serangan penyakit dan sebagainya kerana ini akan menyebabkan kerugian yang berlipat ganda. Akan tetapi, kalau bagi waktu yang biasa yang tidak ada penyakit, tidak ada banjir dan sebagainya, bagi saya sepatutnya kerajaan mencari satu kaedah supaya mewajibkan kilang-kilang menggunakan alat permutuan padi. Bukan hanya dengan anggaran pegawai kilang itu sahaja yang menentukan berapa pemotongan.

Sebab bagi saya, kalau di waktu cuaca yang elok, tidak ada masalah kepada tanaman padi kita. Kalau kita pergi *fix* juga walaupun 20 peratus, sebenarnya itu bukan menguntungkan petani tetapi menguntungkan kilang. Kalau mengikut permutuan sebenar, kalau ada peralatan, saya percaya kilang boleh beri lebih rendah daripada 20 peratus kerana saya pernah hadir ke satu kilang membuat ujian ke atas alat permutuan, dia boleh beri lebih rendah daripada permutuan yang telah ditetapkan oleh kerajaan terlebih dahulu. Jadi ini yang saya harapkan.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya harap pihak kerajaan dapat membantu kerana ini rungutan dalam pertemuan dialog saya dengan petani-petani di negeri Kedah bersama dengan Yang Berhormat Sungai Siput iaitu mereka minta supaya diberikan, mencari satu kaedah untuk diberikan baja untuk menguatkan dan mengeraskan batang padi. Ya, Yang Berhormat Mersing, menguatkan dan mengeraskan batang padi sebab ini masalah kekuatan batang padi itu tidak ada. Jadi mereka harap bahawa ini - pasal apa Tuan Pengerusi tengok tercengang tadi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sayangnya cerita hendak menguatkan dan mengeraskan batang padi ini, masa sudah habis. Kalau tidak boleh cerita panjang-panjang lagi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Ketawa]* Baik, saya harap ini yang dapat diberikan pertimbangan kerana baja-baja yang lain itu, yang lain-lain itu kadang-kadang diberikan baja-baja yang tidak menjadi keperluan kepada rakyat dan saya harap bahawa mereka juga diberikan dalam bentuk baucar untuk mereka mendapatkan apa keperluan sebenar yang sesuai dengan kehendak untuk penanam padi. Bukan kita tentukan tetapi akhirnya mereka tidak dapat guna. Jadi batang padi pun tidak dapat diberikan satu kekuatan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Merbok.

#### 12.36 tgh.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kasihan Yang Berhormat Merbok, lama tidak bercakap.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Terima kasihlah peluang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dia ada beras Merbok.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tentang B.21, Butiran 020000. Penduduk Kampung Merbok di antara Bukit Selambau dan Tanjung Dawai rata-ratanya adalah petani dan peladang yang mengusahakan pertanian berdasarkan tanaman kontan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran. Kebanyakan daripada mereka adalah tergolong pada golongan B40.

Terdapat beberapa masalah yang berlaku terhadap tanaman yang diusahakan antaranya ialah pengeluaran hasil tanaman yang semakin berkurang, penggunaan benih tanaman dan baja yang kurang berkualiti, tiada penggunaan teknologi baru, peruntukan yang tidak mencukupi, kurang bimbingan kemahiran untuk tanaman yang diusahakan dan lain-lain lagi. Mohon FAMA memfokuskan kepada usahawan asas tani di kawasan Merbok untuk aktiviti-aktiviti yang ingin dilakukan pada tahun 2017 supaya mereka dapat mempertimbangkan lagi pengeluaran tanaman mereka dan seterusnya dapat meningkatkan taraf ekonomi hidup mereka.

Masalah dusun-dusun tua seperti dusun durian, cempedak, manggis dan sebagainya yang tidak lagi mendatangkan hasil kepada petani. Mohon FAMA membuat penambahbaikan ke atas dusun-dusun tua ini dari segi bantuan kewangan bagi

penambahan semula dan kemudahan teknologi seperti pembekalan benih yang lebih berkualiti serta cepat matang dan sebagainya. Masalah bantuan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda iaitu MADA. Masalah utama yang dihadapi oleh petani yang mengusahakan tanaman padi di kawasan Merbok ialah masalah perkhidmatan pengairan dan saliran.

Air yang dibekalkan tidak mengikut masa dan kualiti yang diperlukan. Hal ini telah membantu penumbuhan padi dan mengurangkan kualiti pengeluaran padi di kawasan Merbok. Mohon MADA untuk memfokuskan kepada perkhidmatan pengairan dan saliran, pengurusan empangan dan sumber air, mekanikal dan elektrik di kawasan Merbok supaya pengeluaran tanaman padi dapat dipertimbangkan dan seterusnya dapat meningkatkan hasil padi untuk pengeluaran negara. Masalah petak-petak sawah padi yang letaknya berhampiran laut dan muara kerap dimasuki air masin menyebabkan pertumbuhan padi terbantut dan rosak.

#### **■1240**

Butiran 120000 – Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia bersabit masalah bantuan dari Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. Masalah yang berlaku pada petani yang mengusahakan tanaman nanas di kawasan Merbok ialah mereka kekurangan latihan daripada segi aspek projek tanaman nanas yang diusahakan. Terdapat projek yang dihasilkan oleh mereka daripada buah nanas ialah jus nanas. Namun, produk tersebut menghadapi masalah daripada segi formasi yang dilakukan seterusnya memberi kesan kepada pendapatan mereka.

Mohon LPNM iaitu Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia membantu usahawan nanas di kawasan Merbok untuk aktiviti-aktiviti yang ingin dilakukan pada tahun 2017 supaya mereka dapat mengeluarkan lagi pengeluaran tanaman mereka dan seterusnya dapat meningkatkan taraf ekonomi hidup mereka.

Butiran 130000 – Program Khusus. Projek Perumahan Nelayan Tanjung Dawai di bawah LKIM yang sepatutnya siap September 2017 sehingga kini masih gagal disiapkan oleh pemaju walaupun telah beberapa kali tempoh lanjutan telah diberi oleh LKIM. Projek tersebut juga gagal dibuat mengikuti spesifikasi yang ditetapkan. Masalah tapak asas tanah di atas hutan bakau yang ditimbus, kualiti pembinaan rumah dan longkang juga tidak dapat diatasi oleh pemaju.

Mohon kerajaan mengambil tindakan bagi menyelesaikan masalah ini secepat mungkin memandangkan nelayan-nelayan di Tanjung Dawai ini amat memerlukan tempat tinggal. Mohon LKIM memastikan syarat penduduk rumah nelayan tersebut dilepasi oleh nelayan iaitu menjadi ahli persatuan nelayan kawasan dan tidak pernah terbabit kesalahan jenayah dan dadah. Keutamaan mendapat rumah ini hanya diberi

kepada nelayan Tanjung Dawai sahaja kerana nelayan-nelayan yang tinggal di Tanjung Dawai ini amat memerlukan tempat tinggal yang lebih selesa.

Butiran 30000 – TEKUN. TEKUN merupakan salah sebuah agensi yang berada di bawah Kementerian Pertanian yang menyalurkan bantuan kepada pembiayaan modal bagi memulakan perniagaan, menyediakan maklumat-maklumat berkaitan keusahawanan serta peluang-peluang perniagaan yang sedia ada, memberi khidmat bimbingan dan sokongan kepada semua para usahawan yang menyertai TEKUN dan menggalakkan budaya menabung dalam kalangan usahawan TEKUN.

Jadi, untuk menyelesaikan tuntutan untuk pinjaman tabung ekonomi usahawan iaitu TEKUN terhadap golongan B40 di kawasan Merbok ini, antara salah satu sebabnya adalah untuk membantu usahawan di kawasan Merbok mengusahakan tanah yang terbiasa di kawasan tersebut dengan tanaman seperti tanaman kontan.

Mohon kementerian mengutamakan sasaran untuk pinjaman TEKUN ini adalah terhadap golongan B40 supaya mereka dapat menjayakan perniagaan yang dilakukan oleh mereka seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup masa depan mereka.

Sekian, saya menyokong Bajet 2017. Terima kasih.

**Tuan Pengurus [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

#### **12.46 tgh.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Saya hendak bawa empat isu.

Satu adalah B.21 Butiran 130400 – Subsidi Harga Padi di mana tahun ini peruntukan dikurangkan sebanyak 25 peratus. Tahun lalu ada RM400 juta, tahun ini hanya RM300 juta. So, saya mahu tanya Menteri, bagaimana mereka nak kendalikan ini? Kerana, saya faham bahawa harga lantai adalah 75 sen satu kilo dan *price support* yang diberi oleh kerajaan ada lagi 75 sen. So, seorang pesawah dapat RM1.50 setiap kilo padi yang dijual. So, adakah peruntukan sekarang RM300 juta ini mencukupi untuk beri *price support* ini untuk semua pesawah kita?

Ini penting daripada dua segi. Satu ialah sektor pesawah ini antara yang termiskin di negara kita, so mereka harus *disupport*. Kedua, kita pun mahukekalkan sektor ini kerana ini untuk *food security* negara kita, untuk jaminan makanan negara kita. So, ini satu sektor walaupun, katakan dia punya pendapatan rendah tetapi kita kena lindung, kena kekalkannya *for food security reason*. So, apakah cadangan kementerian untuk mengendalikan *budget cut* ini sebanyak 25 peratus daripada tahun lalu?

Satu lagi ialah subsidi baja, Butiran 130500, di mana subsidi baja pun dikurangkan 25 peratus. Tahun lalu RM400 juta, tahun ini RM300 juta. Tetapi untuk ini, mungkin saya boleh bagi satu idea, satu cadangan kepada kementerian. Bila kita melawat kepada pesawah, dia katakan banyak—mereka tidak boleh pakai apa yang dibekalkan kepada mereka, ke rumah-rumah mereka. Mereka kata itu tidak dapat dipakai oleh mereka kerana kualitinya tidak cukup baik. So, mereka simpan sahaja apa yang dibekalkan oleh pembekal baja percuma ini dan mereka beli di pasaran yang baru.

So, bolehkah kita tukar keadaannya? Kita beri mereka baucar bergantung kepada keluasan tanah mereka dan membenarkan mereka beli di beberapa kedai-kedai ataupun beberapa syarikat yang dikenal pasti oleh kementerian. Ini mungkin kita dapat lebih *value for money* dan mungkin RM300 juta itu mencukupi walaupun dikurangkan.

Isu ketiga yang saya hendak bawa berkenaan Butiran 070000 – FAMA. Di kawasan saya Sungai Siput, saya dapat banyak aduan daripada pekebun-pekebun dusun yang mengatakan ada banyak lambakan buah-buahan pada musim-musim tertentu. Rambutan, langsat, duku.

#### ■1250

Pada musim ada berbuah itu mereka tidak dapat jual kerana tidak ada pasaran dan kadang-kadang rosak, kadang-kadang kena bagi *free*. So, ini satu masalah yang besar yang mereka hadapi. Ramai di antara mereka yang ingat mereka hendak *diversify*, pelbagaikan mereka punya tanaman kerana kita tengok getah pun tidak begitu, tidak dapat satu pendapatan yang besar. So, mereka hendak *diversify* pelbagaikan hendak adakah dusun tapi masalah dengan dusun ialah lambakan.

So, apakah cadangan FAMA, saya tengok kali ini FAMA dapat RM174 juta. So, apakah kerja yang FAMA sedang buat dalam usaha untuk mengetinkan rambutan, mengetinkan duku atau langsat ataupun pun untuk buat *freeze drying* ataupun untuk keringkan. Apakah cara-cara yang dibuat oleh FAMA untuk bantu petani kita, pekebun kita cari pasaran. So, saya mahu tahu apakah *progress*, apakah perkembangan dalam usaha FAMA untuk bantu sektor dusun untuk cari pasaran.

Yang *last* sekali ialah Butiran 030600 – Pembangunan Komoditi Ternakan. Pada setakat ini Menteri dan Tuan Pengurus, kita ada kemahiran di kalangan kita. Macam di Sungai Siput ada seramai 40 hingga 50 penternak yang telah buat kerja ini selama 20 tahun mungkin ada juga bapa mereka buat, mereka buat. So, mereka pandai juga lembu-lembu, jaga kambing mereka tahu, jika sakit mereka boleh merawat tapi masalah dia hampir semua mereka tidak ada tanah sendiri. Mereka pakai bekas lombong, mereka kena pakai tanah kerajaan yang terbiar, mereka di pinggir estet dan mereka semua diancam oleh pembangunan negara kita.

Baru tahun lalu sahaja di satu kawasan Padang Tembak di Sungai Siput ada satu projek pembangunan dan tiga orang penternak diusir keluar dan bila saya bawa jumpa dekat pejabat tanah untuk minta di Sungai Siput adakan kawasan lain yang diberi untuk mereka sebagai tanaman ganti. Kita tidak minta geran kita hanya minta *licenses*, kita minta satu *lease*. Akan tetapi di Sungai Siput tidak ada cadangan, tidak ada peruntukan tanah untuk penternak yang diusir oleh proses pembangunan, langsung tidak ada. Kita kata kita boleh pergi sampai ke Lasah, mana-mana kawasan pun kita sedia hendak pergi tetapi tidak dapat.

So, jika ini teruskan saya ingat lagi 10 tahun kita takkan ada lagi banyak penternak. Ini satu kemahiran kita jangan pandang rendah, mereka tidak belajar semua, mereka dengan dia punya *experience*, pengalaman mereka, adalah satu kemahiran yang begitu penting untuk negara. Saya tahu tanah adalah kuasa di bawah kerajaan negeri dan kementerian di Persekutuan tidak boleh *directly involve* lah tapi saya ingat jaminan makanan ataupun *food security* adalah sesuatu yang harus diambil berat oleh Kerajaan Pusat dan kita pun ada Majlis Tanah Negara yang dispesifikasi dalam fasal 91 Perlembagaan kita di mana Kerajaan Pusat pun boleh ambil bahagian dalam menentukan polisi atas isu-isu penting macam *food security*.

So, saya rasa kita mesti pakai, kementerian mesti pakai fasal 91 dalam Perlembagaan kita, Majlis Tanah Negara untuk menggubal polisi-polisi untukkekalkan *food security*,kekalkan jaminan makanan *and* untuk ada satu polisi yang boleh cari, boleh beri tanah gantian untuk penternak kita. Kita boleh mempertahankan dan memperkembangkan sektor itu, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Mersing.

#### **12.54 tgh.**

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Yang Berhormat Tuan Pengerusi saya cuba habiskan sebelum pukul satu. Khusus perkara merujuk kepada Butiran 131100 – TEKUN. TEKUN punya peruntukan sudah dikurangkan daripada RM5 juta kepada RM3 juta. Saya hendak tahu berapa usahawan yang dibantu dan prestasi bayaran balik. Penerima TEKUN ini yang paling *basic*, kalau dia bagus dia boleh pergi ke dapat bantuan AIM ataupun mungkin pada agensi seperti MARA. Saya hendak tahu berapa yang terlibat dalam industri makanan yang sudah menjadi bertaraf *Good Manufacturing Practice (GMP)*. Oleh sebab saya ada bantu penerima TEKUN di Endau ini, dia buat pemakanan dan jabatan memang bantu dia. Sudah dipasarkan di merata tempat tetapi dia masih berhadapan dengan masalah modal.

Kedua, Butiran 030400, perkhidmatan veterinar khususnya penyelidikan dan inovasi. Lembu tenusu ini adalah satu industri yang amat baik dan produk dia tidak pernah tidak ada sambutan. Apa juga susu *fresh* yang dibekalkan, semuanya dibeli oleh pengguna dan juga orang tengah. Ini orang tengah yang baiklah. Antara masalah lembu tenusu ini adalah kerana suhu yang tidak dapat kita tetapkan. Ini kerana kalau suhu itu rendah, susu yang dikeluarkan lebih banyak. Di negara jiran seperti Indonesia di kawasan Malang saya sudah pergi. Produksi lembu tenusunya amat baik kerana ia dibuat di pergunungan.

Apakah tindakan jabatan bagi memastikan penurunan suhu ini? Umpamanya ada kolaborasi dengan SEDA menggunakan solar supaya lembu tenusu ini duduk dalam satu habitat yang sejuk iaitu dia perlukan *chiller* dan *air conditioner*. Kalau pakai tenaga biasa, mahal.

Kedua, akhir sekali. Ada dua akhir. Satu fasal jelapang padi, saya sudah beritahu Yang Berhormat Menteri sewaktu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri umumkan Jelapang Padi Pekan termasuk Rompin untuk Maksud Pembangunan 21 Butiran 10920, AIDA Rompin ini dapat RM13 juta. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri datang Jelapang Padi Endau. Saya hendak tahu berapa banyak peruntukan daripada RM13 juta ini diagihkan kepada Jelapang Padi Endau? Ini kerana operatornya adalah orang yang sama, kawasan sahaja yang lain.

Akhir sekali Butiran 040500, perikanan khususnya penyelidikan. Saya hendak rujuk kepada pengalaman anak muda di Mersing yang bela ikan kelah. Baru-baru ini dengan kolaborasi Jabatan Perikanan Pusat dan juga negeri Johor, ikan kelah ini telah dapat disenyawakan benih-benih ini di luar makmal. Anak muda ini belanja lebih kurang RM300,000 untuk mewujudkan kolam ikan kelah. Dia belanja sendiri, dia ada lebih kurang 6,000 ikan kelah. Dekat Sarawak dipanggil empurau. Kalau 700 gram hingga 800 gram harganya RM400 ke RM500. Saya pun kena beli daripada dia. Saya hendak tanya, apakah bantuan spesifik untuk usahawan-usahawan yang telah memulakan industri ini? Industri ini perlu diberi galakan oleh jabatan kerana ikan kelah sudah pun tidak dapat hidup secara semula jadi dalam alam sekitar yang terganggu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada yang hendak daftar? Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**12.59 tgh.**

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak berbahas tentang butiran-butiran subsidi harga padi, subsidi baja padi, insentif

pengeluaran padi, subsidi benih padi sah, subsidi baja padi bukit dan huma. Beberapa butiran ini di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, kita sambung 2.30 petang ya.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, Majlis bersidang sebagai Majlis Mesyuarat.

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita tangguhkan persidangan kita sehingga jam 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya saya jemput Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**2.32 ptg.**

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyambung semula perbahasan saya. Nampaknya Timbalan Menteri pun ada di sini. Tuan Pengerusi, perbahasan saya ialah adalah tentang butiran-butiran yang menyentuh tentang Subsidi Harga Padi - 130400, Subsidi Bajet Padi - 130500, Insentif Pengeluaran Padi -130600, Subsidi Benih Padi Sah - 130800 dan akhirnya Subsidi Bajet Padi Bukit dan Padi Huma – 130900.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, jumlah peruntukan untuk semua subsidi dan insentif untuk industri pesawah padi ini dari tahun 2016 ialah RM1.39 bilion. Akan tetapi pada tahun 2017 iaitu dalam bajet kali ini telah berkurangan sebanyak RM300 juta menjadi RM1.09 bilion. Hampir 22 peratus pengurangannya. Jadi, di sini saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, apa alasan dalam

perancangan kementerian ini, apakah alasannya berlaku pengurangan subsidi jumlah keseluruhan subsidi dan insentif untuk pesawah padi ini?

Soalan saya yang kedua, ada beberapa soalan sebenarnya. Soalan saya yang kedua adalah, walaupun kita lihat memang dalam Bajet 2017 ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui perangkaan-perangkaan pakar dan juga maklumat-maklumat daripada pasaran telah membuat keputusan untuk mengurangkan RM300 juta jumlah subsidi dan insentif. Di Kementerian Kewangan pula, semalam menteri kewangan ada kata, ada tambahan subsidi sebanyak RM210 juta.

Jadi saya nak tanya, mengapa ada perbezaan ataupun percanggahan sebegini antara perangkaan ataupun rancangan yang dibuat di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mengurangkan subsidi RM300 juta kemudian ditambahkan lagi pula peruntukan ini RM210 juta di kementerian lain. Kalau tambah pun kenapa tidak ditambah di kementerian sendiri. Semalam Menteri Kewangan, sebenarnya bukan semalam dua hari yang lepas, Menteri Kewangan Kedua ada kata ini adalah supaya Perbendaharaan ataupun Kementerian Kewangan boleh mengawal pelaksanaan. Yang Berhormat Taiping.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat terima kasih kerana mengizinkan saya mencelah. Tadi Yang Berhormat telah pun menyebut tentang subsidi benih padi. Saban tahun lebih dari RM1 bilion iaitu satu ribu juta subsidi telah diberikan untuk sektor pertanian menanam padi. Bagaimanapun mengikut jawapan yang saya terima daripada Menteri, di mana penghasilan padi oleh negara kita tidak cukup untuk menampung keperluan pasaran domestik, hanya 70 peratus sahaja dapat dihasilkan yang lain terpaksa bergantung kepada pengimportan. Dan pengimportan makanan di negara ini semakin hari semakin serius.

Dalam tempoh lima tahun ini, jumlah pengimportan makanan telah ‘pull’ dari luar negara telah meningkat dari RM15 bilion kini menjadi lebih kurang RM32 bilion tiap-tiap tahun. Saya nak tanya kepada kementerian, apa masalah utama, mengapakah Malaysia sebagai negara yang bertuah tetapi setelah merdeka dekat 60 tahun masih tidak dapat lagi menghasilkan makanan yang cukup untuk penduduk dan rakyat negara kita ini? Nanti saya harap Timbalan Menteri yang pakai cermin mata gelap dalam dewan ini dapat memberikan jawapan yang cukup jelas. Mungkin dia tidak nampak dengan jelas tengok, *you want to be stylish but you need to give full answer.* Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat tuju ke Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Yang Berhormat dari Taiping. Saya rasa itu soalan yang amat baik, jadi saya minta dimasukkan ke dalam

ucapan saya supaya Timbalan Menteri yang bercermin mata hitam di sebelah sana boleh menjawab.

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ada masalah kesihatan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Ya kita faham, kita faham keadaan kesihatan beliau, didoakan semoga cepat sembah. Jadi berikutnya soalan saya tadi ialah, mengapa ada pengurangan oleh Kementerian Pertanian kemudian ada pula peruntukan lain tambahan di Kementerian Kewangan. Mengapakah ada percanggahan sebegini?

Semalam dua hari lepas, Menteri Kewangan Kedua kata ini adalah supaya Kementerian Kewangan atau Perbendaharaan boleh mengawal pelaksanaan subsidi ini. Adakah kerana Kementerian Kewangan atau Kerajaan Pusat tidak ada keyakinan terhadap pegawai-pegawai yang saya rasa pakar dalam menjaga industri padi ini, adakah mereka tidak percaya kepada pegawai di Kementerian Pertanian sehingga Kementerian Kewangan terpaksa mengawal perbelanjaan dan pelaksanaan subsidi ini. Itu soalan kedua saya.

Soalan ketiga saya ialah, saya nak tanya sebab sudah diumumkan bahawa ada sejumlah RM1.3 bilion dalam ucapan Yang Amat Berhormat Pekan terhadap subsidi dan insentif. Jadi saya nak tanya, keseluruhan yang saya baca tadi butir-butiran tadi hanya RM1.09 juta selebihnya di Kementerian Kewangan.

Jadi macam mana, apakah rancangan Kementerian Pertanian ini untuk *claim* ataupun untuk dapatkan perbelanjaan ataupun RM210 juta itu bagi tujuan untuk membiayai subsidi dan insentif? Dan saya nak tahu juga, RM210 juta ini termasuk dalam subsidi dalam bidang apa. Adakah ini subsidi harga padi, subsidi bajet padi ataupun insentif pengeluaran padi ataupun subsidi untuk benih padi, padi bukit, padi huma. Jadi saya nak tahu RM210 juta itu macam mana nak *claim*? Bila akan *claim*, dan *claim* untuk peruntukan apa. Itu soalan ketiga.

Soalan yang keempat saya ialah, saya juga difahamkan pada tahun-tahun lepas ada juga kementerian mendapat subsidi tambahan daripada Perbendaharaan. Jadi saya nak dapatkan senarai untuk tahun-tahun lepas mungkin dari tahun 2013 hingga tahun 2015 ini.

#### ■1440

Jumlah peruntukan yang diperoleh bagi tujuan subsidi padi yang bukan berasal daripada Kementerian Pertanian daripada Perbendaharaan dan saya hendak tahu pecahan-pecahan jumlah peruntukan ini.

Soalan saya yang terakhir atau hujah saya yang terakhir adalah tentang ucapan bajet Yang Amat Berhormat Pekan berkenaan dengan isu ini. Dalam ucapan bajet beliau, saya petik secara langsung, saya *quote verbatim*, dengan izin, “*Untuk membantu*

*golongan pesawah padi pula, kerajaan memperuntukkan RM1.3 bilion untuk subsidi harga padi, benih padi dan baja padi termasuk padi bukit".* RM1.3 bilion ini adalah untuk subsidi harga padi, benih padi, baja padi termasuklah padi bukit. Namun apabila kita buat pengiraan kita mendapati bahawa kalau hanya bincang bab subsidi padi sahaja, RM660 juta bukan RM1.3 bilion seperti yang didakwa. Terpaksa tambah insentif pengeluaran padi baru boleh dapat RM1.09 juta dan tambah lagi peruntukkan tambahan Perbendaharaan baru boleh dapat RM1.3 bilion.

Jadi di sini saya ingin dapatkan penjelasan ataupun mungkin saya hendak minta kementerian untuk memberi nasihat kepada Yang Amat Berhormat Pekan bahawa bila dalam ucapan beliau, beliau kata-kata subsidi padi ini program spesifik. Subsidi dengan insentif tidak sama, sebab saya rasa ini amat mengelirukan. Kalau hendak sebut insentif, sebutlah insentif kalau subsidi, sebut subsidi. Ia benda yang berbeza, subsidi dapat sebelum ada pengeluaran, insentif selepas ada hasil. Jadi mungkin ini satu perkara yang boleh diterangkan kepada Yang Amat Berhormat Pekan supaya pada tahun-tahun depan ucapan bajet beliau tidak akan mengelirukan, bukan sahaja Ahli Dewan ini tetapi juga untuk pesawah-pesawah dan petani di luar sana yang menunggu-nunggu, menanti-nanti insentif ataupun inisiatif kerajaan bagi memajukan industri mereka. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya akan berhentikan perbahasan ini sebelum jam empat petang. Jadi mana-mana yang tidak sempat dipanggil, saya minta maaf. Yang Berhormat Tenom.

## 2.42 ptg.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bermula dengan berkenaan berkisar dengan insentif dan juga subsidi seperti mana yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat Bukit mertajam sebentar tadi. Kita maklum bahawa RM1.3 bilion telah diperuntukkan bagi subsidi harga benih dan baja untuk membantu pesawah dan memperkuatkannya pengeluaran padi negara.

Saya ingin bertanya Tuan Pengerusi dalam perbahasan ini berkenaan dengan subsidi dan juga insentif yang telah diberikan oleh pihak kerajaan. Kerajaankekalkan keprihatinan kepada sektor pertanian dengan agihan yang agak besar bagi sektor ini, terutama dalam aspek pemberian subsidi insentif kepada petani bagi sektor masing-masing.

Saya ingin bertanya bagaimanakah kementerian memastikan pemberian insentif ini mampu untuk mengupayakan pertambahan aktiviti pertanian? Adakah terdapat sebarang bentuk pengurangan dalam nilai insentif dan subsidi yang telah disalurkan?

Berapakah sasaran jumlah petani di seluruh negara khususnya bagi kita di negeri Sabah dan juga kawasan saya dijangka akan menerima manfaat seperti ini? Apa bentuk penambah baikkan yang dirancang untuk dilaksanakan dalam membantu membentuk para petani dalam meningkatkan pengeluaran pertanian sekali gus meningkatkan pendapatan mereka. Bagaimana kementerian bertindak dalam mengatasi masalah benih padi yang tidak sah yang digunakan dalam penanaman padi kerana ia telah menjelaskan penghasilan pengeluaran padi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh butiran, tadi saya menyentuh Butiran 02000 - Program Pembangunan Komoditi Tanaman. Saya juga ingin menyentuh berkenaan Butiran 030600 iaitu berkenaan dengan industri daging yang ada di negara kita. Di mana ia melibatkan ternakan ayam, kambing, lembu, biri-biri dan juga kerbau. Pengeluaran ayam dan telur di Malaysia dilihat telah mencukupi dan melebihi paras SSL, manakala bagi daging lembu pengeluaran masih di bawah 30 peratus dan kita sebagai Malaysia memerlukan mengimport dari luar terutama dari Australia dan India bagi memenuhi permintaan. Persoalannya Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya sejauh manakah kementerian merasakan potensi penggunaan isirung kelapa sawit (PKC) dapat membantu dalam mengurangkan kebergantungan kepada bijirin jagung asli dalam pemakanan ayam daging.

Bagaimanakah kementerian melihat untuk memastikan dalam ternakan ayam daging dapat dikekalkan pengeluaran yang berterusan tanpa dijejaskan oleh kos pengeluaran yang tinggi dan tidak menidakkannya pula kos itu kepada pengguna dengan tanggungan harga yang lebih mahal?

Hasrat kementerian untuk memperluaskan projek perintis jagung bijirin bagi mengurangkan import makanan ternakan, apakah bentuk perancangan bagi menginovasikan penanaman jagung supaya pengeluarannya dapat dipertingkatkan mengurangkan kebergantungan kepada hasil import semata-mata? Sejauh mana usaha kementerian dalam meningkatkan pengeluaran daging, terutama lembu dan juga kerbau? Apakah alternatif yang dilaksanakan bagi mengubah pilihan rakyat supaya memilih daging kerbau berbanding daging lembu? Apakah perkembangan konsep integrasi ladang ternakan yang dilaksanakan oleh pihak kementerian dalam menggalakkan ternakan di ladang kelapa sawit? Sejauh manakah keberkesanan hasil dalam pengeluaran khas penternakan kita?

Tuan Pengerusi, saya sedikit lagi ingin menyentuh berkenaan soal program yang saya disebut tadi iaitu program pembangunan komoditi tanaman iaitu berkenaan dengan penanaman kopi di kawasan saya Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini supaya mendapat perhatian daripada pihak

kementerian. Saya ingin bertanya Tuan Pengerusi, mengapakah pihak kementerian tidak mempunyai agensi kursus bagi menyelia penanaman kopi di seluruh Malaysia? Sedangkan industri kopi kalau kita lihat hari ini sangat mendapat sambutan terutama di peringkat global. Adakah kementerian telah meliberalkan kopi dalam pengubah suaian Bajet 2016 dan ia merupakan kepada pengimportan kopi berbanding penghasilan domestik. Adakah kementerian mempunyai rencana untuk memperluaskan lagi tanaman pokok kopi di seluruh Malaysia termasuklah melalui penanaman secara berskala besar di ladang-ladang dan bukan hanya bergantung kepada hasil import semata-mata.

Begitu juga bentuk insentif, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah bentuk insentif dan subsidi yang telah disediakan oleh pihak kerajaan kepada pekebun-pekebun kecil kopi yang berusaha untuk memberikan produktiviti kopi dalam negara kita. Produk kopi Malaysia terutamanya Tuan Pengerusi, produk tempatan berskala kecil diakui kualiti dan keenakannya sehingga mampu menjadi *trademark* bagi sesebuah kawasan seperti mana kopi yang datang dari kawasan saya Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya bagaimakah kerajaan dapat membantu pengusaha kopi ini untuk mengembangkan perniagaan mereka dengan mewujudkan satu jenama yang boleh dibanggakan di peringkat global.

Seperkara lagi Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 00700 - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah memberikan peruntukan untuk pembinaan bangunan tetap Persatuan Peladang di tempat saya. Saya fikir urusan-urusan, penyediaan pelan, penyediaan kos tapak saya fikir sudah dilaksanakan. Cuma saya masih ternanti-nanti pihak ahli-ahli Lembaga Pertubuhan Peladang di kawasan saya ternanti bilakah bangunan ini siap. Saya percaya dengan ada bangunan ini dapat menggantikan bangunan yang lama, saya percaya pentadbiran urusan-urusan aktiviti Pertubuhan Peladang akan dapat dipertingkatkan lagi.

Begitu juga dengan Butiran 16600 - Rancangan-rancangan Pengairan Sabah s yang mana diperuntukkan sebanyak RM3 juta lebih yang saya kira juga memerlukan perhatian daripada pihak kerajaan di mana di kawasan saya juga terdapat beberapa kawasan sawah yang hari ini tidak seperti kawasan-kawasan yang lain mendapat pengairan air yang moden. Saya fikir ini perlu diperkasakan lagi, perlu dipergiatkan. Saya percaya ini boleh secara tidak langsung dapat menambah lagi produktiviti penanaman padi bagi masyarakat ataupun orang-orang di kawasan saya.

#### **■1450**

Jadi, Tuan Pengerusi saya fikir satu lagi berkenaan dengan Lembaga Pemasaran Pertanian iaitu FAMA. Di kawasan saya banyak hasil pertanian telah

dihasilkan. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, pihak kementerian, apa program yang telah dilaksanakan di kawasan saya berkisar dalam soal membantu petani-petani di kawasan saya, pekebun-pekebun kecil yang menghasilkan hasil buah-buahan, sayur-sayuran untuk memasarkan hasil-hasil pertanian mereka. Saya fikir di tempat saya Tuan Pengerusi, mereka memerlukan satu kawasan, satu tempat di mana hasil-hasil pertanian mereka dapat dipasarkan.

Apa yang saya lihat ia dikenali sebagai *collection centre*. Ini amat penting bagi mereka untuk mendapatkan pemborong-pemborong, mungkin boleh mendapatkan harga yang terbaik dalam soal untuk memasarkan hasil-hasil pertanian mereka. Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuantan.

## 2.51 ptg.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya berbahas di Peringkat Jawatankuasa di bawah Maksud Bekalan B.21 Butiran 020000– Pertanian tetapi mengkhusus kepada dua perkara di bawah butiran ini iaitu Butiran 020100 – Pengurusan dan Regulatori.

Tuan Pengerusi, saya lihat bahawa kita ada peruntukan untuk *regulate* penggunaan racun-racun dalam aspek pertanian. Namun di sini, saya ingin ketengahkan Tuan Pengerusi, satu kajian daripada *Centre for Water Research and Analysis* (ALIR) pada Universiti Kebangsaan Malaysia yang satu artikel yang ditulis oleh profesor-profesor dan pakar-pakar air berkenaan dengan *pesticides in Cameron Highlands*. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berkenaan dengan apa yang sedang dilakukan, berkenaan dengan *the usage of OCPs* ataupun *organ chlorine pesticides*. *OCPs for agriculture that have been banned all over the world including Malaysia in 2002.*

Tuan Pengerusi, didapati daripada kajian ini, kertas kerja yang ditulis oleh pakar-pakar dari Universiti Kebangsaan Malaysia ini bahawa terdapat kesan-kesan racun terlarang ataupun *banned pesticides as early as 2011*. Ada 18 jenis kompaun yang digariskan, yang diharamkan. Kenapakah ia diharamkan? Ini kerana racun ini mempunyai *adverse effects*, dengan izin Tuan Pengerusi sebab artikel ini dalam bahasa Inggeris. *Adverse effects of OCPs on health include neurological impairment, cancer, stunted physical development and disrupts the endocrine system. Numerous OCPs have been used in agriculture in Malaysia.*

Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah peruntukan ini digunakan untuk *regulate*? Dalam aspek regulatori

penggunaan racun terlarang ini di Cameron Highlands kerana didapati daripada kajian ini bahawa *banned pesticides* atau OCPs ini, terdapat di *water catchment area*, dalam kawasan tadahan air, di dalam sungai dan juga terdapat dalam air-air minuman. Saya boleh beri kertas kerja ini kepada Menteri. Jadi, ini merupakan satu perkara yang amat menakutkan saya kerana Cameron Highlands ini terkenal sebagai tempat pelancongan dan juga terkenal mengeluarkan sayur-sayuran untuk diedarkan ke seluruh negara termasuk untuk dieksport.

Kita juga dapat bahawa, ada satu lagi kajian di bawah UKM bahawa kesan racun terlarang ini berada juga di dalam sayur-sayuran Tuan Pengerusi.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: [Bangun]**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Jadi ini saya pohon penjelasan bagaimana bajet ini digunakan untuk *regulate* dan untuk mencegah daripada racun-racun terlarang digunakan.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Laluan Yang Berhormat Kuantan. Yang Berhormat Pasir Puteh. Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalaulah di Cameron Highlands sudah ada racun perosak ini dan kita tahu hasil Cameron Highlands itu akan dieksport ke Singapore dan Singapore cukup tegas dan kawalan mereka kepada pestisid ini. Kalau di tempat lain macam mana pula? Adakah lebih teruk daripada Cameron Highlands? Apakah pendapat Yang Berhormat Kuantan?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Setakat ini, kajian mereka ke atas Cameron Highlands tetapi pakar-pakar daripada UKM ini sanggup untuk memberi penerangan kepada pihak kementerian sebab mereka kata selama ini mereka, “*Cakap pun banyak kali, sudah berbuih mulut*”. Ini ayat mereka, kata-kata mereka bahawa tidak didengari oleh mereka yang bertanggungjawab. Ini yang mereka katakan. Jadi dengan ini, saya pohon penjelasan Tuan Pengerusi.

Butiran yang seterusnya ialah Butiran 020200 berkenaan dengan pembangunan komoditi. Di bawah pembangunan komoditi ini ada satu output yang dikatakan di situ, “*Bilangan ladang yang telah dipersijilkan Sijil Amalan Ladang Baik Malaysia (SLAM), Skim Organik Malaysia (SOM)*”. Tuan Pengerusi, kita dapati bahawa jumlah bilangan ladang yang telah dipersijilkan menurun dari tahun 2015, jumlahnya 557. Tahun 2016 jumlahnya 520. Daripada 557 turun kepada 520 dan sasaran untuk tahun 2017 juga 520. Maksudnya *there are no targets* untuk *improve* berkenaan dengan *organic farming* dan sebagainya. Kita *going the wrong way*. Maksudnya kita ada racun terlarang digunakan dalam pertanian kita dan kita tidak bergerak ke arah untuk mendapatkan lebih *organic farming* dan sebagainya. Tuan Pengerusi, saya rasa pihak kementerian,

Menteri harus menjelaskan bagaimana dasar kita dan apakah yang sedang kita buatkan untuk perbaiki keadaan kita ini. Itu berkenaan dengan pertanian.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya juga ingin- ada apa Yang Berhormat Batu?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kalau ada masa saya hendak tumpang.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Cepat Yang Berhormat Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey, cepat. Saya hanya hendak dapatkan pandangan juga, dapat mungkin penjelasan daripada Menteri sama ada *Pesticides (Amendment of First Schedule)* ini harus dikaji semula sebab banyak bahan yang sebenarnya dijadualkan dalam ini tetapi didapati dalam banyak penggunaan. Saya ambil contoh *citronella* yang sepatutnya dijadualkan di dalam *Pesticides (Amendment of First Schedule)* ini. Akan tetapi didapati di banyak benda yang kita tersenarai dalam supermarket seperti *mosquito repellent* dan lain-lain lagi. So, ini mungkin saya hendak tumpang supaya dapat penjelasan apa aspek penguatkuasaan untuk mengawal racun ini.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih. Saya pohon ucapan Yang Berhormat Batu dimasukkan ke dalam perbahasan saya. Akan tetapi saya khuatir jawapannya ialah *repellent* ini tidak masuk di bawah pertanian. Ini saya khuatir kalau Menteri menjawab macam itu. Seharusnya tidak kerana harus kita lihat daripada segi semua aspek penguatkuasaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin pergi kepada butiran yang seterusnya di bawah Butiran 040500 iaitu penyelidikan kajian ikan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat berkenaan dengan penyelidikan kajian ikan. Di Kuantan kita tahu kesan bauksit ini telah mencemari sungai-sungai di Kuantan. Malah ada satu kenyataan daripada Menteri Kesihatan yang mengatakan bahawa warga Kuantan dilarang memancing ikan di sungai kerana dikhuatiri ikan-ikan di sungai dicemari dengan logam-logam berat seperti arsenik terkandung di dalam isi-isi ikan di sungai di Kuantan. Orang Kuantan Tuan Pengerusi suka memancing, pancing ikan, pancing udang galah. Sekarang ini udang galah sudah tidak terdapat lagi selepas bauksit. Pemancing-pemancing ikan sekarang ini sudah mengatakan bahawa ikan sudah kembali.

Akan tetapi saya khuatir juga sekiranya ikan itu kembali, adakah kesan-kesan *sedimentation* di tanah itu, di *base of the* sungai itu meninggalkan kesan kepada ikan-ikan yang memakan, yang makan di dasar air di sungai dan muara sungai. Jadi saya

ada maklumat bahawa ada penyelidikan yang dilakukan oleh jabatan penyelidikan di bawah perikanan tetapi *paper* itu belum *publish*. Jadi mereka tidak boleh beri kepada saya sebab belum *publish*. Akan tetapi saya yakin bahawa Menteri tentu sekali ada maklumat tentang perkara ini.

Saya pohon penjelasan yang telus supaya kita tidak terus mengatakan keadaan ini selamat dan saya khuatir bahawa warga Kuantan yang telah kembali memancing memikirkan sungai sudah bersih.

#### ■1500

Akan tetapi sebenarnya ada pencemaran-pencemaran masih lagi terdapat di dasar-dasar sungai dan di muara-muara sungai. *The sedimentation of the*, dengan izin Tuan Pengerusi, apabila pencemaran tanah daripada bauksit itu yang mengandungi logam-logam berat seperti arsenik, kadmium, magnesium dan sebagainya, merkuri. Apabila ia *settle* dekat dasar dan ada jenis-jenis ikan yang makan di dasar-dasar sungai dan itu kita khuatir akan mencemarkan isi ikan atau daging ikan tersebut. Jadi, itu tiga perkara yang saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lipis.

#### 3.00 ptg.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *Bismillaahi Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi kerana memberi laluan kepada saya untuk turut serta berbahas. Pertamanya, saya ingin pergi kepada Butiran 070000 - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada pengurusan FAMA dan juga kepada Pengerusi FAMA kerana telah memberi satu ruang dan peluang kepada banyak pihak yang telah melaksanakan daripada segi membantu para petani dan sebagainya. Khususnya di peringkat kampung dan sekarang ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Siapakah Pengerusi FAMA Yang Berhormat?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Tan Sri Badarudin

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bukan dalam Dewan ini?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya ingat bekaslah, mantan Ahli Parlimen. Ini kerana beliau telah begitu agresif sekali untuk melaksanakan berbagai-bagai-bagai program untuk memastikan sehingga ke luar bandar dan dalam bandar. Ini yang saya dapat lihat daripada pamflet yang telah kita edarkan dan kita telah membacanya. Di sini saya ingin menyarankan supaya dengan peruntukan yang agak

besar kepada FAMA ini. Akan tetapi oleh sebab disebabkan kebaikan tersebutlah, maka pihak kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Yang Berhormat Perdana Menteri dari Pekan mungkin membenarkan untuk membesarluaskan peruntukan ini kerana atas aktiviti yang dilakukan.

Pertamanya, saya ingin meminta kepada pihak kerajaan supaya perkasakan langkah-langkah bagi meningkat peluang pasaran di luar negara seperti pelaksanaan aktiviti promosi. Kita tahu di Singapura dan di beberapa buah tempat lagi kita telah memasukkan pasaran-pasaran kita sehingga di Aeon Jepun pun kita ada masukkan pasaran melalui beberapa *packaging* yang cantik menyebabkan kita boleh memasarkan hasil-hasil di luar negara ini.

Bagi meningkatkan hasil pengeluaran yang bernilai tinggi ini kita mestilah melihat daripada segi pasaran semasa. Sekarang ini kalau kita melihat umpamanya, yang bermutu tinggi daripada segi buah-buahan Mosang King. Ini yang mana kita telah boleh menghasilkan sehingga hampir banyak negara, termasuklah pasaran yang besar seperti di negara China dan sebagainya. Sehingga China, Taiwan, Hong Kong, Singapura dan sebagainya, kita telah memasarkan hasil pertanian kita sehingga ke negara-negara tersebut.

Jadi, saya minta supaya pihak pertanian mengkaji semula atas pengeluaran hasil-hasil seperti ini dan mestilah mempunyai bermutu tinggi daripada segi benih dan sebagainya. Ini yang perlu dilatihkan oleh pihak pertanian supaya tugas pemasaran oleh FAMA ini dapat dilaksanakan dengan baik dan teliti.

Bagi menggalakkan industri pemprosesan dengan petani-petani yang terlibat dalam industri hiliran di kawasan pengeluaran seperti ini telah kita banyak lakukan. FAMA telah banyak melakukan seperti dipesan durian tersebut dan perusahaan ini juga telah kita eksport ke luar negara. Maknanya, orang di negara China yang begitu ramai makan hasil-hasil ini boleh melalui pes sahaja. Saya hendak beritahu, sebenarnya saya dapat maklumat tetapi ini mungkin kurang tepat cuma cakap-cakap. Dia kata kalau orang Malaysia...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Lipis, saya hendak tumpang bertanya?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Sedikit sahaja, sedikit lagi saya hendak habiskan. Saya nampak, saya hendak habiskan. Saya dengar seluruh orang Malaysia tidak makan durian, hantar ke negara China, tidak cukup lagi hendak makan durian itu. Maknanya, punya ramai orang makan durian. Maknanya, itu yang saya katakan perlu kita menyediakan- pihak kementerian perlu menyediakan kajian-kajian seperti ini. Silakan PS, Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya dekat bilik air dengar mengenai durian ini berlari saya untuk masuk ke dalam ini untuk bertanya. Ini sebab saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lipis mengenai permintaan terhadap buah-buahan tempatan yang kita tengok dalam kes disebutkan durian. Durian yang dimaksudkan Mosang King yang dihantar dan dieksport ke negara China sehingga kita di dalam negara ini kita mendapati bahawa *supply* agak kurang. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Lipis, sebabnya bila kita berada di China, ada sesetengah negara lain yang tidak mahu kita katakan mendapati bahawa permintaan terhadap Musang King sudah tinggi sampai ia mengatakan bahawa produk ataupun durian ia Mosang King, sedangkan itu tidak betul.

Jadi, bagaimana kita Malaysia hendak memastikan bahawa produk itu betul-betul produknya dan tidak ada negara lain yang mengambil kesempatan daripada produk ataupun buah-buahan Malaysia itu yakni Mosang King itu sendiri. Ada tempat lain, negara lain, dieksport, bila dia eksport dia cakap itu Musang King tetapi sebenarnya bukan Musang King. Macam mana kita hendak *protect* kita punya IP, Musang King itulah [*Ketawa*] Tidak tahu hendak cakap apa. Jadinya, Musang King itu sendiri. Jadinya, mungkin Yang Berhormat Lipis ada pandangan mengenai perkara ini? Okey, saya minta pandangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia macam hendak *patentkan* Musang King.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Tuan Pengerusi, PS sudah mengambil masa saya hampir dua minit. Jadi, saya kena tambah dua minit. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Parit Sulong. Oleh sebab itulah saya katakan FAMA ini perlu banyakkan promosi dan sebagainya. Mungkin apa yang dijawab persoalan daripada PS ini boleh dijawab oleh pihak Menteri. Oleh sebab itu saya kaitkan juga dengan...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** PS itu kena cakap itu PS apa itu?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Parit Sulong. Maknanya, sebab itu kita peskan. Sekarang di China kita banyak peskan sahaja. Apabila tengok sahaja logo FAMA, yang saya terima maklumat China sangat menyukainya, membeli daripada FAMA itu sendiri. Jadi, inilah sebenarnya kawalan-kawalan seperti ini yang perlu kita hadapi.

Saya akan pergi pula sebentar lagi kepada Butiran 060000 – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Akan tetapi saya hendak habiskan dahulu dengan FAMA.

Bagi menggalakkan para petani ini, saya cadangkan supaya pihak PBT umpsamanya, memberi satu kelulusan kepada tapak-tapak baru pasar tani. Segerakan usaha yang baik ini. Kadang-kadang kita pihak kerajaan, Kementerian Pertanian dah laju, sekarang dalam Dewan kita ini ada Menteri pakai cermin mata hitam, nampak *handsome* sungguh. Dia memakai cermin mata hitam itu akan menjawab soalan sebentar lagi. Maknanya, Kementerian Pertanian sudah laju, kadang-kadang PBT pula yang lambat.

Kita hendak supaya setiap daerah itu ada pasar tani ini supaya yang rakan-rakan saya kata tadi banyak buah-buahan yang tidak boleh dipasarkan, maka kita hendak pasarkan benda-benda seperti ini melalui agensi. FAMA pemasaran, ia bukan menanam, ia memasar sahaja sebab itu dibuat pes, dibuat sebagainya *packaging* dan kita melihat berbagai-bagai-bagai produk yang telah dilaksanakan oleh FAMA.

Sebagaimana yang saya katakan tadi saya hendak pergi kepada Butiran 060000 – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), pun mempunyai peruntukan yang besar. Saya melihat ini melebihi RM200 juta lebih, maknanya saya selalu menyebut R&D. Maknanya, *research and development* ini sangat penting. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Parit Sulong tadi, inilah yang sebenarnya perlu dilakukan untuk kita membuat penyelidikan bagaimanakah kajian ini sebagainya untuk kita eksport ke luar negara, yang boleh kita membantu petani-petani yang saya katakan FAMA tadi mengambil hasil-hasil orang kampung, buah durian kampung dijadikan pes sehingga lah dieksport kepada negara lain.

Jadi, tugas MARDI untuk membuat kajian. Sedangkan kita hari ini biji benih sayur-sayuran pun kita masih import dengan bernilai harga sekampit yang boleh tidak silap saya boleh tanam dalam 300 biji bernilai lebih kurang harga RM200 lebih, kita kena beli untuk menghasilkan sayur yang baik. Kita masih import, kita tidak boleh hendak buat benih pun. Datang di mana kalau kita hendak menuju ke negara yang maju sedangkan kita tidak boleh membuat benih sendiri. Maknanya, peruntukan yang besar diberi ini, kajian-kajian seperti inilah yang harus dilakukan bagi menambah baik daripada segi pertanian. Untuk membantu kebanyakan petani adalah orang kampung.

## ■1510

Hari ini saya melihat peruntukan juga besar kepada Butiran 020000 bagi usahawan-usahawan dalam bidang pertanian. Peruntukan yang besar, maknanya kerajaan ingin membantu lebih kurang dalam RM100 juta. Kita hendak galakkan daripada seorang pelajar universiti akan menjadi seorang usahawan dalam bidang pertanian itu sendiri. Maknanya kita hendak supaya kita menggalakkan ini yang boleh dilakukan untuk menjadikan kita berdaya saing, kreatif, inovatif dan sebagainya iaitu

untuk memastikan kemajuan ini. Sebenarnya tadi panjang sangat Dato' Noraini berucap. Saya banyak yang tidak sempat hendak cakap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, dah habis masa Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Minta maaf, Yang Berhormat Parit Sulong. Saya tersebut nama. Jadi saya terpaksa menghabiskan saya punya ucapan. Mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Di sesetengah Parlimen, *timer* ini di-connect dengan *microphone*, Yang Berhormat. Jadi bila *time* itu habis, *microphone* akan off secara *automatic*. Mungkin nanti.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Selepas ini kita buat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, mungkin nanti esok-esok atau sesi yang akan datang. Yang Berhormat Sandakan.

### 3.11 ptg.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya sedikit sahaja. Mengikut Maksud P.21 Butiran 16600 – Rancangan-rancangan Pengairan Sabah. Ini tadi Yang Berhormat Tenom pun ada sebut sedikit. Perkara ini ada peruntukan RM2.95 *million* untuk ini. Akan tetapi untuk maklumat Tuan Pengerusi, masalah yang terbesar ialah pengairan untuk padi sawah. Jadi ini hanya untuk makluman sahajalah, di Keningau ada 11 buah kampung. Disebabkan pengairan ini tidak cukup, jadi Sungai Bengkaran disebabkan oleh *illegal mining*. Jadi, mengakibatkan sungai itu tidak cukup air untuk pengairan di 11 buah kampung ini.

Saya mahu maklumkan sahaja nama kampung-kampung ini iaitu Kampung Magatang, Kampung Ambun, Kampung Pantai Baru, Kampung Merobok, Kampung Mairuk, Kampung Solomon, Kampung Lauti Baru, Kampung Penagatan Laut, Kampung Penagatan Ulu, Kampung Lintusan, Kampung Kapayan Baru. Sepatutnya penduduk sana yang menggunakan pengairan ini untuk penanaman padi sawah tetapi sekarang oleh sebab ada masalah pengairan ini, mereka terpaksa mencari rezeki yang lain. Jadi harap Tuan Pengerusi, kementerian ini akan mengambil satu langkah yang serius bagaimana boleh membantu petani-petani di sana.

Apabila saya nampak peruntukan ini baru RM2.95 *million*, saya fikir ini tidak cukup kerana terlalu sedikit. Bagaimanakah boleh menaiktarafkan atau membaiki sungai-sungai yang tersebut? Saya juga mahu memberitahu bahawa bukan sungai ini yang menyebabkan air tidak cukup tetapi loji untuk menjalankan air itu, semua alat

sudah tidak berfungsi. Saya ada melawat dua buah loji di sana yang juga tidak berfungsi. Saya fikir ini satu masalah yang besar. Jadi, harap ini satu makluman untuk kementerian ini supaya bolehlah mengambil satu langkah yang serius mengenai apa yang penduduk-penduduk di kampung-kampung di kawasan Keningau hadapi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Limbang.

### **3.14 ptg.**

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada Butiran 100000 – LKIM. Saya ingin hendak menyuarakan kepada kementerian iaitu tentang projek pembangunan Kumpulan Nelayan Wanita (KUNITA). Pada masa ini di Limbang khususnya kepada isteri-isteri nelayan yang tidak bekerja ini, mereka ada membuat produk-produk yang dijual dan dipasarkan di negara jiran kita dalam keadaan yang begitu banyak sekali.

Namun pada masa ini KUNITA iaitu di sebuah kampung di Teluk Brunei, mereka memohon agar sekiranya LKIM khususnya dapat membantu iaitu untuk pembangunan tapak dan tempat supaya mereka dapat jadikan sebuah kilang untuk KUNITA ini iaitu anggarannya yang telah diberikan kepada saya sedikit sahaja, RM100,000 sahaja. Jadi kita berharap pihak LKIM dan kementerian dapat memberikan bantuan kepada isteri-isteri nelayan ini. Mereka yang begitu aktif sekarang ini.

Satu lagi ialah Butiran 040700 – Pembangunan Akuakultur. Pada masa ini di Limbang ada kolam-kolam akuakultur seperti udang harimau, ikan tilapia dan ikan siakap diusahakan oleh nelayan-nelayan darat pada masa ini. Sekarang ini ada pertambahan kerana banyak juga nelayan-nelayan yang dahulunya mendapat bantuan untuk ke laut, tidak. Sekarang ini telah pun mengalihkan kepada pembangunan akuakultur ini. Saya sendiri telah pun melihatnya di mana beberapa orang nelayan darat ini telah pun mengadakan, membina kolam-kolam ikan dan udang ini. Saya melihat ia dapat diexpand untuk menjadi satu ekopelancongan seperti *sport fishing* dan ini dapat menjana pendapatan untuk nelayan-nelayan kita ini. Saya juga melihat tempat itu di mana yang perlu lagi dibantu.

Pada masa ini, LKIM telah pun membantu tetapi dapat untuk membesarkan lagi atau untuk *expand* program ini, banyak bantuan yang diperlukan seperti pembelian *pedal wheel* dan sebagainya dan infrastruktur untuk di kawasan itu. Saya melihat anggaran yang telah pun diberikan kepada saya ialah juga lebih kurang RM100,000 untuk membangunkan kawasan-kawasan, infra-infra dan sebagainya untuk program pembangunan akuakultur ini.

Satu lagi ialah Butiran 070000 – FAMA. Pada masa ini memang ada pasar tani FAMA di sempadan negara jiran dengan Limbang dan ia telah pun di sana hampir enam tahun, kepada tujuh tahun. Selama ini ia adalah merupakan hanya khemah-khemah yang diberikan oleh FAMA kepada pengusaha-pengusaha kita di sana, pemasaran produk tempatan dan ia memang begitu laku, berjaya.

Jadi saya rasa sudah tiba masanya, tapak pun sudah ada sekarang dan saya telah berbincang dengan MPPP dan juga FAMA di Limbang. Mereka bersetuju untuk membangunkan bangunan tetap atau struktur yang tetap untuk tapak pembinaan pemasaran mereka ini dan telah pun dianggarkan oleh FAMA sendiri di Limbang hanya diperlukan dalam RM150,000 untuk membangunkan sebuah bangunan biasa di mana untuk mereka memasarkan ini untuk menggantikan khemah-khemah yang telah pun saya tengok begitu usang.

Mungkin ini relevan kepada MARDI untuk Butiran 060000. Dalam mesyuarat MPPP Long Lama ini, ada pengusaha daripada negara jiran kita yang ada *joint venture* dengan daripada Holland. Mereka dikira telah pun dikira berjaya juga di negara jiran iaitu pembangunan melaksanakan projek *Cherry Greenhouse*, dipanggil *Cherry Greenhouse* dan mereka begitu berminat untuk memasuki kawasan Limbang untuk membangunkan program ini. Mereka telah pun ingin hendak menyampaikan atau memberikan taklimat pada 28 November ini di Limbang kepada MPPP.

Saya berharap mungkin produk MARDI ataupun mana-mana yang relevan dan berkaitan dalam kementerian, agensi-agensi di bawah kementerian MoA kalau boleh sila dijemput datang untuk mendengarkan *proposal* mereka ini. Kita berharap ia akan dapat membuka satu bidang pertanian lagi di Limbang.

Seterusnya ialah ekopelancongan di bawah Butiran 100000 – LKIM juga.

#### **■1520**

Kita telah, sebelum ini PNK telah pun begitu aktif untuk pasal nelayan, Persatuan Nelayan Kawasan di Limbang telah pun berusaha untuk membuka program ekopelancongan ini. Mereka telah pun mengenali tempat-tempat di mana selalu nelayan memang tempat mereka menangkap ikan dan sebagainya iaitu seperti Monyet Belanda dan sebagainya, kelip-kelip semuanya yang apa kita dengar yang ada tempat lain ini. Jadi Persatuan Nelayan Limbang ini, memang berminat untuk menjalankan projek ekopelancongan ini. Kita berharap mereka memohon agar sekiranya LKIM dapat memberikan dana dalam RM100,000 hingga RM150,000 sebagai permulaan untuk memastikan projek ekopelancongan ini *insya-Allah* akan berjaya.

Di samping itu juga, pada masa ini sudah ada di dalam kawasan tersebut iaitu pembinaan jeti-jeti di bawah program ekopelancongan ini telah pun dilaksanakan kira

separuh jalan dari sungai menuju ke kawasan yang berdekatan itu. Kita berharap sekiranya LKIM dapat memberikan dana RM300,000 hingga RM500,000 untuk sebahagian daripada program ekopelancongan ini juga. Jadi, saya harap semua usaha ini akan dapat dipertimbangkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam usaha untuk membangunkan nelayan-nelayan kita, nelayan-nelayan laut dan nelayan darat di kawasan Limbang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Raub, kemudian Yang Berhormat Bukit Gantang. Lepas itu Menteri jawab ya.

### 3.22 ptg.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin membahas di bawah tajuk B.21 P.21. Pertama Butiran 070000 – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Diucapkan terima kasih kerana di pusat pengajian tinggi telah tubuh Kelab MYAGROSIS di mana siswazah kita yang berminat dengan bidang pertanian, penternakan dan perikanan ini belajar peringkat yang paling tinggi.

Cuma bagaimana mereka yang dah belajar ke peringkat yang paling tinggi, kementerian menjaga kelab ini sekurang-kurangnya kita boleh menghasilkan orang yang berilmu dapat bergiat dalam bidang pertanian bila balik ke kawasan masing-masing setelah menghabiskan pengajian mereka di peringkat pusat pengajian tinggi. Oleh sebab itu, saya berharap sangat kementerian memikirkan bagaimana mereka diberi dorongan, diberi bantuan yang akhirnya mereka akan menjadi usahawan yang berjaya.

Perkara kedua yang saya hendak sentuh, saya tahu daripada segi dasar kementerian bila hendak membangunkan dalam bidang pertanian, melihat daripada skala besar iaitu modal yang besar dan pada saya, saya cuma sebagai Ahli Parlimen di peringkat kampung, saya melihat supaya penekanan kita berikan kepada masyarakat tani di peringkat kecil-kecilan. Daripada segi yang pertama saya hendak sentuh Butiran 030000 iaitu berkenaan dengan Perkhidmatan Veterinar.

Saya melihat dalam skala yang kecil, kalau pihak jabatan kementerian memberi tumpuan kepada padang ragut di mana kita tahu hasil ternakan lembu sebenarnya cuma mampu menampung keperluan dalam negara tidak lebih daripada 20 peratus ataupun 30 peratus. Di tempat saya, saya menggerakkan bersama-sama dengan Jabatan Veterinar untuk digerakkan padang ragut yang mana saya melihat di peringkat padang ragut pun ada jangka pendek dan jangka panjang.

Jangka pendek, kita beli lembu, bela kemudian kita jual. Jangka panjang, veterinar bantu daripada segi ibu-ibu benih. Apa yang diperlukan oleh pihak padang ragut di mana bukan kita bagi milik kepada pengusaha-pengusaha tetapi kita mewujudkan kumpulan yang betul-betul ada daya tahan, ada kekuatan yang hendak memajukan padang ragut yang dimiliki oleh tanah kerajaan negeri yang diusahakan di bawah kawalan pihak Jabatan Veterinar. Saya melihat ialah bantuan yang kita perlu, anak benih, rumput yang hendak ditanam di padang ragut. Yang perlu kita bantu, pagar. Yang perlu kita bantu ialah bagaimana penyaliran paip, enjin dan juga yang perlu kita bantu ialah baka.

Saya melihat bajet yang ada ini sama lebih kurang pada tahun sudah tetapi saya amat mengharap supaya pihak Kementerian memberi fokus ke Jabatan Veterinar untuk membantu penternakan di padang ragut dengan sedikit peruntukan lebih diberi kepada peringkat luar bandar. Di mana kalau saya tengok di tempat saya, ada 13 buah padang ragut ataupun 14 buah padang ragut. Dalam tempoh tiga tahun ini, sudah mampu untuk membekalkan pada waktu raya Korban. Mampu untuk disembelih pada tiap-tiap hari untuk keperluan orang tempatan.

Akan tetapi yang saya melihat kejayaannya ialah mesti di peringkat Kementerian meletakkan pegawai di Jabatan Veterinar yang ada rasa nak menolong. Pegawai yang duduk di Jabatan Veterinar di daerah ini yang hendak melihat padang ragut tadi boleh dibangunkan. Sekadar pengusaha berminat, tidak ada bantuan daripada pegawai veterinar, tidak akan jadi. Pegawai veterinar cukup berminat tetapi kalau pengusaha tidak minat, dia tidak akan berjaya. Ya.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak dapatkan sedikit pandangan dari Yang Berhormat Gerik terlanjur cakap tentang padang ragut. Adakah Yang Berhormat Gerik bersetuju dengan saya sekiranya dapat Kementerian ataupun kerajaan memaksimumkan penggunaan padang ragut ini? Kalau kita lihat di luar negara, mereka mananam rumput dan tidak lepas ternakan di situ sebaliknya *the system* pengumpulan rumput itu diberi kepada lembu ini di kandang. Ini juga boleh menjadikan satu pekerjaan baru kepada masyarakat.

Kedua, kerajaan berusaha untuk membuat tanaman jagung bagi makanan ternakan. Apa pandangan Yang Berhormat Gerik, bersetuju dengan saya kalau sekiranya jagung yang kita tanam ini mungkin menggunakan kos yang lebih besar daripada import. Misalnya saya difahamkan di Titi Gantung di Perak misalnya, RM1.80 per kilo kos pengeluaran sedangkan importnya baru 80 sen. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Gerik, kalau kos begini wajarkah kita nak beritahu kepada petani supaya mereka juga mananam jagung untuk ternakan.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Jerantut itu yang sepatutnya kita buat di dalam padang ragut. Masukkan dalam ucapan saya sebagai tambahan input yang saya sebut di mana pada saya di akhirnya kita akan melihat padang ragut ini menjadi sebuah kawasan pelancongan bersama dengan ternakan lembu dan di mana di tempat tanah tinggi, kita boleh tanam dengan Musang King, tanam dengan pokok dokong, manggis dan pelbagai lagi.

Akhirnya, padang ragut ini menjadi bukan sekadar boleh peserta tadi boleh mengeluarkan hasil ternakan tetapi kawasan tersebut menjadi tumpuan pihak pelancong dan saya yakin tanpa bantuan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terutama Jabatan Veterinar dengan bajet yang cukup tidak mungkin yang kita cadangkan itu boleh dijayakan.

Saya teruskan lagi dengan Butiran 040000 – Perikanan. Dalam kawasan saya, dalam Parlimen Gerik, ikan talapia antara ikan yang paling sedap dalam Malaysia. Kalau tidak percaya datang ke Gerik, ia tidak ada bau laut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Talapia merah kah hitam Yang Berhormat?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Merah kah hitam?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Merah tetapi yang hitam pun ada, *special* di Tasik Temengor iaitu satu sangkar ada 60,000 ekor. Kulit dia boleh buat bra, rasa ikannya macam ikan tapi ini bukan tempatan punya talapia. Talapia yang klon datang dari luar negara. Itu talapia yang...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kulit boleh buat apa?

■1530

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Kulit boleh buat sarung, bra- lah... [*Dewan ketawa*] Akan tetapi saya hendak cerita kalau kita perkasan ikan sungai bukan sekadar tilapia dan pelbagainya, yang saya hendak cerita ialah minat rakyat Malaysia hari ini sudah mula hendak makan ikan sungai. Kalau dahulu, banyak sebut ikan sungai depa tidak boleh hendak masuk dalam mulut. Akan tetapi saya percaya, ikan sungai menjadi satu antara keladak yang boleh kalau boleh buat bersungguh-sungguh di peringkat skala kecil kepada orang bawah dengan syarat pemantauan yang baik dari Jabatan Perikanan, ia boleh memberi sumber pulangan.

Saya boleh bercakap benda ini apabila saya melihat harga getah jatuh. Maka orang di Gerik mempelbagaikan pendapatan tadi. Antaranya saya katakan tadi padang ragut, kolam ikan, mempelbagaikan pendapatan yang ada. Jadi kalaularah Jabatan

Perikanan memikirkan, membantu petani. Kami di Gerik, sungai yang banyak, bagaimana kita pusat penetasan ikan tadi, bagi benih ikan banyak-banyak, lepas dalam sungai. Ini ada pusat penternakan pergi bagi sewa dekat orang lain.

Nama sahaja kita Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, satu R&D-nya kuat dan besar. Sepatutnya kita fikirkan macam mana ikan kelah, ikan tengalan, macam-macam ikan sungailah yang boleh memberi pulangan kepada penduduk, tambah di Gerik. Apabila ikan banyak kita buat pekasam. Pekasam pula kalau orang yang tidak biasa dengar pekasam ikan sahaja. Akan tetapi di Gerik, pekasam selain daripada pekasam ikan, kita buat juga pekasam daging. Akan tetapi Mergastua marah pula kalau depa tembak kijang.

Jadi ini antara yang kita rasa boleh dibantu. Begitu juga daripada segi saya hendak bercakap ini masa pendek. Satu sahaja *point* lagi, Jabatan Pertanian. Masa sudah habis. Tidak mengapalah. Dengan ini saya menyokong bajet.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Raub.

### 3.32 ptg.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh Bekalan 21. Akan tetapi sebelum saya pergi ke butiran, saya hendak bercakap yang umum iaitu di bawah Kepala kod 20000 dan 30000 iaitu Perkhidmatan dan Bekalan dan Aset. Kita dapati ada pengurangan dalam kedua-dua perkara ini. *In fact the overall budget* kurang hampir-hampir RM1 bilion.

Akan tetapi ini membawa kesan yang negatif kepada industri asas tani dan pertanian iaitu kurang membeli aset-aset yang diperlukan oleh warga industri asas tani. Misalnya di Raub, kawasan yang begitu besar hanya ada satu traktor pembajak. Jadi para petani kena menanti giliran, letih. Saya tadi baru mendapat keluhan daripada warga tani di Raub, satu daripadanya ialah mereka memohon penambahan kepada traktor membajak. Kemudian, benih-benih. Bekalan benih pun tidak ada. Di sebuah tempat, dalam daerah Raub namanya pusat pemberian Jabatan Pertanian di Pintu Padang. Benihnya tidak ada, benih pokok tidak ada tetapi penuh dengan semak dan samun. Jadi tidak ada perkara ini sebab apa, sebab sudah berlaku pengurangan apabila perkhidmatan dan bekalan dan aset dikurangkan...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Sila.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengurus, Yang Berhormat Raub. Saya pun ingin mengambil perhatian 30000 – Aset, RM860,000 untuk tahun 2016. Saya minta Yang Berhormat Menteri memperincikan bagaimana dana ini telah dibelanjakan untuk tahun 2016. Minta pencelahan. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Sila masukkan sebahagian daripada ucapan saya. Akan tetapi saya hendak beritahu, jadi banyak rungutan daripada warga tani bahawa apabila kurang, makna tahun 2017 itu mereka akan mendapat kesusahan. Kemudian di Raub sebagai contoh dan saya percaya ia berlaku di merata tempat. Apabila petani dapat baja, ia tidak *apply* kepada perkebunan atau perladangan tetapi dia jual sebab tidak ada aktiviti.

Kemudian khidmat nasihat. Dahulu semasa saya zaman-zaman dahulu ada kita dengar ada *field services*. Sekarang ini di kawasan Raub nampaknya kurang disebabkan rungutan ialah pegawai-pegawai tidak ada kerja, duduk sahaja. Jadi saya mohon kementerian melihat perkara-perkara ini.

Saya pergi kepada butiran 130400 - Subsidi Harga Padi, 130500 - Subsidi Baja Padi, 130600 - Insentif Pengeluaran Padi, 130800 - Subsidi Benih Padi Sah, dan Butiran 130900 - Subsidi Baja Padi Bukit/Huma. Kita lihat, kita tidak mahu bandingkan dengan subsidi yang diberi dalam tahun 2016. Kita melihat jumlahnya banyak, melebihi RM1 bilion kecuali 40 peratus untuk insentif penghasilan dan pengeluaran padi. Lain-lain ialah *actually* pemindahan pendapatan atau *income transfer*.

Ini bukan satu perkara yang dinegatifkan. Sebab apa, para petani yang kita tahu dan industri tani yang kita tahu sebahagian besar dan majoritinya 80 peratus ialah kaum Bumiputera dan Melayu mempunyai pendapatan yang begitu rendah. Jadi apa-apa yang diberi dalam bentuk pemindahan pendapatan atau *income transfer* sangat dialu-alukan. Akan tetapi dari sudut ekonomi, ini bermakna kita *pay the farmers to be unproductive*.

Maknanya sekarang ini isunya ialah bagaimana kita mencari jalan untuk meningkatkan produktiviti petani supaya mengurangkan subsidi kepada mereka dan supaya mereka melakukan sesuatu yang bermaruah, *dignify* untuk *aim the income*. Bagaimana kita memberi khidmat dan memberi sokongan kepada para petani untuk meningkatkan pendapatan. Kalau di negara lain ia dipanggil *farmers income*. *Farm income* mesti dinaikkan.

Kalau kita tengok sekarang ini di China. Negara China sebagai contoh, mereka telah pergi kepada *sustainable agriculture* iaitu sekarang ini mereka melakukan pertanian secara menyeluruh bukan sahaja untuk memelihara aset-aset yang mereka ada, tanah pada hari supaya di masa hadapan boleh digunakan dan disambung oleh generasi hadapan. Antara strategi yang digunakan ialah *organic farming* iaitu

mempelbagaikan cara dia bertani yang daripada tradisional kepada yang lebih menyelamatkan aset yang mereka ada. Mereka pergi kepada menghasilkan produk-produk *agriculture* yang bermutu tinggi.

Kemudian sebahagian daripada kita hendak meningkatkan pendapatan para petani ini mengurangkan kos kehidupan mereka. Ini disebutkan sebagai *sustainable agriculture*. Bukan sahaja menghasilkan produk, tetapi juga melihat kepada kualiti kehidupan mereka. Kalau pendapatan mereka demikian rupa tetapi kos kehidupan mereka tidak dilihat sebagai satu cara untuk meningkatkan pendapatan, maka mereka tetap kekal sebagai penerima BR1M dan tetap kekal dalam kumpulan B40.

Inilah yang kita mahukan dasar yang serius melihat bagaimana kita meningkatkan *farm income*. Apabila dari sudut kos, mengurangkan kos kehidupan. Mereka juga mahu melihat sebab apa, sebab ada diberitakan di negeri China sebagai contoh, satu daripada cara untuk meningkatkan *real income* ialah dengan mengurangkan kos perubatan mereka. Kemudian anak-anak petani pergi ke sekolah, mengurangkan fees ataupun diberi pendidikan percuma. Banyak lagi. Kos perubatan. Sekarang ini kita sudah tahu, sekarang ini tidak ada lagi boleh bayar RM1, kena bayar perubatan ikut harga pasaran. Jadi ini boleh jadi menyusahkan lagi para petani. Mereka akan terus bergantung kepada pemindahan *income* yang dilakukan oleh kerajaan pada hari ini.

Saya menyebut mengenai tadi saya sebut subsidi industri padi. Saya ingat dalam tahun awal 2000, kita ada beberapa orang pakar dari Jepun yang datang ke sini yang mahu memperkenalkan satu *method paddy farming* yang dikenali sebagai *aigamo method* iaitu ia melepaskan anak-anak itik di dalam sawah padi supaya memakan pes. Saya hendak sebut *pests* tadi sebab saudara saya dari Kuala Lipis Tuan Pengerusi. Ini betul-betul sedara saya.

#### ■1540

Disebut “*pest*”. Sebutannya “*p-a-s-t-e*” bukan “*p-e-s-t*”. *Pest* itu jadi makhluk perosak. Tidak apalah tapi begitu, Tuan Pengerusi. Dia melepaskan anak-anak itik ini di dalam sawah padi, *the dropping can be used as fertilizer* dan dia makan benda-benda *pest* ini. Dia makan unggas-unggas atau ulat-ulat ini. Jadi apabila tiba tiga bulan kemudian, apabila padi sudah membesar, anak-anak itik ini pun sudah besar dan mereka jual itik-itik ini sebagai penambahan kepada pendapatan mereka. Jadi saya tidak tahu apa jadi kepada *aigamo method* ini yang diimport daripada Japan tetapi dipakai di negeri-negeri lain seperti di Thailand.

Di Thailand, dalam sawah padi dia bela ikan juga. Jadi di situ lah meningkatkan pendapatan *farmers' income*. Sekarang ini kalau kita tengok di- sebagai contoh sebab

saya ada masa lagi, di India. *Prime Minister* Modi ini dia melaksanakan satu dasar pertanian dengan menyatakan dengan tegas bahawa dalam masa 5 tahun, dia nak *double the income of the farm. Farmers' income*. Jadi dia melaksanakan beberapa buah dasar. Selain daripada *minimal price support*, dia juga melakukan beberapa perkara yang saya harap kita boleh belajar. *The best practices* dalam *agriculture* ini daripada negeri-negeri yang telah berjaya. Negara-negara yang berjaya.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya melihat satu lagi cara yang paling mudah ialah *marketing reform*. Kita tengok FAMA. Peranan FAMA saya puji. Ada bagus tetapi kita hendak melatih para petani kita yang menanam buah kah, penghasil buah untuk buat *e-marketing* kalau boleh. Ini kerana mereka boleh memasarkan terus kepada pembeli-pembeli. Saya amat setuju dengan cadangan untuk mewujudkan sebuah badan memberi persijilan kepada buah durian seperti Mosang King. Mosang King yang *famous* di Raub dan bukan di Lipis. Itu yang banyak. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tersebut- sebenarnya saya hendak sebut Yang Berhormat Bukit Gantang tetapi tersebut Yang Berhormat Batu Gajah tadi kan. Jadi kerana kesilapan saya itu, saya akan panggil Yang Berhormat Bukit Gantang selepas itu Yang Berhormat Batu Gajah dan seterusnya Yang Berhormat Menteri jawab.

### 3.42 ptg.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaaatuh*. Saya hendak melihat Butiran 010400 – Industri Padi dan Beras.

Jadi kerajaan berhasrat untuk mengadakan program tahap sara diri iaitu program SSL dengan tujuan pada tahun 2020, Malaysia akan membekalkan beras sendiri. Persoalan saya ialah dari tahun 2010 hingga 2015, bagaimana *progress*-nya rancangan untuk kita hendak menjadikan supaya tanah sawah ini diperluaskan dari semasa ke semasa kerana realiti kita lihat hari ini banyak kawasan sawah yang telah dibangunkan dengan kawasan perumahan ataupun industri. Jadi sebab itu saya hendak tanya berapakah bilangan keluasan tanah hari ini untuk mencapai *target* 85 peratus dalam program ataupun objektif kita tahap sara diri beras tempatan ini.

Ini kerana sekarang ini lebih kurang ada 120,000 hektar tanah terbiar. Jadi kita harapkan ini antara tanah-tanah yang boleh difikirkan oleh pihak kementerian melalui saintis kita sama ada dengan kerjasama MARDI ataupun pakar-pakar pertanian kita untuk mengolah supaya kita hendak pastikan soal bekalan beras tempatan ini cukup. Ini

kerana bukan soal sahaja kita hendak fikir berkenaan dengan hal beras ini atau padi ini untuk kita mengelak wang keluar negara kerana kita beli beras dari luar tetapi lebih penting lagi ialah kerana kita melihat ini dianggap sebagai *food security*, dengan izin. Ini yang paling penting. Oleh sebab itu kerjasama boleh diambil dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk meminta keluasan-keluasan tanah sawah ini diadakan di dalam negara kita pada hari ini. Itu satu isu.

Kedua ialah berkenaan dengan Butiran 070000 – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Saya lihat objektif FAMA ini baik iaitu untuk peningkatan peluasan saiz pemasaran sama ada domestik ataupun luar negara, meningkatkan pendapatan usahawan dan untuk mendapat bimbingan FAMA. Objektifnya bagus tetapi kita lihat di bawahnya rungutan banyak. Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri kita yang *handsome* hari ini yang pakai *spec* dalam Dewan ini. Rungutannya banyak. Banyak kita lihat kenapa? Banyak petani merungut macam disebut juga oleh kawan saya daripada Lipis tadi ialah soal berkenaan dengan untuk hendak pasarkan barang mereka. Ini yang kita menjadi musykil.

Oleh sebab itu, sedangkan kita tengok kadang-kadang dia suruh kita tanam serai banyak-banyak kononnya serai hari ini saya baca dalam internet. Betul atau tidak betul kena betullah. Kononnya boleh mengubat antaranya ialah penyakit kencing tikus. Kunyit di antara yang mempunyai antioksidan yang kuat untuk mengubat beberapa penyakit dan sebagainya. Akan tetapi apabila orang tanam, masalahnya pasaran. Ini yang musykil kepada kita. Bajet ini banyak. RM174 juta untuk tahun 2017. Kita melihat ini kegagalan yang perlu dilihat oleh semua pihak dalam perkara yang kita hendak supaya ia dapat diatasi bagi membantu pekebun-pekebun ataupun membantu mereka yang menanam sama ada dalam bentuk pertanian kecilan atau besaran untuk memastikan pasaran itu dapat berjalan dengan baik.

**Tuan Pengurus [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rantau Panjang bangun, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Pengurus. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang pemasaran di mana peranan FAMA sangat penting. Kita lihat hari ini ialah lambakan buah-buahan. Contoh dalam musim baru yang terkini, buah-buahan rambutan contohnya. Di kampung hanya dengan nilai 30 sen sekilo. Jadi lambakan ini menyebabkan petani tidak mengendahkan sebab tidak berbaloi dengan kos pengangkutan dan sebagainya.

Begitu juga macam mana kajian yang dibuat oleh negara jiran. Mereka bukan sahaja memasarkan buah durian tetapi biji durian itu dijadikan hasil seperti keropok, dibuatkan biji gajus. Yang dijual itu dibuat tiruannya dengan biji durian. Jadi macam mana mereka melakukan inovasi terhadap pertanian ini menyebabkan petani mereka mendapat pendapatan yang lebih lumayan. Apakah pandangan Yang Berhormat dalam isu ini?

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya pun hendak bercakap berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan soal pasaran ini. Soal durian kampung. Durian kampung ini tempat saya pun ada, tempat Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada. Persoalannya ialah kes yang sama. Durian kampung seolah-olah macam pada anak tiri apabila ada D12 kah, D14 kah ada Mosang King kah. Ini nanti pula ada durian mantok kah apa yang mereka sebut saya tidak tahu. Jadi kita lihat sebuah raga besar kadang-kadang dalam harga RM30 sahaja.

Di Kuala Lumpur masih lagi orang jual dengan harga RM5 hingga RM7 sekilo. Saya hendak supaya pihak FAMA dan juga kementerian ini mesti cari satu inisiatif yang baik. Memang buah durian kampung ini tidak tahan lama. Kalau buah pagi ini, sampai Kuala Lumpur kadang-kadang esoknya sudah terbuka. Sudah merekah. Cuma kita harapkan supaya adanya nilai tambah yang boleh dibuat oleh pihak FAMA seperti untuk hendak kita katakan sebagai pemprosesan isi durian tadi perlu dilakukan. Ini kerana setahun lepas ada sebuah kilang di tempat saya yang dibuat oleh pihak swasta yang kilang itu daripada orang Bentong, Pahang datang di Bukit Gantang. Saya tanya tauke itu berapa, 100,000. *Alhamdulillah*, dia boleh beli durian, longgokan durian itu bukan beli tempat dia.

#### ■1550

Dalam masa yang sama, saya pergi pula dekat dengan LPP. Dekat Lembaga Pertubuhan Peladang Bukit Gantang. Dibeli juga, proses juga. Proses dengan cara manual. *Hat* yang ini swasta boleh buat 100,000, *hat* yang LPP masih lagi manual. Saya tidak tahu, *hat* tahun ini saya tidak pergi, tahun lepas saya pergi.

Jadi saya harapkan supaya perkara ini dapat diatas dengan baik. Kalau tidak, kasihan kepada orang kampung dalam soal untuk mereka ini untuk menstabilkan harga. Dulu Yang Berhormat Bera zaman dia jadi Yang Berhormat Menteri dulu, cadangan saya supaya harga lantai RM1, dia buat. Kita harapkan juga Yang Berhormat Menteri baru dari Kemaman ini, kita harapkan harga lantai letakkan dengan sekilo RM2. Ini cadangan sayalah untuk hendak supaya boleh dapat menstabilkan harga dan memberikan kepentingan kepada rakyat.

Kemudian isu yang ketiga ialah berkenaan dengan pembangunan komoditi ternakan. Pelik, negara kita ini luas, bumi kita hijau dengan rumput. *Holland* itu negeri dia lebih kurang besar dengan Pahang saja tapi menjadi kawasan ataupun negara yang mengeksport ternakan tenusu dan sebagainya. Kenapakah Malaysia tidak boleh? Kita masih lagi import. Kita buat projek macam-macam.

Saya hendak cadangkanlah. Kalau boleh pihak kementerian, kita buat sistem pawah hari ini. Beri pada setiap orang kampung seorang bela dua ekor lembu. Tidak perlu nak fikir soal hendak buat tanam rumputlah dan sebagainya, kadang-kadang rumit sangat. Beri dua ekor seorang. Pengalaman kita dengan NFC RM250 juta, kita tidak tahu ke mana. Sebab itu hari ini kita beri kepada orang kampung dua ekor. Syaratnya, Pegawai Pertanian kena *check*. Sebulan sekali kena *check*, takut dia orang jual. Okey, bila beranak seekor, “Okey, kau seekor, aku seekor”. Maknanya biar cara sistem pawah itu ada. Kalau tidak, penat kita.

Yang lebih sedih lagi kalau kita tengok di Sabah, Sarawak, harga lembu dengan kerbau mahal, sampai dekat RM7,000 seekor. Sedangkan, tempat mereka itu, *masya-Allah*, dengan buminya subur, rumputnya subur tapi malangnya situ mahal harganya.

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Jadi itulah cadangan saya. Dimintakan supaya diambil perhatian oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang *handsome* dan *smart* hari ini. Okey, terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Gajah, selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

### 3.53 ptg.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih diucapkan kepada Tuan Penggerusi yang tersalah sebut dan kemudiannya memberi peluang pada Batu Gajah untuk membahaskan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, B.21, Butiran 020000 – Jabatan Pertanian.

Tuan Penggerusi, sejauh manakah Jabatan Pertanian berjaya mengintegrasikan penggunaan teknologi moden seperti penggunaan teknologi solar bagi projek-projek pertanian? Adakah kaedah teknologi solar diterima baik oleh petani-petani kita? Apakah kekangan-kekangan yang dihadapi oleh Jabatan Pertanian dalam memperkenalkan teknologi solar kepada petani-petani?

Di bawah butiran yang sama, saya hendak tahu tentang penggunaan bahan organik dalam pertanian. Penggunaan baja kimia dan racun serangga yang keterlaluan boleh membawa kesan negatif kepada kesihatan dan pencemaran alam. Sejauh

manakah Jabatan Pertanian mengambil inisiatif untuk memberi galakan kepada petani-petani untuk berpindah kepada penggunaan bahan organik dalam pertanian? Adakah penggunaan bahan organik mempunyai kesan atau impak yang berlainan dalam menghasilkan kuantiti dan kualiti produk jika dibandingkan dengan penggunaan bahan kimia? Sejauh manakah Skim Organik Malaysia yang dikenali sebagai myOrganic mendapat sambutan daripada petani-petani?

Seterusnya Butiran 010000 di bawah Butiran 010400 – Industri Padi dan Beras. BERNAS. Bilakah kerajaan mahu menghapuskan monopoli pengimportan beras yang diberikan kepada BERNAS? Bukankah persaingan sempurna boleh memberi harga yang lebih berpatutan kepada pengguna? Tuan Pengurus, saya hendak tahu, berapakah stok penimbang negara kita ketika ini? Adakah kuantiti ini mencukupi dalam keadaan negara menghadapi satu bencana yang boleh mengganggu penghasilan beras tempatan?

Butiran 010200 – Perancangan. MyBeras. Ramai di kalangan rakyat miskin berasa tertipu dengan janji kerajaan dengan program MyBeras. Kerajaan telah menjanjikan pemberian beras percuma untuk golongan yang benar-benar miskin. Pindaan tarikh telah dibuat beberapa kali dengan pelbagai alasan. Akhirnya, kerajaan telah membatalkan projek tersebut. Apakah sebabnya projek ini dilancarkan tanpa kajian yang terperinci? Nyatakan sebab-sebab yang sebenar projek ini terpaksa dibatalkan oleh kementerian. Alasan bahawa masalah mekanisme pengedaran kepada kumpulan sasaran adalah tidak logik dan tidak munasabah.

Butiran 010300 – Pembangunan. Program Agropreneur Muda. Program Agropreneur Muda satu langkah kerajaan yang baik dalam memberi galakan kepada petani-petani muda. Justeru, dapat mengurangkan kadar pengangguran daripada kalangan anak-anak muda kita. Sejauh manakah penglibatan anak-anak muda daripada kalangan kaum Cina dan juga daripada kalangan kaum India dalam program ini? Apakah langkah-langkah kerajaan untuk menggalakkan petani-petani muda daripada kalangan kaum Cina dan kaum India melibatkan diri dalam program Agropreneur Muda?

Butiran 030000 di bawah Butiran 030600 – Pembangunan Komoditi Ternakan. Didapati harga ayam di pasar berubah hampir setiap hari. Perubahan adalah sangat ketara. Kenapakah harga ayam berubah sedemikian? Adakah ini disebabkan penawaran ayam berbeza-beza di pasaran tempatan setiap hari? Nyatakan kuantiti penawaran dan kuantiti permintaan ayam di negara kita pada hari-hari biasa dan pada musim perayaan. Nyatakan kuantiti penghasilan ayam mengikut negeri-negeri. Adakah kita mengimport ayam dari negara lain? Ayam kampung mempunyai harga yang tinggi di

pasaran tempatan. Adakah kerajaan mempunyai hasrat untuk memberi galakan kepada penternak-penternak ayam kampung?

Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu, berapakah kuantiti penghasilan telur ayam sehari? Berapakah kadar sara diri telur ayam di negara kita?

Butiran 12500 – Pembangunan Industri Tanaman Makanan. Sayur-sayuran merupakan makanan yang utama di negara kita. Nyatakan pusat-pusat utama yang menghasilkan sayur-sayuran untuk kegunaan di Semenanjung Malaysia. Apakah *self sufficiency level* bagi sayur-sayuran di negara kita? Apakah langkah-langkah dan galakan-galakan yang diambil untuk meningkatkan pertanian sayur-sayuran?

Apa yang dapat kita lihat sering kali petani-petani sayur dihalau dari kawasan yang mereka usahakan kerana tanah itu milik kerajaan negeri. Di kawasan saya juga, saya menghadapi banyak masalah apabila petani-petani datang mengadu kepada saya bahawa pihak kerajaan mengusir mereka keluar daripada tanah tersebut. Mereka telah mengusahakan tanah itu untuk satu jangka masa yang cukup lama dan tiba-tiba kerana ada projek-projek tertentu, mereka dihalau keluar dari situ dengan memberi janji-janji bahawa akan diberi tanah di tempat lain tetapi kemudiannya selepas mereka berpindah keluar, selepas mereka berhenti operasi, mereka tidak diberi tanah gantian. Perkara ini berterusan untuk satu jangka masa yang begitu lama.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

Walaupun saya tahu ini isu kerajaan negeri tetapi apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa petani-petani ini tidak diusir sewenang-wenangnya tetapi diberi peluang untuk diberi tanah-tanah lain supaya mereka boleh terus mengusahakan kegiatan tanaman sayur-sayuran ini?

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengetahui berapakah perbelanjaan import sayur-sayuran untuk menampung keperluan dalaman negara? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

■1600

**4.00 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam membahaskan belanjawan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Peringkat Jawatankuasa sebentar tadi.

Terlebih dahulu saya ingin jelaskan, saya pakai cermin mata bukan untuk *style*, ada yang kata *stylish* tadi, Yang Berhormat Taiping, dia selalu prasangka, bersangka jahat... [Disampuk] Saya baru buat *operation* mata buang selaput.

Tuan Pengurus, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mempunyai objektif untuk menjadikan industri pertanian ini mencapai matlamat terutama bekalan makanan yang cukup untuk rakyat Malaysia atau selalu disebut *food security*. *We must be secured*, dengan izin, *interim of food supply* untuk rakyat kita.

Keduanya, kita hendak membangunkan industri pertanian ini untuk meningkatkan taraf ekonomi petani-petani. Bila disebut petani-petani di sini bermaksud termasuk juga penternak dan juga nelayan yang mana kita sedar bahawa kedudukan mereka masih lagi perlu kita perjuangkan supaya mendapat kedudukan ekonomi yang adil dan juga berkongsi dengan kemajuan dan kesejahteraan negara kita yang terus membangun dan menjadi sebuah negara yang maju beberapa tahun lagi, *insya-Allah*.

Dengan izin, inilah, *this is the objective*, matlamat, hala tuju dan kita kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melancarkan berbagai-bagai program yang berdasarkan berbagai-bagai polisi yang kita fikir terbaik untuk kita laksanakan. Dengan izin, *we are doing the best we can. We are coming up with the best policies that we can and program, action plan for what, nothing but to achieve objective I have mention earlier*. Jadi jangan risau, jangan bimbang komitmen daripada kerajaan dalam hal ini. Itu mukadimah saya untuk memberikan penjelasan terhadap pendirian dan komitmen kerajaan.

Dasar program berubah-ubah dari semasa ke semasa, strategi berubah-ubah mengikut keadaan. Kita tidak boleh statik, kita tidak boleh jumud, kita mesti progresif daripada segi pemikiran kita dan tindakan kita mesti sesuai dengan keadaan. Sesuatu perkara program yang kita lakukan sekiranya perlu ditambah baik, kita tambah baik dan kita dengar pandangan daripada Yang Berhormat semua. Apa-apa pandangan yang baik kita terima dan kita akan tambah baik apa yang kita lakukan sekarang.

Jadi untuk menjawab Yang Berhormat Kuala Terengganu yang menyebut tentang masalah bantuan kepada nelayan-nelayan. Banyak kita beri sumbangan kepada nelayan bukan sekadar insentif tangkapan ikan yang dibimbangkan telah turun sebanyak 10 peratus. Ada banyak lagi, kita buat rumah untuk nelayan, *big money*, dengan izin, rumah untuk nelayan. Kita beri elaun sara hidup tiap-tiap bulan, RM300 kalau tidak silap saya, kita beri dan tidak cukup dengan nelayan laut. Apabila saya menjadi Timbalan Menteri Pertanian saya bawa perjuangkan untuk nelayan darat juga telah berbincang dapat persetujuan menteri masa itu kita perkenalkan juga elaun sara hidup untuk nelayan darat.

Kita tahu setengah mereka itu *part-time* tetapi tidak apalah kita pejam mata sahajalah. Hendak tolongan. Daftar sebagai nelayan yang berdaftar, nelayan darat. Daripada segi prinsip, daripada segi dasar kita beri elauan sara hidup kepada nelayan yang *fulltime*, sepenuh masa tetapi ada juga yang sambilan yang begitu begini. Tidak apalah lebih kuranglah sebagai keprihatinan kita kepada nasib nelayan. Selain daripada itu ialah yang Yang Berhormat semua tahu bantuan daripada segi minyak, subsidi minyak dan sebagainya. Banyak, jadi saya tidak hendak *elaborate* panjang sangat.

Keduanya, bantuan teknikal kepada nelayan..

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: [Bangun]**

**Tuan Pengurus [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Oh! Tidak puas hati ya [Ketawa]

**Tuan Pengurus [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih, Tuan Pengurus. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya apa yang saya maksudkan bukanlah sangat bantuan kewangan dan bantuan perumahan seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi. Saya juga telah sebutkan masa ucapan saya bantuan perumahan ini telah diselewengkan. Ada satu skandal yang amat besar dua tahun lepas di mana beratus ribu telah diselewengkan oleh pegawai-pegawai yang sepatutnya menyampaikan wang ini kepada nelayan-nelayan daif. Ini telah menjadi kes mahkamah di mana begitu ramai pegawai yang sepatutnya diamanahkan menyampaikan peruntukan ini telah didakwa di mahkamah.

Oleh sebab itulah, apa sebenarnya yang diharapkan oleh nelayan-nelayan ini bukanlah semata-mata wang kerana wang ini esok lusa boleh habis dan boleh diselewengkan. Apa yang mereka harapkan penjagaan keselamatan mereka supaya mereka boleh membuat kerja menguruskan usaha mereka tanpa gangguan daripada nelayan asing. Ini sebenarnya merupakan permintaan pertama dan utama mereka kerana sehingga sekarang masalah ini masih berterusan dan alasan-alasan diberi amat remeh seperti tidak ada peruntukan minyak. Minta nelayan beri bukti, ini bukan kerja mereka. Kerja memberi dan mencari bukti adalah oleh pihak keselamatan. Itulah maksud saya mereka minta bantuan keselamatan bukan kewangan sangat. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat ada *specific case* yang macam itu sila buat laporan dan juga biar dia dihakimkan. Kalau ada pegawai yang bermasalah *it doesn't mean*, dengan izin, fasal hendak *stress-kan*, oleh kerana satu kes tidak bermakna semuanya gagal. Tidak ada

*perfect, tidak ada sempurna sistem ataupun program pelaksanaan, there is always something wrong.*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:/[Bangun]**

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Duduk dahulu. Duduk. Belum habis orang bercakap sudah hendak bangun... *[Dewan riuh]* Apa ini? *Sit down. Please, please, quite, quite.* Tuan Pengerusi, saya yang menjawab. Bagaimana saya hendak menjawab itu terpulang kepada saya.

**Seorang Ahli:** Tidak kacau pun, tidak kacau pun.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Betul tidak Tuan Pengerusi. *I mean this is my floor... [Dewan riuh] How I answer, dengan izin...*

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Tidak ada siapa kacau pun, tidak ada siapa kacau.

**Beberapa Ahli:** Kacau diri sendiri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Don't disturb me. Please, shut your mouth... [Dewan riuh] Don't disturb, please, please.*

#### ■1610

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Pengerusi, siapakah yang berucap di sini? Kita bagi *floor* kepada Yang Berhormat Menteri. Kita dengar dengan tekun, tak ada masalah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *No, please sit down. No, you please sit down.*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *I am going to sit down. I am talking to the Tuan Pengerusi.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *You can disturb other people, don't disturb me, alright... [Dewan ketawa]* Okey, saya hendak sambung Tuan Pengerusi. Saya hendak sambung. Saya hendak kata tadi kalau ada satu kes, okey, *report* kepada polis dan tindakan diambil tetapi jangan *generalize*. Bukan, pasal apa di kawasan saya, adapun projek perumahan tak ada masalah pun... *[Disampuk]* Apa bengong sangat ini, tak faham cakap orang?

**Beberapa Ahli:** Sudah faham dah, dah faham.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Saya hendak kata, tempat lain tak ada masalah. Ada masalah satu di tempat situ, bukan bermakna di seluruh Malaysia projek perumahan kita gagal untuk nelayan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Faham, faham.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ha, okey *next point.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Beruas bangun.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ha, macam itu, kalau nak bertanya, bangun elok-elok. Okey, bangun.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Memang itu cara saya bangun. Saya tak- dengan hormat mengikut peraturan. Kalau boleh bagi peluang, saya akan tanya.

Memandangkan Menteri mengatakan bahawa ini ada satu kes yang terpencil tetapi ada beberapa perkara secara polisi dan undang-undang yang memang menindas nelayan. Harap Yang Berhormat Menteri boleh mempertimbangkan. Pertama, ialah undang-undang di bawah Akta Perikanan yang memestikan semua kalau ada kes dibawa ke mahkamah, kalau didapati bersalah, semua peralatan bot nelayan akan disita ataupun *confiscated* dan dijual. Itu terlalu menindas. Tak ada orang hendak pergi mahkamahlah sekarang. Oleh sebab itu ini menggalakkan rasuah. Saya katakan menggalakkan rasuah, dan memang kes seperti ini haraplah Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ini saya tahu, *you all everything is you politicized*.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *No, no, no, not politicized.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *No, no, no, apa?* Kata rasuah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya mohon Yang Berhormat Menteri, mohon Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Where is the case?*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Mohon Yang Berhormat Menteri pinda undang-undang supaya para nelayan kalau ditangkap tanpa sebab yang munasabah kerana pegawai hendak duit sahaja, hendak...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Itu tuduhan itu. Tuduhan jahat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *No, maksud saya ini...*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Dia tuduh pegawai hendak duit sahaja.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Nelayan akan berani ke mahkamah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *No, no, no, itu tuduhan jahat. You* kata pegawai nak duit sahaja. *This is my pegawai, you know... [Menunjuk ke arah pegawai bertugas] You look, be careful. You know, I must protect my pegawai. Don't say such thing.*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Menteri, mana boleh bagi janji pegawai tak ada rasuah. Kalau ada bukti, saya bawa Manjung, banyak kes.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Bukan semua pegawai Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kalau ada bukti bawalah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kita kata-kita bukan kata mana-mana pegawai yang merasuah. Maksud saya ini, kalau undang-undang menindas, nelayan takut pergi ke mahkamah sungguhpun tidak bersalah. Oleh sebab kalau didapati bersalah, hukumannya terlalu berat dan botnya, peralatan semua undang-undang kata mesti dirampas. Itu terlalu kita kata berat.

Jadi kedua, memang nelayan menjadi mangsa apabila penguatkuasaan tidak berkesan apabila dinyatakan nelayan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, *make it short, because we have quite a lot.*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Sekejap, okey. Ya, *on fisherman*, mengatakan memang *5 nautical miles* sudah mencukupi untuk udang dan ikan membiak. Akan tetapi kerana penguatkuasaan tidak mencukupi, memang ramai, banyak nelayan yang *troller* yang menangkap ikan dalam *5 nautical miles*. Akan tetapi kerana pelaksanaan tidak berkesan, pihak kerajaan cuba menyelesaikan masalah dengan meluaskan lagi kawasan yang tidak boleh *troller* atau bot tunda menangkap ikan hingga *8 nautical miles*, hinggakan nelayan-nelayan kecil menjadi mangsa. Jadi, ini polisi. Polisi-polisi ini mesti dipertimbangkan. Jadi, itulah permintaan saya. Kita hendak penguatkuasaan yang efektif. Sementara itu, kita pun tak mahu nelayan menjadi mangsa kalau penguat kuasa menyalahgunakan kuasa, mereka sudi dan akan pergi ke mahkamah kalau hukumannya tidak begitu berat dan keras. Itu sahaja permintaan saya bagi pihak nelayan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, isu ialah *enforcement*. Keduanya, hukum berat. Itu kita pulang kepada hakimlah yang hendak menjatuhkan hukum. Bukan pegawai yang menjatuhkan hukum.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bukan, undang-undang kata "*shall*", mesti dirampas. Itu, sebab itu kalau boleh "*may*". Boleh dirampas dalam undang-undang... *[Disampuk]* Itu permintaan saya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Hei Yang Berhormat, okey? Saya banyak lagi hendak jawab ini. Jangan kita banyak-banyak timbul isu. Soal penguatkuasaan, saya akan bangkitkan. Ini Yang Berhormat Kuala Terengganu masih lagi tunggu ini dia punya tak berjawab. Bantuan teknikal kepada nelayan tempatan. Bantuan teknikal MOA ada dua buah pusat latihan perikanan di Chendering dan

Kampung Acheh, Lumut untuk menjalankan kursus dan latihan secara berjadual. Di samping itu, latihan insitu seperti membaiki enjin bot dan pukat turut dijalankan di Chenderiang dan Kampung Acheh. Bagi tahun 2017, sebanyak RM700,000 diluluskan untuk latihan nelayan, okey.

Seterusnya, Yang Berhormat Kuala Terengganu membangkitkan juga soal penguatkuasaan yang dikatakan lemah. Dalam hal ini, ingin saya menyatakan bahawa *MoA is not the sole*. Maaflah, dengan izin, *is not the sole agency or party who is looking after the penguatkuasaan ini*. Kita bekerjasama dengan APMM dan juga Jabatan Laut, saya kira. So, dari semasa ke semasa kita sentiasa cuba mempertingkatkan penguasaan diri. Akan tetapi ada banyak kekangan-kekangan, masalah-masalah tetapi bukan tujuan untuk disengajakan.

Walau macam mana pun, kita ada menjalankan beberapa tindakan untuk memastikan bahawa *enforcement* ini dapat diketatkan ataupun menjadikannya berkesan. Umpamanya, menggunakan satelit, apa yang dipanggil *mobile tracking unit*. Ia boleh *track* nelayan di laut sana. Apa-apa yang terjadi, masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu tadi apa yang berlaku di laut sana itu, dapat kita ketahui melalui *mobile tracking unit* ini. Selain itu, kita juga menggunakan *Automatic Identification System (AIS)* ringkasnya, juga dapat kita mengetahui ataupun *identify*, mengenal pasti apa yang dilakukan oleh nelayan semasa mereka berada di laut, sama ada di zon B ataupun zon C. Akan tetapi itu untuk mengetahui apa yang berlaku. Akan tetapi tindakan ke atas mereka itu, itu yang di bawah pihak penguatkuasaan. Kita akan cuba mempertingkatkan, kita tidak mengatakan bahawa tidak ada masalah dalam hal ini.

Ketiganya Kuala Terengganu, membangkitkan soal kepupusan sumber ikan. Survey menunjukkan bahawa ada kekurangan sumber ikan. Jadi, dalam hal ini kita mengetahui akan hakikat ini. Sumber ikan makin berkurangan dan dengan sebab itu kerajaan, Jabatan Perikanan mengambil beberapa tindakan bagi memastikan sumber ikan ini dapat kita lindungi.

## ■1620

Pertama sekali umpamanya kita bina tukun-tukun tiruan yang dibina di kawasan laut di mana ia menjadi tempat ikan-ikan ini membiak.

Keduanya, bagi memastikan bahawa ikan-ikan yang kecil-kecil yang menjadi sumber ikan untuk tangkapan di masa mereka sudah besar, kita pastikan nelayan tidak menangkap ikan-ikan kecil ini dengan mengenakan syarat mereka tidak boleh lagi menggunakan pukat yang matanya 30mm. Ia di perkecilkannya. Ia diperbesarkan kepada 38mm daripada 24mm.

Jadi dengan itu ikan-ikan kecil ia terlepas, dia tidak boleh masuk dalam jaring itu. Kalau tidak semua ikan yang kecil pun masuk dan ditangkap. Banyak mereka buat baja ikan-ikan yang kecil itu. So we want to leave all this small fish to be in the sea supaya mereka besar dan menjadi sumber ikan kita pada masa yang sesuai untuk ditangkap.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ketiga...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ada tentang pukat ini.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** ...Ketiga, enforcement. Tadi saya sudah sebut.

Keempat, taman laut. Kita juga ada projek taman laut di mana ikan-ikan dapat menjadi tempat kehidupan mereka, taman dan hidup di situ dengan ekosistem marin yang sesuai untuk ikan-ikan ini membiak di sana.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu bangun.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit tentang pukat ini.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Batu ini tidak ada laut, tidak ada ikan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tentang pukat itu, boleh?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ha? You tidak ada- mana ada Batu, tidak ada nelayan di sini.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** /Ketawa/ Hendak juga, okeylah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Hanya isu pukat ini. Kita setuju bahawa sumber laut ini, hidupan ikan kena kita pelihara supaya kita tidak memupuskan spesies-spesies dan memupuskan ikan sebagai sumber makanan kita. Akan tetapi saya dengar daripada nelayan-nelayan yang berpengalaman, mereka mengatakan dengan memperbesarkan lubang jala, pukat itu sebenarnya tidak berapa praktikal kerana bila ikan itu ditangkap secara kumpulan, bila diheret dalam laut ikan kecil ini memang tidak mungkin akan escape daripada pukat dan mereka terhimpit dan mati.

Bila diangkat naik itu, sebab jaring yang besar dengan sentimeter yang lebih besar, ikan kecil ini akan terkeluar dan ikan yang tidak- bukan hidup terjatuh dalam laut.

Bolehkah kita dapatkan satu *research* untuk mengenal pasti sama ada perkara ini berlaku atau tidak?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kalau ini benar bolehkah kita ada cara yang lebih efektif untuk memelihara benih-benih ikan ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okay, alright. *Why not.* Tuan Pengerusi kalau benda itu baik untuk menjadikannya lebih berkesan lagi tidak ada masalah. Pegawai kita boleh tengok. Akan tetapi setakat ini tidak ada kompelin yang mengatakan bahawa penggunaan jaring yang telah ditukar...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Besar.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** ...Daripada 24mm kepada 38mm itu yang mengatakan banyak ikan yang terlepas itu mati dalam laut. Kita tidak ada terima lagi kompelin yang begitu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Terengganu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey. Yang Berhormat Terengganu, ini soalan dia belum habis lagi. Saya hendak jawab. Tambahan soalannya semua kita hendak jawab. Bilangan nelayan laut dalam. Kononnya ada rahsialah, kita tidak hendak *disclose*, tidak hendak bentangkan tidak hendak beritahu. Janganlah tuduh-tuduh macam ini, selalu tuduh, saya tidak suakah kalau tuduh-tuduh [*Ketawa*] Sangka jahat, sangka tidak elok ya. Biar elok prasangka itu, hati muah baik... *[Disampuk]*

Kerajaan menyasarkan 2,000 buah *vessel* yang didaftar menjelang tahun 2020. Ha, tidak ada masalah kita beritahu. Bagi menampung keperluan permintaan ikan sehingga Oktober 2016. Bilangan *vessel* laut dalam yang aktif 1,265 buah. Jumlah pendaratan laut dalam sehingga Oktober 2016 - 319,666.68 tan metrik. Nama syarikat-hendak sampai ke nama-nama syarikat pun hendak tahukah? Boleh tidak masalah. Kenapakah ada syarikat Yang Berhormat tidak suka? Hendak *check* satu-satu, boleh. So pegawai hantar secara bertulis. *No, problem.* Tidak ada rahsia. Okey, habis ya. Mana, yang kedua...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Bangun lagi. Okeylah *very short one* ya.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Saya hendak sebut tentang tiga perkara Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi. Pertamanya tentang

bukan MoA sahaja terlibat dalam penguatkuasaan. Kita tahu Jabatan Laut, Jabatan Perikanan dan sebagainya. Ada tiga buah agensi, empat buah agensi. Itulah masalahnya. Apabila aduan dibuat oleh nelayan, satu buah agensi memberi sebab agensi lain yang bermasalah. Jadi tidak ada orang yang mahu mengambil tanggungjawab sepenuhnya.

Jadi masalah ini berpanjangan, berterusan begitu lama. Orang ini kata orang ini, orang lain menyebabkan orang lain yang dituduh. Jadi inilah masalah yang ditolak balik kepada nelayan. Apabila nelayan membuat aduan, pihak berkuasa minta nelayan pula bukti. Jadi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata sudah ada satelit dan sebagainya, kenapa susah sangat. Kalau tidak satelit ini digunakan atau sekurang-kurangnya seperti yang saya sebut gunakan *drone*, satu teknologi yang senang dan murah. Ini supaya nelayan ini dapat dibela. Tidakkan hendak suruh nelayan yang bagi bukti kerana ini bukan kerja mereka.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya, okay, I got it.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Kedua Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak habiskan lagi. Tentang pupusan, adalah pupusan ikan ini. Jawapannya bukan dalam TEKUN kerana masalahnya bukan ikan ini dia pupus kerana *over fishing* tetapi kerana *illegal fishing* dengan *deep sea trawler* dari Vietnam yang melanggar peraturan kita. Kita buat peraturan tetapi kita membenarkan bot-bot besar luar dan asing membuat kerja yang tidak dibenarkan. Bukan hanya bot nelayan tetapi kargo bot yang tidak sepatutnya membuat kerja perikanan terlibat. Ini berleluasa begitu lama. Jadi inilah masalahnya, bukan kerana pupus *over fishing* tetapi kerana...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** ...*illegal encroachment*.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Alright, thank you.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Sedikit lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Panjang Yang Berhormat ini.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Daripada *Chinese fisherman, encroaching to Vietnamese water, fisherman* masuk ke perairan kita. Jadi masalah ini berpindah kepada kita dan kitalah *is the weakest among the link*. Kita minta pembelaan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Akhir sekali Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang senarai tadi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Soalan tambahan pulakah?

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Tidak, ini poin yang ketiga. Tentang senarai tadi. Saya hanya meminta senarai dan saya telah meminta sekurang-kurangnya sudah tiga kali, tidak pernah mendapat senarai ini.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Oh, *this time you will get it.*

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** *Insya-Allah,* saya harap begitu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Okay, alright.*

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Tidak ada buruk sangka Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hanya mahu tahu kerana banyak nelayan ingin tahu kenapa banyak syarikat yang mendapat keistimewaan berbanding pada mereka sebagai nelayan kecil. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey. Tuan Penggerusi *drone* tadi, *drone* itu kita sedang membuat kajian, mungkin kita akan cuba guna *drone* sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Sebenarnya mereka sudah pun berfikir tentang hal ini. Jadi Yang Berhormat kira orang yang kedua-lah bagi pandangan ini. Jadi walau macam mana pun *thank you very much* ya.

Kita- tetapi dalam pada itu saya cakap juga dengan pegawai hantar *drone* ini dekat laut dalam sana itu kita hendak tengok orang-orang asing ini, nanti bawa pistol keluar dia tembak *drone* itu, '*pup' 'pup' 'pup'* apa jadi *drone* itu [*Ketawa*]

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

■1630

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Nanti dulu.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sikit sahaja, tambah fasal *drone*.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Siapakah ini?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kota Tinggi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, okey.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Penggerusi, terima kasih. Saya pendek sahaja, fasal *drone* ini saya tertarik sikit sebab saya pun peminat *drone* juga. Untuk *science technology engineering and mathematics*

(STEM), *drone* ini ada *limit* dia. Dia kalau yang *long term*, yang jauh jarak macam Yang Berhormat Kuala Terengganu harap itu, *the cost is very expensive*. Akan tetapi kalau *short-* dua kilometer, tiga kilometer, satu kilometer tetapi operator itu mesti nampaklah. Jadi *drone* ini nampak macam bagus tetapi saya ingat sekarang ini belum lagilah. Itu pandangan saya. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, tidak apalah. Kita cuba nanti.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
Tuan Pengerusi, Lumut.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kita cuba.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Lumut.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Mata saya tidak nampak tahu? Siapakah yang bercakap ini? Kena sebut nama.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
Lumut, Lumut.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lumut.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berpendapatlah kalau kita hendak mengawasi, melindungi nelayan kita menggunakan *drone* mungkin tidak berkesan. Saya mungkin mencadangkan kementerian menjadi koordinatorlah bersama dengan TLDM, marin dan juga APMM wujudkan litar khusus, litar kecemasan. Apabila di laut, nelayan mengalami ancaman daripada nelayan-nelayan asing ini. Apabila mereka mengaktifkan radio ini, sama ada APMM ataupun TLDM ataupun PDRM mengesannya, maka bantuan segera boleh dilakukan. Contohnya TLDM ada helikopter, APMM pun ada helikopter. Mungkin boleh bertindak dengan serta-merta dan terus boleh mendapat bukti yang bahawa mereka digangu oleh nelayan-nelayan asing. Itu pandangan saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, nanti kita bincang antara jabatan ya apa yang cadangan Yang Berhormat sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kinabatangan membangkitkan soal jalan ladang, jalan pertanian- jalan kampung itu bawah KKLW, jangan silap. Kalau ada masalah jalan kampung jangan tujukan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini jalan sawah, yang itu. Saya

ingat mungkin Yang Berhormat Kinabatangan tadi ada bangkit ini soal jalan kawasan pertanian di tempat dia barangkali. Jadi di sini, saya cuma boleh beritahu Yang Berhormat kita tengok bajet kita, ya. Sekiranya dalam kemampuan kita, kita akan cuba bantulah kawasan Parlimen Yang Berhormat untuk mengatasi masalah jalan ini, ladang ini.

Kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan soal benih FELCRA Plantation ada mengeluarkan benih padi baru dipanggil yang dipanggil *Crusher*, bukan *crusher run*. *Crusher run* untuk buat jalan, batu *crusher run*. Ini benih padi, hebat juga nama baru ini *Crusher*. Jadi MoA dan FELCRA telah bekerjasama dalam menjalankan pemerhatian dan juga potensi benih padi terawat di stesen pertanian dan beberapa petak sawah terpilih. Masih terlalu awal untuk menggalakkan penggunaan benih padi terawat secara meluas kerana MoA perlu melihat prestasi hasil seperti dinyatakan iaitu meningkatkan hasil padi sehingga 15 peratus. Maknanya kita kena kajilah ringkasnya ya. Kalau terbukti bagus, boleh- kita boleh guna. FELCRA pun FELCRA lah. Kita FELCRA pun adik-beradik juga dengan kita. Antara agensi kerajaan, GLC kerajaan dengan kita. Okey?

Ketiga Tuan Pengerusi, soalan Yang Berhormat Kinabatangan ialah berkenaan dengan *stockpile*. Pada masa ini *stockpile* negara 150,000 metrik tan. Kedudukan gudang *stockpile* seperti berikut. Semenanjung: Zon Utara - gudang simpanan beras padi; Zon Tengah - Gudang BERNAS, Port Klang; Zon Selatan - Gudang BERNAS, Pasir Gudang. Manakala Sabah: Gudang Kinabalu, Sandakan, Tawau, Lahad Datu; dan Sarawak: Gudang Kuching, Sibu, Bintulu. Terdapat stok dagangan BERNAS 138,000 metrik tan yang disimpan sebagai *stockpile*.

Seterusnya, berkenaan dengan isu monopolii, monopolii import beras. Ini popular ini, banyak tanya. / ingat jawapan ini, boleh jawab beberapa orang Yang Berhormat yang membangkitkan isu monopolii ya. Berdasarkan kepada perjanjian konsesi yang masih berkuat kuasa, BERNAS diberi hak sebagai pengimport tunggal beras ya, beras negara sehingga tahun 2021. Berapa hari lagi? Berapa bulan? Lima tahun lagi.

Sebagai balasan kerajaan telah menetapkan agar BERNAS melaksanakan obligasi-obligasi sosial seperti mengurus stok penimbang, menjamin belian padi daripada petani. Menjamin belian padi ini maksudnya mereka jadi *the buyer of the last resort*. Kalau siapa-siapa, kilang-kilang mana tidak mahu beli padi petani, BERNAS tidak boleh tolak, mestи kena beli. Itu disebutkan menjamin belian padi daripada petani. Harga, pada harga minimum terjamin menjadi pembeli terakhir padi. Mengurus pembayaran subsidi harga padi dan mengurus skim pengilang bumiputera.

Selain daripada itu, BERNAS hanya dibenarkan membawa masuk untuk menampung ketidakcukupan bekalan beras dalam negara. Sebagaimana yang tadi disebut-sebut iaitu sebanyak beberapa peratus? Sebanyak 30 peratus dan kita akan cuba meningkatkan kepada 80 peratus pada tahun 2020. Dengan itu, pengimportan akan berkurangan. Seterusnya berkurangan mengikut peningkatan bekalan padi dan beras dalam negara.

Isu yang akhir yang dibawa oleh Yang Berhormat Kinabatangan ialah isu- itulah habis monopoli beras. Tadi hangat sangat bab monopoli ini. Sudah diam pula *[Ketawa]* Maknanya jawapan itu diterima baiklah. Okey, *Alhamdulillah*.

Tuan Pengerusi, Ini berkenaan dengan stockpile tadi ditanya oleh juga Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Pokok Sena- jawab sekali di situ ya.

Yang Berhormat Pokok Sena membangkitkan soal pemutihan padi. Walaupun saya, tidak berapa nampak, rabun tetapi saya rasa Yang Berhormat Pokok Sena tidak ada sini?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terpulang pada Yang Berhormat sama ada hendak...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Itulah saya hendak pastikan makna dia tidak ada ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Dia tidak ada.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak ada ini. Kita jawab secara bertulis sahajalah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ringkas. Ini bukan serius sangat. Tanya-tanya tetapi apabila saya jawab tidak ada. Ini kah jadi Wakil Rakyat? *[Ketawa]* Tengok saya tunggu daripada pagi sampai sekarang. Itu siapa pula yang menyampuk itu. Yang Berhormat Sungai Petani kah?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Menteri Kewangan mana?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Sungai Petanikah menyampuk? Dulu kata lambat tanam lah, itu lah, ini lah.

Bahagian Merbok- Yang Berhormat Merbok pula ya. Yang Berhormat Merbok membangkitkan dusun-dusun tua yang tidak lagi menghasilkan pendapatan kepada petani. Apakah perancangan dan bantuan kerajaan terhadap pekebun-pekebun yang memiliki pokok-pokok tua?

Kementerian di bawah Jabatan Pertanian mempunyai program tanam semula buah-buahan terpilih, Tuan Pengerusi. Bantuan sebanyak 217- pada tahun 2017 sebanyak RM6 juta telah pun peruntukan dibuat bagi tujuan ini.

**■1640**

Pada tahun ini 2016, peruntukan diterima di bawah program ini sebanyak RM10 juta. Jadi maknanya, ringkasnya ada bantuan untuk pekebun-pekebun menanam semula pokok buah-buahan mereka. Itu ringkasnya. Jadi kalau ada siapa-siapa hendak menanam semula pokok-pokok dia, boleh berhubung dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan kita bincang macam mana hendak melaksanakannya ya. Pencapaian apa semua ini panjang lebar, tidak payahlah.

Soalan kedua, Yang Berhormat Merbok ada sini? Tidak ada juga. Oh, ada ya. Tidak ada saya hendak...

**Seorang ahli:** Ada, ada.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ada, okey. Ringkas-ringkas sahaja. Usaha untuk membantu petani membangunkan tanah terbiar. MoA peruntukkan RM140 juta untuk Rancangan Malaysia Kesebelas dan sebanyak RM5 juta pada tahun hadapan sahaja untuk membangunkan tanah terbiar. Bentuk bantuan yang diberikan di bawah program ini merangkumi kerja tanah iaitu untuk pembersihan kawasan, penyeliaan infrastruktur asas dan penyediaan input seperti anak benih, baja dan racun. Kadar bantuan maksimum ialah RM20,000 satu hektar. Projek yang boleh diusahakan semua jenis tanaman. Okey, *clear* ya. Itu untuk tanah terbiar.

*Next question* Yang Berhormat Tuan Pengerusi, daripada Yang Berhormat Merbok ialah berkenaan dengan kurangnya mendapat latihan bagi tanaman nanas kepada petani-petani yang hendak menanam nanas. MoA melalui jabatan dan agensi menjalankan latihan-latihan *upskilling* dan juga *reskilling*. Bahasa Melayu sudah tidak boleh pakai ya. *Upskilling* ini meningkatkan kemahiran dia ya. *Reskilling* itu maknanya memperbaharui, menambah baik lagi dia punya kemahiran dalam aspek-aspek yang diperlukan oleh petani, nelayan dan penternak. Sebanyak RM4.4 juta diperuntukkan untuk tujuan ini bagi tahun 2017. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 12 kursus berkaitan nanas. Nenas atau nanas? Nenas ya. Untuk golongan sasar melibatkan 335 orang peserta bagi kawasan Parlimen Merbok.

Yang Berhormat Merbok, ini Yang Berhormat punya kawasan. Kursus *hands-on* tanaman nanas yang terkini dibuat pada 1 hingga 3 November tahun ini, baru-baru ini melibatkan 40 orang petani di Institut Peladang Sungai Petani. Okey. So, suruh dia orang rajin-rajin sikit tanam. Yang Berhormat Merbok, balik bagi tahu dia orang tanam

bersungguh-sungguh, jangan hangat-hangat tahi ayam sahaja. Saya cakap ini betul. Jangan hendak tanam ini, tanam itu, lepas itu kita bagi macam-macam, lebur.

Yang Berhormat Merbok Tuan Pengerusi, juga ya, kurang latihan yang diberikan melibatkan para pengusaha tanaman- Eh, sudah tadi. Apa jawab dua kali ini. Ah, tidak payah.

**Seorang Ahli:** Tidak nampak itu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ah, pasal pegawai saya rajin sangat [Ketawa] Dua kali. Itulah, jangan cakap macam-macam pegawai ya.

Tuan Pengerusi, soalan daripada Yang Berhormat Sungai Siput... *[Melihat ke tempat duduk YB bagi Sungai Siput]* Sudah tidak ada, sudah!

**Seorang Ahli:** Ada.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ada Yang Berhormat Sungai Siput. So, very ringkaskan.

Pengurangan subsidi baja. Pengurangan subsidi Kerajaan Persekutuan dan Skim Insentif Pengeluaran Padi. Mencadangkan penggunaan kupon diberikan kepada petani bagi menangani kekurangan subsidi. Kementerian sedang meneliti kesan pengurangan subsidi baja kepada industri padi. Jawatankuasa ini diketuai oleh Ketua Setiausaha kementerian bagi meneliti kesan dan mencari alternatif yang terbaik bagi menangani pengurangan subsidi ini. Jawatankuasa akan turut meneliti impak terhadap pengeluaran padi bagi mengelakkan industri padi terjejas. Cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, antara alternatif yang turut dipertimbangkan oleh kementerian. Namun, perkara ini perlu diteliti dengan lebih terperinci bagi mengelakkan sebarang kesulitan. So, itu jawapan dia Yang Berhormat Sungai Siput.

*But I would like to add* Tuan Pengerusi, dengan izin, hasil padi ataupun produktiviti petani-petani bukan hanya bergantung kepada subsidi ya, ada faktor lain. So saya sebagai Wakil Rakyat dan juga Timbalan Menteri, selalu saya melihat perkara-perkara lain yang perlu diatasi, umpamanya budaya yang diamalkan oleh petani sendiri. Kita kena ada petani yang berdisiplin, yang mengikut jadual, apa yang dipanggil *rice check*. Petani yang mengambil berat tentang tanaman mereka. Semalam pun saya di kawasan saya ingatkan, saya kata padi-padi kita ini, kita kena jaga dari awal lagi seperti penyediaan tanah, tapak dia, kepada benih, kepada tuaian dan sebagainya. Kalau kita serah kepada kontraktor sahaja, kepada *driver* sahaja yang bawa traktor itu, kubota dan sebagainya, itu yang kadang-kadang banyak masalah bukan sahaja daripada segi produktiviti, permutuan juga. Nanti ada masalah permutuan yang dibangkitkan.

Ramai daripada petani kita, kita nasihatkan supaya ambil berat tentang pertanian mereka. *They have to change* Tuan Pengerusi. Sikap, minda petani yang moden yang

hendak kita ada. So, kementerian menegaskan *good agriculture practice* iaitu budaya amalan pertanian baik. *Good agriculture practice, this is the one*, dengan izin Tuan Pengerusi, kita hendak terapkan dalam kalangan petani kita ya. Ini sebab faktor subsidi sahaja tidak, *is only one of the factors*, ada faktor lain lagi. Ringkasnya begitu. Kalau saya cakap nanti panjang lebar lagi. Jadi setuju ya? Jarang bersetuju.

Yang Berhormat Sungai Siput juga bangkitkan ramai penternak di Sungai Siput tidak ada tanah sendiri, guna tanah kerajaan, tanah bekas lombong dan diusir keluar. Adakah bantuan untuk mendapatkan kawasan tanah untuk mereka? *I think you know the answer* dengan izin. Tanah ini kerajaan negeri, macam mana kita buat? Selain daripada itu Yang Berhormat Sungai Siput, keluasan tanah tidak boleh lagi kita harapkan untuk membangunkan industri pertanian ini. Ini sebab tanah suka tidak suka, akan berkurangan. Dia tidak bertambah. Kenapakah berkurangan? Yang Berhormat lagi pandai boleh jawab. Hendak industrilah, perumahanlah, pelanconganlah, apa segala yang menggunakan tanah kita. Yang Berhormat tahu kan? *So what is the answer*, dengan izin? Apakah jawapan kepada tuntutan pembangunan pertanian pada kala mana tanah berkurangan? Jawapannya Tuan Pengerusi ialah teknologi. Teknologi seperti negara-negara lain yang telah maju dalam pertanian. Tanah kecil, tetapi dia produktif. *Very high productivity*.

Ini yang menjadi harapan kita, pegawai MARDI kita, pegawai pertanian kita, semua kita, berhempas pulas dan juga *we are cracking our head, crack-crack*. Ini pecahkan kepala otak ini untuk mencari macam mana satu teknologi baru, kaedah baru *with less land but we can produce more.... [Seorang Ahli berdiri]* Yang Berhormat Sungai Siput, bangunkah itu?

■1650

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput bangun.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya, jangan panjang-panjang. Saya panjang tidak apa.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya tidak panggil lagi sebab Yang Berhormat Menteri sedang menjawab.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih. Okey, memang betul tanah di bawah kawasan negeri tetapi kita ada Majlis Tanah Negara yang mana Persekutuan sama dengan semua negeri duduk dan buat polisi. Sini kita perlu satu

polisi. Jika kita perlu tanah untuk perumahan atau perindustrian, kenapa kita hendak ambil tanah yang dipakai untuk makanan, penternakan atau sayur-sayuran?

Kita hanya ada lebih kurang 10 kali lebih tanah untuk kelapa sawit di Malaysia. Keluasan tanah. So, bolehkah kita pakai sebahagian daripada tanah ladang untuk kelapa sawit getah, untuk perumahan, perindustrian dan bukan tanah yang dipakai untuk makanan kita atas kepentingan *food security*? So ini semua boleh diputuskan di Majlis Tanah Negara.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Well Tuan Pengerusi, kita terima dengan baik cadangan itu tetapi secara logiknya saya kata tadi permintaan kepada barang makanan, pertanian bertambah. Sekarang kita 27 juta orang penduduk. By 2050, kita akan ada penduduk hampir 50 juta. Itu 2050. Kalau tahun seterusnya pada 2070? Our children punya *generation*, our grandchildren punya *generation*, penduduk menjadi 60 juta, 70 juta.

Kalau kita hendak mengeluarkan bahan makanan, produk makanan, bergantung kepada tanah, tanah tidak akan bertambah. Tidak bertambah. So *there is no way that we can solve the problem of food supply depending on increase in the supply of land. No way*. Tambah berapa banyak pun tidak boleh cukup. So *the answer is-* jawapan kepada masalah ini ialah teknologi *and this has been proven* dengan Tuan Pengerusi, oleh negara-negara lain yang maju dalam bidang pertanian, ya? So *this is the answer-lah*. Okey.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri boleh habis pukul 5.30 ya?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sekarang pun boleh habislah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Sungai Siput...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua kementerian lagi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Penggunaan kupon untuk subsidi ini, ya tak? Saya ada sedikit persamaan pandangan ini. Sebab apa? Oleh sebab kalau kita cakap di sini, kena berjaga-jaga juga, keluar dalam TV lah apa semua. Nanti petani marah pula, ya? Kadang-kadang kita bagi subsidi baja, baja itu tidak digunakan secara betul. Patut ditabur baja hari ini, dia tidak tabur. Minggu depanlah, bulan depanlah, simpan bawah rumah. Sesetengah baja itu ada yang mungkin bagi kawan kah, apa kah, tidak digunakan sepenuhnya. *This is the problem*. Kerajaan belanja dekat RM500 juta, RM600 juta untuk baja asas dan baja tambahan dan lain-lainnya. *It is a lot of money* yang kerajaan bagi. So, mungkin untuk mengelakkan daripada- sistem kupon mungkin

satu caralah tetapi kita kena tengok betul-betul dulu, ya? Jangan hendak ubah cepat-cepat sangat. Okey, habis.

Yang Berhormat Mersing. Berapa banyakkah peruntukan untuk jelapang padi Endau? Untuk pembangunan infrastruktur, pengairan dan saliran Endau-Rompin, peruntukan tahun 2017 yang diperolehi adalah sebanyak RM8.2 juta untuk menaik taraf sistem pengairan dan saliran di kawasan Paya Sepayang, Paya Setajam dan Tebu Hitam. Kawasan Endau bukanlah kawasan jelapang padi- walaupun dia tidak ada kawasan jelapang padi, kita bantu jugalah sebagaimana yang disebutkan itu, ya.

Soalan kedua daripada Yang Berhormat Mersing. Bantuan kepada usahawan ternakan ikan kelah. Ikan kelah dikatakan ikan empurau, empura. Dari Kapit, ya?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Oh saya tidak tahu pula yang ikan kelah ini juga ikan empurau.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Eh, tadi kata sama.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Tidak sama. Tidak sama, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tadi kata sama.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Tidak sama, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak sama, ya?

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Tidak sama. Ikan empurau dan ikan kelah tidak sama.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tadi ada orang cakap sama. Siapakah tadi?

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Tidak sama. Tidak sama.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak sama, ya? Saya ingat sama.

**Datuk Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Saya tahu. Saya datang dari Kapit. Tidak sama.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Saya datang dari Kampung Gajah. Ada ikan kelah. Saya ingatkan sama. Okey, Tuan Pengerusi, macam gaya tidak sabar sahaja. hendak suruh saya duduk kah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya sabar dan senyum.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, okey. Saya bergurau sahaja petang-petang ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kalau tidak, mengantuk. Bantuan telah diberi, ya. Bantuan telah diberi, bantuan khidmat nasihat telah diberi, bantuan peralatan pun, pam, generator, dan *blower* semua sudah bagi. Bantuan input iaitu baka ikan kelah, semua sudah bagi. Yang Berhormat Mersing tidak ada di sini, selamatlah saya. Dia tidak ada bantah. Okey, Tuan Pengerusi, seterusnya...

**Seorang Ahli:** Apakah ini?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Apakah dia? Yang Berhormat Mersing bertanyakan berapakah jumlah bilangan yang dikeluarkan oleh TEKUN. Berapa yang telah mendapat status GMP dalam industri makanan? Kita jawab- tidak payah jawablah, dia tidak ada. Okey, seterusnya ada satu, dua soalan lagi. Yang Berhormat Mersing akan diberikan jawapan bertulis.

Yang Berhormat Merbok sudah jawabkah tadi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah jawab tadi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kenapakah dua kali ini?

**Seorang Ahli:** Malam boleh jawab.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kemudian lagi Yang Berhormat Tenom. Yang Berhormat Tenom ada kah?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sudah tidak ada dah?

**Seorang Ahli:** Ada.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Oh, ada ya? Boleh jawab bertulis? *[Ketawa]* Kalau boleh jawab bertulis, orang kata boleh jimatkan masa. Boleh jawab bertulis?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Seorang Ahli:** Bolehlah, bolehlah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Apakah yang boleh?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Lain orang yang ditanya, lain orang yang menjawab. Apalah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Menteri yang buang masa sekarang. Hendak baca, bacalah. Tak payah baca, tak payah bacalah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Saya tanya Yang Berhormat Tenom, bukan saya tanya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara kah, siapakah yang di sebelah sana. *Let him answer.*

**Seorang Ahli:** Tidak payah jawab. Tidak payah jawab. Kita okey.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey. You pula jawab bagi pihak dia. Okey, ya? Bertulis ya? Okey [Ketawa] Okey. Yang Berhormat Kuantan. Yang Berhormat Kuantan ada sini? Hendak bertulis atau tidak?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jawab. Okey. Penggunaan racun perosak. *Organochlorine* di Cameron Highlands. Kesan atau sisa baki yang dikesan di Cameron Highlands akibat penggunaan lampau. Beberapa jenis racun ini masih dikesan kerana ia tinggal lama dalam alam sekitar. Keadaan ini bukan sahaja di Malaysia tetapi di negara-negara maju.

Malaysia telah mengharamkan 40 jenis racun perosak yang bahayanya kepada alam sekitar dan manusia. Antara yang diharamkan DDT, *heptachlor*, payah hendak menyebut- lidah bengkok- *Dieldrin*, racun-racun perosak ini telah diharamkan kira-kira 15 tahun yang lalu dan ada di antaranya lebih 20 tahun yang lepas.

## ■1700

MoA, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Racun Perosak akan terus mengharamkan racun-racun yang bahaya ini pada masa hadapan. *That answer the question?... [Seorang Ahli berdiri]* Ini siapa pula yang bangun ini?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kuantan yang bangun ini.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kuantan bangun.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Nampak lain Yang Berhormat Kuantan ini. Mata saya...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tidak apa, baru lepas *operate*, saya doakan sihat. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Perempuan nampak, lelaki tidak nampak ya?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kajian yang saya sebut tadi ialah kajian daripada kumpulan profesor-profesor *Centre for Water Research and Analysis*, Universiti Kebangsaan Malaysia. Jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa ia kekal di dalam tanah buat masa yang lama dan sebab itu ia masih terdapat di dalam tanah. Ini yang disebut dalam jawapan Timbalan Menteri tadi.

Akan tetapi di dalam Kertas Kerja ini, pakar-pakar ini mengatakan bahawa research yang dilakukan ini dari tahun 2011 hingga 2013, *indicate that some of the pollutant were due to new usage*. Saya maklum bahawa sudah diharamkan dari tahun 2002. Akan tetapi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ia masih berterusan digunakan? *Due to new usage* ya. Ini dalam kertas kerja, bukan saya cakap ya. Kertas kerja oleh profesor-profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia. Saya katakan tadi mereka bersedia untuk berkongsi.

Kemudian, tidak puas hati dengan kajian mereka, mereka terus mengkaji lagi *to ascertain the level of pollutant concentration in the waters supply*. Ini mereka hendak tengok dalam air pula. *A second project was initiated which included a monitoring program beginning August 2014. Samples were taken from seven station including one from a tap in Brinchang*. Jadi apa yang mereka dapati bahawa memang ada pollutant itu di dalam air minuman, dalam air sungai dan dalam *water catchment area*.

Jadi maksud saya, kita jangan ambil remeh sebabnya industri sayur-sayuran, pertanian ini amat penting bagi kita. Kajian yang terkini yang mereka sedang maklumkan kepada saya yang belum di-publish menunjukkan bahawa dalam sayur-sayuran itu juga mengandungi racun-racun yang terlarang ini.

Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini industri yang kita harus jaga baik-baik.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okay, agree.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Kita wishing go organic but this is happening. Baik, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Pengurus. / mean tidak ada masalah. Kalau profesor-profesor ini boleh bagi pandangan dan pendapat, *they are most welcome*. Datang jumpa ke pejabat, saya akan aturkan perjumpaan dengan pegawai-pegawai. *Let's discuss*. Okey?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, mereka kata mereka sudah cakap berkali-kali dalam mesyuarat dan sebagainya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jumpa saya. *You come, come*.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya boleh *arrange*.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Arrange*. Boleh.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Boleh ya?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *No problem*.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Apakah lagi Yang Berhormat Kuantan? Kandungan logam berat dalam ikan...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Berkenaan dengan *organic farming* tadi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ini kesan bauksit, ya? Bauksit.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Sebelum itu berkenaan dengan organik. Kenapakah pensijilan itu menurun daripada segi jumlahnya?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ini saya kira...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** ...Bukan meningkat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** ...Tentang ikan akibat daripada bauksit ini. Jabatan prihatin akan kesihatan pengguna yang memakan ikan. Jabatan ada menjalankan kajian kualiti air dan ujian ikan yang hidup di Sungai Pahang. Hasil kajian yang telah dibuat oleh jabatan menunjukkan tiada kesan logam berat di dalam ikan, di bawah paras selamat. Kematian sebelum ini didapati kesan daripada air tawar. *You happy with that?*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan yang diberikan mengatakan bahawa penyelidikan dilakukan ke atas ikan hidup di Sungai Pahang. Akan tetapi, Sungai Pahang *is not affected by bauxite*. Yang *affected by bauxite* is Sungai Kuantan dan sungai-sungai yang berkaitan dengan Sungai Kuantan seperti Sungai Riau, Sungai Mabuk dan sebagainya. Ia tidak ada kena mengena dengan Sungai Pahang. Sungai Pahang tidak lalu Kuantan pun, ia terus masuk ke Pekan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya harap mungkin ada silap sikit...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Salah sungailah ini ya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Mungkin bukan salah sebut. Salah tulis kah, salah baca tidak tahulah tetapi tidak ada kena mengena dengan Sungai Pahang. Ia Sungai Kuantan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sungai Kuantan? Kuantan ada sungai kah?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Orang rabun tidak pernah nampak sungai.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Okay, will check ya, no problem.* *The last question* daripada Yang Berhormat Kuantan, jumlah ladang yang dipersijilkan menurun dari tahun 2015 hingga 2016. Apakah langkah kerajaan untuk memperbaiki keadaan itu? *This is the one that you ask just now.*

Tidak benar. Jumlah penerima MyGAP meningkat dari tahun ke tahun seperti berikut. *These are the statistic*, bukan cakap secara umum. Jumlah yang dipersijilkan MyGAP pada tahun 2013 seramai 313 orang penerima, tahun 2014 seramai 533 orang

penerima, tahun 2015 seramai 535 orang penerima dan tahun 2016 seramai 664 orang penerima. Pegawai penyelia, Halim Mahmud, TKP... [Dewan ketawa]

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya refer kepada muka surat 237 di bawah Aktiviti 2 – Pembangunan Komoditi di mana diletakkan di sini output bilangan ladang yang telah dipersijilkan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia dan Skim Organik Malaysia (SOM). Di sini ditulis tahun 2015 sebanyak 557 manakala tahun 2016 sebanyak 520. Jadi, itu yang saya mohon penjelasan tadi sebab dalam buku ini. *This is our reference.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Dalam buku tulis berapa, tahun 2015?

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tahun 2015 ditulis 557.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tulis 557? Eh, banyak lagi daripada ini [Ketawa]

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tahun 2016, dia tulis 520.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sini 664. Banyak sini.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ya, jadi tidak betul. Buku ini kah tidak betul? Laporan yang mana satu yang betul? *This is our reference.* Saya kira ini dokumen rasmi yang kita harus guna pakai. Dan disasarkan anggaran tahun 2017 sama, 520. Jadi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada segi sasaran kita tengok tidak ada meningkat, daripada segi jumlah yang sebenarnya bilangan output menurun, itu yang saya maksudkan. *I mean, how do we know report yang di tangan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu yang betul dan bukan ini?*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Ini dokumen rasmi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, okey. Saya kena percayalah pegawai saya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya percaya dokumen ini. *I mean this is our reference.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *You'll give it to me, I will check.*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** *You'll give it to me? This is our document. I don't have to give to you, it is on your table.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *On my table?*

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** *Astaghfirullahhalazim.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak ada. *There is no on my table.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, dokumen itu anggaran perbelanjaan kita.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Oh, anggaran perbelanjaan. Yang itu?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Oh, itu dia mungkin ada sikit-sikit beza itu, kita perbetulkan kemudian. Tidak ada masalah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak apa, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Kuantan, kita...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Pengerusi, ia ada *difference*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Sama ada peningkatan atau penurunan. *It is a matter...*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Beza sikit sahaja itu.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** *It is a big issue.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak apa.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Sama ada peningkatan ataupun penurunan. Manakah satu yang kita pegang? Adakah laporan dokumen rasmi yang telah di-table atas meja Parlimen ataupun apa yang dilaporkan oleh Timbalan Menteri?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, saya...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Apakah pula yang saya laporkan?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ya, saya bersangka baik Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ini hendak mengenakan kita pula.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tidak, saya soal secara logiknya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Kuantan, saya ingat ini jawapan bertulislah untuk semakan...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, semakan. Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lagi berkaitan Yang Berhormat Kuantan, jawapan nanti.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Pengerusi yang bijaksana. Ini apa Yang Berhormat Tenom lagi? Sudah tidak ada Yang Berhormat Tenom ini tadi. Berapa kali dia itu. Yang Berhormat Lipis. Yang Berhormat Lipis ada? Ini bahagian angkat saya. Jawab bertulislah. Kita ini bapa angkat dengan anak angkat. Nanti saya pergi...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Bukit Mertajam belum jawab kah?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Saya pergi Yang Berhormat Lipis dulu baru saya jawab.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Bukit Mertajam ada?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bukit Mertajam.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Sandakan pun.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sabarlah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belum habis lagi. Belum habis lagi.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ini dah ada ini. Itu sebab saya hendak mana yang kawan-kawan punya, jawab bertulis saja sudah. Yang Berhormat Limbang. Yang Berhormat Limbang mana- hendak juga bertulis?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jawab sekarang? Tidak boleh berunding langsung... *[Dewan ketawa]*

Tuan Pengerusi, teknologi dari Holland untuk projek *Cherry Greenhouse* untuk MARDI bekerjasama melaksanakan penyelidikan untuk kegunaan di Malaysia.

## ■1710

Jawapannya, MARDI melaksanakan penyelidikan untuk pembangunan *greenhouse* sesuai untuk peningkatan sayur-sayuran dan buah-buahan bernilai tinggi dan *low cost*. Penyelidikan *plant hactoring* inovasi terkini bagi mengeluarkan sayuran yang berkualiti dan juga bernutrisi, *nutrition* tinggi yang boleh dibangunkan untuk penghuni bandar. Kepakaran di MARDI boleh bernilai teknologi *Cherry Greenhouse* dan jika sesuai boleh melaksanakan kerjasama untuk pembangunan di Malaysia. So maknanya cadangan Yang Berhormat itu diterima baik.

Okey yang kedua Tuan Yang di-Pertua permohonan apa ini- permohonan PUK [Ketawa] Karang tersalah sebut PUK Limbang. Apa ini, PNK itu apa? Persatuan Nelayan Kebangsaan, huruf ‘N’ itu jadi ‘U’, itu jadi lain. Nasib baik tak ada ‘I’ di hujung itu.

Bagi projek ekopelancongan, permohonan dana RM100,000 ke RM150,000, permohonan dana RM300,000 ke RM500,000. Persatuan Nelayan Kawasan Limbang boleh membuat permohonan dana nelayan melalui Skim Pinjaman Pembangunan Institusi Nelayan. Had pembiayaan RM10,000 hingga ke RM3 juta kemudahan pembiayaan 70 peratus daripada kos projek tidak termasuk kos buruh. Pemberian saham dan pengambil alih aset sedia ada. Hai! Teruk betul bila baca tak nampak ini.

Okey, *last question*, soalan yang akhir, cadang bangunkan bangunan struktur tetap pasar tani di Limbang kos dianggarkan RM150,000. Pasar tani di Limbang. FAMA bersedia untuk membangunkan pasar tani okeylah. Bersedia, ada tapak untuk buat pasar tani?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang sebenarnya Tuan Pengurus, sebenarnya tempat petani ini sudah ada wujud, sudah lebih lima tahun tetapi sekarang bangunan yang ada menggunakan khemah sudah habis usang, sudah rosak. Jadi hendak didirikan yang tetap.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Bangunan?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Ya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** So, okey. FAMA kata okey, boleh.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Alright, *last*. Mohon LKIM membantu aktiviti KUNITA di Limbang. Apakah KUNITA? Membantu menyediakan infrastruktur akuakultur, memohon LKIM bantu Persatuan Nelayan Kawasan Limbang terlibat dalam aktiviti agropelancongan. LKIM ada program bagi membantu Kumpulan Nelayan Wanita (KUNITA) untuk menjalankan aktiviti ekonomi bagi meningkatkan pendapatan keluarga mereka. Antara bantuan yang diberi:

- (i) latihan dan kursus;
- (ii) perusahaan memproses makanan seperti keropok lekor, gerai makanan; dan
- (iii) perkhidmatan dobi.

LKIM ada menyediakan bantuan modal dan peralatan kepada kumpulan KUNITA ini, oleh itu KUNITA di Limbang perlu membuat permohonan kepada mana-mana pejabat LKIM yang berdekatan. PNK atau Persatuan Nelayan Kebangsaan kawasan Limbang boleh mula mengusahakan penternakan ikan siakap dan tilapia kolam. Pada tahun 2016, sebanyak lima buah kolam ternakan telah diusahakan. Pihak kerajaan telah

menyalurkan sebanyak RM70,000 sebagai bantuan kos pengoperasian ternakan tersebut. Walau bagaimanapun, PNK Limbang boleh kemukakan permohonan untuk membesarkan projek tersebut. Okey? Happy ya? Thumbs up.

PNK Limbang boleh mengemukakan permohonan melalui pinjaman mudah melalui dana nelayan yang disediakan oleh LKIM untuk menjalankan aktiviti agropelancongan. Tempoh pembayaran balik maksimum 96 bulan, kadar faedah 2 peratus.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Pembetulan Menteri, bukan agro. Ekopelancongan. Itu yang saya pohon tadi eko.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Eko, bukan kepala.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Bukan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ada pula pelancongan eko. Faham-faham. Saya bergurau sahaja. Dia orang ini tak boleh bergurau Tuan Pengerusi, nak serius sahaja memanjang. Sudah tak larat dah ini. Okey nama sahaja tukar kepada ekopelancongan. Kadar faedah 2 peratus, had pinjaman RM10,000 hingga RM3 juta. Oh! Banyak ini. Okey, *very good*. Sudah habis yang lain semua jawapan bertulis. Boleh?

Masa pukul 5.15. So saya akhiri dengan ucapan jutaan terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Ada jawapan untuk Yang Berhormat Bukit Mertajam?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ha?

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Ada jawapan untuk Bukit Mertajam?

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ada jawapan untuk Sandakan kah? Perairan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Bertulis pun tak apa, tetapi sekurang-kurangnya pastikan ada jawapan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sandakan dengan Yang Berhormat Bukit Mertajam jawapan bertulis ya Yang Berhormat Menteri. Ya, jawapan bertulis.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** So, habislah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Terima kasih ya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,058,976,100 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM3,058,976,100 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,357,210,900 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM1,357,210,900 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

**Maksud B.22 [Jadual] -  
Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kepala Bekalan B.22 dan Kepala Pembangunan P.22 di bawah Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Parit Sulong, ada *spring* kah? Sila.

**5.18 ptg.**

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya punya saya hendak bercakap secara ringkas sahaja dan terus *direct* kepada...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Ya 10 minit juga, kalau tiga minit lagi bagus.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, terus kepada Butiran 100400 – Penajaan Pelajar Cemerlang. Saya tengok dalam butiran disebutkan dana untuk tahun 2013 saya tengok ada menurun kepada RM8 juta sahaja berbanding dengan RM16 juta pada tahun sebelumnya. Jadi saya ingin bertanya, adakah pengurangan dana ini akan menjaskan peluang-peluang pelajar yang akan melanjutkan pelajaran di peringkat *master* ataupun PhD. Seterusnya, adakah pengurangan peruntukan penajaan ini melibatkan penghantaran pelajar-pelajar yang akan pergi dan yang akan dihantar ke luar negara?

Seterusnya bagi Butiran 100500 – Program Pendidikan Tinggi Malaysia-Jepun. Bagi tahun 2017, dana bagi program pendidikan Malaysia-Jepun ini telah menurun daripada RM88 juta pada tahun 2016 kepada RM39 juta. Saya tengok penurunan ini sama dicatat seperti Butiran 100400. Jadi, adakah penurunan kos yang ketara ini melambangkan dasar kerajaan untuk mengurangkan pengambilan pelajar ke Jepun dan

dengan penurunan yang dicatat ini adakah kerajaan mempunyai sebarang *backup* pelan untuk pelajar-pelajar cemerlang ini?

**■1720**

Soalan seterusnya, adakah sebarang program khusus lain yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam usaha untuk memastikan peluang-peluang pendidikan di negara ini tidak akan terkekang dengan dasar penjimatan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Seterusnya, saya hendak bercakap mengenai Butiran 02300 – Jalan-Jalan Luar Bandar, yang saya nak cakap bersekali dengan Butiran 02400 – Jalan Perhubungan Desa.

Saya cuma nak tanya daripada peruntukan yang telah diumumkan yang diletak dalam bajet ini, saya nak tanya peruntukan yang diperuntukkan untuk kawasan Parlimen Parit Sulong. Saya nak *list-list* kalau sekiranya ada diluluskan, saya hendak makluman jawapan daripada pihak Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan nama-nama jalan tersebut yang telah diluluskan di bawah butiran yang saya sebutkan ini.

Dan yang terakhirnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi Butiran 100900 – Program Mini RTC. Saya cuma nak bertanya kepada pihak kementerian, bilakah mini RTC di kawasan Parlimen Parit Sulong ini akan dilaksana dan dibina?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, itulah contoh untuk perbahasan di peringkat Jawatankuasa. Kita ada kepala di Butiran, tidak payah hurai panjang-panjang. Yang Berhormat Dungun. Tiga minit sahaja. Yang Berhormat Parit Sulong, terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih.

### 5.21 ptg.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam Butiran – Pembangunan P.22 di bawah Butiran 03800 - Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), berkait dengan pembangunan di Tasik Kenyir.

Tasik yang sangat besar yang pernah dibina oleh manusia yang terletak di hulu Sungai Kenyir, Terengganu. Dalam perancangan yang dibuat berkait dengan keluasan tasik 2,600 km persegi, dengan jumlah pulau yang sangat banyak, 340 buah pulau kecil. Maka, tasik ini menjadi tarikan utama pelancongan yang menyebabkan bandar Kuala Berang sendiri menjadi masyhur.

Maka, perancangan pembangunan yang banyak dirangka di bawah kementerian ini berkait dengan pelancongan di Tasik Kenyir. Ada satu yang sangat perlu untuk saya mendapat maklumat iaitu pulau bebas cukai di Tasik Kenyir. Apa status terkini pembinaan keseluruhan projek yang difahamkan Kompleks Kastam telah disiapkan sepenuhnya, 100 peratus difahamkan? Apakah operasi perniagaan pulau bebas cukai Tasik Kenyir ini telah buka? Oleh sebab telah ada makluman bahawa ia mungkin boleh mula dibuka pada bulan November tahun 2016, itu yang pertama.

Kedua, berkait dengan perumahan. Satu projek antara KETENGAH Holdings Sdn. Bhd. Anak syarikat Lembaga Kemajuan, Terengganu (KETENGAH) dengan kerjasama Jassel Enterprise Sdn. Bhd. akan menjayakan projek pembangunan bercampur bernilai RM50.5 juta. Di bandar Muktafibillah Shah dalam wilayah KETENGAH, dekat dengan Bukit Besi. Projek yang dikatakan menjadi pemangkin pembangunan dan kemajuan di kawasan seluas 9.3 hektar merangkumi pembangunan 137 unit rumah teres setingkat, teres dua tingkat, rumah berkembar, kedai pejabat dua tingkat dan tiga tingkat. Di mana dengan perkongsian pintar ini berdasarkan kepada pandangan KETENGAH Holdings sebagai pemilik tanah dan Jassel Enterprise yang memajukan untuk memanfaatkan kedua-dua pihak.

Akan tetapi diletakkan harga unit harta tanah minimumnya RM180 ribu ke atas. Sedangkan kalau kita melihat kepada misi asal KETENGAH, sebagai peneraju pembangunan wilayah bagi memastikan peningkatan taraf hidup, kualiti hidup dengan mewujudkan program-program strategik yang bersasar. Di antaranya perumahan, masih banyak lagi kawasan-kawasan perumahan yang sepatutnya dibina untuk kepentingan penduduk kerana pembangunan yang diperlukan.

Akan tetapi apa yang mungkin bakal berlaku ini dan sebahagian daripada pembangunan-pembangunan sudah sedia ada dalam wilayah KETENGAH, khususnya melibatkan daerah Dungun, banyak rumah-rumah yang dibina ini adalah tidak dapat dan tidak mampu dibeli oleh penduduk setempat. Ini yang menyebabkan kita melihat misi asal KETENGAH itu tidak berjaya untuk memungkinkan berlakunya penetapan penduduk-penduduk supaya tidak berhijrah keluar dari wilayah KETENGAH. Jadi, saya pohon supaya diberikan perhatian yang serius kepada soal yang berkait dengan perumahan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerantut.

### **5.27 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama berbahas dalam Anggaran Peruntukan Belanjawan 2017. Sikit sahaja perkaryanya. Pertamanya, berkaitan Butiran 02000 - KEMAS.

Saya ingin bertanya kementerian tentang Butiran 020600 – Latihan dan Pembangunan Profesional, adakah ia termasuk dalam program menaik taraf guru-guru Tadika Kemas kita ke tahap diploma? Sekiranya ini berkaitan, berapa lagikah jumlah yang masih belum mendapat latihan untuk kita tingkatkan ke taraf diploma? Oleh sebab ini penting walaupun ia peringkat awal tapi kalau guru-guru KEMAS ini diberikan taraf diploma semuanya, sudah pastilah anak-anak kita yang berada di Tadika KEMAS di seluruh negara ini akan mendapat manfaat yang lebih baik. Sekali gus, ia memberikan impak sosial yang baik kepada masyarakat kita di luar bandar.

Perkara yang kedua Tuan Pengerusi, ialah tentang Butiran 090000 - Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Baru-baru ini Yang Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan program baru 50 Tahun MARA, melihat kejayaan yang dibuat oleh MARA. Akan tetapi saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, kalau melihat kepada peruntukan pada tahun 2016, lebih daripada RM3 bilion yang diperuntukkan kepada MARA. Akan tetapi hari ini kita lihat ia berkurangan kepada hanya lebih daripada RM1 bilion sahaja.

Jadi, pengurangan sebanyak RM1 bilion lebih. Sekiranya ada peluang, saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan agar dapat menambah peruntukan kepada MARA ini. Oleh sebab umum mengetahui MARA ini begitu dekat dengan hati rakyat dan ia meliputi beberapa bidang utama yang berkaitan dengan masyarakat luar bandar khususnya. Seperti pembangunan usahawan, usahawan-usahawan bumiputera banyak dilatih, diberikan pengayaan ilmu, diberikan pengalaman oleh pihak MARA.

**■1730**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) memperkenankan Jawatankuasa]*

Selain daripada itu, kalau kita melihat institusi di bawah MARA ini telah banyak menghasilkan profesional daripada kalangan bumiputera. Jasa MARA begitu banyak. Jadi, kalau kita mengecilkan peruntukan MARA ini, bagaimanakah peluang anak-anak kita yang berada di institusi pendidikan di bawah MARA ini mampu meneruskan pengajian mereka?

Oleh sebab bagi saya institusi pendidikan di bawah MARA ini memberikan peluang kedua kepada anak-anak kita khususnya anak-anak dari luar bandar kerana mereka tidak mampu untuk bersaing. Sekiranya mereka terlepas daripada jaringan memasuki IPTA untuk mereka pergi mengikuti pelajaran atau menyambung pendidikan mereka di institusi swasta yang lain sudah pastilah bilangan mereka ini amat berkurangan.

Justeru itu mereka akan pergi kepada MARA, kepada institusi di bawah MARA yang berada di luar-luar bandar. Jadi kalau peruntukan untuk pendidikan mereka ini kita kecilkan, ke manakah lagi mereka akan pergi? Saya sangat berharap agar kerajaan memikir semula jumlah ini supaya ibu bapa yang sememangnya yang berada di luar bandar ini boleh berharap pendidikan anak-anak mereka akan dapat disambung.

Lebih-lebih lagi Yang Berhormat Menteri telah pun melancarkan dalam ucapannya untuk membandarkan luar bandar. Jadi kalaularah peruntukkan begini, dipotong sebegini banyak apakah hasrat Menteri akan tercapai? Harapan orang luar bandar yang setia kepada kerajaan Barisan Nasional memang sentiasa menunggu. Akan tetapi kalau pemotongan yang begitu banyak, peruntukkan kepada pendidikan anak-anak mereka tidak mampu diteruskan oleh kerajaan kepada siapa lagi harapan mereka?

Jadi, Yang Berhormat Menteri ada di sini. Saya amat berharap agar kerajaan memikir semula bagaimana peruntukan kepada MARA ini kita tidak boleh kurangkan. Kalau hendak kurangkan pun, kurangkan sedikit boleh lagi diterima.

Tuan Pengurus, perkara yang seterusnya yang saya nak kongsi ialah berkaitan dengan kawasan saya. Tahniah kepada kementerian ini yang sentiasa memberikan perhatian kepada penduduk di luar bandar daripada segi kemudahan-kemudahannya. Pelbagai kemudahan yang kita tahu yang dibuat oleh kementerian ini.

Akan tetapi saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri iaitu tentang P.22 Butiran 02000- Bekalan Air Luar Bandar. Walaupun saya katakan tadi kemudahan asas ini telah pun banyak di kawasan Parlimen Jerantut, tetapi masih ada lagi kampung-kampung yang tidak mendapat jaringan bekalan air bersih ini iaitu Kampung Batu Balak dalam DUN Tahan dan Kampung Orang Asli, Sungai Mai dalam DUN Damak.

Mereka ini masih lagi menggunakan punca air graviti. Apabila musim kemarau sudah pastilah kesusahan mendatang kepada mereka. Ini kerana tidak ada sumber bekalan air, khususnya Kampung Orang Asli Sungai Mai ini. Mereka menetap jauh daripada Sungai Pahang, mereka mengharapkan air bukit. Kawasan-kawasan bukit telah pun digondolkan, maka punca bekalan air mereka tidak ada. Jadi saya sangat

berharap agar pihak kementerian dapat memberi perhatian tentang bekalan air bersih kepada dua buah kampung ini.

Selain itu juga dua buah kampung ini untuk makluman Yang Berhormat Menteri juga belum lagi dihubungi oleh jalan yang sesuai untuk mereka berhubung dengan dunia luar. Jadi saya juga ambil kesempatan ini mengharapkan agar pihak kementerian dapat memberikan perhatian untuk membina jalan raya kepada dua buah kampung ini, iaitu Kampung Batu Balak serta Kampung Orang Asli Sungai Mai. Jadi saya berharap dengan peruntukan yang ada ini, jaringan kemudahan mereka itu dapat kita bantu supaya mereka tidak ketinggalan seperti kawasan-kawasan yang lain.

Tuan Pengerusi, saya juga berharap agar pembangunan pembinaan Rumah Bina Negara yang di pelopor oleh Yang Berhormat Menteri diberikan melalui RISDA dapat diperluaskan kepada semua kawasan Parlimen. Khususnya kawasan-kawasan yang menyokong Ahli Parlimen yang menyokong bajet ini, yang tidak menyokong mungkin dia tidak hendak agaknya sebab dia tidak sokong. Jadi tidak apalah, berikan keutamaan kepada kawasan-kawasan yang memang mengharapkan Bajet 2017 ini diterima.

Sekiranya boleh terutama kawasan-kawasan luar bandar, Parlimen luar bandar seperti kawasan Tuan Pengerusi sendiri di Beluran yang memang banyak memerlukan rumah ini. Jadi saya harapan agar kawasan-kawasan seperti kami ini yang ada lagi kawasan-kawasan pedalaman Yang Berhormat Menteri dapat memberikan keutamaan yang lebih. Kalau kawasan lain tu dibina 200 buah rumah, mungkin kami ini dibina 400 buah rumah setidak-tidaknya. Ataupun 500 buah rumah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya sokong Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini kerana kawasan kami inilah sebagai *fixed deposit* kepada kerajaan. Orang bandar ini dia tahu kompelin sahaja. Orang bandar dia tahu tentang kerajaan sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat MRT, LRT, semua “T”.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** LRT- macam-macam “T” lagi, orang kampung ini separuh mati. Jadi kita harap Yang Berhormat Menteri fikir-fikirkan sesuai dengan hasrat Yang Berhormat Menteri sendiri sebagai orang luar bandar dia memang hati dia dekat dengan orang luar bandar ini bukan menepikan orang bandar. Dalam bandar pun ada saya tengok jalan kampung. Macam mana boleh dalam jalan bandar ada jalan kampung? Akan tetapi inilah nikmat yang diberi maknanya tanpa mengira tempat. Akan tetapi untuk kali ini saya sangat berharap agar perhatian yang

lebih diberi kepada Parlimen-parlimen yang majoritinya dari kawasan luar bandar. Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya akan bagi kepada yang tidak berpeluang untuk berbahas tadi. Yang Berhormat Sepanggar.

### 5.36 ptg.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan di bawah Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Terutamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Luar Bandar yang saya difahamkan telah meluluskan dua projek bekalan air luar bandar di kawasan Parlimen Sepanggar iaitu pertamanya bekalan air Poring-Poring, berjumlah RM48 juta. Kedua, bekalan air luar bandar Kokol sebanyak RM37 juta.

Saya ingin tahu apakah skop kerja yang dilakukan dengan peruntukan RM85 juta ini yang jaraknya di antara Kampung Poring Poring dan Kampung Kokol lebih kurang lapan kilometer. Adakah kerajaan berhasrat untuk membina loji air untuk mendapatkan *intake* daripada Sungai Poring Poring ataupun ia melibatkan bekalan daripada *main pipe* dari bawah ke atas bukit dan diagihkan bekalan air ini dari rumah ke rumah yang mana melibatkan lebih 5,000 orang penduduk kampung.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu yang kritikal yang perlu dipertimbang oleh kementerian juga ialah bekalan air luar bandar daripada Kiansam ke Kampung Tembuni. Kemudian Kampung Kiambalan ke Kampung Kuala Sunan yang melibatkan 3,000 orang penduduk. Kawasan-kawasan ini sepatutnya diberikan keutamaan kerana begitu ramai chalet-chalet dibangunkan di kawasan ini. Buat masa ini mereka hanya mendapatkan bekalan air daripada graviti.

Perlu diingat bahawa Kampung Kuala Sunan ini merupakan kawasan tadahan air yang melibatkan Penampang dan juga Kota Kinabalu. Persekitaran kawasan ini alam semula jadinya masih cantik dan air terjunnya begitu cantik. Ini menjadi tarikan kepada pelancong-pelancong luar terutama daripada China. Apa yang saya perlu, yang saya minta di sini ialah supaya bekalan air ini diberikan keutamaan kerana pada masa ini aktiviti-aktiviti penduduk kampung juga terhad kerana ia melibatkan kawasan tadahan air.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di bawah Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Kali ketiga ataupun kali keempat saya mohon dalam Dewan ini supaya jalan Kampung Telunam, Tempulan, Kanatai yang melibatkan 3,000 orang penduduk ini dan 10 buah kampung dapat diberikan keutamaan.

■1740

Ini kerana selain daripada kegunaan para penduduk kampung dan juga petani, kawasan ini juga kawasan pertumbuhan baru daripada segi pelancongan di mana chalet-chalet telah pun dibangunkan. Jadi dengan adanya jalan yang elok, dengan adanya naik taraf jalan ini, maka sosioekonomi penduduk kampung akan bertambah baik.

Kedua, Jalan Kiambalang Babagon Toki Kodusunan. Tadi air, yang ini saya minta jalan. Ini juga kali ketiga saya bangkitkan di sini yang melibatkan tujuh buah kampung dengan lebih kurang 1,800 orang penduduk. Kawasan ini juga kawasan pertumbuhan baru pelancongan di mana terdapat air terjun dan juga kelip-kelip yang menjadi tarikan kepada pelancong. Masalahnya jalan masuk pada masa ini, jalan *gravel* dan apabila musim hujan, sukar untuk dilalui.

Saya minta jalan ini diberikan keutamaan kerana saya berhasrat untuk menggantikan sumber pendapatan penduduk kampung daripada bergantung kepada sektor pertanian kepada sektor pelancongan dengan menggalakkan mereka terlibat dalam *homestay* dan bina chalet-chalet baru untuk menambah pendapatan mereka atau menggantikan pendapatan mereka daripada sumber berdasarkan pertanian kepada pelancongan.

Seterusnya, saya juga ingin mengambil kesempatan ini tentang permohonan daripada Parlimen Sepanggar sejak Yang Berhormat Menteri yang dahulu sampai Yang Berhormat Menteri sekarang, senarainya panjang, sudah pun dikemukakan kepada Kementerian Luar Bandar. Saya mohon supaya rumah-rumah PPRT yang telah dikemukakan kepada kementerian itu dapat dipertimbangkan kerana untuk makluman Tuan Pengerusi, kawasan Parlimen Sepanggar ini kerap berlaku kebakaran. Apabila berlaku kebakaran, selain daripada ICU, Kementerian Luar Bandar lah yang menjadi sasarnya daripada dahulu.

Kalau Yang Berhormat Menteri dahulu, dia ada bagi 43 buah rumah dan kali ini, dengan senarai rumah-rumah yang daif, dicampur dengan mangsa-mangsa kebakaran, dianggarkan dalam 80 buah rumah terlibat dan perlu kita bangunkan rumah PPRT iaitu 40 di kawasan DUN Inanam dan 40 di kawasan DUN Karambunai. Saya mohon sangat-sangat supaya perumahan ini dapat dipertimbangkan kerana desas-desus mengatakan kita akan mengadakan pilihan raya lebih awal. Jadi, adalah mudah untuk kita menawan semula kawasan DUN Inanam ini daripada parti pembangkang.

Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja daripada Parlimen Sepanggar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ampang.

### **5.43 ptg.**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Bekalan tajuk Butiran 030000, dan Butiran 010000 – JAKOA, Pembangunan dan juga Pengurusan.

Walaupun saya lihat dalam tajuk dalam pembangunan itu ada peningkatan peruntukan sebanyak 28 peratus tetapi di bahagian pengurusan itu, pembangunan turun 28 peratus tetapi pengurusan naik pada 8 peratus.

Dalam JAKOA ini, kita lihat dalam aspek pembangunan, ia bajet ini turun. Walau bagaimanapun, dalam ucapan daripada Yang Amat Berhormat Pekan pada belanjawan mengatakan bahawa, *“Kerajaan akan membina dan membaik pulih 17,000 unit rumah usang dan daif di kampung terpencil dan penempatan Orang Asli dengan peruntukan RM350 juta. Setiap unit rumah diberi bantuan baik pulih antara RM1,000 hingga RM15,000”*. Saya ingin bertanya, adakah kerja-kerja baik pulih yang akan dilaksanakan dan di manakah tempat-tempat khususnya, saya hendak tanya, kampung-kampung atau penempatan Orang Asli yang akan terlibat dalam projek yang disebut dan dalam bekalan tambahan pembangunan yang telah disebut dalam pembentangan bajet itu?

Saya juga ingin menyentuh tentang keadaan kampung-kampung Orang Asli ini yang masih lagi daif. Itu satu. Kedua juga masih lagi kemudahan-kemudahan utiliti masih lagi tidak sampai di kampung-kampung Orang Asli ini, infrastrukturnya juga masih lagi dalam keadaan yang sangat daif seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Jerantut tadi. Saya ada sampai di Jerantut di Sungai Mai di mana jalan tidak ada dan utilitinya, air dan apinya sangat ada yang tidak ada dan tidak tetap dan tidak konsisten. Jadi saya ingin bertanya, bagaimanakah bekalan elektrik daripada Tenaga Nasional Berhad dan juga daripada sistem telekomunikasi yang sudah dapat disampaikan di kawasan Orang Asli ini?

Saya juga ingin hendak menyebut tentang tanah adat Orang Asli ini. Tuan Pengerusi, kita faham bahawa Orang Asli adalah sebahagian daripada penduduk Malaysia dan mereka adalah sebahagian daripada rakyat Malaysia yang harus kita memberikan tumpuan dan memberikan perhatian. Akan tetapi sampai ketika ini, nasib Orang Asli masih lagi terbiar, masih lagi terjejas dengan pencemaran dan juga dengan kemasukan projek-projek ataupun kemasukan mereka-mereka yang mengambil tanah-tanah Orang Asli ini tanpa mengikut prosedur yang betul dan terutamanya dalam untuk tujuan pembalakan, perlombongan dan pertanian.

Walaupun ada satu akta yang mana dikeluarkan di mana dalam tahun 2009, Kerajaan Pusat telah memperkenalkan Dasar Pemberimilikan dan Pembangunan Tanah

kepada Orang Asli. Di mana dasar ini pemberian tanah bergeran kepada ketua isi rumah Orang Asli untuk tujuan pembangunan kluasan tanah yang akan diberikan adalah berdasarkan pada negeri masing-masing. Jadi, saya sudah bertemu dengan 17 Tok Batin di negeri Perak yang mengatakan bahawa walaupun ada dasar sebegini, tetapi mereka tidak pernah dibawa berunding dan untuk berbicara atau dimaklumkan apabila tanah-tanah mereka hendak diambil. Sedangkan mereka sudah menduduki tanah-tanah itu, kawasan itu lebih daripada 30, 40 tahun.

Jadi, maksudnya di sini, saya minta agar JAKOA lebih menumpukan masa atau perhatian tentang masalah Orang Asli ini, kehidupan Orang Asli ini, hak mereka yang telah dicerobohi oleh pembalakan, perlombongan dan pembangunan. Jadi, ini masih lagi menjadi isu yang masih tidak lagi tuntas dikendalikan atau diatasi. Jadi saya harap pada kali ini, JAKOA lebih serius melihatkan masalah Orang Asli ini. Jadi, ini sudah bertahun-tahun setiap kali bawa memorandum yang sama, memorandum yang sama. Akan tetapi, tidak ada penyelesaian dan tidak ada pembelaan juga. *At least*, sekurang-kurangnya ada penambahbaikan, ada sedikit *improvement*, dengan izin, untuk menangani atau membantu meningkatkan hidup Orang-orang Asli ini.

Jadi, saya ingin juga menyentuh tentang isu yang mana saya difahamkan juga mengenai Jabatan Agama Islam yang masuk ke kawasan-kawasan Orang Asli ini. Saya tidak menjadi masalah kerana bukan sahaja ustaz-ustaz masuk ke kawasan Orang Asli tetapi *missionary Christian* juga masuk dan sebagainya. Akan tetapi memandangkan Jabatan Agama Islam adalah di bawah Kerajaan Persekutuan. Jadi, saya amat berharap *because* saya mendapat laporan bahawa mereka ini, ustaz-ustaz ini ataupun kakitangan datang ke situ untuk sahaja untuk membuat memujuk mereka untuk memeluk agama Islam. Okey, satu.

Akan tetapi yang kedua tidak ada program-program susulan, tidak ada program-program yang untuk betul-betul untuk membentuk peribadi mereka, sosial mereka, keadaan mereka dan sebagainya untuk membantu menaiktarafkan hidup mereka. Jadi, saya minta agar JAKOA memantau ustaz-ustaz yang masuk ke dalam kawasan Orang Asli ini, gerak kerja mereka dan apa yang dibuatkan dan apa yang dilaksanakan di kawasan-kawasan- sedangkan peruntukan ada. Jadi, semestinya wang ini digunakan cara yang bermanfaat untuk Orang-orang Asli agar mereka menjadi orang yang lebih hebat, orang yang lebih berjaya di masa akan datang.

Jadi Tuan Pengurus, saya membawa isu ini kerana seperti saya sebut, saya telah berjumpa dengan 17 Tok Batin di negeri Perak dan juga beberapa di negeri Pahang. Seperti Yang Berhormat Jerantut sebut tadi, saya cuma hendak tanya. Di Jerantut ada satu buah kampung Sungai Mai Orang Asli itu ada sebuah tempat

dipanggil pusat *Community Feeding* di bawah Kementerian Kesihatan, kalau tidak salah saya.

**■1750**

Akan tetapi keadaannya sangat daif macam reban ayam dan saya tidak tahu apa fungsi *community feeding* ini. Saya tidak nampak di tempat-tempat kawasan Orang Asli yang lain, malah satu sahaja yang saya ketemui di Sungai Mai. Jadi saya harap berikan apakah fungsinya. Sekiranya betul kalau ada, buatlah elok-elok. Buat cara macam sama ada kalau ia untuk merawat pesakitkah, untuk kanak-kanakkah tetapi keadaannya sungguh daif macam reban ayam, lebih teruk daripada reban ayam Tuan Pengerusi.

Saya hendak sebut nama-nama kampung yang terlibat yang saya sebut dalam pembalakan, perlombongan, yang diambil tanah-tanah mereka tidak secara betul dan tidak membawa rundingan kepada mereka, termasuk Kampung Orang Asli Semai Sandin, Bidor; Kampung Poh, Perak; Kampung Orang Asli Pos Tenang, Slim Village; Kampung Orang Asli, Hulu Sungai Peneras; Kampung Orang Asli Lapan, Bidor; Kampung Orang Asli RPS, Jernang; dan juga tadi Kampung Sungai Mai di Jerantut Pahang. Jadi saya amat harap kali ini JAKOA lebih fokus untuk membantu Orang Asli agar mereka dapat menaikkan taraf hidup mereka agar mereka dapat sama-sama merasakan nikmat sebagai rakyat Malaysia. Sekian, itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**5.51 ptg.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut menyumbang pandangan di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, B.22 P.22. Kita melihat dalam peruntukan yang diberikan kepada kementerian ini, peningkatan yang tinggi, mendadak dalam emolumen empat kali ganda daripada tahun ini kepada RM512 juta. Diterangkan dalam laporan ini, RM300 juta lebih untuk pengambilan kakitangan KEMAS menjadi kakitangan tetap, bukannya kontrak. Saya ingin bertanya, daripada wang sebanyak ini di dalam emolumen kakitangan KEMAS lantikan tetap ini, berapa orangkah sebenarnya yang telah dilantik. Ini kerana jumlah ini kalau pada tahun-tahun yang seterusnya, empat kali ganda daripada tahun ini.

Ertinya jumlah pengambilan kakitangan ini melebihi daripada jumlah kakitangan sedia ada kalau dilihat daripada segi emolumen tersebut. Itu yang pertama ya. Kemudian yang keduanya, daripada segi kategori kakitangan KEMAS ini, kategori yang

manakah yang diambil? Adakah mereka ini di antaranya guru-guru KEMASKah atau kakitangan-kakitangan yang lain yang saya mohon penjelasan.

Seterusnya di bawah tajuk awal, berkenaan pemberian dan kenaan. Kita melihat pemberian bagi kementerian ini daripada RM4.17 bilion kepada RM2 bilion iaitu penurunan yang agak besar. Saya mengandaikan mengikut laporan ini, pemotongan yang besar sebanyak RM2.1 bilion ini disumbangkan kebanyakannya daripada pemotongan kepada MARA sebanyak RM1.9 bilion. Jadi seperti yang dibangkitkan oleh rakan kita tadi, MARA ini merupakan sebuah institusi yang telah berakar umbi di dalam negara kita ini khususnya untuk kaum bumiputera. Jadi, apa punca maka untuk belanja mengurus ini dikurangkan sebegini banyak. Adakah kita sudah mencapai satu tahap di mana kita boleh membenarkan atau membiarkan MARA berdikari ataupun ada sesuatu pemotongan yang khusus yang dibuat atas sebab-sebab tertentu.

Sehubungan dengan itu, kita pula melihat bahawa MARA diperuntukkan di bawah program khusus di B.22. Bukan ‘B’ ya, di bawah P.22 – Program Penajaan Pendidikan MARA sebanyak RM1.32 bilion.

Ini saya rasa sangat-sangat dialu-alukan berbanding dengan tahun 2016 ini, tidak ada peruntukan yang diberikan yakni yang telah menimbulkan masalah dalam urusan pengambilan pelajar untuk menerima biasiswa di MARA ini. Walau bagaimanapun, MARA akhirnya dengan jumlah ditambah dalam penajaan pendidikan dengan jumlah yang dipotong di dalam belanja mengurus, masih lagi defisit ataupun berkurangan dari tahun semasa, tahun 2016.

Seterusnya salah satu lagi agensi di bawah kementerian ini iaitu RISDA. Antara tanggungjawab utamanya ialah untuk meningkatkan usaha tanam semula industri kecil getah. Akan tetapi jumlah yang diperuntukkan kepada RISDA ini kekal RM200 juta. Adakah RISDA mempunyai polisi untuk buat sementara ini tidak menambah acreage tanam semula ataupun memang ada usaha untuk akhirnya memperkecilkan industri getah di dalam negara kita ini.

Seterusnya Tuan Pengurus, saya ingin menyentuh di bawah P.22 – 03900 KESEDAR.

KESEDAR nampaknya mendapat peruntukan yang sama bagi tahun depan berbanding dengan tahun ini. Cuma saya ingin bertanya sama ada KESEDAR ada ruang untuk ditambah peruntukannya tahun depan untuk beberapa projek kecil jalan-jalan kampung di bawah kawasan KESEDAR untuk dinaik taraf ataupun dibuat baru. Ini kerana saya bercadang untuk menyenaraikan beberapa buah jalan ini tetapi saya rasa tidak payahlah disebut satu persatu di dalam Dewan ini, akan diserahkan kepada kementerian. Melainkan Menteri boleh memberikan penjelasan di kawasan Kuala Krai,

adakah projek-projek yang disenaraikan seperti jalan-jalan kampung di kawasan KESEDAR?

Seterusnya di kawasan yang di luar KESEDAR di bawah Butiran 02300 iaitu Jalan-jalan Luar Bandar. Ada beberapa buah jalan yang Parlimen Kuala Krai perlu mendapat bantuan kementerian dan beberapa buah jambatan kecil. Jambatan ini tidak panjang tetapi *significant* dalam perhubungan masyarakat keluar dan masuk kampung seperti Kampung Belanga dan Kampung Kuala Pertang yang setiap kali hujan lebat sedikit jambatan yang ada iaitu hanya beberapa inci atas paras sungai waktu *low tide* akan tenggelam. Mungkin sehari, mungkin dua hari sehingga menyukarkan perhubungan. Pernah berlaku salah seorang bekas ADUN di kawasan Mengkebang, semasa banjir melalui kawasan yang jambatan itu ditenggelami air, botnya telah terbalik dan berlaku kecemasan di situ. *Alhamdulillah* beliau selamat tetapi begitulah risiko. Ini bukan waktu musim banjir besar, hanya banjir yang berlaku di kawasan berkenaan, di Kuala Pertang.

Selain daripada itu, jalan-jalan luar bandar juga saya harap akan mendapat perhatian apabila kita menyenaraikan beberapa, tidak banyak di kawasan Kuala Krai ini untuk perhatian kementerian untuk dinaik tarafkan seperti apa yang ada di Kampung Kenor dan beberapa buah kawasan di dalam kawasan Dabung. Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Samarahan.

### **5.59 ptg.**

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 02002 – Bekalan Air Luar Bandar.

Meskipun Kota Samarahan telah mendapat penarafan sebagai Majlis Perbandaran baru-baru ini, namun isu berkaitan bekalan air bersih yang tidak mencukupi masih membenggu rakyat ataupun masyarakat di Kota Samarahan. Penambahan penduduk yang dianggarkan sebanyak enam peratus saban tahun dan status Kota Samarahan sebagai kota ilmu menjadikan kemudahan sedia ada masih belum mampu untuk menampung saluran bekalan air bersih di kawasan berkenaan.

Sebelum itu, kita mengharapkan peruntukan sejumlah RM215 juta berbanding RM151.9 juta pada tahun 2016, diharapkan Kota Samarahan akan memperoleh manfaat daripada peruntukan berkenaan.

**■1800**

Sesuai dengan penarafan Majlis Perbandaran, diharap masalah air bersih yang dialami terutamanya di kawasan kampung-kampung di sekitar kawasan Kota Samarahan mampu diselesaikan dengan kadar segera dan kesejahteraan rakyat di kawasan tersebut terus terpelihara.

Bekalan air yang bersih dan terawat bukan sahaja menjadi kunci utama yang mampu menjamin pengurangan masalah kesihatan namun ia mampu menjadi penanda aras kemajuan sesebuah kawasan. Justeru itu, besar harapan saya agar rakyat Kota Samarahan terus mendapat manfaat daripada peruntukan ini dan kebajikan mereka terus terbela. Ingin saya hendak bertanya kepada pihak kementerian berkenaan dengan perkembangan lanjut Projek Bekalan Air Luar Bandar Batu Kitang ke Takungan Bukit Entingan yang menelan belanja RM79.8 juta yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017.

Projek ini dijangka meningkatkan agihan air dan menambah tekanan air dengan baik ke rumah-rumah di kawasan Siburan, Samarahan, Asajaya dan Sadong Jaya. Saya berharap tekanan air akan menjadi jauh lebih baik sekiranya projek ini berjalan dengan lancar dan siap mengikut masa yang ditetapkan.

Seterusnya Butiran 01702 – Bekalan Elektrik Luar Bandar. Bekalan elektrik juga merupakan isu yang sering menjadi perhatian untuk pembangunan di kawasan luar bandar tak terkecuali di Kota Samarahan. Melalui Butiran 01702 sebanyak RM175 juta diperuntukkan bagi menambah bekalan elektrik luar bandar. Justeru itu kita mengharapkan juga peruntukan ini dapat dimanfaatkan ataupun membaik pulih sistem elektrik di kawasan Kota Samarahan.

Kampung-kampung di Kota Samarahan memerlukan tambahan naik taraf bekalan elektrik luar bandar dan juga memerlukan pengukuhan sistem penjanaan dan penghantaran elektrik terutama di kawasan Asajaya. Ingin saya bertanya kepada pihak kementerian, adakah cadangan kementerian bagi menambah baik bekalan elektrik di kawasan Asajaya, dan apakah kekangan yang perlu diperhalusi oleh kementerian bagi menambah baik masalah bekalan elektrik di kawasan berkenaan?

Seterusnya Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Melalui peruntukan RM887.8 juta untuk membaik pulih dan menaiktarafkan jaringan jalan raya di kawasan luar bandar seluruh negara, diharap peruntukan ini juga dapat memulihkan ataupun memastikan jaringan jalan raya di Sarawak khususnya di Kota Samarahan dapat diatasi.

Saya mohon pihak Kementerian Luar Bandar untuk mempertimbangkan permohonan-permohonan jalan raya kampung di kawasan Asajaya, Samarahan, Sadong Jaya bagi memastikan bukan sahaja untuk kemudahan pengangkutan

penduduk kampung malah juga memastikan hasil ekonomi di kawasan berkenaan dapat dipasarkan dengan baik. Senarai nama, rasa saya tak dapat saya sebut di sini sebab kita dah kemukakan kepada pihak kementerian agar pertimbangan jalan-jalan kampung ini dapat dipertimbangkan oleh pihak kementerian.

Seterusnya Butiran 02503 – Pembangunan Ekonomi Luar Bandar. Saya juga ingin turut serta membangkitkan isu berkaitan pembangunan ekonomi luar bandar yang mendapat peruntukan sejumlah RM50 juta. Sejauh mana peruntukan ini mampu memberi manfaat kepada golongan belia luar bandar khususnya di Kota Samarahan. Program pembangunan ekonomi belia di luar bandar amat penting agar belia tidak lagi stereotaip kepada peluang untuk menjana pendapatan hanya di kawasan bandar besar semata-mata. Hal ini dapat mengurangkan penghijrahan belia ke kawasan bandar besar untuk bekerja mencari nafkah dan mengakibatkan kawasan luar bandar yang hanya tinggal warga emas sahaja.

Baru-baru ini program *Mobile Prima* telah diperluaskan. Justeru itu, apakah manfaat program ini kepada golongan belia di kawasan luar bandar khususnya di Sarawak? Sejauh mana hasrat kerajaan agar belia luar bandar lebih berdikari, berdaya saing dan lebih berminat mencebur diri dalam perniagaan tercapai sehingga kini. Mohon penjelasan pihak kementerian.

Saya juga melihat perniagaan berasaskan *food truck* semakin berkembang di Semenanjung. Tidak kira di bandar maupun di luar bandar, *food truck* semakin menjadi perhatian. Secara tidak langsung, konsep perniagaan bergerak atau *food truck* ini mampu memberi peluang kepada belia untuk berniaga dan tidak tertumpu di sesuatu kawasan semata-mata. Besar harapan saya agar konsep perniagaan *food truck* ini dikembangkan di Sarawak terutamanya di Kota Samarahan.

Seterusnya Butiran 00900 – Institut Kemajuan Desa (INFRA). Matlamat penubuhan Institut Kemahiran Desa adalah untuk memperkasakan sumber daya manusia luar bandar di Sarawak bagi melahirkan masyarakat desa yang cemerlang berteraskan elemen penyertaan *bottom up* yang bertunjangkan kepada gerakan desa wawasan.

Sehingga kini, INFRA telah berjaya memanfaatkan 1,196 orang peserta dalam kalangan anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di kawasan Samarahan melalui latihan-latihan yang dianjurkan INFRA Sarawak.

Antara bidang yang disediakan termasuklah pengurusan dan pentadbiran kampung, pelan tindakan kampung, literasi komputer, asas inap desa dan pengurusan kewangan. Dengan peruntukan RM48.6 juta, terdapat dua fasa pembinaan pusat INFRA Kota Samarahan. Untuk skop kerja awalan dan kerja tanah untuk tahun ini dan fasa

kedua skop pembinaan bangunan pada 2016-2018. Oleh itu, saya ingin hendak bertanya status pembinaan Pusat Latihan INFRA Sarawak di Kota Samarahan yang telah diumumkan menerusi program yang diluluskan di bawah RMKe-11 agar penduduk Samarahan dan Sarawak mendapat manfaat secara keseluruhannya.

Seterusnya Butiran 100900 – Program Mini RTC. Pusat transformasi luar bandar merupakan sebuah tempat yang melaksanakan inisiatif-inisiatif RTC secara bersepada yang diperkenalkan oleh kerajaan di bawah *National Blue Ocean Strategy*. Besar harapan saya agar pihak kementerian mempertimbangkan cadangan pembinaan RTC di Asajaya bagi memudahkan penduduk setempat. Dengan jolokan “Kota Ilmu”, saya percaya bukan sahaja rakyat Kota Samarahan dan Asajaya yang menanti kehadiran RTC yang berhampiran namun pelajar-pelajar UNIMAS, IPG, UiTM dan industri menanti kehadiran RTC agar mereka sama-sama dapat memanfaatkan dan memudahkan urusan mereka berurus dengan agensi kerajaan di bawah RTC. Tuan Pengerusi, itu sahaja. Kota Samarahan mohon menyokong. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sekejap, sekejap. Yang Berhormat Lubok Antu.

#### **6.08 ptg.**

**Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya bagi peluang yang tak dapat peluang sebelum ini, Yang Berhormat.

**Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 01700 iaitu Bekalan Elektrik Luar Bandar Sarawak.

Kawasan yang saya maksudkan ialah Hulu ‘Lemanak’ itu kawasan ‘Bawi’ yang melibatkan empat buah rumah panjang. Saya memohon supaya kawasan ini diberi solar hibrid. Ini adalah kerana saya telah mengemukakan permohonan ini kepada Menteri sendiri pada perjumpaan saya dengan beliau pada bulan Julai yang lalu dan *detail* pelan pembangunan ini telah dikemukakan oleh saya.

Kedua, Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Kawasan yang saya maksudkan kawasan dari Batu Kaya ke Urung Pandak, Long Panai dan Sawang.

#### **■1810**

Kawasan ini adalah berdekatan dengan pekan Lubok Antu dan mereka mendapatkan bekalan air sekarang adalah dari sungai yang telah tercemar dan juga dari

air hujan dalam tangki. Jadi, mengikut yang disebut oleh Jabatan Air Luar Bandar Negeri Sarawak, untuk membawa air terawat ke kawasan ini adalah kurang lebih RM10 juta. Satu lagi ialah untuk membawa bekalan air dari Cangkol ke Rasau, Nanga Kumpang, Kalis dan Danau dan satu lagi, sebuah Sekolah Rendah Nanga Kumpang. Mereka juga mendapatkan air dari sungai atau air hujan. Saya dimaklumkan bahawa air sungai di kawasan ini telah tercemar oleh aktiviti balak dan mereka bergantung penuh kepada air hujan atau Sungai Batang Luper yang banyak Bujang Senang.

Satu lagi butiran yang saya rujuk ialah Butiran 02300 iaitu jalan luar bandar negeri Sarawak.

Di sini saya ingin jawapan Menteri bahawa seolah-olah penggunaan di sini tidak ada dalam senarai daripada pihak negeri. Saya telah kemukakan senarai ini kepada Menteri pada tahun lepas. Jalan yang saya mohon itu ialah jalan-jalan balak dari Sebeliau ke Ulu Lemanak yang melintasi Riau. Dari Riau ke- kurang lebih 11 atau 12 kilometer. Dari Simpang Sebeliau ke Riau kurang lebih dalam 26 kilometer. Saya ingin supaya jalan ini dapat dinaiktarafkan kerana kalau kita melihat di kawasan saya, kawasan inilah di mana paras kemiskinan di kawasan ini adalah amat tinggi disebabkan masalah mereka untuk memasarkan hasil mereka ke bandar-bandar. Jadi itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

#### 6.12 ptg.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya ruang membicarakan tentang B.22 dan P.22 - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya ada lebih kurang lima faktor sahaja hendak ditekankan.

Yang pertama sekali adalah kena mengena dengan Butiran 020500 – Pendidikan Awal Kanak-kanak. Saya nampak ada kenaikan di sini, bagus, sebab selalunya apa-apa yang kena mengena dengan pendidikan awal kanak-kanak ini memang perlu diberi penekanan, perlu diberi pengkhususan dan perlu dititikberatkan. Terima kasih.

Pada waktu yang sama, seperti biasa, selalunya saya tanya soalan ini lebih kepada PERMATA. Ini kali pertama saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri tentang perbezaan antara pendidikan awal kanak-kanak di bawah KEMAS dengan PERMATA. Apakah perbezaannya?

Selalunya dikatakan untuk PERMATA, kanak-kanak yang pintar akan mengikuti pendidikan PERMATA. Untuk KEMAS bagaimana pula? Apakah kriteria-kriteria yang telah ditetapkan? Ataupun adakah ia lebih bersikap terbuka kepada setiap rakyat? So,

saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penerangan untuk membezakan KEMAS dan juga PERMATA.

Keduanya, berapa ramaikah kanak-kanak yang terlibat? Sebab, saya nampak di sini peruntukan yang diberikan ialah RM29 juta. So, saya ingin tahu berapa banyak tadika KEMAS yang telah beroperasi kini dan berapa ramai pelajar yang terlibat secara terperinci daripada Yang Berhormat Menteri.

Kedua, saya ingin masuk ke Jabatan Kemajuan Orang Asli khususnya Butiran 030400 – Pembangunan Modal Insan dan Kebajikan Orang Asli. Di negara kita, kita ada orang Melayu, orang Cina, orang India dan sebagainya. Pengkhususan mengenai Orang Asli ini perlu diberi juga penumpuan yang khusus dan setiap tahun kita nampak RM5 juta diperuntukkan kepada pembangunan modal insan.

Dalam dua tiga tahun terakhir ini, saya minta Yang Berhormat Menteri terangkan program-program yang telah dilakukan di bawah modal insan dan kebajikan Orang Asli ini yang sebenarnya telah menaikkan taraf kehidupan mereka. Kalau boleh, jika ada *success story*, boleh juga terangkan di sini sebab mana-mana saya pergi, bila berbicara dengan Orang Asli, kita mendapati bahawa dari sudut pendidikan, dari sudut sukan, dari sudut taraf hidup, kita kena setuju bahawa mereka ketinggalan. Jadi, RM5 juta ini saya harap digunakan dengan sebaik mungkin dan Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan bagaimana ia diselaraskan.

Bersangkut-paut dengan butiran ini, saya juga sentiasa difahamkan bahawa sistem telekomunikasi iaitu talian tetap atau, dengan izin, *fixed line*, rangkaian mudah alih atau dengan izin, *mobile network* dan juga kemudahan *internet* agak kekurangan untuk perkampungan Orang Asli ataupun untuk penempatan Orang Asli. Bagaimanakah kerajaan mengambil berat tentang isu ini? Bagaimanakah kerajaan *commit* dalam membangunkan sistem telekomunikasi ini untuk Orang-orang Asli? Saya juga ingin tahu di manakah butiran terperinci bahagian telekomunikasi ini diletakkan?

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin masuk kepada Butiran 090000 – Majlis Amanah Rakyat (MARA). Pada 20 November 2015, Yang Berhormat Menteri sendiri telah membuat satu pengumuman bahawa satu buah universiti baru yang bernama ‘Universiti Majlis Amanah Rakyat’ atau dengan ringkasnya UniMara akan ditubuhkan pada tahun 2016 dengan kampus di Kuala Lumpur dan menerima kemasukan hampir 200 orang pelajar.

Selepas itu pada 2 Februari 2016, pada tahun ini, Tuan Pengerusi, ada laporan mengatakan bahawa pengambilan pelajar akan bermula pada Jun 2016. Selepas itu, pada 1 Jun 2016 pula, ada pengumuman mengatakan bahawa UniMara akan dibuka di Putrajaya pada September 2016 dengan pengambilan pelajar pertama seramai 800

orang. Kini kita sudah berada pada bulan November 2016 tetapi masih tidak ada apa-apa berita tentang pembukaan UniMara ini.

Saya minta dua penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Yang pertama ialah, kenapakah ada penangguhan sebegini? Kedua ialah mengapa tiba-tiba lokasi diubah dari Kuala Lumpur ke Putrajaya?

Seterusnya, Tuan Pengerusi, *point* keempat, berkenaan dengan Butiran 100400 – Penajaan Pelajar Cemerlang. Yang ini saya perlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di mana RM16 juta diturunkan 50 peratus menjadi RM8 juta. Ini satu bahagian yang amat penting sebab kita sedang menaja pelajar dan ini program di bawah program-program khusus tetapi ada penurunan drastik sebanyak 50 peratus. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan penurunan *50 percent* ini, dengan izin, dari RM16 juta ke RM8 juta, bagaimanakah hendak menampung dalam penajaan pelajar cemerlang?

Saya ingin membawa perhatian Tuan Pengerusi dan Dewan yang mulia ini, ini dana yang diberi untuk pelajar-pelajar cemerlang. Kita hendak galak mereka, kita hendak beri insentif kepada mereka tetapi ada penurunan yang drastik. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penerangan nanti.

Seterusnya juga dengan Butiran 100500 – Program Pendidikan Tinggi Malaysia-Jepun.

#### ■1820

Ada *trend* yang hampir sama Tuan Pengerusi di mana RM88 juta diturunkan menjadi RM39 juta, lebih daripada 50 peratus. Lagi sekali Program Pendidikan Tinggi Malaysia-Jepun gabungan Malaysia Jepun ini satu ketika dahulu, beberapa tahun yang lepas kita memberi penekanan yang khusus. Kita menguar-uarkan dan kita ada jaminan bahawa kita akan mem-*produce*, memberi produk yang berteknologi tinggi dan sebagainya. Akan tetapi hari ini komitmen begitu bagaimana hendak selaraskan dengan penurunan bajet daripada RM88 juta kepada RM39 juta iaitu melebihi hampir 50 lebih peratus. So, untuk lima soalan ini saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan nanti. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Kinabalu mahu ucap kah? Yang Berhormat Kota Kinabalu. Ya, sila Yang Berhormat Kota Kinabalu.

### **6.21 ptg.**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas. Tuan Pengerusi, di bawah P.22, Butiran 011100, Butiran 010900, dan Butiran 011300.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu apakah rancangan dan berapakah peruntukan daripada kementerian untuk membantu rakyat Sabah khasnya di Tenom akibat banjir besar yang melanda pekan Tenom tiap-tiap tahun, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenom di luar Dewan, Yang Berhormat.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Ya, Tuan Pengerusi Tenom jugalah. Ini ada satu aduan dari Yang Berhormat Tenom minta tolong. Jalan ke pekan Tenom tidak dapat dilalui, beberapa buah kampung dekat Tenom juga selalu dilanda banjir seperti Kampung Pinsolon; Kampung Uloi; Mentalik; Saga Laut; Inubai; Batu-batu; Langgut Seberang; Sabung; dan lain-lain.

Orang-orang kampung ini kebanyakannya ialah petani Tuan Pengerusi. Mereka telah rugi besar akibat banjir yang berlaku. Banjir yang melanda bukan sahaja merosakkan hasil tanaman tetapi juga harta dan rumah. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh tolonglah orang susah ini daripada segi kewangan dan juga selesaikan masalah banjir di Tenom secepat mungkin. Selain itu, petani dari Sook, Pensiangan dan Nabawan mempunyai masalah bawa keluar hasil petani kerana jalan teruk. Saya harap kerajaan boleh membantu dalam menyediakan jalan ataupun program yang dapat tolong orang kampung untuk jual hasil pertanian mereka.

Tuan Pengerusi, saya mahu tanya kementerian berapakah jumlah peruntukan yang akan disalurkan ke Sabah untuk tahun 2017? Adakah projek-projek yang disenaraikan untuk Sabah untuk tahun 2017? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rompin.

### **6.24 ptg.**

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, masalah P.22 Butiran 01000 – Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Saya dapati masalah bekalan air bagi kampung Orang-orang Asli dalam daerah Rompin sangat bermasalah oleh sebab ini syarikat yang kedua dilantik. Syarikat yang pertama gagal untuk melaksanakan bekalan air di kampung-kampung Orang Asli di daerah Rompin. Dilantik syarikat yang kedua, masih gagal lagi untuk menyempurnakan masalah bekalan air di kampung-kampung Orang Asli.

Saya berharap tindakan segera dapat diadakan bagi membaik pulih ataupun melaksanakan satu skim jangka panjang bagi kemudahan serta bekalan air bagi masyarakat Orang Asli tidak terganggu. Begitu juga tentang masalah pendidikan dan kesihatan. Saya berharap peruntukan yang lebih besar dapat diberi kepada masyarakat Orang Asli, kepada kedua-dua sektor ini iaitu sektor kesihatan dan sektor pendidikan.

Masyarakat Orang Asli hanya boleh berubah jika dua perkara ini dapat kita atasi khususnya di kalangan ibu-ibu harus diberi pendidikan keluarga yang baik, kesihatan yang baik. Jadi, hasil daripada pendedahan dengan pendidikan yang lebih baik, dengan kesihatan yang lebih baik saya percaya masyarakat Orang Asli khususnya di dalam daerah Rompin akan bertambah baik.

Walaupun pada hakikatnya saya berasa bangga kerana boleh saya katakan masyarakat Orang Asli dalam daerah Rompin adalah di antara masyarakat yang termaju dalam negeri Pahang. Walau bagaimanapun, dengan bantuan-bantuan penambahbaikan daripada segi peruntukan untuk bidang pendidikan dan kesihatan khususnya di kalangan ibu-ibu dan anak-anak. Saya percaya kemajuan perubahan di kalangan masyarakat Orang Asli akan tercapai. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Merbok.

#### **6.27 ptg.**

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Perbekalan B.22 Butiran 070000 – Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA). Agensi di bawah KKLW yang terlibat di kawasan Merbok ialah KEDA.

Antara objektif yang ingin dilakukan oleh KEDA pada tahun 2017 meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk dalam kawasan KEDA dengan memberi tumpuan kepada penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar negeri Kedah. Bolehkah kerajaan membuat penambahbaikan terhadap peruntukan bagi KKLW supaya program pembangunan untuk menjadikan kawasan luar bandar ke arah maju dan membangun lebih berkesan terutama di kawasan Merbok.

Seterusnya, keperluan Projek Perumahan Penduduk Miskin di Merbok. Tuntutan untuk KEDA menjalankan PPRT di kawasan Merbok ini antara salah satu sebabnya banyak golongan B40 yang baru berkeluarga tidak berkemampuan untuk membeli rumah. Rata-rata golongan B40 yang baru berkeluarga di kawasan ini bukanlah bekerja di sektor-sektor awam tetapi kebanyakannya mereka bekerja sendiri ataupun melakukan aktiviti pertanian secara kecil-kecilan. Dengan adanya PPRT di kawasan ini, berkemungkinan besar akan meringankan beban rakyat di kawasan ini terutama bagi golongan B40 yang baru berkeluarga dan tidak berkemampuan untuk membeli rumah.

**■1830**

Pada tahun 2016, peruntukan yang diberi kepada KEDA untuk membina PPRT ialah sebanyak 512 buah rumah dan ia meningkat kepada 520 buah rumah pada tahun 2017. Ini menunjukkan bahawa kerajaan sedar tentang keperluan dan permasalahan rakyat di negeri Kedah. Memandangkan bilangan penduduk golongan semakin bertambah dan permintaan terhadap rumah PPRT ini makin meningkat, mohon kerajaan menambah lagi bilangan unit rumah PPRT di negeri Kedah atau di Merbok bagi memenuhi keperluan rakyat. Selain itu, pembangunan projek perumahan menyebabkan pembinaan sistem perparitan menjadi tidak teratur. Kebanyakan parit yang dibina di kawasan perumahan sempit dan sering tersumbat akibat berbagai-faktor. Keadaan ini boleh menyebabkan banjir kilat apabila hujan lebat. Mohon KEDA melakukan penambahbaikan terhadap sistem perparitan agar lebih teratur dan selesa.

Tentang P.22, Pembangunan. Butiran 01707 – Pemasangan Baharu Lampu Jalan Kampung.

Pada tahun 2016, peruntukan yang diberi untuk pemasangan baru lampu jalan kampung ialah RM5 juta dan ia meningkat kepada RM15 juta pada tahun ini. Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada kerajaan atas peningkatan peruntukan yang dilakukan. Hal ini menunjukkan bahawa kerajaan mengambil berat tentang keutamaan masyarakat di luar bandar. Lampu jalan berfungsi untuk keselamatan dan keselesaan pada waktu malam bagi seluruh penduduk di kawasan Merbok. Dengan pemasangan lampu jalan kampung bukan sahaja memberi keutamaan kepada penduduk tetapi mengurangkan kejadian jenayah.

Tempat-tempat yang dicadangkan di kawasan Merbok ialah pemasangan lampu jalan kampung adalah seperti di selekoh, pondok bas, bonggol jalan, dewan, masjid, surau, rumah ibadat, sekolah, jalan-jalan yang didekati bahaya dan lain-lain tempat yang menjadi tumpuan orang awam. Apakah kriteria yang dilihat oleh kementerian bagi pemasangan lampu baru di jalan kampung? Mohon kementerian turun ke kawasan Merbok untuk melihat sama ada kawasan-kawasan di sana layak menerima pemasangan lampu baru di kawasan kampung ataupun tidak.

P.22 - Pembangunan. Butiran 02400 – Jalan Perhubungan Desa. Pada tahun 2016, peruntukan yang diberikan untuk jalan-jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa juga meningkat iaitu untuk jalan-jalan luar bandar diberikan sebanyak RM887.8 juta, berbanding pada tahun lepas sebanyak RM208.5 juta.

Untuk jalan perhubungan desa pula, sebanyak RM284 juta berbanding pada tahun sebelumnya sebanyak RM200 juta. Rata-rata penduduk di kawasan ini bukanlah bekerja di sekitar sektor-sektor awam. Kebanyakan daripada mereka yang bekerja

sendiri ataupun melakukan aktiviti pertanian secara kecil-kecilan. Dengan adanya penambahbaikan ini, kemungkinan besar akan meningkatkan beban rakyat sekali gus meningkatkan kecekapan pembangunan ekonomi masyarakat luar bandar di kawasan itu. Apakah kriteria jalan yang dilihat oleh kementerian bagi menambahbaikkan jalan-jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa di kawasan Merbok?

Dengan itu saya ucapkan terima kasih. Sekian, *assalamualaikum* dan menyokong Bajet 2017. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

### 6.36 ptg.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 010700 – Kesejahteraan Rakyat, di mana kita tahu di bawah kementerian ini membawa misi untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat dan masyarakat luar bandar secara menyeluruh dan berkesan.

Saya ingin tahu, sejauh mana program kesejahteraan rakyat ini sudah mencapai peratusan ataupun tahap kesejahteraan keseluruhannya setakat ini. Saya ingin tahu apakah program kesejahteraan rakyat yang akan dilaksanakan di Parlimen saya di Rantau Panjang pada tahun 2017. Menjadi harapan bagi saya dan juga Ahli Parlimen yang lain mengharapkan supaya perhatian yang diberi, terutama kepada kawasan luar bandar dengan lebih serius lagi oleh pihak kementerian.

Jadi, saya ingin tahu program-program latihan kemahiran yang disediakan untuk Parlimen Rantau Panjang untuk memastikan kesejahteraan rakyat akan lebih berkesan lagi. Saya ingin tahu berapa banyak kah program bantuan rumah yang setakat ini telah dilaksanakan dalam Parlimen saya. Saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan keperluan lampu jalan yang mana kawasan saya kawasan yang sempadan dengan negara Thailand. Sudah tentulah dengan aktiviti penyeludupan, memerlukan kawasan yang terang terutama pada waktu malam.

Jalan antarabangsa dari Kota Bharu terus ke Thailand adalah kawasan yang sangat kritikal, terutama pada musim perayaan dan jalan ini sangat gelap. Banyak lagi kawasan-kawasan yang membawa kepada kemalangan maut. Jadi, saya sangat mengharapkan pihak kementerian yang saya pernah rayu sebelum ini supaya diberi keutamaan. Jalan menuju kepada pintu masuk utama ini diberi pencerahan dan juga jalan di sekitar sepanjang Sungai Golok yang mempunyai risiko yang sangat tinggi.

Begitu juga saya ingin menyentuh Butiran 010800 – Pengupayaan Ekonomi, yang mana kawasan saya kawasan yang memang- Pekan Rantau Panjang ini ramai

usahawan kecil yang perlu ditingkatkan, terutama dari sudut pengupayaan, kemahiran dan pemasaran barang. Oleh sebab mereka hanya mengharapkan pelancong-pelancong yang datang, terutamanya pelancong domestik. Akan tetapi kita harap dengan keadaan ekonomi yang ada menyebabkan ramai peniaga dalam keadaan kemuraman kerana kekurangan– barang kurang laku. Jadi, saya ingin supaya promosi dibuat juga untuk memastikan usahawan-usahawan di pedalaman kita ini dapat bersaing, terutama dengan usahawan daripada negara jiran.

Saya juga ingin menyentuh tentang Butiran 011100 – Infrastruktur, yang mana saya merayu kepada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya naik taraf jalan-jalan kampung yang perlu kepada pelebaran jalan. Dalam kawasan saya, jalan ke Rantau Panjang, jalan melalui Banggol Kulim, Jalan Lubuk Setool dan jalan melalui Kampung Pohon Tanjung yang selalu sesak, terutama di permukaan masuk di CIQ Imigresen yang sangat sesak, terutamanya daripada kenderaan-kenderaan Thailand. Jadi, kita harapkan supaya naik taraf jalan-jalan yang menghubung perhubungan desa ini. Begitu juga jalan yang banyak rosak akibat banjir.

#### ■1840

Jadi saya harap peruntukan diberi keutamaan kepada jalan-jalan luar bandar ini untuk memastikan kebijakan rakyat terjaga termasuk juga jalan yang menghubung kepada sekolah-sekolah dan pejabat-pejabat kerajaan yang mudah ditenggelami banjir. Apabila berlakunya hujan yang lebat, jalan mudah berlubang dan membahayakan kepada pengguna dan rakyat seluruhnya.

Saya ingin juga menyentuh tentang Butiran 030000 iaitu di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli. Sebagaimana teman-teman yang lain juga, saya ingin menanyakan berkaitan dengan keberkesanan program yang telah dibuat di bawah Jabatan Orang Asli sekian lama dan begitu banyak peruntukan yang telah diperuntukkan. Sejauh mana keberkesanan program untuk memajukan saudara kita Orang Asli. Sampai bila mereka terus berada dalam keadaan merayau, dalam keadaan mencari rezeki, dengan keadaan daif, dengan keadaan tidak ada kemudahan yang sangat daif, bekalan air bersih, elektrik, jalan dan kemudahan pendidikan dengan kehidupannya di tahap ini sekian lama.

Kita sudah merdeka hampir 60 tahun. Jadi saya harapkan supaya kita mengkaji balik dengan peruntukan yang begitu banyak kenapa mereka masih lagi dapat tidak boleh bersama dengan masyarakat biasa. Maknanya daripada segi kemahirannya dan kemajuannya. Jadi saya ingin tahu juga, jumlah Orang Asli yang ada di seluruh negara kita. Sejauh mana anak-anak Orang Asli yang telah berjaya di bidang pendidikan ini

memberi sumbangan untuk memajukan kaum Orang Asli ini supaya mereka dapat sama taraf dengan masyarakat di luar, masyarakat biasa.

Saya ingin juga ingin bertanya tentang berkaitan dengan kebajikan Orang Asli terutama anak-anak Orang Asli yang ada dipergunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Sebagaimana isu anak-anak Orang Asli Penan yang diperkosa oleh pihak-pihak pembalak. Begitu juga di kawasan-kawasan Orang Asli yang lain. Jadi sejauh mana perkara ini diambil perhatian dan kebajikan terutama bagi anak-anak ataupun wanita-wanita Orang Asli dipergunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dalam memastikan kebajikan hidup mereka juga dihormati dan terpelihara.

Saya ingin menyentuh juga berkaitan dengan Butiran 060000 di bawah RISDA yang mana kita melihat antara sasaran RISDA untuk mencapai pendapatan RM2,500 sebulan kepada pekebun-pekebun kecil menjelang akhir tahun 2016. Sekarang ini kita sudah berada pada November 2016. Jadi setakat ini saya ingin tahu apakah pencapaiannya? Berapa peratus kita telah berjaya membawa, menaik taraf pendapatan pekebun-pekebun kecil? Oleh sebab hanya ada satu bulan ke-dua bulan sahaja lagi akan berakhirnya tahun 2016. Dengan keadaan harga getah yang semakin rendah, sudah tentulah memberi beban yang cukup besar terutama pada musim tengkujuh mereka putus pendapatan. Kalau dua bulan hujan, dua bulan mereka tidak ada hasil.

Kita amat berterima kasih atas program yang telah dilaksanakan dengan skim bantuan kepada pekebun kecil RM200 sebulan tetapi tidak mencukupi terutama bagi pekebun kecil yang mempunyai anak-anak yang bersekolah yang ramai, yang mempunyai tanggungan yang ramai. Jadi saya ingin tahu sejauh mana program-program latihan, program kursus, program-program yang telah diwujudkan di bawah RISDA yang mampu menambahkan pendapatan di kalangan pekebun-pekebun kecil. Setakat ini saya ingin tahu di kawasan saya berapakah pekebun kecil yang telah menerima manfaat program di bawah program RISDA ini.

Saya ingin juga tahu berkaitan dengan program di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang mana kita dapati banyak premis perniagaan di bawah MARA yang peniaga ataupun usahawannya hasilnya sangat tidak berbaloi dengan keadaan suasana ekonomi yang semakin mencabar hari ini. Jadi saya mendapat aduan terutama usahawan-usahawan di bawah MARA, mereka mendapatkekangan terutama daripada segi pemasaran, dari sudut menaikkan perniagaan.

Begitu juga dengan beban sewa bangunan premis MARA yang agak mahal bagi mereka dengan keadaan jualan mereka yang tidak seberapa. Jadi sejauh mana pihak MARA memantau isu-isu yang berkaitan terutama ia berkaitan dalam Parlimen saya dan

juga di seluruh negara untuk memastikan benar-benar program di bawah MARA ini manfaat kepada rakyat seluruhnya.

Jadi saya mengharapkan supaya pihak kementerian dapat memerhati dan melihat supaya kebajikan rakyat terutama golongan luar bandar ini terjaga. Kita ingin melihat pembangunan di luar bandar ini seiring dengan masyarakat di bandar. Mereka juga mampu mengecap kesejahteraan hidup. Kita tidak mahu lagi dengan keadaan kekurangan elektrik, kekurangan jalan raya, kekurangan segala-galanya, kemudahan air bersih menyebabkan mereka berasa terpinggir dalam keadaan negara kita cuba membangunkan negara dengan sebaiknya. Akan tetapi masih ramai golongan luar bandar yang masih rasa terpinggir dengan keadaan segala kedaifan dan kemudahan yang ada. Jadi dengan kata-kata itu Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Raja.

#### **6.45 ptg.**

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan dalam Bekalan 22 ini beberapa perkara. Pertama Butiran 030000 – Jabatan Kemajuan Orang Asli. Saya ingin bertanya dalam Butiran 030100 tentang khidmat pengurusan. Sejauh mana penglibatan Orang Asli sendiri dalam perancangan Jabatan Kemajuan Orang Asli tentang masa depan mereka.

Kedua, saya ingin bawa ke Butiran 030200 – Perancangan dan Penyelidikan. Saya ingin bertanya, setakat ini adakah pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli membuat penyelidikan tentang apakah pendekatan yang terbaik untuk mendidik anak-anak Orang Asli dalam keadaan mereka ini apa yang saya panggil komuniti yang terpencil ataupun *isolated communities* kerana saya percaya ada model-model yang berjaya di dunia ini di mana Orang Asli boleh diberi pendidikan tanpa mengubah mereka daripada tempat tinggal mereka.

Saya sangat terkesan apabila anak-anak Orang Asli ini pada umur yang begitu mentah terpaksa berpisah dengan keluarga mereka untuk kita beri pendidikan secara formal dalam infrastruktur yang telah kita siapkan. Adakah ini model terbaik kerana kita tahu perkembangan anak-anak pada umur, pada ketika itu ialah mereka masih lagi *attach* lagi dengan keluarga terutamanya ibu.

Apabila kita memisahkan mereka daripada keluarga, apa kesan jangka masa panjang atas emosi mereka itu sendiri. Kebimbangan kita *reluctant* ataupun keengganan mereka untuk mengikuti program-program banyak yang disediakan oleh JAKOA ini adalah kerana ia tidak hendak kita cuba untuk mengeluarkan mereka

daripada- ataupun kawasan mereka, *comfort zone* mereka itu mungkin kita sudah cuba bertahun-tahun tapi saya rasa tidak begitu berjaya.

Memang daripada segi fizikal kita telah menyiapkan banyak perkara walaupun banyak yang tadi yang disebut oleh rakan-rakan kita yang masih berkurangan. Jadi sejauh mana pendekatan ini disemak semula. Mungkin saya merasakan bahawa lebih baik kita mendidik anak-anak ini dalam persekitaran mereka sendiri di mana mereka mendapat sokongan moral dan tidak perlu bersusah payah ataupun tidak perlu berpisah dengan keluarga mereka. Mungkin pendidikan yang perlu kita beri kepada Orang Asli ini lain daripada pendidikan yang kita beri kepada *urbanize* ataupun *settlement* yang memang secara semula jadinya itu kawasan lingkungan mereka.

Jadi, saya hendak tahu, peratus daripada anak-anak Orang Asli kita tamat pendidikan formal yang kita katakan wajib ini selama 12 tahun. Makna daripada tahap satu sampai Tingkatan 5. Sekiranya angka ini tidak memberangsangkan, maka apakah sebab-sebabnya? Ini pun patut masuk ke dalam kajian yang menyeluruh. Saya hendak tahu lah kalau ada apa-apa lagi penyelidikan yang telah dilakukan secara *imperical* ini dan bagaimana keputusan ataupun *findings* daripada penyelidikan ini digunakan untuk merancang masa depan Orang Asli ini.

#### ■1850

Seterusnya saya ingin pergi kepada sosioekonomi Butiran 030300 mengenai saya hendak tahu berapa peratus daripada Orang Asli yang dikatakan ada 140,000 ini. Berapa peratus yang sudah keluar daripada garis kemiskinan. Kenapa kita masih gagal untuk mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan, mungkin kita boleh jawab bahawa bidang ekonomi yang mereka ceburi itu bukanlah bidang ekonomi yang *lucrative* dan sebagainya. Namun, kita perlu memikirkan apa sebenarnya yang dikehendaki mereka.

Jadi dengan itu, saya cuma hendak tanya lagi dalam pembabitan Jabatan Kemajuan Orang Asli dalam siri-siri bantahan yang dibuat oleh Jawatankuasa Jaringan Orang Asli yang membantah pencerobohan Tanah Adat Orang Asli. Isu Tanah Adat Orang Asli ini sudah begitu lama. Bila kita bertanya kita selalu menjawab ini isu negeri. Negeri kuasa tanah kuasa negeri. Jadi Kerajaan Pusat tidak boleh hendak buat apa.

Akan tetapi, saya rasa perlu ada kita ada NBOS dan sebagainya untuk menyelesaikan masalah ini. Adakah perlu Kerajaan Pusat sedikit sebanyak mengganti rugi kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk sebagai insentif kepada mereka untuk mewartakan apa yang kita panggil tanah-tanah adat ini. Baru-baru ini, isu pencerobohan Tanah Adat Orang Asli di Gua Musang hebat diperkatakan dan dakwaan bahawa pihak

polis, Jabatan Hutan, syarikat pembalakan semua bersekongkol untuk memastikan bantahan mereka ini gagal. Jadi, apa peranan Jabatan Kemajuan Orang Asli ini?

Saya cuma hendak sebut untuk rekod bahawa Orang-orang Asli yang membantah pembalakan dalam kawasan mereka adalah daripada Pos Gob, Pos Simpor, Kampung Gawin, Kampung Bering dan sebagainya. Jadi adakah Jabatan Kemajuan Orang Asli mengambil pendirian bahawa kami tidak masuk campur sebab ini isu tanah dan ini isu kerajaan negeri.

Akhir sekali, saya hendak sentuh Butiran 090000 – Majlis Amanah Rakyat (MARA). Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dalam isu pelajar-pelajar perubatan yang ditaja oleh MARA di dalam AUCMS iaitu *Allianze University College of Medical Sciences* di utara negara kita yang ada masalah dahulu. Program ini program dengan yang menganugerahkan Ijazah Kedoktoran daripada UKM. AUCMS kiranya melanggan dengan UKM.

Baru-baru ini mereka telah lulus *batch* pertama daripada program AUCMS ini dan mereka telah pun berkonvensyen tetapi malangnya transkrip ijazah mereka tidak diberikan kerana katanya MARA tidak bayar yuran kepada UKM. Jadi apakah kedudukan dan status pelajar-pelajar ini selagi transkrip ini tidak dikeluarkan yang mereka telah layak? Mereka doktor yang layak dan lulus dan bila MARA boleh menyelesaikan isu ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lipis.

#### 6.54 ptg.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tahu KKLW ini ramai peminat. Jadi kita akan panjangkan sedikit perbahasannya.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Tuan Pengerusi, saya cuba ringkaskan ucapan saya, saya pergi kepada poin sahaja kerana saya hendak pulang ke kampung kerana pagi esok ada program kebetulan pun kawan-kawan kata malam Jumaat.

Saya pergi terus kepada Butiran 02400 – Jalan Perhubungan Desa. Saya agak teruja dengan dalam program Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di mana 4,500 kilometer jalan luar bandar telah dan sedang dibina.

Jadi sekarang ini di bawah projek rakyat diberikan peruntukan RM1.2 bilion projek rakyat *centric* yang mana akan menaik taraf 616 kilometer jalan kampung dan jambatan. Saya hendak minta 13 kilometer sahaja Tuan Pengerusi, tidak panjang. Jalan

ini KKLW sudah lama lulus tetapi tidak bina-bina. Maknanya kerana disebabkan ketika itu bila di tender tidak cukup. Jalan tersebut jalan dari Kechor 8, Kampung Matuk ke Kuala Kenong yang melibatkan kawasan pelancongan, satu.

Saya pergi kepada tajuk Butiran 01707 – Pemasangan Baharu Lampu Jalan Kampung yang juga bajetnya agak besar. Saya banyak kampung terpencil. Jadi senarai itu akan saya hantar. Kalau saya cakap sekarang ini satu-satu dia makan masa panjang.

Saya pergi kepada tajuk Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Di kampung saya, di Parlimen saya masih ada sebuah kampung sahaja yang tidak ada bekalan air bersih lagi iaitu Kampung Chegar Perah. Sudah lama sudah permohonan, permintaan dari lulus-tidak lulus balik, lulus-tidak lulus balik. Jadi saya mohon diangkat kembali dengan bajet KKLW ini yang saya tengok sangat-sangat besar diberikan peruntukan disebabkan tersebut saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri dapat mempertimbangkannya selain daripada ada yang kecil-kecil saya hendak juga walaupun sesetengahnya sudah ada kawasan air tetapi saya perlukan juga air graviti. Mungkin itu juga saya akan hantar permohonan secara bertulis kepada Yang Berhormat Menteri.

Akhirnya, yang ini tidak ada dalam butiran, Tuan Pengerusi. Saya percaya Yang Berhormat Menteri akan bermesyuarat. Itu sahaja butirannya dia akan bermesyuarat. Saya hendak wujudkan kembali mohon jasa baik diwujudkan kembali LKWJ. Tempat lain semua ada Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, tempat lain semua ada lembaga di Pahang dahulu ada tetapi jadi tidak ada. Jadi, sekarang saya hendak minta Yang Berhormat Menteri wujudkan balik LKWJ ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Menteri senyum Yang Berhormat luluslah itu.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya rasa *confirm* dan yang akhirnya saya hendak ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana dia kerja kuat, dia banyak benda yang telah diumumkan cuma ada satu yang dibina rumah BN, ini yang terbaru. Jangan ketinggalan kawasan saya, rumah BN ini. Maknanya Rumah Bina Negara. *Wabillahitaufik walhidayah*, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

#### **6.57 ptg.**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh Butiran 03700 – Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).

Saya hendak sebut di sini bahawa pembangunan begitu pesat di Johor dan berlaku pembangunan industri yang besar tetapi dalam pada masa yang sama Tuan Pengerusi, kampung-kampung sini mesti seiring dengan pembangunan ini. Sekiranya kita tidak melakukan dengan segera maka akan berlaku perbezaan yang begitu ketara dan akhirnya rakyat rasa mereka terpinggir walaupun sebenarnya pembangunan industri itu berlaku amat pantas.

Atas sebab itu, saya minta kerajaan menimbaangkan supaya lembaga-lembaga kemajuan setempat tadi macam Jengka, KETENGAH, especially KEJORA lah. KEJORA rekod dia bagus. Saya minta bajet ini supaya ditambah lagi RM45 bilion memang tidak cukup untuk memenuhi keperluan semasa yang begitu cepat berubah termasuk jalan-jalan kampung, pembangunan rumah-rumah tersusun yang ini akan nampak jelas terpinggir kalau dibandingkan pembangunan yang pesat berlaku di Johor Selatan khususnya di kawasan Johor Tenggara.

Saya terus kepada poin saya, ada minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri Kampung Sungai Sembilang dan Kampung Pancur jalan lima kilometer dari jalan besar. Sekarang jalan itu amat bahaya anak-anak kita lalu kampung saya minta jalan ini di baik pulih, dinaik taraf dengan lampu sekali dan saya minta kalau boleh lampu-lampu kampung di kawasan Tuan Seh dan juga Sedili dinaik taraf juga. Terima kasih, itu sahaja. Saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sandakan.

#### **6.59 ptg.**

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi yang memberi saya peluang untuk membahas ini Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Mengikut di bawah perkara P.22 Butiran 01703 berkenaan dengan bekalan elektrik luar bandar Sabah. Dalam bajet 2017, peruntukan untuk bekalan elektrik luar bandar Sabah dikurangkan dari RM398 juta ke RM250 juta. Saya fikir ini satu bajet yang banyak kecewa khasnya kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Pada masa ini penduduk-penduduk pedalaman khasnya luar bandar sana banyak kampung di sana masih tidak ada bekalan elektrik.

#### **■1910**

Saya pun tidak faham mengapa ini bajet begitu rendah, beza sikit. Jadi ini saya mahu membangkitkan beberapa isu di sini. Pertamanya, bekalan elektrik ini sampai kini banyak kampung di luar bandar ini tidak ada. Ini yang benar tetapi ada kampung-kampung seperti di Sook, ada ini elektrik punya tiang, *wiring* semua pun sudah ada, transformer semua sudah pasang beberapa tahun sudah, tetapi bekalan elektrik itu tidak

sampai seperti di Sook, sembilan kampung ini Kampung Nandagan, Kampung Seselungon, Kampung Lalok Bakun, Kampung Mansiat, Kampung Singwa, Kampung Tawan, Kampung Sinarun, Kampung Sinarun Tengah, Kampung Buru dan Kampung Makirimut. Ini saya dapat tahu daripada penduduk di sana. Ini bekalan elektrik, tiang ini semua dia punya *wiring* sudah dipasang sebelum Pilihanraya Umum Ke-13. Akan tetapi sampai sekarang, bekalan elektrik masih belum sampai. Ini kita tidak tahu mengapa SESB punya kerja begitu.

Saya telah lawat tempat situ, nampaknya ada itu bekalan tiang ini, elektrik tiang pun sudah berkarat, transformer itu pun sudah ada banyak sudah ditutup oleh rumput itu. Saya fikir kalau sekarang mahu pakai pun mesti mahu kasi servicelah.

Jadi Tuan Pengerusi... [Seorang Ahli Yang Berhormat Menteri berdiri] Ya Yang Berhormat Menteri.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Ya, terima kasih [Ketawa] Saya terdengar sebentar tadi kawasan saya Sook. Yang Berhormat telah mengatakan bahawa konon-kononnya ada sembilan buah kampung tiang ada, wayar ada, tiang pun sudah berkarat tetapi tidak ada lampu. Bilakah Yang Berhormat datang pergi tempat ini? Baru dua, tiga hari yang lalu saya ada di sana, semuanya ada... [Dewan Ketawa] Lampu semua sudah marak. Saya tak tahu bila yang-inilah kebiasaan mereka ini Tuan Pengerusi. Bila masuk pergi kampung-kampung, dia katakan kepada rakyat bahawa kita ini pembohong, penipu. Mereka sendiri tidak pandai, keluarkan kata-kata itu, disebut orang kampung ini hanya orang kampung yang tidak tahu. Bila mereka mengajar orang bercakap bohong, mereka pun juga berbohong. Apakah macam soal ini? Kalau boleh dapatlah...

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Okey. Yang Berhormat Menteri, kalau *you* sebut ini bekalan sudah pasang bulan yang lalu, saya tidak tahu. Saya yang telah lawat ini. Saya lawat ini tiga bulan yang dulu... [Dewan riuh] Saya dapat ini maklumat dari penduduk di sana, masih sekarang belum ada. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh balik siasat lagi, ini betul atau tidak. Ini yang dulu pun *last in a last debate* ya.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Memang betul, baru saya balik sana dua, tiga hari yang lalu... [Dewan riuh]

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Pengerusi, selain itu di bawah Butiran 02003, ini walaupun kerajaan kata bekalan air sudah sampai lebih 80 peratus, dikekalkan dalam ini luar bandar dan juga saya nampak peruntukan yang untuk tahun 2017 pun ada banyak tambah. Saya ingin mengucapkan syabaslah. Harap ini peruntukan RM230 bilion ini boleh sampai dan diguna pakai dengan benar. Saya pun

harap juga peruntukan ini mesti ada SOP yang standard dia punya prosedur, bagaimana Persekutuan salurkan wang ini kepada setiap pejabat atau kementerian yang berkenaan.

Oleh sebab kita baru tahu RM3.3 bilion, wang itu yang banyak yang sudah digunakan oleh jambatan ini air di Sabah. Ini wang semestinya untuk ini luar bandar punya. Kalau itu RM3.3 bilion yang dipakai guna dengan baik, saya fikir ini masalah tidak berlaku.

Sekarang saya mahu Menteri tahu juga bekalan air itu di kampung sana masih tidak memuaskan. Kita punya pasukan Impian Sabah masih membangkitkan beberapa buah kampung untuk membina graviti air untuk memanfaatkan penduduk-penduduk di Sabah seperti sekarang kita punya pasukan masih di Kampung Mukim Bunga Raya di Keningau untuk membina satu graviti air untuk sepanjang 21 kilometer untuk memanfaatkan tujuh buah kampung untuk Keningau, di kampung-kampung di sana.

Selain lagi, satu isu saya mahu bangkitkan juga di Kota Marudu, ada 40 buah rumah di Kampung Kotobi Mattunggong, yang sangat miskin. Walaupun sekarang air sudah sampai kampung dia, tetapi penduduk-penduduk ini tidak mampu membayar itu charges untuk memasang itu meter. Ini kerana memasang itu meter jumlahnya RM920 untuk setiap rumah. Jadi di sini, penduduk di sana sampai masa ini masih tidak boleh menikmati air-air yang bersih yang sampai walaupun di rumah hadapannya, tidak boleh, tidak ada meter. Jadi saya harap kerajaan berkenaan tengoklah bagaimana boleh membantu ini golongan yang termiskin yang mana tidak mampu bayar meter. Saya pun juga meter itu pasang RM920, mahalkah? Ini saya tidak tahu. Harap kerajaan akan siasat ini tidak tahu ia terlampau mahal ataupun tidak.

Selain itu, saya satu lagi saya mahu bangkit ialah kesihatan di luar bandar. Saya dapat tahu mengikut Yang Amat Berhormat Pekan hari itu yang ada mengumumkan dia punya *Budget Speech* ada telah memperuntukkan RM4.5 bilion untuk Klinik 1Malaysia, Klinik Bergerak 1Malaysia, klinik kesihatan dan klinik desa dan ada beberapa lagi. Akan tetapi sini saya mahu tanya, berapa klinik akan dibina untuk luar bandar? Ini seperti saya ada lawat beberapa buah kampung, seperti kampung...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, klinik masuk butiran inikah Yang Berhormat?

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Ya, saya *just to inform you*. Ini untuk sebab ini untuk luar bandar... *[Dewan riuh]* Diamlah, ya. Walaupun ini tidak masuk ini butiran, tetapi saya mahu menyuarakan satu masalah yang ini serius.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kesihatan Yang Berhormat.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Saya harap juga kementerian berkenaan boleh mengambil satu langkah yang serius bahawa boleh membantu membina ini 1Malaysia punya klinik yang diagihkan kepada pengalaman. Jadi ini saya ucapan terima kasih. Sekian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

### 7.03 mlm.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja, dua sahaja. Butiran 070100 – Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA). Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri mempunyai rancangan untuk melihat bagaimanakah lembaga-lembaga kemajuan wilayah-wilayah ini termasuk juga Kedah untuk memfokuskan satu Lembaga ini kepada satu produk.

Sebagai contoh, kita lihat banyak permintaan dari luar negara untuk bahan-bahan herba. Negara kita sebuah negara yang *alhamdulillah* klimaksnya dan sebagainya, membolehkan kita tanam dengan herba-herba yang menjadi *highly demanded all over the world*. Jadi kalau sekiranya, sekarang ini apa yang berlaku Tuan Pengerusi, kebanyakan Lembaga Kemajuan Wilayah ini melakukan benda yang hampir sama dan ada *duplication* apa yang sedang berlaku dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita fokus, kita dapat fokuskan-contohnya di Kedah.

### ■1910

Apa kata kalau kita buat *research* sedikit untuk kita tanam *stevia* contohnya because Nicaragua dengan Kedah itu dia punya *weather is almost the same*. Jadi inilah, *I mean rather than* kita spend duit, saya tengok di Kedah ini RM27 juta, *we do the same thing- year in year out*. Apa beza kita dengan Jabatan Pertanian dan Kementerian Pertanian tidak ada beza. So saya cadangkan kepada Menteri supaya *lets, let's focus*.

Maknanya satu Lembaga Kemajuan Wilayah bawa produk yang- *big product* supaya ia boleh menjadi substantif dan menjadi bahan yang boleh kita eksport. Bukan sahaja Lembaga itu mendapat keuntungan tetapi orang-orang yang terlibat dalam Lembaga ini sama ada penduduk ataupun Ahli Lembaga ini mendapat faedah daripada tanaman tersebut. Jadi saya mencadangkan supaya kementerian kalau boleh buat *research*, tentu ada permintaan-permintaan di luar negara tentang bahan-bahan tertentu

yang sesuai untuk kita tanam ataupun kita *produce-kan* di kawasan-kawasan ini. Itu yang pertama.

Kedua ialah tentang Butiran 090100 – Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Perdana Menteri telah pun menandatangani banyak MoU dengan China dan *is expected about RM140 bilion hingga RM150 bilion akan dibawa balik ke Malaysia sebagai satu investment whatever it is.* Jadi kita melihat RM150 bilion itu satu jumlah yang banyak. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri sejauh manakah usahawan-usahawan bumiputera ini? *Are we ready untuk paling tidak pun mengambil some share tentang development tersebut.*

Jadi saya rasa usahawan-usahawan Melayu khususnya anak-anak muda ini harus di *train* sekarang. Jangan sampai *the Chinese came*, kemudian dia bawa *log to embedded* dan kita tengok sahaja. Zaman tengok ini sudah habis. Saya rasa harus ada *participation* yang aktif daripada anak-anak Melayu dan bumiputera. *Whatever level-lah.* Sama ada *technical level* sampailah *management level*. Saya rasa *by now*, kementerian *should be ready*. Maknanya kita boleh tengok apakah yang telah pun di-signed-kan oleh Perdana Menteri. *So I am sure by now* sama ada, kita gerakkan di peringkat institusi pengajian tinggi ataupun MARA sendiri mengambil inisiatif untuk kenal pasti bidang-bidang yang kita boleh ceburi secara *direct* bukan sebagai serpihan-serpihan.

*So I think* Tuan Pengurus kalau sekiranya kita dapat walaupun *10 percent* ataupun *20 percent benefit* daripada MoU atau perniagaan yang akan kita ceburi bersama China esok ini, saya rasa sudah tentu kalau kita dapat *20 percent* dan itu memberikan satu jumlah yang banyak kepada anak-anak Melayu dan bumiputera tetapi yang lebih penting sekarang adalah *exposure* bagaimana mereka boleh berdagang dengan negara China. Saya hendak cadangkan juga kepada MARA *by now* harus dipertingkatkan khususnya anak-anak Melayu bumiputera di peringkat pengajian tinggi mempelajari bahasa Inggeris secara intensif dan bahasa Mandarin *because at the end of the day these still languages. English and Mandarin will go to be world languages.* Suka tidak suka *things are coming, things are happening and Chinese are coming.* So kita tidak boleh mengambil benda ini enteng.

Secara seriusnya kita harus melihat bagaimana kita dapat *benefit* dalam situasi ini. Terima kasih Tuan Pengurus, terima kasih.

**Tuan Pengurus [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Manis.

### **7.13 mlm.**

**Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatu.*

Saya pendek sahaja. Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar.

Yang Berhormat Menteri, di kawasan Tanjong Manis banyak ketinggalan daripada segi pembangunan infrastruktur asas dan beberapa buah jalan raya yang amat diperlukan adalah di Kampung Bukit Kinyau Daerah Sarikei, Mupong Daerah Meradong, Stalon, Paloh, Berangan, Teluk Gelam Daerah Tanjong Manis, Sebako, Salak Kecil dan sampailah ke Tekajong.

Ini permohonan untuk tambahan jalan yang telah dibuat sekarang dari Kampung Penuai sampai Salak Kecil dan saya memohon daripada Salak Kecil disambungkan sampai ke Kampung Tekajong supaya anak-anak balik daripada sekolah menengah setiap hujung minggu dapatlah balik dengan selesa kerana jalan sekarang amatlah daif dan berlubang.

Butiran 02400 – Jalan Perhubungan Desa. Jalan perhubungan desa sedia ada juga sangat sempit dan terlalu sukar untuk dilalui pada musim tengkujuh iaitu di seluruh kawasan Pulau Bruit, Sebayang, Tusok; Daerah Tanjong Manis, kawasan perkampungan di Ulu Sari dan Bukit Kinyau Daerah Sarikei, kawasan perkampungan di Mupong, Selidak dan Sungai Siang Daerah Meradong.

Butiran 01702 – Bekalan Elektrik Luar Bandar berserta sekali Butiran 02002 – Bekalan Air Luar Bandar.

Masih terdapat lagi banyak kampung dan rumah-rumah panjang di kawasan Tanjong Manis yang masih belum menikmati bekalan air bersih dan elektrik terutamanya di Bukit Kinyau kawasan Ulu Sari Daerah Sarikei, Mupong Daerah Meradong, Sebayang, Tusok, Stalon, Teluk Gelam Daerah Tanjong Manis. Satu daripada isu yang masih tertunggak tangki air *high level water tank* di Kampung Penipah Pulau Bruit yang telah runtuh dalam masa pembinaan pada tahun 2015. Bilalah agaknya dapat dinaikkan atau dijalankan kerana bajet pun saya faham sudah dilulus. Ini satu isu yang amat berat untuk saya sebagai seorang ahli politik ya.

Selain daripada itu saya amatlah memohon supaya juga diperuntukkan elektrik LED untuk lampu jalan-jalan kampung terutamanya untuk Pulau Bruit kerana banyak orang jatuh ataupun bila jalan itu amat teruk mereka jatuh dan ada juga yang meninggal dan beranak di jalan raya. Jadi amatlah diperlukan kerana dari hujung Pulau Bruit sampai ke hujung Pulau Bruit adalah dalam 18 kilometer ya.

Butiran 02503 – Pembangunan Ekonomi Luar Bandar. Saya amatlah mengharap kementerian dapatlah membantu untuk pembangunan ekonomi luar bandar terutamanya

di Pulau Bruit di mana terdapat banyak pengusaha udang kering ya. Sesal kita berkata di Sarawak dan ikan salai. Sama ada kita dapat membantu untuk melatih mereka daripada segi pembersihan, SOP supaya dapatlah barang-barang yang mereka jual, dapatlah keluar dari Pulau Bruit dan diterima oleh pasaran.

Selain daripada itu juga saya mohon sama ada sebuah tempat penjualan untuk produk-produk kampung dapat dibangunkan untuk Pulau Bruit terutamanya di RGC Kampung Semop di mana terletaknya ada jalan raya dekat dengan *ferry point* untuk mereka berjual. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sik.

#### 7.17 mlm.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus kepada butiran. Saya ada lima butiran dan lima permintaan saya kepada kementerian.

Pertama dalam Butiran 010700. Saya tidak pasti butiran ini betul ataupun tidak betul sebab permintaan saya, saya telah minta perkara ini sudah tiga tahun, 2014, 2015 dan 2016. Pada awal tahun 2015 saya berjumpa dengan Menteri dan peruntukan yang diberikan dalam butiran ini. Akan tetapi masalah ini bila saya buat *homework* dari tahun 2014 peruntukan keseluruhan Butiran 010700 yang diberikan kepada negeri Kedah tidak cukup.

Masalahnya ialah begini. Saya ada satu buah kawasan penempatan yang bernama Bandar Baru Beris Jaya. Penempatan ini dibuat lebih kurang 10 ke-15 tahun dahulu iaitu di mana pemindahan penduduk dari kampung-kampung seperti Kampung Sungai Batang, Kampung Batu Seketul dan juga Kampung Terenas. Kampung-kampung di sekitarnya dipindahkan dari kampung itu kepada sebuah penempatan baru disebabkan oleh pembinaan Empangan Beris.

Jadi apabila rumah ini- keluarga dan bilangan rumah ini lebih kurang 600 orang. Apabila pembinaan rumah ini sudah menjangkau lebih daripada 10 ke-15 tahun, maka barang-barang ataupun bahan-bahan pembinaannya menjadi reput. Jadi dua benda yang paling penting sekali, paling teruk dan paling serius terlibat ialah atap dan juga *wiring* iaitu atap ini dibuat daripada asbestos. Jadi asbestos ini apabila kita sentuh ataupun kita perbaiki ataupun datang angin ataupun ribut yang sedikit akan menyebabkan rosak.

Begitu juga dengan *wiring*. *Wiring* yang 10 tahun dahulu tidak diperbaiki ataupun tidak dilihat semula menyebabkan terjadinya litar pintas. Setakat ini, berlaku kebakaran di kawasan perumahan ini lebih daripada 10 biji rumah.

**■1920**

Jadi pada tahun 2015, saya berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri ketika itu Menteri yang lain dan saya mendapat peruntukan yang diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri. Ketika itu peruntukan adalah berperingkat-peringkat. Yang diberi sahaja kita sudah kira, jika kita hendak memperbaiki 600 buah rumah dan- biar saya sebutkan bahawa rumah-rumah ini bukan rumah-rumah yang besar. Rumah-rumah ini rumah daripada penduduk kampung yang kehidupan mereka tidak begitu senang. Jadi mereka tidak dapat memperbaiki rumah mereka dengan sendiri.

Apabila saya mendapat peruntukan yang tidak mencukupi itu dan juga saya menggunakan peruntukan Parlimen saya untuk memperbaiki dua, tiga keping ataupun 10 keping atap ketika terjadinya bencana, ini menyebabkan atap-atap lain dan juga bahagian lain akan rosak.

Jadi saya harap kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri tolong saya. Saya mohon sangat-sangatlah sebab benda ini benda yang besar dan kronik, sudah lama. Supaya satu peruntukan dapat diberi, supaya kita dapat memperbaiki *wiring* dan juga bumbung perumahan ini, 600 buah sekali gus. Kalau Yang Berhormat Menteri bagi saya *hat* ini, *hat* lain itu saya tidak minta sudah. Akan tetapi... [Ketawa]

Yang Berhormat Menteri, sebab ini menjadi satu masalah kepada penduduk di situ, Yang Berhormat Menteri. Saya harap Yang Berhormat Menteri tolong sebab saya tengok peruntukan dalam Butiran 01077, saya nampak tidak berapa juta peruntukan. Macam saya minta Yang Berhormat Menteri dulu, diberi di Kedah dalam berapa juta sahaja. Akan tetapi apabila kita kira peruntukan untuk membaiki semua itu, lebih kurang RM6 juta ke RM7 juta macam itu. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri dapat pertimbangkan perkara ini. Itu perkara yang pertamalah yang saya sangat-sangat ingin bercakap di sini. Saya harap dapat perhatian dan juga pertimbangan dan pertolongan daripada kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri.

Kedua, dalam Butiran 04100 – KEDA. Saya mohon agar Yang Berhormat Menteri dapat menyediakan sebuah penempatan lebih kurang 100 buah rumah PPRT KEDA di sebuah mukim yang belum lagi ada- di Sik ada empat buah mukim, di dalam Mukim Teloi. Daripada segi tanah kita ada tanah untuk membuat penempatan rumah PPRT ini iaitu Rimba Teloi.

Ketiga, Tuan Pengurus, ialah Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Saya minta Yang Berhormat Menteri membina sebuah jalan pintas yang menghubungkan jalan ini- kalau kita buat jalan pintas, ini dapat menghubungkan Pekan Sik dan Pekan Baling di mana kita hanya mengambil masa beberapa minit iaitu jaraknya lebih kurang 10 kilometer. Bentuk muka bumiya tidaklah begitu teruk dan jalan ini akan menembusi

daripada- berhampiran dengan Sik melalui Kampung Hujung Bandar. Dari Kampung Hujung Bandar menembusi dekat Pekan Baling iaitu Kampung Charok Sik. Jika jalan ini dibuat, kita akan memudahkan perhubungan di kedua-dua pekan ini.

Permohonan keempat saya daripada kementerian ialah Butiran 02400 – Jalan Perhubungan Desa. Saya mohon kementerian dapat membina sebuah jambatan baru. Yang Berhormat Menteri, jambatan ini sudah teruk. Yang Berhormat Menteri, saya sudah masuk dalam *Facebook*, dua tiga kali saya tengok dan saya melihat daripada projek-projek yang KKLW turunkan di Parlimen Sik, jambatan ini belum lagi kita dapat.

Jadi saya memohon supaya jambatan ini boleh disegerakan iaitu jambatan yang menyeberangi sungai di Kampung Lubuk Besar. Kalau tidak segerakan jambatan ini, saya bimbang takut kereta ataupun motor ataupun kemalangan jiwa berlaku. Sebab, tebingnya sudah runtuh dan juga jambatannya sudah senget. Satu lagi jambatan yang saya minta ialah jambatan dalam jalan mini tar Kampung Padang Toi. Kedua-duanya dalam Mukim Jeneri.

Terakhir yang ingin saya sebut ialah jalan perhubungan desa. Ini saya hendak mohon secara *general* iaitu saya harap kementerian dan Yang Berhormat Menteri dapat mempertimbangkan jalan perhubungan desa iaitu jalan mini tar bagilah ke Sik dalam 35 hingga 40 kilometer, *insya-Allah*. Itu untuk baik pulih. Dan juga untuk jalan baru, kita minta dalam 20 kilometer.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri. Terima kasih banyak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sibuti.

## 7.25 mlm.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Panjang Yang Berhormat?

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Pendek sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, saya ingin memohon agar projek bekalan elektrik luar bandar ke Rumah Alexander Agap, Rumah Jelung, Rumah Maling, Rumah Untol dan Kampung Bekenu Asli yang melibatkan 75 buah rumah. Permohonan ini telah dibuat pada tahun 2011 dan diharap Yang Berhormat Menteri mempertimbangkan dan meluluskannya.

Butiran 01707 – Pemasangan Baharu Lampu Jalan Kampung. Di kawasan saya terdapat 96 buah rumah panjang dan 85 buah kampung Melayu yang memerlukan

lampu jalan untuk menerangi kawasan-kawasan kampung supaya anak-anak sekolah dapat pergi belajar ke rumah guru-guru mereka dengan baik dan selamat. Sekurang-kurangnya saya memohon dengan peruntukan yang baru ini, setiap kampung dapat tiga ataupun lima batang lampu jalan dipasang. Ini di kawasan Rumah Panjang Peninjau, Skim Sepupok, Skim Saeh Niah dan pemasangan lampu jalan di kawasan perkampungan Bungai, Tiris dan Kampung Tunku Abdul Rahman.

Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Tuan Pengerusi, saya ingin menekankan keperluan pembinaan jalan Kampung Lajong Niah untuk mereka mengeluarkan hasil sawit, hasil buah-buahan, hasil tani ke jalan besar pesisir Miri-Bintulu. Tidak jauh sangat, lebih kurang sembilan kilometer.

Saya juga ingin menambah mengenai Butiran 02400 – Jalan Perhubungan Desa. Ingin saya nyatakan enam buah kawasan Parlimen Sibuti memerlukan jalan perhubungan desa iaitu jalan ke Rumah James Biri, Jalan Beraya Lama, Jalan Kampung Mutap-Bulau-Sinop, Jalan Kampung Opak dan Jalan Sim Kheng Hong. Jika kesemua jalan ini dapat dilaksanakan akan menggembirakan penduduk kampung itu, dapat menambahkan ekonomi mereka.

Terakhir Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 02000 bagi bekalan air luar tahun 2017 yang mengharap peruntukan bekalan air luar bandar ini dapat diberi ke kawasan Kampung Lajong Kuala Niah. Untuk makluman, loji air penyahgaraman ketika ini mengalami kerosakan akibat masalah hakisan pantai dan bekalan air bersih di kawasan tersebut terjejas. Selain itu, saya memohon projek bekalan air di Kampung Opak, Kampung Nusah, Rumah Bulin dan Rumah Langgi.

#### ■1930

Harap Yang Berhormat Menteri memberi bantuan dan sokongan kepada permohonan, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ramai lagi, lima. Boleh lima minit seorang?

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Boleh.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Boleh, boleh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, dicadang pukul lapan Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila Yang Berhormat sekijang. Eh! Okeylah, hendak sebut Yang Berhormat Kuala Selangor. Tidak apa, Yang Berhormat Sekijang.

### **7.30 mlm.**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi saya terus kepada Butiran 060000 – RISDA.

Ada beberapa aduan tadi berkaitan dengan pekebun kecil yang memohon geran tanam semula getah tapi ramai yang dikatakan tolak permohonan kerana ketiadaan peruntukan. Kita faham kekurangan peruntukan kewangan daripada kerajaan namun saya hendak cadang kepada pihak RISDA oleh sebab jumlah pemberian untuk geran ini sebanyak 9,230 per hektar dan di Sabah dan Sarawak 13,500. Bolehkah kalau, oleh sebab ramai yang memohon kita kurangkan kepada 5,000 jadi lebih ramai orang dapat mohon, itu yang pertama.

Kedua, saya hendak cadang juga kita tetapkan satu *time frame* mungkin pada bulan May sampai Ogos untuk permohonan tanam semula. Jadi pihak RISDA ada tempoh masa untuk melihat permohonan-permohonan ini, itu yang pertama.

Kedua, Butiran 100900 – Program Mini RTC. Saya hendak tahu status cadangan mini RTC yang akan dibuat di Parlimen Sekijang di Kampung Sermin di mana rumah kedai milik pejabat tanah yang sebanyak tiga unit itu telah dipersetujui untuk diserahkan untuk dijadikan mini RTC.

Kemudian 090000 – MARA. Saya ingin mengetahui status permohonan MRSM Sekijang ataupun MRSM Segamat. Pada Ogos yang lepas Menteri hadir ke Sekijang dan bersetuju dengan Ketua Pengarah MARA untuk melaksanakan pembangunan di atas tanah seluas 68 ekar. Jadi mohon status, adakah dimasukkan dalam RP dua ini ataupun tidak.

Kemudian, saya hendak bawa ini permintaan daripada Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Butiran 040000 – KETENGAH. Apa projek telah dan akan dilaksanakan KKLW bagi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar di Hulu Terengganu di dalam kawasan KETENGAH. Dato' nanti belanja saya minum saya sudah bawakan ini [Ketawa]

Kemudian yang terakhir lima minit kan. Terima kasih kepada Menteri untuk Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar dan Butiran 02400 – Jalan Perhubungan Desa. Mohon kalau ada tambahan lagi bagilah lebih sikit untuk Sekijang dan yang terakhir Butiran 00614 – Bangunan Perniagaan. Arked MARA Segamat.

Saya ingin tahu status bilakah cadangan untuk dinaiktarafkan dan kalau boleh dan kalau boleh- kalau tidak boleh hendak naik taraf pun mohon kerjasama daripada pihak MARA ataupun menggunakan peruntukan di bawah KKLW bangunan perniagaan untuk mengelat semula Arked MARA Segamat ini supaya ia nampak ceria dan lebih

ramai lagi orang di sekitar daerah Segamat datang ke Arked tersebut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

### 7.33 mlm.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, saya juga ingin merujuk pertamanya kepada Butiran 010700 – Kesejahteraan Rakyat.

Ini berkaitan dengan program rumah yang menyediakan bantuan kewangan dan juga pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasar mendiami rumah. Saya amat berharap agar perhatian juga diambilkan pertimbangan kepada 24 buah kampung dalam Parlimen Kuala Selangor kerana kebanyakannya kelompok miskin tegar dan ibu tunggal dengan pendapat kurang RM500 sebulan semakin meningkat.

Saya juga menyahut baik saranan dan juga inisiatif Yang Berhormat Menteri daripada Bera tentang program rumah Bina Negara. Saya fikir dapat diharapkan pertimbangan kepada Parlimen Kuala Selangor. Saya juga ingin membawa juga inspirasi daripada Dato' Seri dari Kuala Krau dan juga Yang Berhormat Beluran kerana perjuangkanlah juga daripada pihak mereka.

Pertama sekali tentang Majlis Amanah Rakyat Butiran 0901000. Ini berkaitan dengan GIATMARA kerana saya akui di bawah Majlis Amanah Rakyat ketika ini apabila kerajaan telah memfokuskan antara fokus untuk memperkasakan bidang teknikal dan vokasional. Saya amat berharap juga GIATMARA yang berada di Kuala Selangor yang saya fikir sangat baik dan berjaya tetapi pada ketika ini hanya dua kursus sahaja, dua program sahaja yang ditawarkan iaitu jahitan dan fotografi.

Saya amat berharap agar pihak kementerian dapat mempertimbangkan supaya ia boleh diperkembangkan kepada bidang-bidang yang lain seperti teknikal automatik, elektrik elektronik mahupun sistem maklum ataupun media kreatif kerana Kuala Selangor ketika ini dalam proses penjenamaan hab pendidikan dan juga kemahiran. Saya juga melihat juga dalam konteks yang lain mungkin sudah sampai masanya memandangkan kepesatan kependudukan di Parlimen Kuala Selangor GIATMARA di Kuala Selangor dapat dibesarkan lebih-lebih lagi dengan konsep yang lebih interaktif dan juga boleh menarik minat khususnya untuk menjadikan elemen ekonomi yang baru.

Seterusnya saya ingin melihat Butiran 100000 – Program Khusus. Ini mengenai RTC saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bera atas sokongan dan juga pengumuman pembinaan RTC di Kuala Selangor. Saya difahamkan Wisma Peladang

pekan Sungai Buloh telah diberikan perhatian khususnya untuk dijadikan RTC Kuala Selangor dan negeri Selangor.

Saya juga amat berterima kasih supaya ia dapat dijadikan hab dan juga menarik minat sokongan rakyat dan untuk berkaitan generasi muda saya amat berharap juga RTC di Kuala Selangor ini boleh menghimpunkan semua agensi-agensi yang boleh menawarkan khususnya program-program ataupun geran dan juga pinjaman perniagaan seperti agropreneur muda dapat diletakkan di bawah RTC tersebut, SME Corps, TEKUN dan sebagainya di bawah satu bumbung supaya ia menjadi satu hab pemangkin kepada menarik minat generasi muda untuk menambah dan juga minat mereka dalam bidang keusahawanan.

Seterusnya ialah berkaitan dengan Butiran 101707 – Pemasangan Baru Lampu Jalan Kampung.

Saya menyambut baik tentang usaha Yang Berhormat Menteri memperjuangkan penambahan lampu jalan kampung di bawah Kementerian KKLW. Saya berharap agar sekiranya boleh dapatlah dipertingkatkan lagi khususnya pemasangan lampu jalan ini kerana hasrat Yang Berhormat Menteri untuk membandarkan luar bandar dan saya fikir ini idea nombor satu yang boleh menjadi pemangkin untuk memastikan generasi muda tidak berhijrah keluar daripada kampung dan ini satu kaedah yang baik juga supaya konsep membandarkan luar bandar ini akan menjadi teras khususnya dalam konteks di Kuala Selangor.

Perkara yang terakhir saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 – KEMAS.

Saya menyambut baik tentang Pusat Latihan KEMAS yang ada di Kuala Selangor. Sudi kiranya dapat dipertimbangkan supaya Pusat Latihan KEMAS di Kuala Selangor ini dapat naik taraf menjadi institut latihan KEMAS supaya kita boleh menarik minat, hab daripada segi latihan, modal insan khususnya kepada penyelia KEMAS dan juga tenaga penggerak KEMAS. Di samping itu juga mungkin model-model latihan Bina Negara dapat dilatih di pusat latihan KEMAS yang ada di Kuala Selangor.

Setidaknya nanti bila adanya nanti model latihan Bina Negara KEMAS dapat kita merancak lagi program BN KEMAS di seluruh kampung ataupun kawasan-kawasan yang ada KEMAS. Akhir kata sekali saya amat berharap agar akan dapat dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia yang akan datang iaitu Butiran 00602 iaitu Maktab Rendah/Kolej Sains Mara di Kuala Selangor. Sekian, Kuala Selangor menyokong terima kasih.

**Tuan Pengurus [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Baram dan juga Yang Berhormat Setiu bangun, tadi tidak bangun. Ya, Yang Berhormat Tenom.

### 7.39 mlm.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh P.22 Butiran 01700 berkenaan bekalan elektrik luar bandar bagi Sabah, Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar; Butiran 02003 – Sabah; begitu juga dengan Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar; dan Butiran 02400 – Jalan Perhubungan Desa.

Saya ingin mohon kepada pihak kementerian supaya memberi keutamaan jalan-jalan yang ada berada di kawasan saya, Tuan Pengerusi. Saya fikir kawasan saya hari ini seperti mana kawasan-kawasan yang lain sentiasa ingin mendapat perhatian daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang saya kira jalan-jalan ini perlu dinaik taraf.

### ■1940

Pertama Tuan Pengerusi iaitu jalan Kemambung-Rundum yang mana melibatkan Kampung Katubuk, Kapulu dan juga Kampung Rundum dan juga jalan ke Kampung Kerolok yang mana pada penggal yang lepas jalan ini telah diluluskan tetapi peruntukan telah dipinda pula. Jadi, saya ingin pihak kementerian masukkan semula dalam bajet pada tahun hadapan. Begitu juga dengan jalan Kampung Semambung dan juga jalan *ring road* di mana Kampung Inubai dan juga Kampung Palasuberang. Saya fikir ini antara jalan-jalan yang perlu perhatian daripada pihak Kementerian Luar Bandar.

Berkenaan dengan bekalan elektrik luar bandar dan bekalan air luar bandar, saya fikir saya ingin menyatakan di sini Tuan Pengerusi iaitu untuk elektrik luar bandar, saya memohon supaya projek ini dapat dilaksanakan di Mukim Rundum. Buat masa ini setakat di Kampung Kapulu sahaja, saya fikir ini perlu dipanjangkan ke Kampung Rundum, Semambung dan juga Kampung Kerolok.

Begitu juga dengan bekalan air luar bandar, di mana Tenom juga telah mendapat peruntukan yang begitu besar daripada pihak kerajaan melalui Kementerian Luar Bandar pada penggal yang lepas iaitu di Mukim Lagut Seberang, yang belum ada lagi di Mukim Rundum, di Mukim Melalap saya fikir dan juga di Mukim Mandalong dan di Mukim Inubai. Cuma saya ingin mengambil perhatian di Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi, segala projek yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Luar Bandar saya minta supaya di *revised* balik.

Kita tidak mahu angkara skandal yang berlaku pada baru-baru ini telah mencerminkan satu keadaan yang tidak begitu baik. Apatah lagi daripada pihak sebelah tadi ada menyatakan harapan impian Sabah, saya fikir mereka timbul bila dekat pilihan raya sahaja, bila dekat pilihan raya baru timbul. Akan tetapi Kerajaan Barisan Nasional

dari hari pertama sehingga PRU nanti sentiasa membantu rakyat. Jadi, saya minta pihak kementerian meneliti semula, revised balik projek-projek yang telah lulus.

Saya ingin maklumkan Tuan Pengerusi berkenaan dengan bekalan air luar bandar. Saya berasa hairan, dalam kerja-kerja yang dibuat, cuma memasang paip sahaja. Ada di antara kampung-kampung itu telah menerima sampai empat batang paip. Kalau empat batang paip, satu batang paip itu ada air, *alhamdulilah* tetapi ini keempat-empat tidak ada air lagi.

Begitu juga dengan bekalan elektrik luar bandar. Saya fikir perkara-perkara yang berkaitan dengan kerajaan negeri saya fikir pihak kementerian perlu ambil teliti. Ada hari ini bekalan elektrik luar bandar di Kampung Kapulu saya nyatakan di sini ada masalah. Ada tiang tetapi tidak ada elektrik, jadi mendukacitakan. Sebab itu saya fikir pihak kementerian di bawah Yang Berhormat Menteri daripada Bera, Menteri yang prihatin dengan masalah luar bandar saya fikir kita perlu rancakkan, perlu kita teliti balik. Supaya peruntukan yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada Kementerian Luar Bandar dapat dimanfaatkan kepada masyarakat di luar bandar.

Ini penting saya fikir Tuan Pengerusi, apa yang saya nyatakan tadi saya minta supaya pihak kementerian benar-benar fokus, benar-benar prihatin, benar-benar melihat masalah-masalah yang telah saya timbulkan tadi. Kita tidak mahu perkara-perkara seperti ini akan berulang kembali. Jadi, saya lihat mohon kalau boleh Yang Berhormat Menteri ada sini, kalau boleh setiap Ahli Parlimen dari Barisan Nasional, ada dulu di tubuh Majlis Pembangunan Luar Bandar itu kalau boleh cari-cari jalanlah supaya Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional juga turut serta dalam memantau projek-projek yang dilaksanakan oleh Kementerian Luar Bandar. Jadi Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu, tak bangun dah? Yang Berhormat Setiu.

#### 7.43 mlm.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lepas Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Baram, lepas Yang Berhormat Baram, Yang Berhormat Sungai Besar iaitu Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Malam ini malam Jumaat, ada permintaan yang terpaksa saya tolak. Akan tetapi minta-mintalah Menteri tunaikan permintaan saya. Terima kasih.

Saya satu perkara sahaja, Butiran 020500 – Pendidikan Awal Kanak-kanak. Peruntukan RM29 juta lebih kurang. Jadi, ada sebenarnya suara-suara sumbang, suara-suara yang tidak bertanggungjawab mengatakan bahawa Tabika KEMAS ini adalah satu tabika yang tak mengikut sistem pembelajaran pra-sekolah. Jadi, saya hendak betulkan perkara ini. Sebenarnya kalau hendak kira Tabika KEMAS ini mengikut kalau tak silap saya, mengikut Akta Pendidikan 1996, Pindaan 2002 itu.

Pembelajaran pra-sekolah itu memang telah diikuti. Kita dapat bahawa Tabika KEMAS ini sebenarnya memberi peluang kepada pendidikan awal bagi kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun. Jadi, konsep yang saya ketahui bahawa belajar melalui bermain kemudian diperluaskan kepada 4M iaitu Membaca, Menulis, Mengira dan Menaakul. Jadi, inilah satu sistem pembelajaran, ia ada kurikulum, ko-kurikulum. Kalau kurikulum itu banyak lah, belajar sainsnya, teknologinya. Apakah lagi? Biasanya ia ada enam tunjang. Komunikasi, kerohanian dan sebagainya. Kalau ko-kurikulum pula, ia belajar fardhu ain, iqra' lagi. Saya dapat baru-baru ini, saya pergi satu tabika ini, dia memang seorang muridlah, yang lain saya tak dengar, dia berumur enam tahun ini boleh mengaji dengan begitu baik sekali.

Dengan makhrajnya, dengan tajwidnya, dia tahu mana dengungnya, mana semua sekali dia tahu dan penterjemahan juga cukup baik. Jadi, inilah satu sistem KEMAS ini memang baik sebenarnya. Jadi, ada udang sebalik batu sebenarnya saya puji-puji ini. Jangan ingat saya puji ini, maknanya setakat puji, puji kosong. Jadi, jumlah Tabika KEMAS di Setiu ini tidak sebanyak yang sepatutnya mengikut kawasan perkampungan. Sebab perkampungan lebih kurang dalam 150 buah kampung, jadi yang adanya tabika ini 150 lebih sahaja di Parlimen Setiu, bukan di daerah Setiu. Jadi, saya minta selepas ini pihak Menteri dapat menunaikan permintaan saya. Walaupun saya sedar bahawa saya perlu minta dulu melalui JKK dan sebagainya tetapi ini sebagai satu *warning*lah. Bila minta, kena lulus. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Baram.

#### **7.47 mlm.**

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh, satu, dua perkara berkenaan dengan Butiran 02300 – Jalan-Jalan Luar Bandar, 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar dan juga 02000 – Bekalan Air Luar Bandar.

Pertama, yang saya hendak tahu Tuan Pengerusi ialah berkenaan dengan kaedah pengagihan projek-projek ini. Oleh sebab saya terpaksa untuk membawa perkara ini ke Dewan ini sebab saya rasa Baram amat memerlukan pembangunan

melalui Barisan Nasional. Saya rasa Baram yang mempunyai keluasan yang hampir 22,000 square kilometer dan juga kira-kira 450 buah penempatan yang berselerak di kawasan ini, maka saya rasa eloklah kalau dapat pihak kementerian mencari kaedah pengagihan projek ini. Oleh sebab Baram pada masa ini, kawasan Parlimen Baram dibahagikan kepada tiga buah kawasan pentadbiran di peringkat negeri. Apabila daerah Telang Usan dan daerah Beluru, selain daripada daerah Marudi yang memang daerah asal, dinaik taraf di dalam tahun yang lepas.

#### ■1950

Salah satu daripada pendirian untuk kita naikkan taraf daerah ini adalah untuk kita mendekatkan pembangunan kepada rakyat kita di kawasan Baram. Saya pohon supaya di mana dapat lebih bukan sahaja di kawasan Baram tetapi mungkin juga di kawasan-kawasan lain kawasan luar bandar, di Sarawak dan Sabah supaya peruntukan untuk ketiga-tiga butiran tadi dapat disalurkan di negeri Sarawak tanpa kita mengetepikan kepentingan-kepentingan rakan kita di Semenanjung ini.

Untuk kawasan Parlimen Baram Tuan Pengerusi, saya ada bawa beberapa perkara dengan pihak kementerian. Saya percaya untuk jalan balak, kita ucapkan banyak terima kasih kepada kementerian sebab telah pun meluluskan saya rasa tiga fasa jalan luar bandar di kawasan Baram dan mungkin telah, sedang atau telah pun dilaksanakan, yang keempat, akan dilaksanakan. Hanya yang saya hendak tahu Tuan Pengerusi ialah berkenaan setelah jalan luar bandar ini siap dilaksanakan dan ini dia punya – siapa yang *maintain* dengan izin ini selepas dibina oleh pihak kementerian ini. Saya rasa di kawasan Baram ada banyak sudah jalan balak ini dinaiktarafkan tetapi seperti biasa, seperti kita ini dia pun sudah pandai rosak dan menjadi masalah kepada kita di kawasan luar bandar.

Kedua, berkenaan dengan elektrik. Ini saya rasa untuk saya minta untuk di semua di 'res' kawasan Baram memang tidak adil tetapi untuk kawasan 'res' ataupun *fixed line* ini kita minta ini dipanjangkan ke kawasan Long Maroh, kawasan Long Ikang, kawasan Kuala Tutoh. Ini saya rasa kawasan-kawasan antara kawasan yang mungkin tertinggal dalam fasa pemasangan bekalan elektrik yang sedang dijalankan ini.

Untuk solar hibrid saya rasa saya sudah berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri dan saya minta supaya senarai yang kita cadangkan itu untuk solar hibrid di kawasan luar bandar yang memang mustahil untuk kita bawa wayar-wayar itu ke kawasan pendalamam. Kita minta supaya solar hibrid ini dibekalkan walaupun ia secara berperingkat tetapi saya percaya secara berperingkat inilah cara untuk kita maju ke depan.

Seterusnya berkenaan dengan bekalan air. Air ini ada orang di kawasan pendalamatan ataupun di pinggir bandar yang kata kalau tidak ada elektrik mungkin boleh juga tahan dia kata tetapi kalau tidak ada air, dia rasa ini mungkin lebih – kepentingan air ini mungkin lebih penting daripada elektrik sebab elektrik mungkin kita guna waktu malam sahaja tetapi air ini kita guna siang dan malam. Saya rasa kita perlu dengan Kerajaan Barisan Nasional yang kita ada, sila kita ambillah untuk kita bekalkan bukan setakat sebab kita dibagikan dengan *tank*, dengan tangki tetapi memang lumrah manusia, dia minta untuk dibekalkan dengan air yang *treated* ini. Saya minta supaya Long ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Baram

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** ...Kawasan Long Laput diberikan dengan air ini dan kawasan yang saya sebut dalam ucapan perbahasan saya hari itu. Jadi saya rasa itu sahaja, saya akan susuli semua ini dengan surat. Sekian terima kasih. Saya sokong,

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Besar. Yang Berhormat Parit ada lagi? Sila Yang Berhormat Sungai Besar. Ringkas.

#### **7.55 ptg.**

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Tuan Pengerusi, izinkan Yang Berhormat Sungai Besar mengambil peluang dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebagai kedua terakhir. Nanti mungkin boleh bagi dekat Yang Berhormat Parit lah sedikit.

Kedua, saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sokongan yang berterusan ke Sungai Besar. Akhirnya pengundi di sana memilih Barisan Nasional dalam PRK yang lalu. Saya hendak merujuk kepada Butiran 00602 – Maktab Rendah/Kolej Sains Mara. Bagi pihak pengundi Sungai Besar ucapkan terima kasih akhirnya Maktab Rendah Sains Mara Sungai Besar dibuka pada 16 Julai 2016 dengan berkonsepkan Ulul Albab. Hendak ucapkan terima kasih.

Kemudian kos Maktab Rendah Sains Mara ini adalah sebanyak RM48.2 juta, kapasitinya 900 orang pelajar. *Alhamdulillah*, pemandangan di waktu malam di MRSM ini sangat cantik dan menarik. Jadi ini sebahagian daripada tumpuan orang-orang kampung di waktu malam. Yang Berhormat Menteri juga acap kali ke Sungai Besar memantau kemajuan.

Kami di Sungai Besar sebenarnya menunggu MRSM ini semenjak tahun 2004 lagi, sekarang 2016. Tunggu dari tahun 2004 lagi. Jadi pendek sahaja, saya pohon

respons daripada Yang Berhormat Menteri kerana apabila MRSM Ulul Albab ini dibina di Sungai Besar, sudah menjadi tanggungjawab tambahan kepada saya bertanya daripada rakan-rakan di seluruh negara, bertanyakan tentang kekosongan, kemasukan anak. Jadi kita hendak pohon ada tidak lagi MRSM Ulul Albab ini akan dibina pada masa depan? Begitu juga apa jaminan supaya MRSM-MRSM yang dibina itu tidak terlewat seperti mana kami di Sungai Besar menunggunya dari tahun 2004 lagi. Terakhir terima kasih, itu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit, ringkas.

#### **7.57 ptg.**

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada dua perkara pertama tentang JAKOA, Butiran 010000, Butiran 030000. Di kawasan Parlimen saya tempat kampung Orang Asli Sungai Perah, Suak Padi, Gedung Batu dan Tumbuh Hangat yang pada keseluruhannya begitu teruk sekali terutama dari segi rumah dan sebagainya. Permohonan-permohonan telah pun dibuat melalui pegawai JAKOA daerah tetapi setakat yang ada begitu sedikit ... jadi saya minat supaya tambahan dapat diberi untuk kemudahan Orang Asli di kawasan saya. Termasuk juga jalan masuk dan kemudahan-kemudahan yang lain bagi kepentingan Orang Asli.

Kedua, Butiran 020000 – KEMAS. Saya hendak bercakap tentang guru-guru pemaju masyarakat KEMAS yang pada hari ini gaji mereka N.17. Setengah itu sudah bekerja lama. Jadi sikit sangat gaji mereka walaupun mereka duduk di kampung. Bagi saya PM KEMAS merupakan nadi dan jentera kerajaan yang paling bawah sekali. Jadi pada pandangan saya eloklah Menteri memikirkan apakah patut naikkan lagi gred gaji mereka sesuai dengan tugas mereka yang penting kepada masyarakat baik kepada kerajaan. Kalau boleh kita minta apa-apa pembanci dan sebagainya, merekalah golongan yang akan pergi ke kampung-kampung dan mereka yang akan meneliti, menengok dan memerhati apa masalah orang kampung dan sebagainya.

Jadi kerana itu bagi saya, eloklah mereka ini diberikan kenaikan gaji atau kenaikan gred supaya peranan mereka dapat lagi dipergiat, dapat lagi ditambah dan menjadikan mereka lebih bergembira pada masa hadapan. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**7.59 ptg.**

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian berbahas tentang isu di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Yang Berhormat, kita ada lebih kurang 26 Ahli Yang Berhormat, 27 Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Kalau lima minit satu orang ada lebih kurang 150 minit. Jadi itulah, makna ada dua jam lebihlah kalau lima minit satu orang. Jadi saya hendak beri gambaran awal lah tentang waktu yang diperlukan. Kalau jawab semua.

**■2000**

Kalau tak jawab semua, mana yang tidak ada, saya tidak jawab. Itu lebih cepat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, yang tiada ada dalam Dewan, jawapan bertulis. *[Ketawa]*

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada panggilan minta balik kah? *[Ketawa]*

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Hari Khamis, ya? Ramai yang membangkitkan tentang isu-isu spesifik dalam kawasan masing-masing. Mana-mana yang saya ada jawapannya malam ini tentang isu kawasan masing-masing, saya akan jawabkan dan kalau tiada, saya akan pastikan beri jawapan bertulis.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey. Yang Berhormat Parit Sulong dan juga Yang Berhormat Kapar membawa isu yang sama iaitu mengenai pengurangan peruntukan Program Pendidikan Tinggi Malaysia-Jepun. Program Pendidikan Tinggi Malaysia-Jepun dilaksanakan dengan format *three plus two* atau pun tiga campur dua tahun iaitu tiga tahun di Malaysia dan dua tahun di Jepun.

Bermula tahun 2011, sasaran pengambilan pelajar adalah seramai 1,090 orang pelajar untuk mengikuti ijazah sarjana muda dan PHD. Peruntukan keseluruhannya, saya ingin maklumkan, peruntukan keseluruhannya adalah sebanyak RM799 juta. Walau bagaimana pun, tahun 2017 ini merupakan tahun terakhir. Jadi dari segi peruntukannya, ia berkurangan daripada tahun ke setahun dan ini merupakan tahun terakhir sebab itu kita nampak ada pengurangan.

Yang Berhormat Parit Sulong juga membangkitkan tentang pelajar cemerlang. Saya percaya ada Yang Berhormat Parit Sulong dengan beberapa dua lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain membangkitkan tentang skim pelajar cemerlang ini yang dianggap berkurangan. Suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat, tidak ada

pengurangan yang berlaku kerana seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu mengumumkan bajet, peruntukan untuk penajaan pelajar adalah sebanyak RM2 bilion iaitu meningkat berbanding dengan RM1.7 bilion.

Jadi, saya ingin maklumkan bahawa ada sedikit perbezaan dari segi bajet tahun ini iaitu biasanya tahun lepas peruntukan ini diletakkan di bawah bajet mengurus tetapi tahun ini ditukarkan kepada bajet pembangunan. Jadi dari segi, saya rasa Yang Berhormat Kuala Krai, ya, kalau tidak silap saya juga membangkitkan isu ini. Bermakna dari segi peruntukannya tidak ada pengurangan tetapi ditambahkan.

Yang Berhormat Parit Sulong juga membangkitkan mengenai JPD, jalan pembangunan desa atau pun sekarang kita hendak kembalikan kepada nama asal jalan itu, projek tersebut iaitu Projek Jalan Kampung (PJK). Jadi semua saya hendak jawab. Untuk projek-projek jalan kampung bagi tahun 2017, mana-mana yang membangkitkan, kita harap boleh disenaraikan sebelum 31 Disember supaya kita boleh melaksanakan di kawasan masing-masing. Cuma dari segi jumlah dan sebagainya, berapa jumlah peruntukan dan sebagainya, kita akan tengok dari segi keperluan dan sebagainya.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tak? Terima kasih banyak-banyak di atas—Boleh Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey Tuan Pengerusi. Saya hendak ucapkan terima kasih atas komitmen yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri terhadap apa yang saya bangkitkan. Jadinya mungkin tidak ada senarai itu sekarang tetapi bagi mana-mana yang telah diluluskan untuk tahun lepas dan untuk tahun ini, saya minta supaya ia diberikan kepada saya secara bertulis yang berkaitan dengan nama-nama jalan kampung tersebut. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar bangun.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat berbalik kepada perbincangan pelajar cemerlang. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri mengatakan kali ini pengurusan ditukar kepada pembangunan. Jika itu adalah benar, boleh saya dapatkan butiran yang mana satukah yang sebenarnya menerangkan tentang baki dana tersebut? Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, sebentar. Kuala Krai, Kuala Krai.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya dengar tadi Yang Berhormat Menteri mencadangkan supaya tukar nama daripada jalan luar bandar ke jalan kampung, ya? Alang-alang tukar ini, mengapa tidak tukar kepada jalan ‘bawa nikmat’ kah, contohnya. Boleh jadi pendeknya ‘Jalan BN’. Macam rumah itulah, di Bera itu — kan?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini macam baru *honeymoon* sahaja. [Ketawa]

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Kuala Krai ini betul-betullah. Dah malam macam ini.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Krai, malam Jumaat dia baru *honeymoon*.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bukan. Di Bera, kita ada rumah BN. Jadi alang-alang hendak tukar, jalan ‘bawa nikmat’, jalan BN lah.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Boleh kalau dipersetujui, kita tukar jalan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak, kalau hendak buat pun, kita tidak boleh kata apa pun.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey. Kita di bawah bajet pembangunan itu ada tulis RM1.36 bilion kalau tidak silap saya. Saya pun tidak, sekarang ini kalau hendak buka balik buku itu, saya tidak sempat hendak bukalah. Cuma ada yang berbeza dari segi yang diumumkan dan yang tercatat dalam buku, ya? Sebenarnya Yang Berhormat Menteri Kewangan II telah pun menjelaskan kenapa ada perbezaan dalam buku dan juga di dalam pengumuman bajet tersebut.

Sebenarnya MOF menyediakan peruntukan di bawah perkhidmatan awam am berdasarkan prestasi perbelanjaan kementerian. Jadi, apa-apa pun walaupun ada di dalam buku bajet nampak kurang daripada yang diumumkan, bajet itu telah pun disediakan dan ia akan dibayar mengikut *progress* iaitu apabila projek itu telah pun disiapkan ia akan ditambah peruntukan berdasarkan apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Berhormat, yang ini bukan— saya perlu menjawab tentang prosedur kewangan ada perbezaan buku dan tidak kerana Menteri Kewangan telah pun menjawab kerana ini adalah prosedur di bawah kementerian kewangan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Just satu penjelasan sahaja. bermaksud dana yang dimaksudkan itu berada di bawah *ministry* ini atau MOF? Itu sahaja. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Diberi berdasarkan buku seperti juga lampu jalan misalnya. Lampu jalan diluluskan, diumumkan sebanyak RM100 juta tetapi dalam buku sebanyak RM15 juta. Jadi peringkat awal diberikan RM15 juta, habis RM15 juta dia akan tambah lagi sehingga siling RM100 juta itu. Ya? Okey?

Yang Berhormat Parit Sulong tadi minta supaya kita laksanakan mana yang telah diluluskan bagi tahun 2016, untuk bawa. Seterusnya Yang Berhormat Dungun juga—Ya?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** RTC? Oh, mini RTC. Bilakah mini RTC akan dibina di Parit Sulong? Kita sudah mempunyai 24 sebenarnya mini RTC. Bagi Parit Sulong, kita akan mengkaji lokasi dan bangunan yang sesuai untuk diwujudkan mini RTC dan saya, kalau Yang Berhormat Parit Sulong boleh mencadangkan bangunan yang bersesuaian, *insya-Allah* kita akan bantu.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Cadangan itu sudah diberikan sudah.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Dah bagi dah?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Dan permohonan pun telah dibuat. Jadi saya cuma hendak tahu status. Mana hendak kaji lagi Yang Berhormat Menteri dah cakap okey dah. Macam mana hendak kaji-kaji lagi? Ini yang tidak faham ini.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Dia kadang-kadang mini RTC ini Yang Berhormat, mini RTC, RTC. Kita mesti lihat daripada segi kesesuaian dia. Daripada segi kesesuaian dia sebab sebagai contoh RTC misalnya, ada beberapa RTC yang kita bina dulu tetapi kita dapati yang tidak bersesuaian kerana daripada segi kedudukannya, kerana daripada segi *spending power* masyarakat yang ada di sekitar itu. Kalau di mini RTC kita akan ada program *internet* desa dan sebagai.

#### ▪ 2010

Jadi kalau tidak ada internet misalnya, jadi latihan untuk masyarakat luar bandar, untuk penggunaan internet dan sebagainya di kawasan tersebut tidak dapat dilaksanakan. Jadi sebab itu kita kaji secara menyeluruh. Akan tetapi *insya-Allah* Yang Berhormat, kalau kita sudah kata lulus, kita akan laksanakan segera.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ini kerana Yang Berhormat Menteri cakap dalam Dewan yang mulia ini juga...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sudah lulus?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ya. Selepas itu dapat pengumuman juga. Selepas itu saya cuma tanya bagaimana statusnya, itu sahaja. Selepas itu cadangan tempat pun sudah diberikan juga kepada pegawai-pegawai.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sudah ada ya? Okeylah.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ya. Itu sahaja. Statusnya yang saya hendak. Mana boleh cakap sudah lulus, selepas itu hendak kaji balik. Macam mana itu?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey, okey Yang Berhormat Parit Sulong. Inilah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Cakap tidak serupa bikin.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey, Yang Berhormat Parit Sulong. Kita laksanakan, kita laksanakan.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** Garang malam ini.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pegawai semua catat dekat belakang. Nanti terlupa semuanya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kalau tidak, saya tolong.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey, Yang Berhormat Dungun membangkitkan tentang status bebas cukai di Tasik Kenyir. Ada? Yang Berhormat Dungun ada ya. Okey, projek itu kosnya ialah RM600 juta, di dalam pembinaan dan dijadualkan siap fizikal sepenuhnya pertengahan Julai 2017 dan dijangka beroperasi pada tahun 2018. Pejabat Kastam telah pun siap dan perumahan dijadualkan siap pada Disember 2016. Ini Kompleks Kastam ya. Dijangka siap pada Disember 2016.

Secara *detaihya* status untuk Pulau Bebas Cukai itu Yang Berhormat, prestasi fizikal sehingga sekarang ialah 76 peratus di Pulau Bayas. Untuk kos bebas cukai di Pulau Bayas itu adalah sebanyak RM202 juta untuk di Pulau Bayas. Projek pembangunan bercampur yang dilaksanakan oleh Ketengah Holding Sdn. Bhd. dan Syarikat Jessel Sdn. Bhd. yang dikatakan harga terlalu tinggi. Saya hendak maklumkan bahawa isunya adalah agak kurang tepat kerana terdapat 30 peratus yang diperuntukkan kepada rumah kos rendah iaitu kurang daripada RM40,000 dan saya percaya mampu oleh belia-belia di Dungun sana. Projek pembangunan bercampur di Bandar Al-Muktafi Billah Shah. Ini yang saya sebut tadilah. Okey.

Jerantut. Yang Berhormat Jerantut, tentang KEMAS. Adakah program latihan dan pembangunan profesional termasuk program naik taraf guru tadika KEMAS ke tahap

diploma dan berapa orang yang belum dinaikkan taraf ke diploma. Latihan dan pembangunan profesional adalah termasuk program menaik taraf guru tadika KEMAS tahap diploma. Sehingga kini, terdapat 5,803 orang yang telah pun dinaikkan taraf ke tahap diploma. Seramai 1,429 orang lagi sedang mengikuti pengajian diploma mereka. Baki seramai 5,193 orang lain belum dinaik taraf. Di antaranya disebabkan oleh sudah terlalu berusia, yang hampir pencen, tidak cukup kredit sewaktu peperiksaan mereka terdahulu atau ada yang tidak lagi mahu menyambung pelajaran mereka lagi.

Yang Berhormat Jerantut juga membuat aduan hari ini tiada kemudahan bekalan air dan jaringan jalan ke Kampung Orang Asli Sungai Mai. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi projek bekalan air, kementerian sedang menaik taraf projek bekalan air terawat di Kampung Sungai Mai tersebut dan dijangka selesai pada penghujung bulan Disember 2016. Seterusnya, kementerian juga telah melaksanakan pembinaan jalan di kawasan perkampungan Orang Asli sepanjang 1.5 kilometer. Walau bagaimanapun, bagi projek jalan perhubungan melalui jalan ladang milik Sime Darby, pihak kementerian sedang memperhalus permohonan tersebut.

Yang Berhormat Jerantut juga minta supaya Rumah Bina Negara atau Rumah BN seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi, *insya-Allah* kepada semua yang membangkitkan tentang Rumah Bina Negara untuk kawasan masing-masing, kita akan beri perhatian dan daripada segi jumlah setiap kawasan itu, kita akan tengok daripada segi permohonan-permohonan dan sebagainya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak balik kepada taraf pendidikan tenaga pengajar untuk KEMAS tadi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** KEMAS, ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak mengucapkan tahniah dan hendak rekodkan dekat sini sebab taraf pendidikan daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi menunjukkan taraf pendidikan KEMAS lebih tinggi daripada tenaga pengajar PERMATA. Terima kasih. Saya ada rekod untuk dua-dua. So, saya hendak rekodkan dalam Parlimen. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Yang Berhormat Jerantut juga membangkitkan tentang jalan raya di Kampung Batu Balak dan Kampung Orang Asli Sungai Mai. Saya sudah jawab tadi. MARA, saya sudah jawab Yang Berhormat ya. Saya sudah jawab. Kampung Batu Balak saya sudah jawab. Pegawai saya pun bagi dua tiga jawapan yang sama. Yang Berhormat Jerantut, Rumah BN sudah ada.

Bekalan air. Yang Berhormat Jerantut juga membangkitkan permohonan bekalan air luar bandar di Kampung Batu Balak dan Kampung Orang Asli Sungai Mai juga. Pihak kementerian akan menjalankan siasatan di kedua-dua kawasan ini dan sekiranya memenuhi skop dan kriteria Program Bekalan Air Luar Bandar, kedua-dua kawasan ini akan disenaraikan untuk dilaksanakan di dalam RP3.

Yang Berhormat Sepanggar. Ada. Bilakah bekalan air bersih akan disalurkan ke Kampung Kianbalang, Kampung ‘Kulu Sonan’, kawasan Kiansom ke ‘Kobele’ dan ‘Gunung Sunat’ yang kini bergantung kepada air graviti. Betul ya saya sebut nama-nama kampung itu Yang Berhormat? Saya takut salah.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Kiansom...

**Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Kiansom ke?

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Kebuli.

**Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Berdasarkan semakan dalam senarai keutamaan yang dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN), hanya projek bekalan air Kampung Kiambang sahaja yang telah disenaraikan kawasan ini untuk dilaksanakan di dalam RP2. Walau bagaimanapun, kampung kawasan Kiansom ke Kampung Kobane, Gunung Sunat tidak tersenarai dalam senarai keutamaan negeri untuk dilaksanakan di dalam RMKe-11. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita mendapat senarai juga dari negeri untuk kita pertimbangkan.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Yang Berhormat Menteri, boleh ya Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Yang Berhormat Menteri, sebenarnya bekalan air daripada Kiansom ke Kabuni ini Rancangan Malaysia Kesembilan pun sudah ada dalam senarai. Akan tetapi saya tidak faham kenapa dia sekejap masuk sekejap keluar oleh jabatan air ataupun oleh JKR. Itu saya tidak tahuolah. Itulah dia.

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Masalah sampai rasuah beratus juta jabatan air.

**Tuan Pengerusi [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepanggar, air sudah habis.

[Dewan ketawa]

**Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey Yang Berhormat. Kita akan bincang semula dengan pihak berkuasa air negeri Sabah ini untuk bawa isu yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi.

Naik taraf jalan kampung juga dibangkitkan iaitu jalan Kampung Tempuran dan Kampung Kianbalang, Kiansom. Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan dua projek jalan ini sebenarnya masih belum disenaraikan di bawah RMKe-11. Kementerian ini akan mengambil maklum dan bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri dan JKR Negeri Sabah di dalam menjalankan siasatan tapak dan anggaran kos sebelum kita angkat semula permohonan ke EPU.

## ■2020

Walau bagaimanapun, kelulusan adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa kerajaan. Kita bangkitkan semula Yang Berhormat kepada EPU.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Perkara ini saya telah ulang-ulang sebut. Tuan Pengerusi, minta maaf.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Saya sudah berulang-ulang. Saya ingat dari tahun 2014, kita tiga kali bersidang tahun 2015, 2016. Saya tidak terfikir apa yang saya sebut ini tidak boleh dibawa ke mesyuarat di peringkat kementerian bersama-sama dengan pihak yang berkenaan di negeri Sabah. Masalah dia Yang Berhormat, saya jumpa JKR dan JKR tidak layan sebab saya ini kena gantung. Mungkin dia orang menganggap saya ini pembangkang. Jadi kalau itu jadinya, saya minta supaya melalui kementerian inilah. Kalau tidak, kita tunggu pilihan raya sahajalah. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sabar Yang Berhormat. *Insy-A-Allah*, saya dah sebut tadi bahawa kita akan bincang dengan pihak JKR dan kerajaan negeri.

Yang Berhormat Sepanggar juga memohon supaya permohonan rumah PPRT dapat dipertimbangkan secepat mungkin terutamanya kawasan Inanam bagi tahun 2016 sebanyak 12 rumah bina baru dan 85 baik pulih bernilai RM1.67 juta telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Sepanggar manakala bagi permohonan penggantian rumah terbakar di Sepanggar, kementerian telah meluluskan sebanyak lapan buah rumah bina baru untuk menggantikan rumah-rumah yang terbakar.

Manakala baki selebihnya akan diberikan pada tahun hadapan menggunakan peruntukan tahun hadapan. Seperti yang saya sebutkan tadi, rumah untuk PPRT ini kita akan bagi pertimbangan berdasarkan peruntukan yang ada dan kita akan bahagi-bahagikan kepada kawasan. Seperti yang kita buat tahun lepas, di Sabah dan Sarawak kita beri lebih banyak daripada kawasan di Semenanjung. Saya cuma hendak tekankan di sini bahawa sebelum ini kita bagi dari segi *ratio*-nya dan dari segi nisbah 70 peratus untuk *repair* ataupun baik pulih dan 30 peratus untuk bina baru. Tahun ini untuk tahun 2017, kita ubah dari segi nisbah ataupun *ratio*-nya iaitu 85 peratus *repair* ataupun baik pulih dan 15 peratus bina baru. Jadi, kita akan bahagi-bahagi.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya cadangkan supaya pelaksanaan rumah-rumah PPRT ini diuruskan oleh FELCRA kerana kalau kita melalui DBKK, dia punya birokrasi itu terlampau teruk sangat dan banyak projek yang telah diluluskan. Ada yang dari tahun 2012 sehingga sekarang belum lagi dilaksanakan. Mungkin terlalu banyak kerja yang dia *handle* jadi minta melalui FELCRA *better*. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** *Insya-Allah* kita akan bincangkan perkara ini dengan pihak FELCRA. Yang Berhormat Sepanggar juga membangkitkan isu tentang skop kerja untuk bekalan air luar bandar. Untuk makluman, skop kerja BALB kawasan Poring-Poring, pembinaan loji rawatan air berkapasiti 40 juta liter sehari, satu unit tangki air atas tinggi ataupun aras tanah berkapasiti 3.0 JLH ataupun juta liter sehari, jajaran paip sejauh 32 kilometer dan satu unit rumah pam. Bagi skop kerja BALB Kampung Kokol, pembinaan loji rawatan air berkapasiti 2.5 juta liter sehari, pembinaan satu unit tangki air aras tinggi atau tanah berkapasiti 2.5 juta liter sehari, jajaran paip sejauh 20 kilometer, satu unit rumah pam. Lantikan juru perunding telah pun selesai dan projek dijangka dimulai pada bulan November 2017.

Yang Berhormat Sepanggar juga bertanya tentang naik taraf jalan Tulungan – Tampulan Natai dan jalan Kimbalang – Bambangan. Ini saya dah jawab tadi kan? Saya dah jawab kan? Sudah jawab, okey.

Yang Berhormat Ampang. Ada? Membangkitkan tentang kemudahan utiliti iaitu peruntukan sebanyak RM15 juta bagi bekalan air dan elektrik dan RM40 juta bagi bekalan air terawat. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kemudahan bekalan elektrik, peruntukan sebanyak RM15 juta telah pun disediakan untuk membekalkan bekalan elektrik kepada 10 buah perkampungan Orang Asli yang dibangkitkan itu. Bagi projek bekalan air luar bandar, kementerian ini telah menyediakan peruntukan sebanyak RM40 juta bagi menyediakan air bersih di 42 buah perkampungan Orang Asli di seluruh Semenanjung. Yang Berhormat Ampang juga...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ampang bangun.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Kalau boleh Menteri kasi senarai, kalau tak boleh sebut mungkin kasi bertulis ya. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey, saya bagi senarai secara bertulis. Berkaitan peruntukan membina dan membaik pulih rumah daif di perkampungan Orang Asli, saya ingin maklumkan bahawa daripada segi komponen kerana Yang Berhormat bertanya daripada segi komponen. Pelaksanaan membina dan membaik pulih rumah adalah di bawah program PPRT dengan tujuan untuk keselesaan mereka dan skop

membuat pulih rumah adalah pada komponen asas rumah seperti bumbung, lantai, atap dan sebagainya. Tidak termasuk bahagian luar rumah seperti pagar, garaj dan sebagainya. Dia lebih kepada rumahlah. Pelaksanaan baik pulih rumah ini melibatkan semua kawasan luar bandar yang mana golongan yang termasuk dalam kategori golongan miskin dan miskin tegar adalah layak menerima bantuan ini dan penekanan akan diberi kepada golongan miskin di dalam senarai e-Kasih. Biasanya untuk rumah PPRT ini, kita mendapatkan senarai daripada *focus group* di daerah-daerah.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Kalau yang itu daripada yang mendaftar e-Kasih tetapi kalau untuk Orang Asli itu bagaimana senarai itu didapatkan dan sebagainya. Peruntukan RM350 juta itu akan pergi ke kumpulan Orang Asli juga so bagaimana mereka mendaftar dan mendapatkan kemudahan ini?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Untuk pendaftaran biasanya kita akan mendapatkan melalui ketua-ketua kampung ataupun pengurus JKK di kawasan Orang Asli ataupun Tok Batin - Tok Batin. Mereka yang menyediakan senarai dan menyerahkan kepada pejabat JAKOA daerah-daerah. Yang Berhormat Ampang juga membangkitkan tentang Pusat Community Feeding yang dikatakan daif di Sungai Mai, Jerantut.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pusat Community Feeding diwujudkan oleh Kementerian Kesihatan sebagai tempat penyediaan makanan tambahan berzat kepada anak-anak Orang Asli yang memerlukan. Perkhidmatan diberikan kepada kanak-kanak tersebut yang belum bersekolah sebanyak tiga kali sehari. Walau bagaimanapun, kementerian ini akan memaklumkan kepada Kementerian Kesihatan mengenai aduan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat juga membangkitkan tentang program meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat, berbagai-bagai program, kemudahan dan program telah dilaksanakan oleh kementerian untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli. Salah satunya ialah pembangunan ladang kelapa sawit dan getah di perkampungan Orang Asli. Sehingga Jun 2016, tanah seluas 22,702.47 hektar telah dibangunkan dengan tanaman kelapa sawit dan getah yang memberikan manfaat kepada 8,817 orang peserta. Selain daripada itu juga, pihak kementerian melaksanakan program latihan kemajuan projek kerjaya ataupun PLKK kepada belia dan beliawanis Orang Asli. Sehingga ini seramai 1,290 peserta telah dilatih dan selepas latihan tersebut, mereka diambil bekerja di sektor-sektor pekerjaan yang tertentu.

Yang Berhormat Ampang juga membangkitkan tentang nasib Orang Asli yang terjejas akibat daripada pencerobohan tanah. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini juga saya ingat dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Kota Raja sebentar

tadi. Saya rasa mungkin Yang Berhormat Kapar juga membangkitkan tentang Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat, isu yang melibatkan tanah pencerobohan dan sebagainya seperti yang berlaku di Gua Musang baru-baru ini merupakan tindakan yang dilakukan oleh pihak yang di luar daripada kawalan JAKOA. Tanah misalnya adalah kuasa kerajaan negeri, pengeluaran lesen membalaik dikeluarkan oleh kerajaan negeri begitu juga dengan perlombongan dan sebagainya.

#### **■2030**

Walau bagaimanapun, kita di pihak JAKOA tidak berpeluk tubuh. Misalnya, di dalam kes yang melibatkan di Gua Musang baru-baru ini, pihak JAKOA melalui Ketua Pengarah JAKOA memanggil mesyuarat kesemua pihak yang terlibat termasuk wakil kerajaan negeri dan sebagainya.

Dari segi soal tanah adat Orang Asli dan sebagainya, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat sekalian, prosedurnya ialah pihak JAKOA akan membuat pengukuran tanah-tanah yang dikenal pasti sebagai tanah yang akan menjadi tanah rizab Orang Asli. Selepas pengukuran dibuat, JAKOA akan menyerahkan kepada kerajaan negeri untuk dibawa ke dalam mesyuarat MMK mereka, mesyuarat Exco mereka, dan selepas diluluskan oleh MMK, kerajaan negeri juga yang akan melaksanakan penggazetan, pewartaan tanah tersebut.

Di pihak JAKOA, arahan daripada kementerian, sasaran yang diberikan oleh kementerian adalah sebelum akhir tahun ini, semua tanah masyarakat Orang Asli yang belum diukur mesti selesai pengukurannya. Jadi saya beri jaminan kepada Dewan ini, kalau tidak ada halangan, kita akan selesaikan mengukur semua tanah masyarakat Orang Asli. Silakan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Ampang.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma nak tanya bagaimana, dengan izin, *how you determine the area bila you nak ukur kawasan itu kawasan Orang Asli?* Isu yang saya bangkitkan adalah apabila ada kes-kes nak digazet ataupun nak diambil balik tanah-tanah mereka, satu proses rundingan yang terperinci ataupun yang *details* tidak dilaksanakan. Jadi apabila tanah-tanah mereka hendak diambil, seolah-olah mereka tidak dimaklumkan dan mereka tidak tahu bagaimana mereka akan terjejas dan terlibat.

Jadi, proses ini mesti ada campur tangan daripada kementerian dan juga JAKOA untuk memastikan mereka ini tidak terpedaya atau dianiaya oleh kerajaan negeri yang kemungkinan ada *interest-interest* lain yang menjadi keutamaan mereka. Jadi ini

menyebabkan Orang-orang Asli merasakan hidup mereka tidak terjamin dan mereka rasa terumbang-ambing. Ini isunya, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya tanah-tanah itu dah kita kenal pasti bersama dengan kerajaan negeri dan kita dah persetujui. Cuma, masalah yang timbul sehingga hari ini, ada *claim* daripada masyarakat Orang Asli supaya tanah itu diperluaskan lagi. Katakan contoh kita di satu daerah misalnya, kita mengambil 10,000 hektar, sebagai contoh, tetapi dalam proses pewartaan tersebut maka mereka memohon supaya ditambah menjadi 15,000 atau 20,000 ekar. Kes ini berlaku apabila kes yang melibatkan kawasan rayau itu yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Johor. Jadi kes itu dijadikan *precedent* untuk mendapatkan tanah yang lebih lagi.

Jadi ini kadang-kadang menimbulkan isu sebab sesetengah itu melibatkan kawasan yang telah digazet sebagai *Malay reserve*, misalnya di kampung-kampung tertentu. Jadi ini akan terjadi pertelagahan. Akan tetapi, bagi pandangan JAKOA, kita selesaikan dahulu tanah yang dikenal pasti untuk fasa pertama ini. Kalau ada lagi perbincangan yang lain, kita boleh *sit down* sekali lagi untuk bincang kalau ada tambahan dan sebagainya tetapi mestilah dengan kelulusan kerajaan negeri dan sebagainya sebab akhirnya kerajaan negerilah yang memutuskan soal tanah ini.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Menteri, Tuan Pengerusi, saya cuma nak tanya kawasan yang sekarang ada perselisihan di Gua Musang itu, kampung-kampung yang saya sebut tadi, adakah ini termasuk dalam kawasan yang telah dikenal pasti untuk tanah adat yang sekarang kata hendak diwartakan?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya tadi ada menyebut beberapa buah kampung Orang Asli, tujuh atau lapan nama kampung kawasan Perak di Tapah, Kampar dan Bidor. Jadi saya harap Menteri tolong tengok kawasan-kawasan yang saya sebut tadi. Mereka ini kawasan-kawasan yang mempunyai masalah untuk berunding dengan kerajaan negeri. Jadi saya harap JAKOA dan juga kementerian untuk main peranan sebagai pemudah cara agar mereka faham. Kalau betul kena ambil, biar mereka faham apa konsep itu dan apakah yang mereka akan dapat balik. Mungkin kalau dijalankan dengan cara yang elok, saya rasa Orang-orang Asli, Tok Batin ini semua dia akan faham dan dia akan mendengar cadangan daripada pihak kementerian.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. *Insya-Allah*, saya akan dapatkan senarai dulu dan kita akan beri kepada Yang Berhormat senarai kampung-kampung yang terlibat. Tentang Gua Musang itu, saya akan *check* balik dengan pegawai saya mengenai status tanah tersebut.

Yang Berhormat Ampang juga membangkitkan isu mengenai pendakwah-pendakwah Kristian dan sebagainya yang masuk ke kawasan perkampungan Orang Asli. Sebenarnya untuk pendakwah daripada luar dan sebagainya masuk ke kawasan perkampungan ini sebenarnya tidak dikawal oleh JAKOA dan sebagainya.

Yang Berhormat Kuala Krai...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Mengenai pendakwah tadi, Tuan Pengurus, mungkin Menteri silap. Apa yang saya maksudkan dalam bahas saya tadi ialah memang bukan bawah kawalan tetapi yang di bawah Jabatan Agama Islam, mereka yang ditugaskan untuk turun berdakwah dalam kawasan-kawasan Orang Asli ini. Mereka menjalankan kerja seolah-olah *lepaskan batuk di tangga*. Pergi sana berdakwah, lepas itu *convert* Orang Asli menjadi orang Islam, tukar nama *and* buat satu surau, lepas itu, itu sahaja, tinggalkan mereka.

Jadi kerana kita kata kita negara Islam dan kita ada Jabatan Agama Islam yang bertanggungjawab, juga ada bajet untuk mengendalikan kerja-kerja pendakwahan kepada Orang Asli ini, jadi harus ada satu pemantauan dan juga susulan untuk memastikan bahawa mereka ini betul-betul menjadi orang Islam yang tulen, yang beribadah dan sebagainya. Jadi saya cuma minta kerajaan yang ada peranan ini untuk menjalankan peranan mereka dengan lebih komitmen, lebih komited. Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya difahamkan di bawah pejabat agama daerah memang menyediakan tenaga-tenaga pengajar untuk mengajar Fardu Ain dan sebagainya kepada masyarakat Orang Asli tetapi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya akan bangkitkan kepada pihak yang terlibat dengan agama ini.

Yang Berhormat Kuala Krai, ada tidak ya?

**Tuan Pengurus [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ada. Bertanya tentang berapakah kakitangan KEMAS yang telah dilantik sebagai kontrak, siapakah yang telah dilantik dari segi guru ataupun kakitangan lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, jabatan ini masih dalam proses urusan pelantikan kontrak ke tetap dengan bilangan calon yang telah diluluskan ditemu duga seramai 7,890 orang. Maknanya terdapat pertambahan baru. Peruntukan permohonan bagi hampir 8,000 orang ini adalah melebihi dari peruntukan emolumen bagi 972 orang kakitangan yang tetap yang sedia ada. Lebih daripada itu.

Saya hendak beri statistik kepada Yang Berhormat. Untuk Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred 29 ada seramai 919 orang, Pembantu Pembangunan

Masyarakat Gred 22 seramai 147 orang, Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S19 seramai 5,981 orang dan Pembantu Operasi Gred N11 seramai 803 orang.

Yang Berhormat juga membangkitkan tentang jumlah peruntukan kepada RISDA yang tidak ditambah dengan soalan apakah RISDA tidak akan menambah kawasan tanaman semula. Ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang tadi tentang tanam semula RISDA ini.

RISDA melalui kementerian sentiasa komited untuk meneruskan program tanam semula. Dalam Bajet 2017, peruntukan program tanam semula sebenarnya telah ditingkatkan daripada RM163 juta kepada RM178 juta. Jadi, kita akan teruskan dan tidak ada pengurangan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga meminta kementerian memberikan perhatian kepada beberapa jalan perhubungan dan jambatan di Kuala Krai yang perlu dinaik taraf terutamanya jalan yang menghubungkan Kampung Belanga ke Kampung Bertam dan jalan luar bandar di Kampung Kenor. Jalan dan jambatan di kawasan yang disebutkan perlu dinaik taraf.

#### **■2040**

Untuk makluman Yang Berhormat, merujuk kepada jalan-jalan perhubungan luar bandar dan jambatan yang perlu dinaik taraf terutamanya jalan perhubungan dari Kampung Belanga ke Kampung Pertang serta jalan luar bandar di Kampung Kenor seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kementerian ini akan meminta pihak JKR untuk membuat siasatan bagi penentuan skop dan kos untuk dimajukan kepada EPU bagi pembangunan di bawah projek Rancangan Malaysia Kesebelas yang akan datang.

Yang Berhormat juga bertanyakan tentang peruntukan jalan di kawasan Parlimen Kuala Krai. Saya hendak maklumkan, untuk jalan perhubungan desa ataupun Projek Jalan Kampung peruntukan 2017 adalah sebanyak RM2 juta iaitu sejauh 14.2 kilometer melibatkan enam buah jalan. Bagi jalan pertanian, peruntukan sebanyak RM1 juta yang panjangnya sebanyak 6.8 kilometer, sebanyak tujuh jalan yang akan menggunakan peruntukan KESEDAR.

Yang Berhormat Kota Samarahan. Yang Berhormat Kota Samarahan saya akan jawab secara bertulis.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, Kuala Krai tadi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Yang Berhormat Kuala Krai. Jalan kah?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Berbalik kepada yang tadi juga.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Jalan?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** KESEDAR itu.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Okey.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya meneliti balik saya bawa isu tentang tanam semula tadi itu, mengambil kira bukan sekadar di bawah RISDA tetapi insentif kepada KESEDAR untuk tanam semula itu amat ketara daripada RM23 juta tinggal RM3 juta. Itu yang saya berasa mungkin satu kawasan KESEDAR, separuh negeri Kelantan ini, lebih separuh negeri Kelantan di bawah KESEDAR mendapat kekurangan perbelanjaan untuk tanam semula. Ini sebagai suatu isyarat yang saya sebutkan tadi tentang dasar kerajaan tentang industri getah.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya sebutkan tadi kita mempunyai bajet tambahan untuk tanam semula di bawah RISDA. *Insya-Allah* kita minta pihak KESEDAR dan RISDA berbincang mengenai mana kekurangan daripada Yang Berhormat Kuala Krai, untuk yang di bawah KESEDAR kita boleh minta pihak RISDA membangunkannya.

Yang Berhormat Kota Samarahan saya jawab bertulis. Yang Berhormat Lubok Antu. Okey, Yang Berhormat Lubok Antu. Yang Berhormat Lubok Antu membangkitkan isu mengenai menaik taraf jalan balak dari Sebeliau ke Ulu Lemanak. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah meluluskan peruntukan berjumlah RM12.42 juta untuk menaik taraf jalan, bekas jalan balak dari Sebeliau ke Ulu Lemanak melalui Ugau sepanjang 27 kilometer di bawah Projek Menaik Taraf Bekas Jalan-jalan Balak Negeri Sarawak fasa 4. Pada masa ini projek ini sedang dalam proses pelantikan kontraktor. Okey, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Lubok Antu juga tentang membangkitkan elektrik di empat buah rumah panjang di Kampung Bowi. Kampung tersebut untuk makluman Yang Berhormat, telah pun dikemukakan kepada Kementerian Kemudahan Awam Sarawak atau KKAS untuk pertimbangan bagi pelaksanaan *rolling plan* kedua. Pada masa ini kementerian sedang menunggu maklum balas daripada KKAS dan jika dipersetujui, projek tersebut akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Kita doakan dipersetujuilah.

Yang Berhormat juga membangkitkan tentang bekalan air luar bandar di kawasan Batu Kaya ke Wong dan ke Sawang serta ke kawasan Jagor, Karasau, kandis dan Belida Danau. Untuk makluman Yang Berhormat, kita juga akan mengemukakan perkara ini kepada pihak berkuasa negeri untuk dipertimbangkan.

Yang Berhormat Kapar bertanya tentang apakah perbezaan antara Tabika KEMAS dan PERMATA. Saya akan jawab setakat yang saya tahu lah sebab PERMATA KEMAS di bawah Jabatan Perdana Menteri. Bagi Tabika KEMAS, bukan tadika. Tabika KEMAS, ia untuk kanak-kanak berumur empat tahun hingga enam tahun dengan

menggunakan kurikulum standard prasekolah kebangsaan. Nisbah satu guru 25 orang kanak-kanak. Guru yang bertanggungjawab adalah pemaju masyarakat gred S29.

Bagi Program PERMATA, ia untuk kanak-kanak yang berumur dua tahun hingga empat tahun dengan menggunakan kurikulum PERMATA Negara. Nisbah seorang guru, lima orang kanak-kanak. Guru yang bertanggungjawab adalah di bawah gred S41. Itu yang saya tahu. Jadi saya baca yang saya tahu sahaja. Saya tidak boleh *explain* lebih daripada itulah sebab di bawah kementerian lain. *[Disampuk]* Bukan, sebab saya ada data tentang KEMAS.

Sekarang saya mahu jawab tentang KEMAS, saya ada data. Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar juga. Berapa ramai kah kanak-kanak Tabika KEMAS? Sehingga kini seramai 221,074 orang kanak-kanak KEMAS yang berdaftar dan mengikuti pendidikan prasekolah di Tabika KEMAS, okey. Berapa banyak kah Tabika KEMAS yang sedang beroperasi? Jawapannya ialah sebanyak 11,188 buah kelas Tabika KEMAS sedang beroperasi ketika ini.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, kalau boleh bagi sedikit penjelasan tentang Tabika KEMAS ini.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** KEMAS? KEMAS boleh.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Untuk umur empat tahun hingga enam tahun, tiga kohort seramai 221,000 orang. Ertinya satu kohort lebih kurang 70,000 orang daripada keseluruhan anak-anak kita dalam golongan satu umur itu lebih kurang dalam 400,000 orang hingga 500,000 orang atau setengah juta.

Jadi apakah kementerian mempunyai suatu *target* berapa *percent* daripada kohort anak-anak sebaya itu yang berada dalam KEMAS atau tidak mempunyai sesuatu *target* yang khusus? Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Kita tidak mempunyai satu-satu *target* yang khusus tetapi berdasarkan kepada keperluan setempat. Walau saya sebutkan tentang jumlah *ratio* tadi ataupun nisbah satu guru dan berapa pelajar. Misalnya *average* untuk satu sekolah pelajar KEMAS mesti mempunyai 20 orang dan tidak lebih 20 orang.

Walau bagaimanapun di perkampungan Orang Asli misalnya. Seramai 10 orang pun kita benarkan untuk membuka Tabika KEMAS. Jadi daripada segi sasarnya berapa ratus ribu dan sebagainya kita tidak menetapkan kerana ia berbeza-beza mengikut keperluan dan sebagainya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri tadi saya bertanya tentang ...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi juga saya tanya tentang kelayakan kanak-kanak yang boleh mengikuti pelajaran KEMAS, tadi saya tanya. Saya hendak tambah sedikit tadi terlupa, kalau boleh jawab, saya suka hendak dengar. Kanak-kanak yang mempunyai kekurangan keupayaan, OKU. Ada tak dalam kurikulum biasa ini mereka boleh mengambil bahagian. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Raja.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya pasal Tabika KEMAS ini sebab kita kira itu adalah kekuatan sekolah untuk prasekolah anak-anak kita. Jadi kita mungkin sudah lama mendalamai kelas-kelas KEMAS ini. Saya hendak tanya, apa KPI untuk kanak-kanak ini. Apa dia—maknanya apabila dia habis kelas KEMAS ini, apakah kayu ukur kejayaan kita? Saya masih belum mendengar lagi apa kehebatan sekolah KEMAS.

## ■2050

Maksudnya begini, kalau PASTI milik PAS sudah dikenali bahawa anak-anak murid daripadanya keluar, ada yang boleh menghafal dari segi agama, pendidikan asas-asas agama itu mantap tetapi untuk KEMAS ini apa kehebatan dia? Kita perlu ada begitu KPInya. Lagi satu sebab inilah masa anak-anak *develop*, membangun otak mereka, adakah kita *emphasize* ataupun menekankan aspek 3R iaitu membaca, mengira, menulis? Ataupun kita sudah berubah dari segi kalau kita kaji di negara-negara maju, anak-anak pra-sekolah ini bukan lagi *center* kepada 3M ini membaca, mengira, menulis. Akan tetapi lebih kepada untuk membangunkan, dia mengajar melalui permainan. Dia punya keyakinan diri, kreativiti, pemikiran yang kritikal kerana ini majoriti daripada anak-anak Bumiputera.

Jadi, inilah masa kita hendak membangunkan pemikiran mereka dan tidak hanya stereotaip di mana menghafal— Bagaimana? Adakah KEMAS sudah boleh mengikuti kurikulum Permata yang dikatakan hebat itu? Jadi, kalau betul kurikulum Permata itu hebat, maka sepatutnya ia diterapkan di dalam KEMAS. Itulah sahaja cadangan saya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ampang.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Saya ada sentuh tentang PERMATA ini juga di bawah Jabatan Perdana Menteri. Cuma saya hendak tanya kepada Menteri, tidakkah Menteri terasa terkilan sekiranya KEMAS ini ada pertindihan dengan Permata sedangkan KEMAS ini adalah satu organisasi tadika seluruh negara

yang *reach out*, dengan izin, kepada semua rakyat, terutama sekali di kalangan lapisan masyarakat yang berpendapatan rendah. Jadi, tidakkah Yang Berhormat ingin mencadangkan agar peruntukan yang disediakan kepada Permata sebanyak RM85 juta itu, hampir dua pertiga daripada apa yang KEMAS dapat iaitu RM137 juta. Kalau ini digabungkan, alangkah baik dapat menaiktarafkan standard KEMAS dari segi tempatnya, dari gurunya, daripada kualiti pengajarannya, *syllabus* dan kurikulumnya.

Jadi, ini lebih *reach out to more people and more people can benefit from this*, dengan izin. Jadi, ini satu keperluan dalam negara ini kerana seperti apa yang Yang Berhormat Kota Raja sebut, kita sudah tiba masanya untuk meningkatkan mutu tadika dan tabika yang di bawah KEMAS ini. Inilah kita kata kita hendak *reach out to the poor*, ini yang kita perlukan orang-orang yang berpendapatan rendah. Jadi, ini satu perkara yang saya harap Menteri boleh pertimbangkan agar memikirkan masa depan negara ini perlunya untuk ada satu sistem tadika yang lebih berdaya saing, yang lebih bermutu. Terima kasih.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Hendak sentuh sedikit sahaja Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi dan juga Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Pendek sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, yang panjang, pendek; yang pendek, panjang.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Menteri, saya terpanggil sebut sedikit fasal prasekolah ini, PERMATAkah, KEMASKah, Perpaduan dan banyak lagi, perlu ada. Sebenarnya negara kita makin maju, kita perlu banyakkan lagi bajet untuk prasekolah. Itu sebab universiti kita kena kurangkan kebergantungan, kita ambil duit sedikit, sebahagian kita bagi kepada TVET. RM500,000 anak kita SPM, habis, RM100,000 masuk universiti, RM400,000 lagi, itulah TVET, setahun RM300,000 kita buat. Di samping itu, sebahagian bajet kena pergi kepada sekolah dan prasekolah ini amat penting sebab anak-anak kita tiga, empat tahun sudah cerdik. Jadi, kita kena kuatkan. Saya tengok Perpaduan ini ia ada prasekolah juga, spesifik untuk Perpaduan. KEMAS ada, *to tailor*

*made*, PERMATA pun ada. Kalau kita campur semua ini, kita tidak dapat mengoptimasikan potensi anak-anak itu dalam bidang kecenderungan masing-masing.

Jadi, Permata mempunyai modul-modul yang tertentu yang saya ingat amat baik dan ini diakui. Itu sebabnya jangan kita pergi kurung semua tanpa memahami modul-modul Permata ini. Jadi, kita kena *expand* dan menggerakkan kebolehan anak kita *to fullest*. Jadi, saya hendak cadang kalau boleh pra-sekolah ini tambah lagi sama ada KEMASKAH, Perpaduankah, PERMATA, kena ditambah lagi. Terima kasih Menteri.

**Dato' Sri Dr Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hari ini, malam ini saya terkejut Tuan Pengerusi kerana belum pernah saya terdengar ada pihak pembangkang yang mencadangkan, menyokong Tabika KEMAS itu. Ini saya terkejut. Jadi, pertama saya ingin sambung apa yang Yang Berhormat Kota Tinggi sebut ya, kalau boleh tambah lagi Tabika KEMAS.

Cuma yang kedua, saya terkejut Yang Berhormat Menteri, saya minta Menteri boleh tolong beri penjelasan. Bila Yang Berhormat Pembangkang sebut tentang Tabika KEMAS, saya hairan ada setengah-setengah Tabika KEMAS di Selangor ini yang ditutup. Kononnya premis tersebut premis yang tidak didaftarkan. Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Menteri mengulas tentang ini. Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Itu saya boleh jawab Yang Berhormat Kuala Selangor. Buat apa tanya Menteri, itu Selangor punya hal, okey.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk. Duduk sekejap Yang Berhormat Rantau Panjang, duduk. Yang Berhormat, yang baru disentuh oleh Yang Berhormat Menteri, baru pembahas yang ke sembilan, Yang Berhormat Kapar. Kita ada 28 yang berbahas. Jadi, terpulang kepada Yang Berhormat sekalian. Sila. Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang juga minat. Sila, sila, lagi ramai minat, lagi bagus.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lagipun Yang Berhormat Menteri KPKT pun kita sudah melepas. Sila, sudah jauh malam pun.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih. Saya ingin menjelaskan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tidak benar. Di Kelantan, kita memberi laluan juga kepada KEMAS dan terbukti kita telah bagi kelulusan di antaranya ialah KEMAS di Lubok Jong, di mana kita bagi tempat untuk kita melihat pendidikan Islam. Maknanya, tuduhan mengatakan Kerajaan Pembangkang

menafikan KEMAS itu tidak betul. Kita memberi hak, ruang untuk kebajikan rakyat seluruhnya. Apa yang saya hendak sebut di sini ialah kenapa kerajaan tidak perkasakan pendidikan KEMAS? Kita wujudkan PERMATA seolah-olah wujudnya dua darjah dalam sistem prasekolah kita.

Jadi, saya ingin penjelasan, sepatutnya tumpuan juga, bajet diberi perhatian, terutama kepada golongan remaja kita ini yang banyak berdepan dengan masalah. Jadi, kita habis puluhan juta untuk PERMATA sedangkan isu masalah sebenar rakyat belum selesai. Jadi, saya ingin juga penegasan daripada Yang Berhormat, bagaimana guru-guru KEMAS kita tidak dipergunakan untuk kempen bagi Barisan Nasional dalam pilihan raya. Minta penjelasan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit, sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Hai! Marah pula abang. Kereta banyak itu tidak apa pula ya? *[Disampuk]* Saya hendak sedikit penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu, apa kaitan dengan kereta banyak tadi?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak, kereta banyak, kereta banyak. Yalah gaji sudah kita tinggi RM16,000, okeylah itu, boleh beli kereta banyaklah itu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Hai! Bising pula Yang Berhormat Kapar. Sabarlah, sabar, sabar, sabar, sebab dia bising dahulu, bukan saya. Okey, tentang pendidikan awal ini dengan peruntukan dikatakan RM29 juta tetapi di bawah Butiran 100600 – Bantuan Makanan Tambahan KEMAS, RM100 juta. Bermakna, adakah ia termasuk dalam satu peruntukan yang untuk KEMAS semata-mata? Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih kerana ramai yang berminat dengan pendidikan awal kanak-kanak ini. Kalau betul Kerajaan Kelantan bagi tanah dan sebagainya, terima kasihlah kerana ada juga kerajaan negeri bila menang pilihan raya, Tadika KEMAS ditutup, dihalauanya anak-anak itu.

Jadi, saya hendak jawab Yang Berhormat Kapar, siapa sahaja yang berumur empat hingga enam tahun layak. Untuk OKU, kita tidak ada kemampuan untuk membuka kepada mereka kerana OKU di bawah *special program* di bawah JKM. Ini

sebab *just imagine* satu kampung mungkin terdapat satu anak-anak OKU, jadi kita tidak mungkin untuk mempunyai kepakaran untuk membantu. Jadi, kita letakkan di bawah JKM.

Yang Berhormat Kota Raja membangkitkan tentang apa yang sasaran kita.

## ■2100

Setakat ini kita, konsep mereka belajar adalah belajar melalui bermain. Empat perkara yang diberikan tumpuan iaitu 4M seperti yang disebut tadi, membaca, mengira, menulis, menaakul. Harapan kita selepas mereka tamat tadika itu, mereka sudah boleh membaca dan sebagainya. Walau bagaimanapun, dua bulan lepas saya telah pun melancarkan Transformasi Tabika KEMAS iaitu memberikan tumpuan kepada subjek mereka. Dari segi Pendidikan Islamnya, kita tambahkan dari segi masa dan sebagainya untuk belajar dari segi Pendidikan Islam. Akan tetapi yang lebih penting yang kita berikan penekanan di bawah Tabika KEMAS kali ini iaitu mulai tahun 2017 ialah dari segi meningkatkan keyakinan diri dan kreativiti seperti yang dimaksudkan tadi.

Oleh sebab kita tahu yang bahawa pelajar-pelajar, anak-anak kita terutama yang berada di luar bandar kadang-kadang agak kurang dari segi keyakinan diri tersebut terutamanya di dalam berkomunikasi. Saya pernah program yang melibatkan KEMAS seluruh negeri misalnya. Kalau kita bercakap, tanya satu budak, bila dia lancar saja bercakap, *confident* itu, dia duduk di bandar biasanya. Datangnya daripada KEMAS di bandar. Mungkin dari *up bringing* dia, dari segi cara membesar. Kalau daripada kampung itu dia malu dan sebagainya.

Jadi kita hendak tingkatkan keyakinan diri ini, kita akan mulakan pelajaran ini mulai daripada tahun 2017 ini. Saya rasa kita sudah menjawab semua. Oh KEMAS. Kenapa ada PERMATA dan sebagainya. Pertamanya dari segi asas perbezaan itu saya sudah sebutkan iaitu dua tahun hingga empat tahun dan empat tahun hingga enam tahun. Lagipun ia ini sebenarnya *compliment to each other*. Oleh sebab ada sebenarnya pendidikan awal kanak-kanak ini di bawah pra sekolah, di bawah Perpaduan di bandar dan juga di KEMAS. Walaupun daripada pra sekolah tetapi sekolah tidak berada di setiap kampung. Jadi kita perlu ada Tadika KEMAS dan sebagainya.

Saya hendak terima kasihlah kepada semua kerana semuanya menyokong supaya bajet diberi lebih banyak untuk KEMAS ini. Terima kasih. [Tepuk] Saya harap kalau ada wakil Kementerian Kewangan boleh catitlah perkara ini.

Yang Berhormat Kapar bertanya tentang UniMara. Sebenarnya UniMara tidak pernah kita cadang untuk bina di Putrajaya. Akan tetapi kita buat di UniKL. MARA sekarang mempunyai dua komponen dari segi sistem pendidikannya. Satu adalah TVET dan satu adalah aliran pendidikan akademik. Di bawah TVET kemuncaknya adalah

UniKL dan manakala di bawah *non* TVET iaitu sistem akademik biasa adalah UniMara. Buat masa ini UniMara ditempatkan di Taman Teknologi Malaysia iaitu Bukit Jalil dan dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 2016 iaitu pada April 2016 sempena sambutan 50 tahun MARA, pengambilan pertama kumpulan pelajar adalah seramai 86 orang yang telah dibuat pada Julai 2016.

Yang Berhormat Kota Kinabalu. Ada? Okey. Yang Berhormat Kota Kinabalu, untuk membangkitkan usaha-usaha untuk menyediakan jalan-jalan di kawasan kampung Parlimen Kota Kinabalu bagi membantu petani memasarkan hasil pertanian. Saya pun tidak tahu yang Kota Kinabalu ini ada kampung. Okey, tidak apa, saya jawab.

**Tuan Wong Sze Phin [Kota Kinabalu]:** Untuk tanam, tanam.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Untuk makluman Yang Berhormat, senarai jalan kampung tersebut boleh dilaksanakan di bawah jalan pertanian. Walau bagaimanapun Yang Berhormat dipohon untuk mengemukakan senarai keutamaan kampung-kampung tersebut bagi kita menyiasat sama ada ianya termasuk di dalam atau mematuhi syarat-syarat yang kita tetapkan sebab di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, kita tidak membina jalan di kawasan PBT, kawasan PBT, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini di bawah PBT. Bantu saya PBT ini apa? Pihak Berkuasa Tempatan, di bawah PBT. Jadi Yang Berhormat senaraikan dan kita akan *check* kalau di luar daripada kawasan PBT boleh kita pertimbangkan untuk dilaksanakan ya.

Yang Berhormat Merbok, ada? Mohon KEDA menambahkan peruntukan pembangunan sosioekonomi kawasan, memohon KEDA menambah peruntukan rumah PPRT dan mohon KEDA memperbaiki sistem perparitan. Kita akan mengambil perhatian kepada perkara ini. Seperti yang saya sebutkan tentang rumah PPRT tadi, kita akan senaraikan, kita akan beri mengikut keperluan kawasan dan sebagainya. Bagi perparitan, saya harap Yang Berhormat berbincang dengan pihak KEDA untuk kita kenal pasti kawasan yang diperlukan untuk penambahbaikan tersebut.

Peruntukan untuk projek jalan kampung juga dan juga cadangan untuk melebarkan. Untuk jalan kampung sila senaraikan juga. Cuma untuk makluman, baru-baru ini kita ada mesyuarat kerajaan, KKLW dengan Exco-exco Luar Bandar termasuk Yang Berhormat Menteri Luar Bandar Sarawak dan Sabah. Kita berbincang tentang hendak melebarkan jalan kampung, projek jalan kampung ini. Seperti kita tahu, projek jalan kampung ini, sekarang ini lebarnya hanya lapan kaki. Lapan kaki ini sesuai waktu dulu kerana orang kampung hanya punya basikal dan motosikal.

Akan tetapi hari ini orang kampung kebanyakannya anak mereka orang kampung sendiri telah pun mempunyai kereta dan sebagainya, motokar. Jadi hendak

berselisih pun agak susah dan sebagainya. Jadi kita bersetuju kita akan lebarkan kepada 10 kaki. Daripada lapan kaki hingga 10 kaki supaya jalan itu lebih luas. Walau bagaimanapun ianya tertakluk kepada kebenaran tuan tanah kerana kita bila lebar kita terpaksa ambil tanah, setahu kita ada masyarakat luar bandar dia ada tanah tidak besar. Itulah *the only* tanah yang dia ada dan kita hendak ambil pula buat jalan.

Setakat ini kita belum lagi ada polisi iaitu pengambilan tanah yang boleh kita bayarkan pampasan dan sebagainya. Jadi walau bagaimanapun, kalau ada kebenaran kita akan perlebarkan tanah. Lampu jalan kampung juga seperti saya akan sebut dalam waktu saya menggulung baru-baru ini jalan kampung kita akan dapatkan senarai daripada semua. Kalau boleh sila berikan senarai sebelum 31 Disember, sama ada jalan kampung, jalan PJK dan sebagainya supaya kita boleh mempercepatkan dari segi pelaksanaan.

Yang Berhormat Merbok mencadangkan supaya golongan muda yang tidak mempunyai rumah diberikan rumah PPRT. Seperti saya sebut, rumah PPRT ini ditentukan oleh *focus group*. Jadi *focus group* ini yang akan menentukan siapa yang dicadangkan untuk diberikan rumah tersebut. Akan tetapi kebanyakan saya difahamkan, kebanyakan *focus group* mempunyai dasar yang sama iaitu memberikan kepada golongan berkeluarga yang berumur, miskin dan sebagainya. Saya percaya kalau kita *start* bagi kepada golongan muda yang umur 25 tahun, 30 tahun saya rasa mereka, tidak boleh lagi saya rasa untuk diberikan perumahan secara percuma ini.

Yang Berhormat Rompin ada membangkitkan isu bekalan air di kampung Orang Asli, Rompin. Kementerian akan lihat perkara ini dan Yang Berhormat nanti kita akan bantu. Akan tetapi dalam isu kontraktor yang bertukar-tukar tersebut, itu sudah kes yang lama. Saya difahamkan kontraktor baru telah pun dilantik untuk menyelesaikan permasalahan yang berbangkit.

Yang Berhormat Rantau Panjang, permohonan jalan kampung di kawasan menghala ke Thailand, menghala ke Sungai Golok, menghala ke sempadan ya. Di kawasan di luar bandar Yang Berhormat, kita boleh berikan jalan kampung. Akan tetapi di bandar Rantau Panjang misalnya yang berhampiran pusat Kastam atau Imigresen tersebut, itu mungkin di bawah kawasan PBT. Akan tetapi di luar PBT *insya-Allah* kita akan lihat perkara ya.

Saya setuju di kawasan sempadan banyak lampu lebih dari segi keselamatan penyeludupannya adalah lebih baik kalau kita adakan lebih banyak. Yang Berhormat bertanya tentang berapakah jumlah Orang Asli seluruh negara. Untuk makluman Yang Berhormat untuk tahun 2010 terdapat 178,197 Orang Asli di seluruh negara. Orang Asli di bawah Akta Orang Asli, Akta 134 adalah Orang Asli di Semenanjung saja.

■2110

Walaupun ada orang asal di Sabah dan Sarawak tetapi tidak termasuk di bawah akta ini. Okey, Yang Berhormat. Premis perniagaan MARA yang banyak kosong.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: [Bangun]**

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Orang Asli dahulu.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ada Orang Asli di Rantau Panjang?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Tidak ada, saya hendak minta penjelasan. Pertama sekali saya sudah siapkan senarai jalan-jalan yang diperlukan dan saya akan berikan kepada Yang Berhormat selepas ini. Selepas itu yang kedua iaitu berkaitan dengan Orang Asli saya ingin tahu setakat ini program yang telah diperuntukkan selama ini begitu banyak tetapi kita lihat Orang Asli masih dalam keadaan di takuk lama.

Jadi apakah permasalahannya sehingga program yang telah dilaksanakan di bawah Jabatan Orang Asli ini tidak berkesan. Sepatutnya tidak ada lagi mereka dalam keadaan kesusahan sampai hari ini. Itu yang saya persoalkan. Jadi, saya minta perkara ini diteliti supaya kita dapat mengeluarkan mereka supaya mereka hidup sama taraf dengan masyarakat biasa. Jadi minta penjelasan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Untuk makluman Yang Berhormat, berbagai-bagai program sebenarnya kita laksanakan untuk masyarakat Orang Asli. Saya sudah sebutkan tadi dari segi penglibatan RISDA di dalam membangunkan tanah mereka. Itu sedang kita laksanakan. Kita juga membantu golongan belia dan sebagainya untuk terlibat di dalam program-program yang bukan tradisional seperti bukan pertanian dan sebagainya tetapi lebih kepada pemprosesan produk dan sebagainya.

Kita sekarang akan melihat apa yang ada di sekitar mereka yang boleh kita bantu untuk dimajukan. Sebagai contoh, di kawasan saya yang ramai Orang Asli. Mereka tinggal di kawasan yang dipenuhi oleh mengkuang, jadi kita jadikan produk mengkuang itu sebagai produk untuk meningkatkan hasil dan pendapatan di kalangan mereka. Jadi sekarang ini, kita akan memperkenalkan juga program-program yang di persekitaran mereka memungkinkan mereka untuk menambahkan pendapatan. Sebagai contoh kelulut. Mereka tinggal di kawasan pedalaman yang ada dengan bunga, pokok dan sebagainya. Jadi, kita akan perkenalkan program-program seperti itu supaya dapat kita tingkatkan pendapatan mereka.

Pemeliharaan ayam kampung misalnya. Bukan satu perkara yang sukar untuk Orang Asli tetapi kalau kita perkenalkan satu program yang terlalu asing bagi mereka mungkin agak sukar. Jadi, kita tengok program yang bersesuaian dengan kehidupan mereka supaya kita perbesarkan dari segi jumlah dan sebagainya supaya mereka boleh jadi usahawan. Saya hendak sebut tentang ada *success story* tentang masyarakat Orang Asli ini. Keberkesanan dari segi program. Misalnya dari segi pendidikan, saya hendak sebutkan. Dari segi pendidikan jumlah pelajar di IPTA, saya ambil IPTA —lah. Pada tahun 2014 seramai 824, 2015, 2016 semuanya terdapat semuanya ada pertambahan atau sedikit penurunan tetapi di dalam lingkungan 800 pelajar-pelajar di IPTA.

Untuk pelajar-pelajar Orang Asli yang mengikuti program di luar negara misalnya setakat hari ini di Kanada, sekarang ini seramai satu orang, Amerika Syarikat – tiga orang, Ireland – satu orang, UK – 39 orang, Rusia – satu orang, Republik Czech – satu orang, India – tiga orang, Indonesia – dua orang, South Korea – empat orang, Australia – 17 orang pelajar yang dihantar ke luar negeri selama ini sudah pun melebihi daripada 70 orang yang belajar ke luar negara. Yang mendapat *degree* – 41 orang, yang mendapat master – 26 orang, yang mendapat PHD – tiga orang iaitu dua daripada United Kingdom dan satu daripada Australia. Jadi, itu adalah satu kejayaan kepada masyarakat Orang Asli pada hari ini.

Seterusnya, saya pergi kepada premis MARA tadi saya sudah sebut tadi. Usaha MARA untuk membantu penyewa premis bangunan MARA adalah mengadakan program seminar dan sebagainya, kursus, perbincangan dengan penyewa-penyewa bagaimana hendak meningkatkan, menambah baik, meningkatkan prestasi perniagaan mereka dan sebagainya. Kita juga pantau perniagaan mereka dan bantu mereka untuk mempromosikan premis-premis tersebut semuanya kita lakukan untuk membantu mengimarahkan pusat perniagaan ini.

Kita adakan karnival dan sebagainya dan salah satu lagi yang kita buat misalnya di Medan MARA di Kuala Lumpur misalnya. Apabila kita wujudkan MARA Digital misalnya, maka peniaga-peniaga yang bermiaga di situ akan mendapat limpahan hasil daripada MARA Digital kerana MARA Digital ini pengunjungnya adalah orang-orang muda dan sebagainya. Di Kota Bharu kita sedang mendapatkan satu premis bangunan MARA juga yang kita akan wujudkan MARA Digital sebenarnya —juga MARA Digital untuk menarik minat kepada golongan muda dan sebagainya bagi kita mengimarahkan perniagaan tersebut. Jadi kita akan bantu dari segi promosi dan sebagainya.

Yang Berhormat Lipis, kita jawab bertulis.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Lipis ada dalam Dewan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Oh ada. Saya dengar tadi hendak pergi ke lain. Okey, Yang Berhormat Lipis. Rumah Bina Negara saya sudah jawab tadi. Kita akan bagi. Bekalan air ke Kampung Chegar Perah serta permohonan air graviti di Parlimen Lipis. Untuk makluman Yang Berhormat, kampung ini telah dimasukkan dalam projek BALB retikulasi tahun 2016 Negeri Pahang Zon 2 dan sedang dalam proses memuktamadkan perunding. Projek dijangka dilaksanakan pada tahun 2017. Okey, *orait*.

Jalan. Yang Berhormat juga membangkitkan isu Jalan Kechor 8, Kuala Matah ke Gedung sepanjang 13 kilometer. Untuk makluman Yang Berhormat, KKLW mengambil maklum permohonan ini dan selain daripada itu kementerian akan meminta JKR untuk membuat siasatan. Ini Menteri JKR pun ada bersama kita, kita minta dia mengadakan siasatan dan bagi menentukan jajaran dan membuat anggaran kos supaya kita boleh angkatkan kepada pihak Unit Perancangan Ekonomi. Yang Berhormat Lipis bertuah kerana ada Menteri JKR hari ini.

Cadangan pihak Yang Berhormat mencadangkan untuk mewujudkan semula LKWJ yang telah dibubarkan. Untuk makluman Yang Berhormat, EPU sedang melaksanakan kajian rasionalisasi Lembaga Kemajuan Wilayah dan Pihak Berkuasa Koridor. Hasil kajian ini akan membantu kerajaan untuk menilai semula dan memperkasa Lembaga Kemajuan Wilayah dan Pihak Berkuasa Koridor sedia ada. Walau bagaimanapun, buat masa ini kerajaan belum mempunyai perancangan untuk mewujudkan kembali LKWJ yang telah dibubarkan pada tahun 2000. Belum ada perancangan lagi. Rumah BN kita sudah sebut.

Yang Berhormat Kota Tinggi ada? Membangkitkan keperluan untuk kampung tradisional diberi perhatian untuk pembangunan. Bajet pembangunan ditambah, begitu juga jalan kampung di Sungai Sembilang dan Kampung Sungai Pancur di naik taraf, begitu juga dengan lampu jalan untuk Kampung Tuan Seh dan Sedili. Menerusi bajet 2017, KEJORA telah disediakan pembangunan sebanyak RM45.450 juta. Peruntukan ini telah mengambil kira keperluan untuk pembangunan kampung tradisional di bawah Program Kemudahan Awam Sosial sebanyak RM3 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya KEJORA telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan peruntukan pembangunan yang besar. Peruntukan tahun 2017 telah dipohon sebanyak RM89.8 juta namun demikian permohonan ini masih tertakluk kepada keupayaan kewangan negara. Sebagai makluman Yang Berhormat, program Jalan Kampung di Kampung Sungai Sembilang

dan Kampung Sungai Pancur telah dimasukkan ke dalam rancangan pelaksanaan pada tahun 2017. Tentang lampu jalan insya-*Allah* seperti yang saya sebut tadilah kita tolong senaraikan.

#### ■2120

Yang Berhormat Kota Raja, sebahagiannya saya sudah jawab tentang yang tadi. Saya sudah jawab sewaktu Yang Berhormat Rantau Panjang, program-program ekonomi untuk tingkatkan penambahan. Isu tanah Orang Asli saya sudah sebut.

Yang Berhormat Kota Raja, ada satu isu lagi Yang Berhormat Kota Raja iaitu pelajar perubatan AUCMS dan UKM Batch 1. AUCMS tentang bila yang sebut tak bayar yuran dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak MARA telah membantu mendapatkan tempat pengajarannya sebenarnya kepada 444 pelajar AUCMS yang terjejas di institusi pengajian awam dan swasta. Kelewatan bayaran kepada pelajar AUCMS di UKM adalah disebabkan masalah dokumentasi. Walau bagaimanapun, masalah ini telah pun diselesaikan di mana pihak UKM telah dihubungi untuk mendapatkan bayaran tertunggak tersebut. Kita akan selesaikan. Kita telah berhubung dengan pihak UKM.

Yang Berhormat Sungai Petani mencadangkan supaya setiap lembaga wilayah membuat kajian dan setiap lembaga memberi fokus kepada pengeluaran produk herba dan sebagainya. Kita bersetuju bahawa memang kita mempunyai perancangan satu daerah satu industri, satu kampung satu usahawan dan sekarang cadangan Yang Berhormat, satu lembaga wilayah satu produk. *Insya-Allah* kita akan laksanakan.

Yang Berhormat juga membangkitkan tentang bagaimana kita mengambil *advantage* dengan hubungan kita dengan Negara China pada hari ini. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi program membawa usahawan ke luar negara ini, kita mengadakan NBOS dengan MITI dan sebagainya kerana MITI bertanggungjawab dari segi membawa usahawan ke luar negara dan sebagainya. Setakat hari ini, kita akan memperkasakan usahawan kita di dalam negara ini terutamanya yang melibatkan usahawan desa dan sebagainya. Kita memberi fokus yang paling penting adalah daripada segi *packaging* produk-produk mereka. Mengelalkan kualiti supaya tidak ada, mesti konsisten daripada segi kualiti mereka. Apa yang lebih penting untuk bawa ke luar negara adalah *consistency* daripada segi *supply*. Jadi ini yang telah, sudah kita bentuk usahawan-usahawan kita supaya boleh memenuhi kriteria ini dan selepas itu kita akan temukan dengan pihak MITI terutamanya MATRADE untuk bantu kita pasarkan di luar negara.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Pengurus, saya juga bangkitkan tentang persediaan kita dalam bahasa Yang Berhormat Menteri. Ini kerana baru-baru ini

saya balik dari Jakarta. Saya tengok sekolah-sekolah *private* yang mengajar Mandarin di Jakarta tumbuh macam cendawan selepas hujan. Bila ditanya mereka, mereka kata persediaan mereka untuk menerima apa yang sedang berlaku di China. Saya rasa kalau bandingkan kita dengan Filipina dan juga Indonesia *in terms of advantage* yang kita ada sekarang ini, sebab jumlah penduduk Cina kita lebih banyak di sini. Untuk itu saya rasa harus ada persediaan di peringkat orang Melayu dan juga bumiputera sebab bila kita ditanya oleh peniaga-peniaga dari China, kita terpaksa ambil *interpreter*. *Interpreter* inilah jadi masalah, sedangkan kalau kita boleh berbahasa Mandarin khususnya usahawan-usahawan muda kita, saya ingat banyak isu yang selesai. Jadi mereka tidak payah cari *interpreter*, tetapi usahawan kita boleh berbahasa Mandarin dengan baik. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih. *Insya-Allah* kita akan beri perhatian kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tersebut.

Yang Berhormat Tanjung Manis, okey saya bagi bertulis. Yang Berhormat Sandakan, bagi bertulis. *[Disampuk]* Eh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah balik, sudah balik.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sudah. Saya nampak, saya berdiri. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Seputeh boleh berdiri bagi pihak dia. Hai, Seputeh dia kata kampung, tak apa.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya berdiri. Eh, kita sudah beritahu orang Sabah dan mereka sedang menonton yang *live telecast* sidang ini.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Tak apa, tak apa. Kita jawab, kita jawab.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Mereka tunggu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Jadi, belum lagilah.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Kota Kinabalu, Kota Kinabalu wakil.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ha, KK,KK.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Macam ini...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya kena adil sebab yang tak ada yang lain saya beri bertulis. Bertulis pun sama juga.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak boleh salahkan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Dia boleh balik baca jawapan saya dengan rakyat tempat dia.

Yang Berhormat Sik, ada. Memohon supaya kementerian memperuntukkan bajet untuk membaiki *wiring* dan bumbung untuk 600 buah rumah dan PPRT. Seperti saya sebutkan tadi untuk tahun depan, jumlah berapa yang kita akan beri, kita akan maklumkan. Jumlah tersebut yang diberikan, kewangan tersebut bolehlah digunakan untuk membaik pulih rumah, membina rumah baru dan sebagainya berdasarkan kepada keperluan mengikut apa yang diperlukan oleh penduduk di situ. Yang Berhormat ya. Kita akan bagi. Kita sekarang sedang membuat *mapping* untuk menentukan kawasan Parlimen ini dapat berapa, kawasan Parlimen ini dapat berapa mengikut keluasan kawasan Parlimen. Macam di Kinabatangan sebagai contoh. Satu parliment seluas negeri Pahang sahaja. Jadi kita akan tengok keperluan kawasan mereka. Begitu juga di Sarawak yang mempunyai kawasan yang luas. Jadi kita akan tengok daripada kesesuaian tempat, jumlah pengundi dan sebagainya.

Untuk penyediaan rumah di Rimba Teloi dan sebagainya, jawapan saya sama. Jambatan menyeberangi Lubuk Besar dan juga jambatan Padang Toi. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti juga yang lain, kementerian akan melihat kepada permohonan Yang Berhormat dan kita juga akan meminta pihak JKR negeri untuk mengadakan siasatan dan membuat *costing* dan jajaran dan sebagainya untuk kita bincang dengan pihak EPU.

Begitu juga Jalan Perhubungan Desa, PJK, sama juga dengan tempat lain. Kita akan melihat senarai dulu. Saya harap berikan senarai. Begitu juga dengan Yang Berhormat Sibuti, senarai projek jalan kampung, kita bagi senaraikan kepada kita. Bilakah penyambungan bekalan air ke Opak Nusa, Rumah Bulin dan Rumah Langgi. Untuk makluman Yang Berhormat, kesemua kawasan ini telah pun diluluskan untuk pelaksanaannya di bawah RP2. Tahniahlah Yang Berhormat. Permohonan lampu jalan, saya sudah sebut tadi.

Yang Berhormat Sekijangg, tentang tanam semula. Saya sudah sebutkan tadi bahawa pihak RISDA mempunyai peruntukan untuk tanam semula, malah dinaikkan daripada RM163 juta pada tahun 2016 kepada RM178 juta. Kita tidak lagi membuat perubahan untuk menetapkan masa dan sebagainya seperti yang dicadangkan tadi.

Yang Berhormat Sekijang membangkitkan apakah projek peningkatan ekonomi penduduk Hulu Terengganu dalam wilayah KETENGAH. Bagi pihak Hulu Terengganu, untuk makluman Yang Berhormat, beberapa program peningkatan ekonomi Hulu Terengganu ialah projek tanaman jagung dan ternakan kelulut. Seramai 50 orang peserta di Kampung Tok Dor dengan peningkatan pendapatan sebanyak RM500

seorang dan kos projek sebanyak RM15,000. Keduanya, program peningkatan pendapatan, bantuan peralatan input pertanian dan perniagaan kecil. Seramai 9 orang dengan kos sebanyak RM37,000, peningkatan pendapatan sebanyak RM500 seorang yang melibatkan 5 buah kampung iaitu Kampung Tok Dor, Kampung Landas, Kampung Peroh, Kampung Sungai Binjai dan Kampung Durian Kassim.

Yang Berhormat Sekijang juga membangkitkan tentang peningkatan naik taraf premis perniagaan MARA di Segamat. Cadangan untuk meningkatkan premis di Segamat telah pun dimasukkan dalam transformasi premis perniagaan luar bandar untuk tahun 2017.

Yang Berhormat juga membangkitkan tentang status MRSM Segamat. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pembinaan MRSM Segamat telah dikemukakan oleh pihak kementerian dalam RP2 tahun 2017, tetapi tidak dipertimbangkan oleh EPU. Walau bagaimanapun, kita sekali lagi akan mengemukakan cadangan tersebut dalam RP3. Kita kemukakan sekali lagi Yang Berhormat ya.

Yang Berhormat Kuala Selangor, Rumah Bina Negara untuk Kuala Selangor. Ada, memang ada dan jumlahnya kita akan tentukan.

## **■2130**

Rumah PPRT sama juga, sila senaraikan untuk kita masukkan di dalam senarai kita. Menaik taraf kursus GIATMARA. Yang Berhormat mencadangkan supaya dinaik tarafkan kursus-kursus di GIATMARA Kuala Selangor kerana ada dua kursus sahaja iaitu jahitan dan fotografi kepada kursus automotif, elektronik, media dan sebagainya.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempergerusikan Jawatankuasa]*

Untuk makluman Yang Berhormat, GIATMARA sedang melaksanakan kajian ke atas kursus yang dilaksanakan untuk tahun 2016 dan 2017. Beberapa pusat GIATMARA telah diluluskan untuk peningkatan kursus baru mengikut keperluan industri. Cadangan Yang Berhormat akan kita pertimbangkan di dalam RMKe-11 iaitu RP3. Cadangan untuk membesarkan GIATMARA, kita akan mengambil kira cadangan Yang Berhormat dan kita akan masukkan dalam RP3 juga ya.

Tentang cadangan untuk menjadikan RTC yang dicadangkan di Kuala Selangor berdaya maju dan menjadi tarikan orang ramai. Pihak kementerian sedang mengkaji kesesuaian cadangan pembangunan PPK Kuala Selangor dan kita akan kaji jenis perkhidmatan yang dapat kita laksanakan di RTC tersebut untuk kita pastikan yang RTC Kuala Selangor itu berdaya maju dan menjadi tarikan kepada orang ramai.

Yang Berhormat Sekijang ada tertinggal tadi. Status pelaksanaan Mini RTC di Sekijang. Jadi kerajaan akan meneliti cadangan tersebut. Setakat hari ini kita sudah ada

24 Mini RTC di seluruh Johor dan kita akan memberikan pertimbangan kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tenom. Ada? Oh, ada. Cadangan menaik taraf Jalan Kemabong-Merudom dan cadangan jalan lain seperti Kampung Semabong, Kampung Ringgit. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan pelaksanaan Jalan Kemabong-Merudom telah diangkat ke EPU bagi kelulusan pelaksanaan di bawah Rolling Plan Kedua. Walau bagaimanapun, projek ini tidak tersenarai di bawah kelulusan projek RP2 RMKe-11. Jadi bagi cadangan pembinaan jalan-jalan tersebut, kementerian akan mengambil maklum dan akan memanjangkan cadangan ini kepada JKR Negeri Sabah untuk siasatan dan anggaran kos bagi kita bentangkan permohonan ini ke EPU JPM. Belum ada lagi Yang Berhormat.

Yang Berhormat Baram, Yang Berhormat Baram? Ada?

Yang Berhormat Setiu memohon tambahan tadika di kawasan Parlimen Setiu. Terima kasih Yang Berhormat, permohonan Yang Berhormat Setiu akan dipertimbangkan tertakluk kepada keperluan dan peruntukan kewangan yang ada pada KEMAS.

Yang Berhormat Lubok Antu saya sudah sebutkan? Saya sudah umum tadi. Yang Berhormat Sibuti. Permohonan bekalan elektrik luar bandar di Rumah Baling, Rumah Untung, Bekenu Asli di dalam kawasan Sibuti. Permohonan ini kita akan kemukakan kepada Kementerian Kemudahan Awam Sarawak kerana belum lagi ada di dalam senarai.

Yang Berhormat Baram? Tidak ada. Yang Berhormat Tenom, bekalan elektrik di kawasan Tenom. Seperti juga yang lain-lain kita akan kemukakan kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah untuk tindakan seterusnya.

Yang Berhormat Parit tentang JAKOA. Bertanya tentang kemudahan asas di Parlimen Parit di perkampungan Orang Asli iaitu Perkampungan Orang Asli Sungai Perah, Kampung Suak Padi, Kampung Tumbuh Hangat dan Kampung Gedong Batu. Untuk makluman Yang Berhormat, empat buah kampung yang dinyatakan iaitu Kampung Sungai Perah, Kampung Suak Padi, Kampung Tumbuh Hangat dan Kampung Gedong Batu telah dilengkapi kemudahan-kemudahan seperti bekalan elektrik, bekalan air dan jalan. Walau bagaimanapun kementerian akan menyemak semula kampung-kampung tersebut yang memerlukan dari segi pembaikan dan kemudahan-kemudahan tambahan. Okey.

Yang Berhormat Sungai Besar. Ada. Oh, Yang Berhormat Sungai Besar. Pelaksanaan Program MRSM Ulul Albab. Mengenai program pelaksanaan MRSM Ulul Albab. Program Ulul Albab sememangnya mendapat permintaan tinggi daripada

masyarakat. Setakat ini MARA telah melahirkan 1,076 orang hafiz melalui program Ulul Albab MRSM. Pada masa ini terdapat empat buah MRSM di seluruh negara yang melaksanakan program Ulul Albab termasuk yang terbaru di MRSM Sungai Besar.

Seterusnya MARA merancang untuk melaksanakan Ulul Albab di beberapa MRSM seperti di Semporna, MRSM Bagan Datoh serta MRSM Ketereh, termasuk juga MRSM Bera. Fasal pegawai saya tidak tulis sini jadi saya masukkan terus, baru masuk iaitu antara yang akan dibina.

Yang Berhormat Baram. Okey. Yang Berhormat Parit mohon naik gaji dan gred pemaju masyarakat, guru tabika. Untuk makluman Yang Berhormat mulai 1 Julai 2016, kerajaan telah melaksanakan rasionalisasi skim perjawatan. Melalui rasionalisasi ini gred guru tadika dinaikkan daripada S17 kepada S19 dan gaji minimum juga dinaikkan ke RM1,200.

KEMAS menyediakan peluang untuk guru tadika naik gred S29 dengan mengikuti program diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan juga IPG – Institut Pendidikan Perguruan dan juga Kolej KETENGAH. Okey, saya kira habis sudah kertas saya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dua soalan saya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ada lagi?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ha. Yang tentang...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Tentang yang mana?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Orang Asli, yang berkenaan dengan...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Oh, saya sudah...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bukan, bukan, bukan. Ini belum sentuh lagi. Sistem komunikasi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Sistem...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Komunikasi. Internet *mobile*.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ya lah saya kira macam ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang itu dengan program pendidikan kursus Melayu, Malaysia–Jepun.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Macam ini Yang Berhormat bagi dekat saya apa yang hendak dibangkitkan saya akan jawab. Walaupun tidak, di luar Dewan pun saya tetap akan jawab sebab biasanya kita bangkitkan sewaktu isu itu diperbincangkan. Oleh sebab isu Masyarakat Orang Asli telah pun lepas, jadi saya tidak boleh ulang kerana kalau tidak nanti banyak lagi isu-isu lain yang akan naik. Isu KEMAS, isu bagai-bagai lagi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Bukan...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Walau bagaimanapun Yang Berhormat boleh beri kepada saya soalan secara bertulis dan saya akan jawab secara bertulis.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Soalan sudah ada dekat pegawai.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Ada.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Mesti ada punya. Tadi dalam perbahasan saya.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Saya akan beri jawapan bertulis ya. *Insya-Allah* saya beri jawapan bertulis.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih sekali lagi saya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana telah pun begitu aktif sejak daripada tadi untuk memberikan pandangan dan sokongan kepada pihak kementerian. *Insya-Allah* segala yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat kita akan mengambil tindakan seterusnya. Terima kasih, *Assalamualaikum*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,218,079,700 untuk Maksud B.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM3,218,079,700 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM5,829,709,100 untuk Maksud P.22 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM5,829,709,100 untuk Maksud P.22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

**Maksud B.47 [Jadual] -**

**Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Giliran Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di

bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Seremban.

### **9.39 mlm.**

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya untuk memulakan perbahasan untuk Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Saya berasa kecewa kerana Yang Berhormat Menteri tidak ada untuk menjawab perbahasan ini.

### **■2140**

Pertamanya berkenaan dengan Butiran 030000 – Operasi. Saya hendak tanya kepada pihak kementerian, mengapakah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia menyalahgunakan kuasa untuk menyita dan juga mengambil dua buah komputer dari *Malaysiakini* dua hari yang lepas? Ini kerana satu video yang dimuatkan dalam KiniTV yang berkait dengan satu sidang akhbar yang dibuat oleh Datuk Khairuddin berkenaan dengan laporan beliau terhadap SPRM, berkenaan dengan Peguam Negara. Apakah tindakan untuk menyita komputer dan juga menyita pejabat *Malaysiakini* ini telah mencabuli kebebasan internet dalam negara kita yang dijamin oleh kerajaan...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Butiran apa ya?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** ...Semasa kerajaan menuju ke *Multimedia Super Corridor*? Ini merupakan satu penyalahgunaan kuasa dan mengapakah media alternatif ataupun media ini di...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar, Yang Berhormat. Saya kena *check* sama ada ini dalam kes mahkamah atau tidak.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tidak adalah. Tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Adakah ini dalam kes mahkamah?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Ia belum kes mahkamah,

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak? Okey.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Ia hanya menyita. Ia menyita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak apalah. Saya minta penjelasan Menteri. Tidak salahkan?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tak, tak. Tak salah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan ya.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Pengerusi tak salah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Saya cuma kata tindakan menyita ini hanya berlaku dua hari yang lepas. Mengapakah pihak SKMM menyalahgunakan kuasa untuk cuba menutup ataupun memberikan tekanan kepada media terutamanya media alternatif seperti *Malaysiakini*? Kerana ini merupakan satu tindakan yang cukup tidak adil kepada pihak media. Kalau tindakan Datuk Khairuddin itu menyalahi undang-undang, pihak berkuasa bolehlah menyiasat Datuk Khairuddin yang membuat laporan itu. Mengapakah orang ataupun media yang melaporkan berita itu pula dihukum dengan menyita pejabat mereka dan dua buah komputer telah diambil? Saya berharap satu komitmen, satu penjelasan dapat diberikan supaya perkara seperti ini tidak lagi berulang.

Keduanya, Tuan Pengurus, Butiran 060000 – JASA. Saya hendak tanya, berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh JASA untuk membawa Arul Kanda ke Sydney, Australia untuk memberi penjelasan kepada pelajar-pelajar di Sydney berkenaan dengan 1MDB? Ini bukan merupakan satu-satunya acara yang telah diadakan oleh JASA, membawa Arul Kanda ke sana dan ke sini, ke universiti-universiti tempatan pun ada banyak kali telah dibawa Arul Kanda ini. Memang ramai pelajar telah mengkritik sesi-sesi ini sebagai satu sesi *brainwashing*. Ia bukannya satu sesi ilmiah, bukannya satu sesi yang boleh membenarkan perbahasan dan perdebatan tetapi seolah-olah satu sesi untuk membersihkan nama 1MDB.

Apa yang kita telah dapati di Sydney ialah pihak yang mengaturkan perjumpaan ini dan juga Speaker iaitu Arul Kanda, tidak berani menjawab soalan-soalan yang kritikal terutamanya apabila pihak penganjur telah mengeluarkan ataupun menghalau seorang pemberita dari Australia, daripada *Wall Street Journal* kerana cuba bertanya soalan kepada pihak penganjur.

Saya melihat dalam buku bajet kita, dalam JASA, objektifnya ialah membentuk masyarakat Malaysia yang berkeyakinan diri, matang, kukuh nilai moral dan berjiwa patriotik. Saya hendak tanya, kalau JASA sendiri membuat satu program membawa seorang penceramah pergi keluar negara, ada wartawan hendak tanya soalan tidak berani jawab, tidak berani berhadapan dengan wartawan, bagaimana ini dapat mengatakan bahawa JASA ini boleh membentuk masyarakat kita yang berkeyakinan diri? JASA sendiri tidak berkeyakinan diri untuk menjawab persoalan-persoalan, tidak berani menjawab apa-apa yang mempertahankan kebenaran. Ini yang saya hendak persoalkan.

Kita harap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab nanti dapat memberikan butiran berapakah kos yang telah dibelanjakan oleh JASA terutamanya

dalam sesi-sesi ceramah berkenaan dengan 1MDB ini dan khususnya berkenaan dengan lawatan ke Australia baru-baru ini.

Ketiga, Tuan Pengurus, Butiran 090000 – BERNAMA. Saya ada baca satu berita pada pagi tadi bahawa seorang pengacara dalam BERNAMA TV yang bernama Datuk Dahlan Maamor telah membuat aduan bahawa program beliau iaitu *Ruang Bicara* telah diberhentikan. Bukan diberhentikan tetapi apabila beliau pada dua hari yang lepas cuba membuat satu program *live*, secara langsung dalam program *Ruang Bicara* untuk membincangkan PERMATA, beliau telah tidak dibenarkan untuk menghoskan program itu. Diberitahu 20 minit sebelum siaran langsung itu dijalankan. Alasannya ialah penerbit program tersebut telah dihubungi oleh seseorang yang memberikan arahan dengan menggunakan nama isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah mengatakan bahawa pengacara ini tidak disukai dan dia tidak boleh hos program itu.

Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian malam ini, siapakah seseorang itu yang membuat panggilan tersebut? Adakah seseorang itu boleh begitu berkuasa, boleh mengatasi kuasa Menteri, boleh mengatasi kuasa Timbalan Menteri, boleh mengarahkan BERNAMA untuk menukar hos itu pada bila-bila masa? Kalau itu, siapa-siapa tidak suka hos BERNAMA TV itu bolehlah panggil kepada BERNAMA cakap pakai namalah, nama isteri Perdana Menteri, begitu kuasanya, kita boleh tukar hos pada bila-bila masa.

Jadi saya harap perkara ini dapat diperjelaskan. Adakah benar bahawa penerbit telah menerima panggilan telefon daripada seseorang itu dan siapakah itu? Mengapakah penerbit itu boleh menukar pengacara itu oleh kerana hanya satu panggilan telefon daripada seseorang yang dikatakan membuat panggilan telefon itu bagi pihak isteri Perdana Menteri? Apakah itu SOP dalam BERNAMA? Kalau kementerian sendiri tidak boleh mempertahankan kewibawaan dan juga kebebasan pengacara sendiri, apakah ini menunjukkan bahawa Yang Berhormat Menteri sendiri tidak ada kuasa terhadap BERNAMA TV?

Tuan Pengurus, saya hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan Butiran 53000 – Dasar Industri Kreatif Negara dan juga Butiran 100000 – FINAS. Dasar Industri Kreatif Negara diperuntukkan RM130 juta. Saya hendak tanya ialah bagaimanakah RM130 juta ini dioptimumkan, digunakan, diperuntukkan? Ini kerana saya lihat bahawa pada tahun depan, peruntukan ini telah bertambah berkali ganda kerana sebelum ini, tahun ini tidaklah sebanyak RM130 juta diperuntukkan. Bagaimanakah RM130 juta ini akan diperuntukkan? Memang kita rasa bahawa filem-filem tempatan kita, dasar-dasar kreatif negara kita perlu ditingkatkan, dibangunkan tetapi saya rasa kita perlu mengambil satu pendekatan bahawa filem-filem negara kita, filem-filem Malaysia ini perlulah kita

galakkan kepelbagaian. Apa yang berlaku tahun ini dalam Festival Filem Malaysia, kita harap tidak berulang lagi.

Saya dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin mengatakan bahawa saya menghargai peranan yang telah dimainkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam isu Festival Filem Malaysia tahun ini yang pada satu ketika pencalonan beberapa filem yang bukan bahasa Malaysia tidak dicalonkan dalam kategori filem terbaik Malaysia. Isu tersebut diselesaikan selepas ada campur tangan daripada Yang Berhormat Menteri. Memang kita menghargai peranan yang telah dimainkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Akan tetapi, saya rasa dasar FINAS, dasar kementerian dalam filem-filem, dalam mempromosikan filem-filem Malaysia itu perlulah mengambil kira kepelbagaian dalam negara kita. Janganlah kita membiarkan bahawa oleh sebab *content* filem itu tidak banyak menggunakan bahasa Malaysia walaupun kandungannya ala Malaysia, kandungannya bersifat rakyat Malaysia, itu tidak dianggap sebagai filem Malaysia. Kita harap ini dapat diperbetulkan kerana kita rasa filem-filem seperti *Ola Bola*, seperti *Jagat* khususnya *Ola Bola* yang saya sendiri ada tonton, memang filem-filem tersebut bukan sahaja merupakan satu filem yang amat bermutu tinggi tetapi ia telah menaikkan semangat kenegaraan, semangat perpaduan di antara kaum-kaum kita.

Saya rasa Tuan Pengurus sendiri pun boleh bersetuju kerana filem tersebut memaparkan bintang-bintang bola sepak kita pada tahun 80-an dan filem itu telah berjaya menyatupadukan rakyat Malaysia dan sesiapa sahaja yang menonton filem tersebut akan merasakan bahawa itulah masyarakat Malaysia yang kita harapkan dapat dikekalkan pada hari ini. Jadi saya rasa filem-filem seperti itu perlulah kita promosikan, kita bangunkan dan kita harap insiden yang berlaku dalam Festival Filem Malaysia pada tahun ini tidak akan berulang lagi. Kita harap penganjuran Festival Filem Malaysia akan dapat diperbaiki supaya filem-filem yang merangkumi semua filem yang dihasilkan oleh rakyat Malaysia itu dapat kita bangunkan bersama.

Akhir sekali yang saya hendak tanya ialah adakah kontrak Ketua Pengarah FINAS, Dato' Kamil Othman akan diperbaharui kerana nampaknya Ketua Pengarah ini amat popular di kalangan penggiat-penggiat seni. Saya baru baca ada satu berita bahawa ada satu petisyen di kalangan penggiat-penggiat filem dan juga seni telah membuat satu petisyen kepada pihak kementerian supaya memperbaharui kontrak Dato' Kamil Othman untuk terus menerajui FINAS. Terima kasih.

**Tuan Pengurus Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu.

■2150

#### 9.49 mlm.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya tidak hendak mempolitikkan bajet ini. Apa yang saya hendak cakap adalah daripada denyut nadi rakyat saya sendiri. Yang saya hendak sebut ialah Butiran 050200 – Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat, Butiran 050700 – Teknologi Maklumat. Jadi, saya tidak pasti mana satu yang saya hendak bercakap sini dari segi perkhidmatan Internet 1Malaysia.

Ini adalah rentetan daripada surat, saya menerima e-mel. Surat ini menunjukkan kepada Pengarah Suruhanjaya Komunikasi bertarikh baru sahaja lagi, 3 November baru-baru ini. Jadi apa yang ditulis adalah daripada JKKK Kampung Pandang Saujana. Dia minta supaya diadakan Internet 1Malaysia berdasarkan kepada penduduk agak padat, sekarang 2,000 orang. Di sekitar dia ada kampung lain iaitu kampung Saujana dan kampung... *[Tidak jelas]* dan kampung Fikri. Di sekitarnya jumlah keseluruhan penduduk 10,000 orang jadi tidak ada perkhidmatan internet yang laju, susah kepada mereka penduduk di sana.

Jadi sebenarnya golongan sasaran ini banyaklah kanak-kanak, golongan muda, pelajar-pelajar mana di bawah 18 itu dikira sebagai kanak-kanak. Jadi tujuan sebenarnya untuk mengurangkan jurang. Kalau di bandar banyak perkhidmatannya tapi di kawasan kampung ini memang tidak ada. Jadi saya minta sangat-sangatlah daripada Timbalan Menteri, orang Terengganu ya, tidak apa.

Kemudian yang akhirnya, Butiran 060100 – JASA. Saya lihat peranan JASA di kawasan saya ini tidak berapa hendak bergerak sangat. Alasannya peruntukan tidak ada. Jadi sayalah yang tempat dia orang mengadu, macam mana hendak buat, hendak buat program macam mana, macam mana-macam mana.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi kita agak susahlah – bisinglah nyonya. Jadi itu sahajalah saya minta sangat-sangatlah supaya permohonan saya diberikan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Kawan.

#### 9.53 mlm.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk— maaf ya. Saya ingin merujuk kepada Butiran 100000 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh

isu kes Lena Hendry yang telah didakwa di mahkamah di atas penyiaran dengan izin *the screening of movie, No Fire Zone*. Tuan Pengerusi, gambar ini boleh diakses melalui internet dan boleh didownload cerita dengan izin, *compilation of true scene of what happened during the civil war*. Ia menunjukkan tayangan insiden-insiden, scene yang menunjukkan pembunuhan secara kejam Rejim Sinha Sri Lanka pada masa itu dan pada 3 Julai 2013, beliau bersama dengan KOMAS, satu NGO telah menyiaran gambar ini dalam satu *private function* di *Chinese Assembly Hall*.

Pada masa itu didapati mungkin ada satu *tip off* kepada *High Commissioner of Sri Lanka* yang telah menyebabkan KDN, daripada FINAS, pihak polis, telah menyerbu dengan izin *they raid up the place. They went and then arrested Lena Hendry on charges screening something without the approval of FINAS*. Saya ingin tanya di sini, kalau tayangan itu boleh didownload dari internet dan ia memaparkan apa yang berlaku di negara yang lain. *Crimes against humanity, war crime in other countries*. Mengapa kerajaan masih lagi bertubi-tubi mahu mendakwa *Lena Hendry because she was acquitted* dengan izin Tuan Pengerusi *this year but her acquittal was actually appealed by the government*.

Saya faham isu ini masih berada di mahkamah tetapi saya ingin tahu apakah bidang kuasa FINAS dan apakah kepentingan FINAS dalam isu ini. *We need to encourage a society*, satu masyarakat Malaysia yang berani untuk berfikir di luar kotak. Kita harus menggalakkan rakyat Malaysia untuk bangun dan bersuara untuk menentang apa yang tidak benar, untuk menentang apa yang meragu-ragukan. Berani untuk bertanya soalan dengan izin, *the right to dissent, the right to be heard, the right to free speech and the right to thought* tetapi dalam kes ini sampai hendak menayangkan satu tayangan video dalam *private function, a movie that can be easily downloaded. I mean* dengan izin Tuan Pengerusi, *you can download porn online, you can download porn on YouTube but when you download movie like No Fire Zone and screen it in the private function, FINAS comes after you, the government comes after you*.

Jadi walaupun *I am against pornography and any kind of violence* tapi benda ini patutlah dihebahkan, benda ini patutlah diketahui ramai. Selain daripada negara India dan Kanada, Malaysia mempunyai diaspora Tamil yang paling tinggi di dunia. So, we as part of global community dan juga Malaysia ada kepentingan pelaburan di Sri Lanka dan Sri Lanka ada kepentingan pelaburan di sini. Maka benda macam ini tidak patut berlaku ia menunjukkan kerajaan menggunakan Jabatan-jabatan Penerangan, menggunakan FINAS untuk mengekang kebebasan untuk bersuara, kebebasan untuk berfikir, kebebasan untuk menunjukkan kepada orang ramai apa yang berlaku di negara lain.

Apa yang saya hendak bawa sini Tuan Pengerusi adalah dengan izin, Malaysia speak very passionately about what is happening between Palestine and Israel conflict. Banyak tayangan dan episod ramai yang telah diterbitkan untuk tujuan itu, untuk menunjukkan apa yang berlaku di sana. Also pada bulan Ramadan we see the whole 30 days about the entire Ramadan, how it started you know and sekarang ini ramai yang bukan beragama Islam menikmati the journey of Ramadan for the whole month.

So, when FINAS can have and allowed such good culturally, good moral programmed. Mengapa perlu FINAS campur tangan dan mengatakan tidak boleh, ini tidak boleh disiarkan di Malaysia and then also FINAS is not helping. FINAS tidak membantu untuk mengatakan, tidak apalah ini bukannya dia dapat benda ini cetak rompak ataupun gambar ini banned in other countries and all. Apa masalahnya ialah—apa yang dikatakan oleh FINAS adalah Lena Hendry tidak mendapat persetujuan daripada FINAS tetapi this movie can be downloaded everyway by you yourself Tuan Pengerusi. You can download it, the Minister can download it. He can download it now and watch it, we can screening in Parliament also. FINAS cannot do anything but they are going after Lena Hendry.

Jadi saya berharap Menteri boleh memberikan pandangan beliau bukan *sub judice* dalam Dewan yang mulia ini. Apa pendirian kementerian mengenai isu-isu seperti ini because this create dangerous precedent dengan izin Tuan Pengerusi. We must encourage young movie maker to make good movies that may touch on sensitive issues seperti Jagat. Jagat has not been touched by FINAS, they allow it because it show the reality a young boy from the estates, expose to violence gengsterism tetapi kenapa No Fire Zone, kerajaan ini bertubi-tubi going after Lena Hendry.

Jadi saya mohon kepada semua yang dengar di sini saya harap Attorney General pun mendengar ucapan saya dan akan menarik balik the appeal by the government against Lena Hendry because she was acquitted and the government appealing the acquittal. Jadi saya berharap kementerian memberikan satu penjelasan untuk memberi justifikasi why is FINAS rallying behind Lena Hendry, why they going after her no matter what. Itu sahaja Tuan Pengerusi yang ingin saya bawakan, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Gerik.

#### **9.59 mlm.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi saya hendak sentuh Butiran 050000 – Jabatan Penerangan iaitu saya hendak mencadangkan kepada Jabatan Penerangan seluruh negara supaya PA-PA sistem dibekal baru.

**■2200**

Sebab kadang-kadang apabila kita hendak buat program di bahagian kita, *PA system* ini, ia tidak berapa *smart*. Padahal Jabatan Penerangan mestilah mempunyai *PA system* yang *smart*. Kedua, antara JASA dan Jabatan Penerangan, yang kita lihat programnya bawah satu bumbung tetapi kita tidak melihat perbezaannya.

Oleh sebab itu, berdasarkan Butiran 060000 – Perkhidmatan Hal Ehwal Khas (JASA), supaya diperbanyakkan lagi Program Mesra Jiran. Ini kita tengok untuk seluruh negara baru 7,000. Kalau boleh sebulan, dua kali program itu diadakan, bolehlah kita terangkan kepada masyarakat di bawah supaya memberi keberkesanan kepada kita di kampung. Dalam pada itu juga, Program Bina Insan mesti diperbanyakkan dan lain-lain yang mana ini boleh memberikan kesedaran di peringkat bawah. Bukan saya kata tidak ada, tetapi kita hendak lebih diperkasakan program yang dijayakan oleh JASA dan juga program yang dijayakan oleh Jabatan Penerangan.

Dalam masa yang sama, kita hendak tengok juga iaitu Butiran 31000 - Projek Jalur Lebar. Saya berharap kementerian boleh menerangkan sejauh mana perkembangan projek jalur lebar di seluruh negara. Walaupun saya kata di Gerik mendapat *signal* di pekan, baik tetapi di kampung-kampung, kadang-kadang gambar memusing lama, dekat satu minit, dua minit. Walaupun dapat tetapi lama. Kita pun naik *boring* tengok *handphone* tidak dapat gambar yang elok. Dalam kita dengar belanjawan yang dibentangkan, kita hendak jadi negara yang terbaik dalam projek jalur lebar di seluruh negara, tidak kira di bandar, di luar bandar. Maka, mintalah pihak kementerian menerangkan projek jalur lebar sejauh mana sudah mencapai sasaran di seluruh negara. Dengan ini, saya menyokong untuk dalam Jawatankuasa. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh.

#### **10.02 mlm.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Seputeh.

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Si putih kah Seputeh?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Seputeh. Terima kasih Tuan Penggerusi. Saya hendak bangkitkan Butiran 100000 - Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Tahun ini saya menonton dua buah filem tempatan, satu ialah *Ola Bola* dan satu lagi *the Kid from The Big Apple*. Dua-dua ini yang menjadikan saya menitis air mata dalam panggung wayang dan saya tahu- saya ada kawan yang menonton filem *Ola Bola* beberapa kali juga. Tiap-tiap kali masuk panggung wayang, dia juga menangis kerana

plot *Ola Bola* ini memang menyentuh hati ramai. Bagi saya, saya rasa— Tuan Pengerusi pernah tengok ke?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Selepas ini, kita boleh ajak tengok bersama.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia punya score betul ke?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Betul. Okey, sebenarnya saya hendak sebutkan yang di negara kita ini, kita ada banyak *talent*. Kita ada ramai *talent* yang dalam bidang kreatif, bidang perfileman dan kita sepatutnya pihak FINAS seharusnya beri galakan kepada mereka. Jadi, kali ini saya lihat yang peruntukan kepada FINAS ini tidak dikurangkan tetapi tambah sedikitlah. Saya rasa ini adalah benda yang baik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kena setuju sahaja itu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ha?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kena setuju bajet untuk kekalkan peruntukan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yakah? Ya, dalam bidang inilah. Saya belum habis ucapan saya lagi. Saya hendak puji kita ada *talents*. *Malaysia has talents, Malaysia got talents*. Jadi tetapi saya juga hendak menyeru pihak FINAS seharusnya beri lebih kebebasan dan juga ruang kepada pembuat filem. Kita janganlah adakan filem yang mengagung-agungkan Kerajaan Barisan Nasional. Bagi mereka yang betul-betul buat seni atau pun filem, ini tidak akan berlaku. Jangan pergi taja filem macam Tanda Putera yang memecahbelahkan hubungan di antara kaum ini di negara kita lagi. Akan tetapi haruslah kita menggalakkan lebih pengeluar filem, keluarkan filem yang ada mesej positif terhadap perpaduan di antara kaum negara kita dan juga mesej yang positif tentang yang boleh *motivate the country* untuk *to move forward*.

Ini pandangan saya dan saya tahu kita ada seorang, Ong Ming Chi, seorang pembuat filem yang selalunya filem itu menghadapi masalah dan halangan daripada pihak kerajaan kerana kononnya ia agak kritikal terhadap kerajaan. Saya rasa kesemua ini tidak harus berlaku dan saya juga tahu ada satu filem bahasa Tionghoa tentang New Village, berkenaan Kampung Baru Cina yang sampai sekarang pun tidak ditayangkan. Saya hendak tahu apa yang berlaku pada filem New Village ini kerana ini juga satu filem buatan tempatan. Tuan Pengerusi, saya juga hendak tanya tentang Butiran 090000 - BERNAMA. Yang BERNAMA ini apakah BERNAMA TV khususnya, apakah langkah kerajaan untuk menarik minat lebih ramai penonton untuk menonton BERNAMA TV?

Kalau hendak lebih orang menonton BERNAMA TV, ia haruslah menjadi satu badan yang agak *neutral*. Tidak digunakan untuk mengagung-agungkan segala-gala dasar Barisan Nasional dan mengagung-agungkan pemimpin Barisan Nasional sahaja. Kalau ini ia dijadikan satu saluran, dianggap sebagai saluran kerajaan, tentu tidak ada orang menonton.

Sehingga pada tahun lepas, kita baca surat khabar yang sudah beberapa bulan pihak BERNAMA TV tidak bayar gaji kepada mereka. Jadi, saya hendak tahu, apakah keadaannya sekarang? Ini kerana saya lihat di bawah Butiran 120000 – “One-Off” itu, tidak ada satu peruntukan sebanyak RM10 juta untuk BERNAMA. Saya hendak tahu apakah peruntukan *one-off* RM10 juta ini? Adakah itu untuk bayar kerugian oleh TV BERNAMA atau apa? Saya juga hendak *complain*, tiap-tiap kali apabila ada hujan lebat, itu Astro tergendala. Tidak ada gambar.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Betul, Yang Berhormat Gerik pun bersetuju dengan saya. Saya rasa kita ini bayar tahu, satu bulan RM100 lebih untuk *subscribe* kepada Astro. Kenapakah ini berlaku? Adakah teknologi kita ini ada masalah atau pun Astro yang ada masalah sehingga tiap-tiap kali apabila ada hujan lebat, tidak ada gambar? Kenapakah ini tidak berlaku di Singapura dan juga banyak negara yang lain tetapi hanya di Malaysia kerana kita bayar. RTM dan TV3 yang TV *channel* yang biasa ini tidak berlaku tetapi hanya berlaku pada Astro sahaja.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kalau kita hanya *subscribe* pada Astro, kita menonton RTM, TV3 punya program melalui Astro, *sure* yang seluruh TV itu tergendala. Ha, ya. Sila.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Seputeh, mungkin kita perlu mendapatkan teknologi dari Hawaii. Hawaii sebuah negara yang selalu ada ribut petir, gunung berapi semua, ribut taufan yang teruk *and it happens very often* tetapi pada masa itu pun mereka boleh siarkan *a ticker on their television, there is going to be a rainstorm, there is going to be typhoon and all*, dalam keadaan *very bad weather* pun mereka dapat siarkan. Akan tetapi di sini, Astro apabila kita telefon, dia akan tanya, mendungkah tempat kamu, hendak hujankah tempat kamu? Apa pandangan Yang Berhormat Seputeh? Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Batu Kawan. Saya minta pihak kementerian tolong bagi jawapan tentang masalah Astro ini.

Saya juga hendak tanya Yang Berhormat Menteri tentang Butiran 060000 - Perkhidmatan Hal Ehwal Khas (JASA). Saya hendak tanya, apakah fungsi bahagian ini? Saya tanya seorang, kerana sekarang semakin ramai kawan-kawan daripada sebelah sana datang ke sini, termasuk rakan-rakan daripada Parti UMNO juga, yang bekas Timbalan Perdana Menteri duduk di depan saya sekarang, di sidang ini. Saya tanya seorang bekas pegawai kerajaan yang pernah berkhidmat di Jabatan Perdana Menteri dan juga seorang pemimpin bahagian UMNO juga. Saya tanya dia, apa JASA ini buat? Jadi, ini jawapannya, saya hendak baca ya? Dia kata, *"Penubuhan JASA hanya membazir wang kerajaan dan wang rakyat. JASA melaksanakan kerja-kerja yang sia-sia sahaja. JASA hanya reka cerita-cerita palsu dan fiksyen untuk mempengaruhi rakyat benci kepada pembangkang."*

#### ■2210

*Maklumat-maklumat dari JASA tidak pernah tepat tetapi hanya perang psikologi propaganda Barisan Nasional dan UMNO semata-mata. Pembiayaan JASA adalah dari duit pembayar cukai. Memandangkan JASA hanya melaksanakan gerak kerja yang tidak berfaedah maka saya ingin mencadangkan agar JASA ditutup untuk selamatkan wang rakyat. Tugas JASA hanyalah untuk mengelirukan dan memperbodohkan rakyat agar terpengaruh dengan dakyah propaganda Barisan Nasional serta UMNO semata-mata. Tugas utama JASA hanyalah untuk menabur fitnah agar rakyat benci pada pembangkang.*” Jadi ini semua kata dia. Ini bukan kata saya. Ini ucapan dia jadi saya ingin panjangkan saja.

Kalau saya lihat di negara kita ini, kita sudah ada polis cawangan khas, *special branch*. Kita ada bahagian komunikasi strategik di bawah Jabatan Perdana Menteri, di bawah Datuk Abdul Rahman Dahlan. Kita sekarang ada JASA dan tadi saya dengar ada Jabatan Penerangan. Hei, banyak ini. Semua untuk memantau parti pembangkang. Tidak ada kerja lain kah? Ada yang pegawai-pegawai ini saya rasa mereka ini orang cerdik sebenarnya kita ada banyak jabatan agensi kerajaan yang memang perlukan kakitangan tetapi kerana bajet tidak cukup. Saya cadangkan pegawai-pegawai kerajaan di bawah bahagian-bahagian yang cerdik ini disalurkan kepada agensi kerajaan yang boleh lebih bermanfaat dan membantu kepada pembangunan negara. Jadi saya hendak minta pihak Menteri jawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seremban tadi tentang peranan JASA ini.

Akhirnya, saya juga hendak tanya tentang serbuan terhadap *Malaysiakini*. Saya hendak tanya apakah *relationship*, perhubungan di antara MCMC dengan *AG Chamber* dan juga polis. Ini kerana bila saya buat laporan polis tentang saya difitnah di dalam *Facebook* dan sebagainya, polis kata hendak rujuk kepada MCMC. MCMC harus memberikan mereka arahan supaya mereka boleh jalankan siasatan dan sebagainya. Akan tetapi dalam kes *Malaysiakini* ini, kita lihat dua hari yang lepas, Timbalan Pengarah Penguatkuasaan dan Siasatan, Akmal Hamdy Baharudin, dia boleh bawa orang pergi buat serbuan di *Malaysiakini* hanya kerana ada satu klip video tentang Khairuddin Abu Hassan yang membidas Peguam Negara...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jadi...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh mencelah tidak?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tidak boleh tidak ada masa lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Jadi apakah *relationship*? Bukankah serbuan ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Mikrofon mati Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Harus dilakukan oleh pihak polis kerana pihak MCMC boleh serbu. Saya hanya bimbang nanti satu hari Speaker, komputer saya juga akan diserbu oleh mereka, macam mana? So, saya hendak minta pihak Menteri tolonglah jawab...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa habis Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Adakah komputer kami di rumah atau di pejabat ini selamat ataupun tidak? Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

#### **10.13 mlm.**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana membenarkan saya untuk turut sama berbahas di peringkat Jawatankuasa Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Butiran 100000 – FINAS.

Bila saya menonton sebuah filem *Hati Malaya*, hati saya terdetik dan jiwa saya meronta kerana apa? Ini kerana saya mengenangkan begitu sukarnya untuk negara Malaysia ini mendapat kemerdekaan.

Jadi di sini saya hendak bertanya kepada pihak FINAS, kalau boleh kena perbanyak lagi filem-filem patriotik ini supaya akhirnya akan membuktikan kepada rakyat Malaysia bila menyebut tentang kemerdekaan, ianya begitu sukar untuk di kecapi dan penting untuk menjaga kemerdekaan khususnya dalam konteks pengisian.

Seterusnya saya hendak merujuk kepada Butiran 020100 – Dasar dan Perancangan Strategik yang mana apabila merujuk kepada perkara ini saya melihat tahun 2015 menyaksikan industri komunikasi dan multimedia negara berkembang dengan kadar yang begitu laju apabila kadar pertumbuhan pendapatan industri berkembang pada kadar empat *percent* kepada RM62.4 bilion berbanding kepada RM59.44 bilion pada tahun sebelumnya.

Saya juga melihat apabila menunjuk kepada perancangan digital negara, menjelang 2020 terdapat 50 bilion peranti yang akan disambungkan pada internet berbanding penduduk manusia ketika itu hanya berjumlah 76 bilion. Hal ini saya ingin tanya pihak kementerian, apabila ekonomi digital dirancakkan, sejauh manakah persiapan di peringkat kementerian untuk memastikan *the concept of the internet of things* ini dapat benar-benar diterjemahkan khususnya bagi memastikan rakyat Malaysia tidak tertinggal.

Adakah dengan gelombang ini hanya sekadar slogan? Ataupun perancangan apakah yang akan dilakukan khususnya peringkat kementerian, dasar-dasar khususnya apabila pihak kerajaan melantik pengasas Alibaba, Jack Ma sebagai penasihat ekonomi digital Malaysia. Apakah ini akan membuktikan bahawa konsep usahawan di masa hadapan berkisar kepada platform ekonomi ataupun akan wujud satu zon perdagangan bebas digital bagi menggalakkan lebih ramai lagi khususnya peringkat generasi muda terlibat dengan sektor e-dagang di negara kita.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian khususnya apabila dinyatakan seramai 50,000 orang peserta program eUsahawan dan eRezeki berjaya menjana pendapatan 28 juta menerusi kempen digital *YouCanDuit* dikendalikan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) sehingga September 2016. Sejauh manakah keberkesanannya dan sejauh manakah ia dapat memberikan kesedaran di kalangan rakyat Malaysia tentang program khususnya *YouCanDuit*. Saya fikir ini sangat penting bagi memastikan kita mengurangkan jurang pengangguran di negara kita.

Seterusnya saya ingin melihat bagaimana program seperti yang saya nyatakan tadi dapat memastikan golongan B40 itu dapat dibantu lebih-lebih lagi dengan konteks

pemasaran produk-produk melalui sama ada IKS dalam digital seperti *Facebook*, *Instagram* dan *social media* yang lain. Di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) sekiranya boleh dapat menganjurkan kempen-kempen seumpama ini di Parlimen Kuala Selangor bagi meningkatkan lagi jumlah penyertaan golongan penduduk di dalam program *YouCanDuit – you can duit*, bukan *do it*, duit, yang sememangnya berupaya meningkatkan taraf pendapatan rakyat.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 040000 – Penyiaran. Di sini saya hendak bertanya kepada pihak RTM, adakah pihak RTM berminat untuk melakukan dokumentari ataupun *documentation* dengan izin mengenai sejarah Kuala Selangor. Ini kerana Kuala Selangor merupakan permulaan kepada sejarah Selangor seperti mana yang diisyiharkan oleh Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada tahun 1985 bahawa Bukit Melawati sebagai tempat bersejarah kerajaan awal negeri Selangor. Di atas bukit itu juga terdapat kompleks, makam-makam Sultan Selangor yang terdiri daripada makam Sultan Salahuddin, Sultan Selangor yang pertama. Makam Sultan Ibrahim Shah, Sultan Selangor yang kedua dan makam Sultan Muhammad Shah, Sultan Selangor yang ketiga serta makam keluarga diraja lain.

Di samping itu juga, di atas Bukit Melawati terdapat juga tempat-tempat bersejarah yang lain seperti Telaga Tujuh, Perigi Beracun yang digunakan yang digunakan untuk menghukum penderhaka. Bukit Raja yang terletak dengan Bukit Melawati, Kuala Selangor merupakan kubu pertahanan Raja Muda Nala ibni al-Marhum Sultan Salehuddin Shah sewaktu berlakunya peperangan pada tahun 1785 dengan pihak Belanda. Jadi saya haraplah sekiranya mungkin pihak RTM dapatlah menjadikan ia sebagai satu khususnya program sejarah *documentation* di peringkat RTM lebih-lebih pada bulan Disember nanti sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada pihak RTM kerana Selangor FM akan menganjurkan program Semarak Kasih Kuala Selangor pada 26 November. Saya fikir antara inti pati utamanya adalah untuk memupuk semangat perpaduan dan integrasi nasional. Jadi saya fikir ini sangat penting khususnya dalam menterjemahkan semangat di peringkat akar umbi atas modal perpaduan nasional.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 06003 – Menaik Taraf Pejabat Penerangan Negeri, Bahagian dan Daerah Seluruh Negara. Saya akui bahawa waima ada tohmahan terhadap fungsi Pejabat Penerangan ataupun Jabatan Penerangan, bagi saya ia sangat penting Tuan Pengerusi kerana dalam setiap upacara rasmi tidak kira di

peringkat kebangsaan ataupun negeri, pegawai penerangan akan dipilih ataupun dilantik untuk mengendalikan urusan protokol yang berkaitan penerangan.

Jadi saya fikir ini sangat penting dalam usaha untuk memastikan bahawa dalam memastikan suasana hari ini untuk memastikan perjalanan program rasmi berjalan lancar, sudah tentu jabatan penerangan ini sangat penting.

## ■2220

Cuma saya ingin memohonlah kepada jasa baik iaitu pihak kementerian supaya dapatlah menaik taraf Jabatan Penerangan Kuala Selangor yang saya lihat indah khabar daripada rupa keadaan yang begitu uzur. Saya amat yakin dan percaya ia dapat dipertimbangkan oleh pihak kementerian. Seterusnya, saya ingin merujuk kepada Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar. Saya fikir ini satu projek yang sangat penting terutama sekali bilangan pengguna internet di Malaysia sehingga tahun 2016 telah mencecah 21.1 juta orang bersamaan dengan 68.6 peratus iaitu melebihi separuh daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia.

Apabila kita melihat kepada pengguna internet khususnya *Facebook* saya lihat jumlah pengguna *Facebook* hampir 18 juta lewat, tahun 2015 yang lalu. Saya lihat meletakkan Malaysia sebagai pengguna *internet* yang tertinggi khususnya dalam rantau Asian. Sebab itu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, kerana ada juga aduan khususnya daripada penduduk dalam Parlimen saya khususnya apabila ingin menggunakan capaian internet mereka mempunyai halangan dan juga masalah. Antara kampung yang terlibat ialah Kampung Parit Mahang, Kampung Bukit Kucing dan juga Ijok. Ini kerana mereka ada menyatakan bahawa ada juga *facility* yang diperkenalkan oleh pihak kementerian dan kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan tidak mampu dinikmati oleh penduduk setempat dan akhirnya ada wujud sedikit sebanyak tohmahan yang mengatakan ini projek Gajah Putih.

Jadi, saya fikir mungkin pihak kementerian terlepas pandang mengenai perkara ini tetapi saya yakin dan percaya dengan adanya Yang Berhormat Timbalan Menteri hari ini boleh bantu Parlimen saya untuk memastikan kita boleh menolak tohmahan ini. Seterusnya yang terakhir, Tuan Pengurus ialah berkaitan dengan program jalur lebar di Kuala Selangor. Sejauh manakah pendekatan kementerian dan juga kerajaan terhadap Pusat-pusat Internet 1Malaysia yang ada di dalam Parlimen Kuala Selangor. Bagaimanakah dari segi konteks pengajaran, impak sosialnya dan yang paling penting penghayatan untuk memastikan setiap penggunaan internet itu penuh berhemah dan beradab.

Ini kerana kita tidak mahu ia dijadikan satu elemen yang boleh menyebabkan kerencatan kepada pihak khususnya kerajaan itu sendiri. Saya amat berharap agar

pihak kementerian dapat membantu khususnya dalam konteks ini dan akhir kata sekali lagi, saya Yang Berhormat Kuala Selangor menyokong terhadap usaha ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai.

#### **10.22 mlm.**

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin kembali kepada isu serbuan terhadap Malaysia Kini yang disebut tadi di mana kita lihat bahawa enam anggota daripada *enforcement and investigation division* daripada MCMC melakukan serbuan itu. Yang penting Tuan Pengerusi, adalah bahawa mengapa serbuan itu dilakukan semata-mata kerana Datuk Khairuddin menimbulkan isu 1MDB dan menyatakan bahawa Peguam Negara tidak melakukan tugasnya untuk mendakwa dan beliau perlu letak jawatan. Disebabkan itu MCMC menggunakan dana rakyat kerana ini semua adalah dana rakyat yang diberi kepada MCMC untuk melakukan aktiviti-aktiviti dan tindakan-tindakan yang memberi manfaat kepada rakyat.

Sebab itu ini semua wang rakyat, wang yang digunakan oleh MCMC wang rakyat. *That is what we are debating about* dengan izin—*the bajet tetapi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri dengan cara apakah ia memberi manfaat kepada rakyat untuk menggunakan MCMC untuk menyerang orang yang mengkritik Peguam Negara mengenai isu 1MDB. Untuk mendiamkan satu isu 1MDB, bagaimanakah ini memberi manfaat kepada rakyat yang membayar cukai yang digunakan untuk menampung kegiatan MCMC. Itu soalan saya kepada menteri, tindakan-tindakan seperti ini adalah salah guna kuasa yang amat besar kerana wang yang diberi melalui Supply Bill ini adalah satu amanah kepada rakyat, kerana wang rakyat.*

Mana boleh guna untuk membantu Yang Amat Berhormat Pekan atau mana boleh menggunakan untuk melindungi Peguam Negara. Peguam Negara adalah *civil servant* juga. Maknanya apa rakyat tidak ada hak untuk mengkritik Peguam Negara sejak bila di Malaysia seperti itu. Itu persoalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, mengapa seperti itu. Ada satu trend Tuan Pengerusi, ada satu trend seperti ini berlaku di negara kita kerana sebelum ini beberapa dua minggu yang lalu kalau tidak salah saya, Penggerusi MyWatch Datuk R. Sri Sanjeevan juga dituduh di mahkamah di bawah seksyen 233, Akta MCMC juga kerana apa sebab? Kerana dengan izin *insulting the IGP*. Ha, itu dia.

*Insulting the IGP* telah menjadi kesalahan jenayah di Malaysia. Sejak bila? Sejak bila rakyat negara ini tidak mempunyai hak untuk mengkritik atau menyatakan apa-apa kepada seorang penjawat awam seperti IGP. Bagaimanakah, mengapakah MCMC menyalahgunakan *resource* dan wangnya untuk melakukan tindakan-tindakan seperti ini. Bulan September tahun ini, sebulan sebelum itu seorang rakyat biasa. *Dispatch boy* Tuan Pengerusi *dispatch boy* dikenakan tuduhan kerana mengeluarkan beberapa perkataan dalam *Facebook* juga kerana kononnya menghina IGP. Sama juga. Ini sejak bila IGP ini tidak boleh disoal, tidak boleh dikritik dihina kononnya salah guna kuasa nombor one. Selepas itu Tuan Pengerusi... [Tepuk]

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Penjelasan boleh mencelah sedikit.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yes, please.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya hendak tanya adakah termasuk dalam kritis kritikal. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Saya sendiri tidak ingat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Kritikan itu boleh tidak masuk dengan menghina sekali. Tadi saya dengar Yang Berhormat Padang Serai kata tadi menghina adakah dalam budaya kita membenarkan penghinaan. *Critic is critic, yes.* Tadi Yang Berhormat Padang Serai cakap boleh menghina, jadi macam mana pandangan *you?* adakah esok kita membiarkan saluran rakyat Malaysia menghina, menuduh? Sila jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat kerana berpandukan kepada Butiran Yang Berhormat yang SKMM itu...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ada, ada saya akan *debate*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Lebih kurang dalam Butiran tetapi yang polis itu saya kurang pasti Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Bukan polis Tuan Pengerusi yang saya sebut adalah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Trend.*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ini semua adalah tindakan *Enforcement and Investigation Division of the SKMM. Prosecuting under* seksyen 233. Jadi termasuk juga di dalam dana yang telah digunakan di sini. Saya jawab soalan Yang Berhormat tadi *very simple* jawapan saya. Kalau IGP atau sesiapa rasa terkilan *offended* dan sebagainya buatlah apa kita semua rakyat biasa terpaksa buat. Buat apa? Bawa saman malu di mahkamah ini bukan kesalahan jenayah, *please*

*understand that.* Sejak bila, memarahi, menghina, atau berlawan-lawanan, bertikam lidah sejak bila itu menjadi kesalahan jenayah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Jadi, Yang Berhormat Padang Serai menghalalkan penghinaan. Menghalalkan penghinaan.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Nanti sila baca, *no, no let me answer first.* Sila baca fasal 10 Perlembagaan Persekutuan ini masalahnya. Masalahnya, tidak Tuan Pengerusi. Tidak membaca atau memahami Perlembagaan Persekutuan. Sebab itu, negara kita dalam keadaan ini fasal 10 Perlembagaan Persekutuan memberikan hak bersuara. Bermakna apa, hak itu hanya boleh ditidakkann, hak itu hanya boleh *diinterfere with...*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Bersuara bukan menghina.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Di dalam keadaan-keadaan yang melibatkan... *my floor thank you very much* hanya dalam keadaan-keadaan di mana *public order* terlibat. Itu yang mereka tidak faham, sebab itu bising sambil duduk di sana. Tidak faham fasal 10 Perlembagaan Persekutuan. Saya hendak tanya, adakah, adakah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi jalan tak Yang Berhormat. Hendak bagi jalan tidak?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *Please, keep it short.*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Saya hendak bagi jalan, saya hendak bagi jalan tetapi Yang Berhormat ini masih *shouting standing up.* *No, no please sit down my floor then.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *Sit down, sit down, sit down. My floor Tuan Pengerusi. My floor duduk, duduk. You don't know how to interfere. Sit down, sit down, sit down.* Jadi Tuan Pengerusi, maknanya Tuan Pengerusi ini yang menyebabkannya maknanya di sana tidak faham bahawa menghina itu bukan kesalahan jenayah. Fahamkan dulu, pengkritikan seperti itu. Cuba baca seksyen 233. Menurut seksyen 233, *annoy* perkataan *annoy* digunakan. Apa makna dia? *Annoy* pun

menjadi kesalahan jenayah dan ini disokong oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia ini.

**■2230**

Sejak bila *annoy* menjadi kesalahan jenayah di negara kita? Maknanya kita sama seperti polis *state*. Maknanya sama seperti Republik China yang merupakan negara total *territorial* di mana tidak ada apa-apa kebebasan. Apakah mereka cuba ikut *style* sana sebab sekarang asyik suka pergi ke sana. Dahulu main golf dengan Obama, bila ada DOJ lari pergi China, itu yang berlaku. Sekarang hendak ikut *style* China pula ataupun Korea Utara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, balik kepada butiran Yang Berhormat ya.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Itu dia Tuan Pengerusi. Itu satu. Sebelum itu tahun 2014, ada seorang lagi rakyat biasa dituduh sekali lagi kerana kononnya *criticizing* IGP kerana menyatakan IGP seperti seorang Menteri Nazi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, di mana butiran Yang Berhormat IGP?

*[Dewan riuh]*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Bukan IGP Tuan Pengerusi. Saya sudah jawab ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baik, baik, sebentar. Sebentar Yang Berhormat. Minta diam Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** You asked me? Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** You asked me, I already answer. This is about the dengan izin, enforcement and investigation oleh SKMM, oleh MCMC. Itu termasuk di dalam wang yang kita sedang bincang. Itu yang pertama.

Kedua Tuan Pengerusi, saya hendak tanya bahawa di bawah penyiaran rancangan, operasi penyiaran, khidmat pengurusan dan sebagainya. Kita lihat di sini bahawa ini merupakan TV dan radio dan sekali lagi wang rakyat digunakan. Akan tetapi walaupun wang rakyat digunakan untuk RTM, radio dan sebagainya, tidak ada masa langsung yang diberi untuk sesiapa yang tidak sehaluan pendapat dengan Kerajaan UMNO Barisan Nasional. Bermakna mereka guna wang rakyat yang dikatakan *Radio TV Malaysia* (RTM), mereka guna wang rakyat untuk menggunakannya sebagai propaganda. Propaganda bagi UMNO Barisan Nasional dengan menggunakan wang rakyat. *[Dewan riuh]* RTM, wang rakyat. Tidak malu langsung!

Selepas itu Tuan Pengerusi, lepas itu bila menang pilihan raya, kononnya menang pilihan raya dia kata. Akan tetapi satu minit tidak diberi kepada kita di dalam RTM ataupun TV3 ataupun mana-mana. Malu! Malu! Malu! Penakut semua, penakut! Bagi masa dia orang hendak bahas. *[Dewan riuh]* Kalau berani, Menteri nanti kata bagi masa untuk kita bahas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, masa habis Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tidak berani, semua penakut. *All coward. Coward. You all coward.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih. Yang Berhormat Sekijang.

### **11.33 mlm.**

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Kita relaks dahulu. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga perkara ini Tuan Pengerusi. Pertamanya butiran, yang ini ada butiran Tuan Pengerusi, jangan risau. Butiran 030200 – Infrastruktur dan Aplikasi. Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian status Pusat Internet Desa. Berapa jumlah yang masih beroperasi? Adakah kementerian masih meneruskan program Pusat Internet Desa ini dan bercadang untuk menggantikan konsep yang dibuat ini pada masa yang akan datang.

Seterusnya pada tajuk yang sama juga, minta kerjasama kementerian untuk meluluskan permohonan pencawang komunikasi di kawasan luar bandar. Ada tiga kawasan kampung, Tungku Tiga, Paya Besar dan juga Seri Dagang. Minta pemasangan peralatan komunikasi di pencawang yang telah siap dibina tetapi masih belum dipasang peralatan pencawang ini.

Kemudian untuk Butiran 050200 – Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat. Mohon status program MYTV, bagaimanakah pelaksanaannya pada tahun ini dan adakah ia dapat berjalan dengan lancar?

Untuk Butiran 080100 – Jabatan Perlindungan Data Peribadi. Sejauh mana kerajaan memastikan sama ada institusi termasuk syarikat-syarikat swasta seperti bank, syarikat komunikasi dan lain-lain menjaga maklumat peribadi pelanggan. Ini kerana kita tahu ada maklumat-maklumat peribadi ini telah diberikan. Contohnya saya dapat mesej

tentang perjudian dan sebagainya dalam *handphone* saya. Jadi, bagaimana syarikat-syarikat ini menjaga maklumat peribadi pelanggan?

Terakhir, yang ini saya ingat Yang Berhormat Seputeh boleh dengar. Butiran 060100 – Perkhidmatan Hal Ehwal Khas (JASA). Saya hendak ucap terima kasih kepada JASA kerana dia bukannya menjadi propaganda kepada Barisan Nasional pun. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Seputeh, di kawasan saya sendiri JASA ini membantu masyarakat terutamanya di dalam kawasan luar bandar untuk memberikan penerangan tentang isu-isu semasa. Ini terutama apabila kerajaan diserang fitnah oleh pihak pembangkang. Kadang-kadang maklumat yang kita dapat tahu itu tidak betul. Jadi sekurang-kurangnya JASA ini turun ke padang menyampaikan maklumat dan...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Untuk tipu rakyat.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Juga menerangkan isu-isu yang dikatakan fitnah itu kepada rakyat. Kita lihat pembangkang cuba memburukkan imej kita dalam pelbagai cara, tetapi sekurang-kurangnya JASA ini turun ke bawah untuk meletakkan imej negara kepada keadaan yang lebih baik. Jadi, sekurang-kurangnya fitnah yang dibuat oleh pembangkang itu dapat diterangkan secara baik kepada rakyat. Sama juga dengan tadi yang Yang Berhormat Padang Serai sebut tentang RTM dan sebagainya. Saya ingat RTM pun berperanan perkara yang sama. Sekurang-kurangnya kita menerangkan isu-isu semasa yang ada kepada rakyat. Sekurang-kurangnya inilah yang telah kerajaan cuba sampaikan. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rasah.

#### **10.36 mlm.**

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus merujuk kepada Butiran 040100 – Rancangan dan juga Butiran 040200 – Operasi Penyiaran. Tuan Pengerusi, apa yang saya ingin sampaikan pada malam ini sebenarnya saya mengimbas kembali masa ketika seluruh rakyat Malaysia ketika kita menyaksikan Sukan Olimpik, khususnya atlet-atlet kita yang mengambil bahagian dalam badminton. Pada masa itu saya baru menyedari bahawa sebenarnya pada masa kini kebanyakannya daripada acara sukan bertaraf antarabangsa telah pun tiada siaran langsung di dalam TV1 ataupun TV2. Jadi bagi saya, saya rasa bagi sebuah kerajaan yang mengambil berat terhadap kepentingan rakyat khususnya kepada penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan kampung, desa ataupun pedalaman, saya rasa adalah lebih baik jikalau pihak kerajaan boleh pertimbangkan supaya mengadakan siaran langsung terhadap acara-acara sukan yang bertaraf antarabangsa.

Ini sebab buat masa kini cuma Astro yang boleh membuat siaran langsung bagi acara-acara sukan bertaraf antarabangsa. Akan tetapi bagi mereka yang tidak mempunyai kemudahan Astro, tidak mampu bayar Astro itu, terpaksa mungkin pergi ke kedai kopi ataupun pergi ke tempat yang lain untuk menyaksikan acara-acara sukan ini. Jadi saya amat berharap dalam perkara ini pihak kementerian boleh mempertimbangkan cadangan saya. Pada masa yang sama, saya juga ingin menanya kepada pihak kementerian lebih kurang berapakah kos kalau kita hendak adakan satu siaran langsung terhadap acara sukan yang bertaraf antarabangsa jikalau kementerian mampu menjawab.

Bagi perkara yang kedua, Butiran 060100 - JASA seperti apa yang dibahaskan oleh rakan-rakan sebentar tadi. Bagi rakan-rakan di sebelah sini, kita memang ada banyak pandangan terhadap pihak JASA. Bagi saya sendiri, pegawai JASA seolah-olahnya dia seperti pengintip. Ketika kita mengadakan ceramah kita, kita adakan program kita, kebanyakan masa pegawai JASA dan juga polis daripada *special branch* mereka akan adakan operasi ataupun datang untuk mengintip apa yang kita bercakap, apa program yang kita buat.

#### **■2240**

Akan tetapi saya rasa jikalau JASA lebih mementingkan kepentingan rakyat ataupun ingin hendak mendengar apakah suara rakyat, saya cadangkan pihak JASA supaya adakan kaji selidik terhadap semua rakyat Malaysia. Apakah pandangan mereka terhadap kos sara hidup pada hari ini. Adakah kos sara hidup rakyat telah pun meningkat sebab pelaksanaan GST ataupun adakah beban rakyat semakin berat selepas 1 November 2016 kerana petrol telah pun naik harga dan juga minyak masak telah pun naik harga. Selain daripada memantau ataupun mengintip apa yang dilakukan oleh pihak pembangkang, saya rasa ada banyak kerja yang lebih bermakna lagi bagi pihak JASA. Itu yang pertama.

Kedua, saya ingin tanya kepada kementerian sebab tahun lepas pihak JASA (Jabatan Hal Ehwal Khas) telah pun membelanjakan sebanyak RM628,000 untuk mencetak risalah 1MDB dan risalah yang mempromosikan gerakan Himpunan Baju Merah. Jadi adakah kementerian ataupun Jabatan Hal Ehwal Khas bercadang untuk mencetak risalah-risalah tersebut pada tahun ini? Sebab ada cerita yang baru jadi kemungkinan JASA hendak buat cerita lagi untuk mempromosikan Himpunan Merah dan juga 1MDB.

Apa yang paling penting apa yang saya hendak katakan, tadi Yang Berhormat Seputeh ada kata kita ada JASA, kita ada *special branch* dan juga jabatan yang lain. Kebanyakan *jobs description* mereka ataupun pekerjaan mereka adalah bertindih. Kalau

JASA, mereka perlu menggunakan RM600,000 untuk mencetak risalah, apa gunanya kita ada TV1, TV2. Ada radio yang dimiliki oleh kerajaan. Maksud dia, TV1, TV2 dan radio ini tidak memainkan peranan mereka.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tak ada orang mahu menonton.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Kalau mereka memainkan peranan mereka, saya rasa kerajaan tak perlulah membelanjakan RM600,000. Mungkin RM600,000 bagi pihak kementerian ataupun Jabatan Hal Ehwal Khas itu duit yang sangat kecil tetapi bagi rakyat Malaysia, RM600,000 itu saya rasa itu satu angka yang sangat besar.

Tuan Pengerusi, perkara yang terakhir yang saya ingin sentuh iaitu Butiran 030100 – Komunikasi Strategik, 030200 – Infrastruktur dan Aplikasi, dan Butiran 030300 – Kawalan dan Pematuhan. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Sebenarnya apakah statistik yang terkini terhadap menara pencawang telco di seluruh negara. Sebab apa yang saya difahamkan ialah sekarang di Negeri Sembilan mempunyai banyak pencawang haram tetapi baru-baru ini kerajaan negeri baru sahaja ingin memulakan pemutihan terhadap pencawang-pencawang ini dan di sini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah tindakan yang telah pun diambil terhadap telco-telco yang membina pencawang-pencawang ini secara haram.

Adakah itu di bawah kuasa kerajaan negeri, kerajaan tempatan ataupun di peringkat Kerajaan Pusat dan saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian, jikalau telco tersebut didapati bersalah, sepatutnya tindakan yang tegas perlulah diambil terhadap mereka kerana pencawang-pencawang ini memang kita selalu menerima aduan daripada penduduk. Banyak pencawang yang dibina terlalu dekat dengan kawasan perumahan. Jadi saya mohon jikalau boleh pihak kementerian boleh memberi sedikit sebanyak *update* kepada kita di dalam Dewan yang mulia ini apakah sebenarnya jarak yang selamat bagi pembinaan pencawang ini. Jadi dengan kata-kata ini, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi. Yang Berhormat, kita panggil seorang dua lagi selepas itu Menteri jawab ya.

#### **10.44 mlm.**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Butiran 040000 – Penyiaran. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Rasah tadi bahawa kita kena lihat balik Astro. Jadi Yang Berhormat Rasah minta kita kalau boleh ada penyiaran secara langsung. Kalau buat itu memang mahal Yang Berhormat Rasah tetapi kita ada Astro. Cuma Astro ini dia boleh mampu sebab dia *collect* tiap-tiap bulan dan dia pun banyak *channel*. Jadi kita

tengok macam RTM ini semua *government funded* dan dia pun tak *collect advertisement, franchise* lagi. Sebab itu TV3 pun tidak. Jadi saya berpandangan untuk butiran ini, cuba kementerian tengok balik. Ini semuanya tak *level playing field*. Jadi kemungkinan dengan Astro ini pun, saya ada banyak komplain Astro ini. Antaranya *charges* kalau potong bila sambung balik RM25. Lepas itu kalau kita *call*, sampai enam minit pakai 1-800 RM20 lagi *charge Maxis charge* kita.

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Boxing life* Yang Berhormat, *boxing life* kena tambah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Lepas itu saya ada ambil *Video on Demand*, dia punya itu *disappointment*. Jadi saya rasa macam *short change*. Jadi Astro ini kena *improve* dan saya tengoklah balik *must be* kita *level kan supaya level playing field* supaya maknanya *we get a better service* daripada *with a fair competition cross aboard*. Jadi saya minta tengok kalau boleh dan satu lagi fasal MyTV. Saya pun hendak tanya Menteri, apa status dia.

Saya terus kepada Butiran 060100 – Perkhidmatan Hal Ehwal Khas (JASA). Saya sebenarnya terpanggil untuk sebut sebab kita tahu dalam negara kita ini, kita *multicultural, diversity* atau pelbagai dan ada yang bercakap bahasa Cina, bahasa India, ada bahasa suku kaum masing-masing dan ada bahasa Malaysia dan bahasa Malaysia ini pun macam-macam tahap. Ada yang cakap bahasa Malaysia ‘*kehausan darah*’ contohnya. Ini satu bahasa yang kalau kita tak betul-betul jaga, boleh menimbulkan [*Tidak jelas*] yang besar.

Itu sebabnya di samping kita beri penerangan seperti penerangan dalam TV, buat laporan, berita dan sekian, kita juga perlu bila rakyat dengar penerangan, dia hendak tanya apa maksud sekian itu dan ini. Itu sebabnya ada badan-badan tertentu menjelaskan pula penerangan ini apa. Apa maksud begitu dan begini. Jadi ini maknanya penerangan dan hari ini kita tengok di Amerika, pilihan raya presiden. Sebab *messaging* yang terakhir boleh menyebabkan *the outcome of the presidential election*.

Hari ini kita berdepan dengan isu-isu persepsi, isu-isu informasi yang sampai sama ada tepat atau tidak tepat boleh menyebabkan *outcome* yang baik atau tidak baik. Itu sebabnya penjelasan dan penerangan ini amat-amat penting lebih-lebih lagi dalam sebuah negara yang berbilang kaum macam Malaysia. Berbilang kaum, berbilang agama, berbilang bangsa. Bangsa satu tetapi berbilang kaum, agama dan bahasa. Itu sebabnya kita memerlukan jentera-jentera yang boleh menjelaskan pada tahap-tahap yang optimum.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ha, jangan panjang sangat. Saya banyak hendak cakap ini.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Tak, sedikit sahaja. Boleh Tuan Pengerusi? Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, dalam negara kita ini ada Rukun Negara yang menerapkan kalau tak silap saya yang keempat, Kesopanan dan Kesusilaan. Jadi bila dalam hal ini, bila ada perkataan menghina dan sebagainya, bila polis siasat itu saya ingat benda itu adalah perkara yang baik. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya hendak sebut negara kita ini, kita kena jaga tatasusila kita. Kalau saya orang Islam, biarlah saya tidak komen banyak-banyak tentang kepercayaan orang Kristian. Biar orang Kristian yang cakap. Kalau saya orang Bugis, janganlah saya bercakap bagi pihak orang Dayak pula. Mungkin tak kena. Jadi kalau kita hendak jaga keharmonian, kita kena perhatikan adab tatasusila ini. Ada yang sesuai, ada yang tak sesuai. Kadang-kadang orang rasional pun boleh jadi tak rasional kalau kita menyentuh perkara-perkara yang sensitif.

Jadi saya minta, itu sebab penerangan ini bukan sahaja *one dimension* kita cerita lepas itu harap semua faham. Kena ada *go to the ground and explain* ini maksud sekian dan sekian. Kita bukan sahaja berhadapan dengan isu-isu hari ini teknologi peranti yang hebat. Ada kata tadi tak hendak tengok TV RTM, itulah masalahnya. Kalau kita hendak buat satu *judgment*, biarlah kita dengar dua pihak tetapi bila kita dengar satu pihak, kita bukan sahaja tak hendak dengar belah satu lagi tetapi kita buat rumusan dan rumusan ini bahaya kalau dia tidak tepat.

Lebih-lebih lagi, saya hendak sebutkan di sini kadang-kadang— tadi ada cakap. Saya minta maaf Yang Berhormat Padang Serai, saya terpanggil berdiri bukan saya hendak bersifat tak menghormati Yang Berhormat Padang Serai tetapi kalau kita dah menghalalkan penghinaan, apa cerita ini? Adakah ini yang kita hendak ajar kepada anak-anak kita? Lepas itu saya sebut ini, saya ada dengar dan terlihat satu video mengatakan berulang kali kerja saya menghasut. Kita ini menghasut. Jadi bila kita datang ke Parlimen, malam ini kita dengar menghalalkan penghinaan. Kita dengar sebelum ini menghalalkan penghasutan, kita dengar sebelum ini fitnah dan tuduhan tak usah ceritalah.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ada yang belum ada terbukti.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai bangun.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Dah, duduk. Saya ada tinggal empat minit sahaja. Saya hendak sebut belum terbukti kita dah cuba mengaibkan orang tanpa pembuktian yang nyata.

■2250

Saya difahamkan dalam Dewan yang mulia ini ramai yang berstatus *lawyer* yang kita hormati. Saya sangat menghormati *lawyer*. *Lawyer* kata kita ikut *rules of law and we will do all the due process— innocent until proven guilty*, dengan izin. Akan tetapi apa kita guna? Kita menuduh, kita membuat persepsi bahawa orang itu telah bersalah sebelum dia dibuktikan bersalah. Ini bertentangan sekali dengan apa yang kita cakap. Kita *become level hypocrisy* yang paling tinggi sekali.

Itu sebabnya apabila kita menghalalkan penghinaan, kita menghalalkan penghasutan, kita menghalalkan tuduhan, kita menghalalkan fitnah, kita perlu JASA memperbetulkan balik ini semua. Itu sebab saya kata...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Biarlah saya jawab.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tak apa. Saya jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Nak bagi, Yang Berhormat?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Biarlah saya jawab. Takut? Sebut saya tadi. Takut.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *This is my floor. You faham tak?*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *Then, don't ask me.*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Duduk! Duduk!

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Takut.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya tak takut.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Coward.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Minta tarik balik! Minta tarik balik! Saya minta, Tuan Pengerusi, dia tarik balik. Saya cakap dengan baik. Tarik balik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya rasa *coward* merujuk kepada sifat seseorang ahli. Tarik baliklah, Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tarik balik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Okey Yang Berhormat Padang Serai tarik balik *gentleman*. Akan tetapi menghalalkan penghinaan tidak *gentleman*.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Bagilah saya jawab. Saya tidak akan menghalalkan penghinaan. *Do not put word in my mouth.*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya tak nak dengar jawapan *you* sebab...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Bagi saya jawab. Saya tidak kata menghalalkan penghinaan. Saya kata jangan menjenayahkan penghinaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya tak nak dengar jawapan *you*. *You* sendiri cakap, *check Hansard*, *you* kata menghalalkan penghinaan.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *You are scared.*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Bukan dalam Dewan yang mulia ini. Bukan dalam Dewan yang mulia ini! Jadi saya minta...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *Hek eleh.*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Senyap Yang Berhormat Ampang. Saya hendak cakap di Dewan yang mulia ini, kalau kita sudah biasa menghalalkan penghinaan, hasutan, fitnah, tuduhan dan kita buat-buat kita kata kita [*Tidak jelas*] tetapi kita sebenarnya *the highest level of hypocrisy*. Itu sebab dalam negara kita ini kita hendak biar anak cucu kita aman. Kalau inilah bentuk yang ditunjuk oleh pihak-pihak tertentu, saya rasa kita kena *crackdown*, kita kena tunjuk sebenar-benar bahawa elemen inilah yang meruntuhkan negara kita.

Kita boleh membangun, dah 50 tahun kita bangun. Kita tidak sempurna tetapi kita cuba sedaya upaya untuk menjadikan negara kita aman. Akan tetapi kalau kita sudah halalkan macam ini, kita sendiri tempah— inilah mereka-mereka yang bertanggungjawab yang menyebabkan negara kita hancur pada masa depan sebab mereka menyampaikan fitnah, menghasut, menuduh dan menyampaikan perkara yang tidak betul.

Itu sebabnya saya rasa terpanggil untuk berdiri mengatakan di sini bahawa usaha penerangan ini akan berterusan dan ia dinamik. Kefahaman manusia berubah mengikut perubahan semasa dan tuntutan semasa. Kita sama-sama lah sumbang. Sumbangkan

yang positif supaya anak-anak kita faham mudah dan kita elakkan perkara-perkara yang negatif. Menghasut, memfitnah janganlah. Kalau tidak betul, tegur. Kita pun boleh terima sebab saya sebagai orang Islam, bila kita ditegur, wajib kita dengar kalau benda itu betul. Akan tetapi kalau benda itu tidak betul, wajib kita pertahankan dan kita tentang habis-habisan. [Tepuk]

Itu sebabnya saya rasa kerajaan kita cuba buat yang terbaik. Kalau ada kritik, okey, kita terima tetapi janganlah cuba fitnah, menghasut, menuduh dan membuat perkara-perkara yang tidak baik untuk negara dan akan merosakkan masa depan kita.

Jadi saya cakap di sini, JASA teruskan kerja yang baik, jangan bimbang. Kita buat ini baik. Dan RTM, TV3 dan semua termasuk Astro, yang baik, kita akan terima. Saya harap pesanan saya dalam Dewan yang mulia ini akan menjadi satu iktibar kepada kita semua, bukan sahaja di sebelah sana, juga kepada kita.

Dengan itu, saya menyokong bajet ini. Terima kasih Tuan Pengerusi. [Tepuk]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita panggil dua orang lagi, Yang Berhormat ya. Selepas itu biarlah Yang Berhormat Menteri jawab. Yang Berhormat Sungai Besar, kemudian Yang Berhormat Kota Kinabalu.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Rantau Panjang. Sedikit sahaja minta Rantau Panjang cakap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Besar. Selepas itu Yang Berhormat Kota Kinabalu. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** PAS belum berucap lagi, Tuan Pengerusi. Tidak ada wakil PAS lagi.

#### 10.54 mlm.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Saya hanya mengambil masa yang sedikit, memberi ruang apabila rakan-rakan di sebelah sana kepanasan. Kita bagi ruang nanti kerana saya hendak ambil perkara yang sedikit atas Butiran 050400 – Penerbitan Dasar Negara.

Mengapa kita hendak sebutkan perkara ini? Kita hendak sebutkan perkara ini, kepentingan JASA dan juga Penerangan kerana kita ada pembangkang yang tidak bertanggungjawab. [Tepuk] Di saat... [Disampuk] Saya akan bawakan isu Selangor. Saya akan bawakan isu Selangor, tunggu. Di saat barisan Kabinet cuba mempertahankan, cuba baik pulih kerajaan, ada di kalangan pihak pembangkang yang berterusan memberikan persepsi yang negatif.

Bayangkan, dalam sebuah rumah yang dibina dengan tiang yang sebegitu baik, setiap hari ada juga rakan-rakan daripada pasukan mereka yang menebang tiang tersebut. Bukan sahaja dia tebang, dia gergaji. Bukan sahaja dia gergaji, dia tumbangkan. Bukan sahaja dia tumbangkan, dia goyangkan. Bukan sahaja dia goyangkan, dia curah api, minyak dan sebagainya. Sebab itu...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini sistem demokrasi.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Eh, tiba-tiba bangun.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Peranan pembangkang untuk tumbangkan Barisan Nasional. Ini kerja kami.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Duduk. Ini saya *punya floor*. Tadi berapa lama bagi peluang kepada *you*. Saya tengok Yang Berhormat Seputeh tidak cukup putih. Sudah panas. Tunggu. Saya hanya bagi dua minit sahaja kepada diri saya.

Di Selangor, ada Selangor TV. Adakah saya berpeluang masuk dalam Selangor TV? Hendak bagi contoh. Di Selangor, ada surat khabar *Selangorkini*.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ada. Ada masuk.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ada.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Tunggu. Kalau diambil pun gambar saya, diambil gambar yang paling tidak *handsome*. [*Dewan ketawa*]

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Memang tidak *handsome* pun.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Apa? Kalau hendak *compare* dengan Yang Berhormat Ampang, boleh duduk sebelah-sebelah. Hendak beritahu lagi. Hendak beritahu surat khabar ini diedarkan di masjid-masjid.

**Seorang Ahli:** Tempat yang tidak sepatutnya.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Bandingkan. Ada kita edar surat khabar di masjid? Kita jual surat khabar itu. Kita tidak beri fitnah itu secara percuma seperti mana yang mereka berikan. [*Tepuk*]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dia ada TV3.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan terganggu dengan Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Saya tidak terganggu kerana dia tidak putih. Saya tidak terganggu kerana dia tidak putih.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tuan Pengerusi, ini butiran apa?

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Eh, saya sebutkan tadi.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Butiran apa itu? Ini hal Selangor ini, bukan...

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Saya sebutkan butiran ini ialah 050400 terhadap penerbitan dasar-dasar kerajaan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ada kaitan dengan Selangor? Tak ada.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Ini contoh yang diberikan bagaimana di negeri Selangor dasar-dasar kerajaan itu diberikan melalui surat khabar *Selangorkini* yang diedarkan di masjid.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ini ada bajet untuk negeri Selangor tak?

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Saya bagi contoh, saya bagi contoh.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Sungai Besar.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Silakan. Depan. Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Sungai Besar, tadi saya rasa hujahan Yang Berhormat Sungai Besar mengatakan bahawa tiada coverage bagi Yang Berhormat Sungai Besar di dalam TV Selangor. Betul tak? Setuju tak Yang Berhormat Sungai Besar jikalau kita adakan katakan TV Selangor membenarkan Yang Berhormat Sungai Besar mempunyai coverage Yang Berhormat Sungai Besar, adakah setuju kita tukar RTM, TV Selangor bekerjasama supaya kita sama-sama mempunyai coverage yang sama di dalam kedua-dua platform ini? Setuju tak Yang Berhormat?

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Yang Berhormat Rasah, saya baru masuk pekan yang ketiga dalam Dewan ini. Baru tiga minggu. Saya hendak menjawab Yang Berhormat Rasah tadi dalam konteks apa? Tiga, empat orang wakil rakyat, MP berhujah seolah-olah pihak kerajaan tidak langsung memberi ruang kepada mereka. Saya hendak jawab itu kerana apa? Kerana ada perbandingannya di Selangor.

Di Selangor, ada TV Selangor, *Selangorkini*. Di Selangor ada akhbar *Selangorkini* yang diedarkan di masjid. Maksudnya apa? Maksudnya, di pihak sebelah sana melakukan perkara yang lebih teruk daripada segi penerbitan dasar-dasar kerajaan terhadap negeri yang mereka wakili. Nampakkan? Jadi kita merasakan ini adalah contohnya.

Saya bangkit berdiri kerana apa? Kerana saya melihat seolah-olah apabila Yang Berhormat Ampang berdiri, Yang Berhormat Seputeh berdiri, seolah-olah kerajaan ini

terlalu hitam pada pandangan mereka. Seolah-olah tidak ada kebaikan pun. Seolah-olah. Jadi saya bangun berdiri, saya fikir ini tidak betul.

Ya Yang Berhormat Lipis, silakan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Tuan Pengerusi, izinkan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

#### ■2300

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Saya hendak sedikit sahaja tanya kepada Yang Berhormat Sungai Besar. Saya berpendapat mungkin saya hendak tanya pendapat daripada Yang Berhormat Sungai Besar. Sebenarnya kita dalam seminggu ada empat hari kita beri coverage juga untuk pembangkang yang dalam sidang Dewan yang mulia ini. Saya hendak tanya, adakah Selangor memberi laluan tersebut?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ya Yang Berhormat Sungai Besar, boleh?

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Saya hendak sebutkan begini. Saya hendak sebutkan dalam penghujahan ini kerana dengan adanya media sosial, saya fikir kita ada peluang yang sama. Akan tetapi dalam keadaan yang ini, saya hendak sebutkan kita juga ada ruang bahawa mereka juga sebenarnya ternanti-nanti. Saya faham, mereka juga sebut kepada pegawai mereka bila kita hendak keluar TV1? Tolong keluar TV1.

Maknanya apa? Saya minta pihak kementerian jangan takut, jangan bimbang. Teruskan. Kerana apa? Ini kerana apabila kita diserang, maknanya ada pihak yang mencemburui kita. *[Tepuk]*

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Pencelahan.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Saya teruskan sebab saya ada tiga minit, saya ada tiga minit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Tidak berani.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Saya habiskan sekejap, saya habiskan hujah sedikit. Kemudian saya bagi peluang.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Bagi tak?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat. Duduk dahulu.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Tuan Pengerusi, nama saya Budiman. Okey.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Di dalam Dewan tidak boleh sebut nama Yang Berhormat, walaupun nama sendiri.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Okey. Nama saya bersifat budiman. Saya hendak sebutkan perkara Pusat Internet 1Malaysia ini. Terima kasih kepada Pusat Internet 1Malaysia di bawah pihak kementerian yang memandaikan bangsa di dalam Parlimen saya. Cumanya, saya fikir saya juga mencadangkan supaya ada keperluan NBOS dengan Kementerian Pelancongan yang punya bajet terhadap perpustakaan desa supaya Pusat Internet 1Malaysia ini punya kolaborasi dengan perpustakaan desa supaya banyak lagi ikon boleh dicipta, ikon-ikon boleh dibina.

Kerana apa? Ini kerana Parlimen Sungai Besar saya cuba mencipta industri *agro tourism* yang menjadikan promosi secara *online* itu sebahagian daripada mereka untuk mendapat pendapatan tambahan. Saya fikir saya pohon respons daripada pihak kementerian. Ya silakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Boleh.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Besar. Adakah Yang Berhormat Sungai Besar setuju sejak sebelum tahun 2008 sebelum pembangkang memerintah negeri Selangor, Ahli Parlimen ADUN tidak ada *chance* langsung untuk tampil di hadapan di RTM1, TV3 dan *Utusan Malaysia*. Selepas kita ambil Kerajaan Negeri Selangor, kita tidak ada *chance* untuk *appear* dalam media sosial dalam TV3, kita terpaksa mengadakan TV kita sendiri supaya kita boleh menyebarkan maklumat dan juga kita punya- Kita tidak ada peluang sebelum itu. Oleh sebab itu kita ada TV Selangor kita sendiri. So jangan salahkan pembangkang. Salahkan pembangkang di Selangor, Barisan Nasional.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Okey cukup, tidak apa, tidak apa. Adakah dengan membuat TV sendiri itu mendapat halangan daripada pihak kerajaan? Tidak ada. Boleh buat TV sendiri, boleh buat TV secara *online*. Ada pihak kerajaan bantah. Cuma, cuma jangan sampai kandungan TV itu memberi penghinaan, fitnah.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Ini bukan TV *online*. Kerajaan tidak bagi lesen kepada kita. Kita hendak minta lesen. Berani tak, berani tak? / said berani tak? Kita boleh buat secara *online* tetapi bagi kita lesen.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Maknanya tidak ada halangan di pihak kerajaan supaya buat TV *online*, tidak ada halangan. Makna buat secara *online* tidak ada halangan.

Saya hendak sebutkan buat TV *online* pun tidak ada halangan daripada pihak kerajaan. Maknanya apa?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya masa habis Yang Berhormat.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** Saya sokong hujah yang disampaikan dan *insya-Allah*. Yang Berhormat Seputeh ini tidak cukup putih suka kacau adik bongsu. Ya terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Kota Kinabalu. Ahli Yang Berhormat yang lain minta maaf ya Yang Berhormat. Saya minta maaf.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Tuan Pengerusi, saya sedikit *point* untuk PAS, tidak ada lagi wakil yang berucap.

#### **11.04 mlm.**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Kepala P.47 butiran di bawah 31000 - Projek Jalur Lebar. Masalah *internet accessibility* rendah masih merupakan satu masalah yang besar di Sabah. Di Sabah masih ada kampung yang langsung tidak ada signal. Buat panggilan telefon pun tidak dapat apalagi internet, Tuan Pengerusi.

Di bandar pula, *internet access* pun tidak cukup. Saya ingin tahu, apakah *accessibility rate* di Sabah dari segi *phone line connection* dan *internet accessibility* di Sabah berbanding negeri-negeri lain. Berapakah peruntukan untuk Sabah tahun depan 2017 bagi menambah baik *accessibility* dan signal telefon, talian telefon di kampung supaya orang kampung boleh berhubung dengan dunia luar.

Tuan Pengerusi, ini adalah penting bagi mengurangkan masalah *interrupt* di kampung. Jika kita berjaya membekalkan kemudahan komunikasi kepada seluruh rakyat Malaysia, ia akan meningkatkan ilmu rakyat kita dan membantu mereka meningkatkan daya saing mereka. Dari segi *internet speed* Sabah masih lambat berbanding negeri lain. Saya mahu tahu, apakah rancangan dan usaha yang telah dibuat oleh kementerian untuk membantu Sabah meningkatkan *internet speed*.

Tuan Pengerusi, apakah rancangan dan status terkini Projek High Speed Broadband 2 yang bertujuan untuk menaik taraf kemudahan *broadband* di Sabah. Di Kampung Buaian, Urut Papar, hanya 30 kilometer dari Penampang terdapat sebuah *tele-centre* yang ditaja oleh MOSTI dan diurus oleh UNIMAS. Tujuan pembinaan *tele-centre* ini ialah untuk merapatkan jurang digital luar bandar.

Saya ingin tahu, berapa buah *tele-centre* yang telah dibina. Apakah status program yang seumpamanya di Sabah. Berapakah tiang menara telekomunikasi telah dibina di kawasan Pensiangan. Bilakah menara telekomunikasi mula berfungsi sebab belum ada pemancar-pemancar yang dipasang pada menara tersebut dan tiada bekalan elektrik di kawasan berkenaan.

Dipercuryai menara tersebut dibina oleh SKMM. Adakah pembinaan menara ini hanyalah gimik politik semata-mata? Ini kerana orang kampung diberitahu bahawa menara ini tidak akan disiapkan jika penduduk kampung tidak mengundi Barisan Nasional.

Seperti mana kita lihat di Semenanjung sudah ada banyak tempat ada UniFi dan 4G internet tetapi di Sabah bukan semua kawasan ada UniFi dan 4G. Ini tidak adil Tuan Pengerusi. Selain itu, saya mahu tanya nama syarikat yang bertanggungjawab dalam semua projek pemasangan dan pembinaan sistem telekomunikasi di Sabah. Adakah hanya syarikat-syarikat besar dari Semenanjung atau kroni kementerian yang dapat semua projek besar. Sedangkan syarikat Sabah yang terlibat dalam projek ini hanyalah sub kontrak.

#### **■2310**

Tuan Pengerusi, saya harap ini tidak benar seperti mana kita lihat pada skandal Jabatan Air Sabah di mana sama projek dibagi kepada *director* punya keluarga atau dia punya kroni. Saya harap kementerian boleh beri penjelasan bagaimana kerajaan boleh tambah baik internet *accessibility*, *productivity* dan internet *speed* di Sabah. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta, Tuan Pengerusi. Lima minit sahaja. Tidak ada lagi wakil PAS yang berucap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tidak kira, Yang Berhormat sebab sebelum ini Yang Berhormat saya bagi peluang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Tidak, saya suara. Minta lima minit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, lima minit, Yang Berhormat.

#### **11.10 mlm.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Okey, okey. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada tiga butiran sahaja yang saya ingin sentuh dalam Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Pertama, Butiran 040200 – Operasi Penyiaran. Saya ingin tanya sejauh mana kualiti untuk meningkatkan kualiti

dari sudut penyiaran terutama radio dan televisyen di kawasan sempadan, sebab ini masalah rakyat di sempadan yang selalu mendapat gangguan siaran. Kadang-kadang memang tidak boleh nampak siaran dengan jelas. Apa yang nampak ialah masuk daripada siaran televisyen Thailand ataupun radio Thailand. Jadi sejauh mana perkara ini diberi perhatian dan saya minta perkara ini dinaiktarafkan supaya mengurangkan isu gangguan, terutama di kawasan sempadan.

Isu kedua ialah tentang sistem perhubungan terutama di musim banjir. Dalam musim banjir yang lalu, bagaimana putusnya hubungan telefon, putusnya hubungan komunikasi yang menyebabkan keadaan yang semakin kritikal ketika itu. Jadi, bayangkan dalam keadaan ini, bimbang sekiranya berlakunya berulang di musim tengkujuh, banjir besar berlaku. Apakah naik taraf yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan supaya perhubungan terutama dalam isu-isu kritikal ini tidak menjadi satu beban sama ada kepada orang awam ataupun agensi-agensi penyelamat yang akan menyelamatkan rakyat yang terlibat dengan bencana.

Saya juga ingin tahu berkaitan dengan untuk naik taraf *high-speed broadband* di Kelantan. Apakah projek, program terkini untuk tahun 2017 dan saya ingin menyentuh juga 060000 – Perkhidmatan di Bawah Hal Ehwal Khas (JASA). Apakah program yang telah dirancang di Kelantan iaitu Program Tabayyun yang akan dilaksanakan oleh pegawai-pegawai JASA. Saya mengharapkan jangan gunakan program ini untuk kempen bagi pihak UMNO dan saya yakin sebelum ini sebagaimana rakan-rakan saya yang menyebut bagaimana JASA sebelum ini digunakan untuk kempen bagi pihak UMNO dan Barisan Nasional. Jadi saya ingin tahu, berapakah pegawai JASA yang ada di seluruh negara setakat ini.

Ketiga iaitu Butiran 100000 yang berkaitan dengan FINAS iaitu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional. Saya ingin tahu sejauh manakah kejayaan terutama dari segi industri kreatif di bawah perfileman kita dalam negara kita. Saya juga ingin tahu sebanyak manakah program kita yang berjaya dipasarkan di peringkat antarabangsa. Begitu juga saya ingin tahu berkaitan dengan kebijakan tenaga penyiaran, sama ada radio ataupun televisyen. TV1, TV2, TV3, mereka yang veteran yang telah bersara, sama ada kebijakan dari sudut kemudahan perubatan ataupun pencen yang jasa mereka cukup besar kepada negara.

Jadi sejauh mana perhatian yang telah diberi oleh pihak kementerian. Saya ingin tahu juga setakat ini berapa ramai tenaga mahir profesional yang telah dilahirkan melalui program kreatif yang dilaksanakan di bawah FINAS. Saya ingin tahu juga iaitu berkaitan dengan Lembaga Penapisan Filem supaya tidak ada lagi tayangan melalui TV1, TV2 atau TV3 filem-filem tahuyl ataupun filem yang ganas yang merosakkan akhlak remaja.

Akhir sekali saya ingin menyentuh tentang filem terbaru iaitu filem Pekak yang diharamkan oleh Kerajaan Brunei yang mana kita tengok macam mana penulis, pengarah ataupun penerbit boleh meluluskan ataupun Lembaga Penapisan Filem boleh meluluskan filem ini yang mempamerkan, walaupun tajuknya Pekak tetapi mengandungi unsur yang negatif. Budaya menghisap rokok, budaya mencuri, budaya yang sangat negatif yang melibatkan remaja dalam watak Uda dan Dara dalam filem Pekak.

Jadi saya harap filem-filem yang merosakkan dan yang tidak bermoral ini diharamkan. Jadi saya harapkan supaya pihak Lembaga Penapisan Filem berhati-hati dalam mengeluarkan filem supaya kita dapat melahirkan filem-filem yang positif dalam keadaan negara kita sudah sarat dengan pelbagai masalah supaya negara kita dapat membina generasi yang baik. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### **11.15 mlm.**

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Komunikasi dan Multimedia sepanjang sesi perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2017. Pihak kementerian akan memberi perhatian dan mengambil tindakan susulan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Setakat ini seramai 13 orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini.

Pada mulanya Tuan Pengerusi, saya ingat tidak ada yang berminat tetapi memandangkan banyak isu. Maklumkan kita tahu isu yang sebenarnya banyak berkisar kepada persoalan yang sama. Saya cuba merungkaikan persoalan-persoalan tersebut dalam masa, kalau boleh saya tidak pasti berapa lama, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 45 minutes. Sebelum pukul 12 tengah malam.

**Dato' Jailani bin Johari:** Okey, *insya-Allah* kita cuba. Pertamanya, berkaitan dengan serbuan terhadap pejabat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 11.45 malam, Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Boleh, boleh. Yang diutarakan oleh Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Padang Serai kerana isu yang dibangkitkan adalah merupakan persoalan yang sama. Memang kalau kita lihat, sebenarnya tindakan yang diambil oleh pihak SKMM adalah berdasarkan aduan di bawah peruntukan 233 yang melibatkan unsur-unsur kandungan yang jelik, lucah, sumbang, palsu dan mengancam dan untuk makluman Yang Berhormat, banyak juga kes yang sebelum ini yang telah disiasat di bawah seksyen 233.

Pertama, bagi tujuan pembelaan mangsa-mangsa yang dijatuhkan maruah mereka melalui penyalahgunaan media sosial seperti *revenge porn*, gambar yang telah diubahsuai dan secara digital. Pihak MCMC dan juga pihak PDRM adalah merupakan satu agensi penguat kuasa. Untuk makluman, kesalahan-kesalahan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia boleh juga disiasat oleh pihak polis. Jadi kita dapat lihat bahawa kerjasama yang erat antara polis dan SKMM bertujuan memastikan tiada pertindihan siasatan oleh dua agensi penguatkuasaan ini.

Jadi apa juar hasil siasatan yang diambil, kita akan menyerahkan kepada pihak agensi untuk keputusan berhubung dengan kes pendakwaan. Saya tidak ingin mengulas panjang kes *MalaysiaKini* kerana perkara ini sudah dalam tindakan pihak berkaitan.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Dato' Jailani bin Johari:** Keduanya berkaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai bangun, Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi, terima kasih. Sebenarnya isu yang kita timbulkan adalah ini. Kita ingin tahu mengapa memandangkan bahawa tindakan itu diambil kerana individu tersebut, Dato Khairudin membuat kritikan terhadap Peguam Negara, meminta Peguam Negara meletak jawatan disebabkan oleh isu 1MDB. Saya tidak mahu ulang. So, persoalan kami ialah mengapa dalam keadaan seperti itu di mana kritikan dibuat kepada seorang penjawat awam dan di mana ini adalah sesuatu yang biasa dan perlu dibenarkan di dalam sebuah negara demokrasi yang mempunyai kebebasan bertutur. Mengapakah dalam keadaan seperti itu, tindakan seperti ini diambil oleh MCMC?

Bukankah adalah sesuatu yang dibenarkan untuk mana-mana rakyat meminta supaya seorang penjawat awam itu meletak jawatan dan sebagainya. Bagaimanakah itu menjadi satu kesalahan jenayah? Itu sebenarnya persoalan kami. Terima kasih.

**Dato' Jailani bin Johari:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Jadi seperti yang saya nyatakan tadi bahawa tindakan yang dilakukan oleh pihak SKMM

ialah berdasarkan kepada aduan. Dia akan melihat dari segi kandungannya, barulah siasatan dilakukan. Penyiasatan yang dilakukan adalah melalui lawatan ke pejabat tersebut dan seperti yang saya nyatakan bahawa proses itu dalam proses siasatan. Maka saya tidak mahu *elaborate further*. *I think* Yang Berhormat lebih tahu. Yang Berhormat adalah peguam. Jadi saya rasa saya tidak bagi peluang kerana kita hendak tamat pukul 11.45 malam.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya hendak tanya tentang kes saya.

**Dato' Jailani bin Johari:** Yang Berhormat Seputeh, biar saya *explain* dulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** *Your turn* akan sampai. Kedua berkaitan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Seremban berkaitan dengan Arul Kanda yang dijemput bersama hadir di luar negara baru-baru ini. Jadi saya hairanlah di sebelah sana ini. Kenapa mereka perlu panik apabila Arul Kanda turun ke gelanggang memberi penerangan tentang 1MDB, sedangkan sebelum ini kalau kita lihat Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara senang-senang membuat fitnah dan pembohongan mengenai 1MDB. Jadi apabila Arul Kanda memberi penjelasan dengan fakta yang boleh membantu memperjelaskan kepada rakyat, tapi kita tak perlu bising.

## ■2320

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar, sebentar Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari :** Saya tidak bagi peluang, biar saya *explain* dan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Let the Minister answers first.* Kemudian kita tanya dia Yang Berhormat, sama ada hendak bagi jalan atau tidak.

**Dato' Jailani bin Johari:** Saya tidak bagi jalan. Saya *explain* dulu *because* kita ada 13 ya.

**Tuan N. Surendran a/l Nagarajan [Padang Serai]:** *Point of order* Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *point of order* Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran a/l Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, saya rasa apabila ahli tersebut Yang Berhormat Pandan tidak ada dalam Dewan, kenyataan beliau... sepatutnya tidak dibuat.

**Dato' Jailani bin Johari:** *Point of order* nombor berapa?

**Tuan N. Surendran a/l Nagarajan [Padang Serai]:** ...sebagainya tidak patut. Patut ditarik balik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Jailani bin Johari:** Jadi, apabila Yang Berhormat sebelah sana juga melahirkan perasaan bahawa kenapa tidak dibenarkan WSJ untuk hadir sama. Saya lihat kebanyakan program-program yang diadakan oleh pihak sebelah sana pun tidak membenarkan akhbar arus perdana hadir. Jadi tidak timbul isu. Jadi, inilah masalahnya apabila orang melakukan kesilapan dan sebagainya, melahirkan ketakutan kepada pihak yang satu lagi. Jadi isu yang kedua...

**Seorang Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Saya tidak bagi, saya tidak bagi. Yang ketiga...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang Berhormat, belum jawab soalan.

**Dato' Jailani bin Johari:** Saya sudah jawab tadi.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Saya tanya kos berapa?

**Dato' Jailani bin Johari:** Ini saya akan bagilah. Sabar! Sabar, sabar okey. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Arul Kanda pergi berdasarkan atas peribadi sendiri ya. Kita tidak membayai kos dan apa yang kos yang berlaku hari itu adalah kos makan dan minum, okey. Ketiga...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Berapa, berapa?

**Seorang Ahli:** Apa fasal, hendak belanja kah?

**Dato' Jailani bin Johari:** Kos makan dan minum saja okey.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Jumlah kos berapa, penganjuran, tiket kapal terbang. Tolong bagi satu butiran dan juga kos.

**Dato' Jailani bin Johari:** Saya sudah maklumkan tadi Arul Kanda pergi atas peribadi. Atas urusan perniagaan. Jadi untuk kos...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Yang lain-lain itu, pegawai lain, moderator.

**Dato' Jailani bin Johari:** Itu tidak timbul kerana isu yang saya maklumkan tadi Yang Berhormat tanya kos Arul Kanda. Jadi, Arul Kanda pergi atas urusan perniagaan sendiri, okey. Yang ketiga berkaitan isu kenapa Dahlan digantikan saat akhir. Di sini, pihak BERNAMA menghormati dan memenuhi permohonan tetamu program. Jadi, tidak timbul isu bahawa ada suara wanita lain yang mencampuri urusan BERNAMA TV. Jadi, ini bukan ya. Apa-apa keputusan dibuat pada hari itu bukan mengikut arahan.

Keempat, berkaitan dengan Dasar Industri Kreatif Negara. Memang hasrat kerajaan untuk mentransformasikan industri filem tempatan. Jadi pihak FINAS merupakan salah satu agensi yang telah merangka program-program untuk Fiesta Filem yang ke-28 sebagai manifestasi peranan FINAS untuk pembangunan industri filem Malaysia.

Jadi, penyertaan PFM 28 dibuka kepada penyertaan pelbagai genre filem dan tertakluk kepada kriteria yang telah ditetapkan. Jadi, penjurian pada hari tersebut terbahagi kepada 2 peringkat iaitu penjurian awal dan penjurian akhir. Kategori filem, pengarah dan juga lakon layar terbaik filem bahasa Malaysia dan bukan BM dijenamakan semula kepada Filem Terbaik Malaysia. Butiran berkaitan 53000 ialah melibatkan Content Malaysia Pitching Centre, Digital Content Finding, keluasan kandungan muzik tempatan, KL Converge, Prihatin, Projek Kandungan Multimedia Digital untuk 2 saluran TV digital bawah RTM. Itu berkaitan dengan...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Jailani bin Johari:** Okey.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Saya balik kepada isu BERNAMA tadi. Saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa itu atas menghormati tetamu undangan. Adakah tetamu undangan boleh menentukan siapa hos program? Soalan saya yang khusus ialah adakah betul bahawa ada pihak yang menelefon kepada penerbit minta tukar hos. Saya hendak tanya, sebab ini seolah-olah macam ada campur tangan dalam BERNAMA TV. Adakah ini dibenarkan oleh kementerian? Saya rasa itu patut diperjelaskan oleh pihak kementerian. Tadi sebab saya dengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri seolah-olah tetamu itu hendak *blame* tetamu itu hendak tukar hos. Adakah itu maksud Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Jailani bin Johari:** Bukan. Apa yang saya maksudkan ialah bahawa tidak ada wanita lain ataupun suara-suara lain yang mencampuri urusan BERNAMA TV. Jadi, apa saja keputusan yang dibuat hari itu adalah keputusan syarikat tersebut. Jadi, maknanya dia bukan mengikut sebarang arahan, okey. Berbalik kepada persoalan yang seterusnya oleh Yang Berhormat Setiu, JASA dilihat susah hendak bergerak dan sebagainya. Okey, JASA memohon lebih banyak peruntukan untuk beroperasi dengan lebih lancar dan komited terhadap peranan bagi mendidik rakyat secara berterusan. Walaupun kurang...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Tidak bagi, tidak bagi.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Ada satu soalan lagi belum jawab. Berkennaan dengan Ketua Pengarah FINAS.

**Dato' Jailani bin Johari:** Okey, okey. Saya akan maklumkan sekejap lagi. Walaupun kurang peruntukan, JASA akan terus melaksanakan tanggungjawabnya. Berkaitan dengan Ketua Pengarah FINAS, ya betul beliau telah pun tamat kontraknya dengan pihak kementerian dan *insya-Allah* kita akan membuat satu temu duga lah untuk melantik Ketua Pengarah FINAS yang baru. Okey. Soalan kedua oleh Yang Berhormat Setiu. Untuk makluman Yang Berhormat Setiu, Internet 1Malaysia di Kampung Padang Saujana, untuk Kampung Saujana Fikri, jumlah 10 ribu orang. Sudah terdapat 5 Pusat Internet 1Malaysia yang beroperasi di Setiu. Kementerian akan mengkaji keperluan internet di Kampung Saujana dan jika bersesuaian, penubuhan akan dimasukkan dalam perancangan tahun 2017.

Mengenai isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan berkaitan dengan filem, *No Fire Zone* oleh Lina Henry. FINAS tidak membuat sebarang serbuan ke atas kes ini. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, 2 pihak yang berbeza iaitu FINAS, kalau ikut dari segi fungsi dan peranannya ialah untuk mempromosikan aktiviti filem dan di sini Yang Berhormat terkeliru. Sebenarnya, perkara ini mungkin dilakukan oleh Lembaga Penapisan Filem yang sebenarnya terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri. Soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Gerik. Pihak kementerian melalui SKMM telah dan sedang melaksanakan inisiatif jalur lebar melalui projek jalur lebar berkelajuan tinggi iaitu dengan izin *high speed broadband* kini dalam pelaksanaan fasa kedua bermula tahun 2015 dan dijangka siap pada tahun 2017.

Sasaran 390 ribu sambungan *port*. Pencapaiannya setakat September tahun ini 245,635 *port*. Projek ini mampu menawarkan perkhidmatan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 100 *megabit per second* di bandar-bandar utama dan di kawasan ekonomi berimpak tinggi di seluruh negara. Masih persoalan berkaitan JASA. JASA akan terus memperhebatkan penganjuran program-program mesra jiran dan bina insan sekiranya diberikan lebih peruntukan. Saya harap Yang Berhormat Gerik dapat menyokong ya. Perancangan kemas dan teratur sentiasa dibuat untuk menepati kehendak rakyat.

Masih isu berkaitan dengan jalur lebar tadi. Projek jalur lebar pinggir bandar, *suburban* ya Yang Berhormat. Sasaran kita ialah 420 ribu sambungan *port* di kawasan pinggir bandar. Kelajuan sehingga 20 *megabit per second* seperti yang diumumkan oleh

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Untuk program jalur lebar untuk orang ramai, *broadband for general population*, BBGP dengan izin. BBGP 1 untuk Sabah dan Sarawak telah siap pada 2013. BGGP 2 yang telah siap pada 2014 dan BGGP 3 dijangka siap *insya-Allah* pada 2017 yang merangkumi negeri-negeri seperti Pahang, Perak, Terengganu. Sasaran sejumlah 154 kilometer fiber.

Berkaitan dengan isu jalur lebar, sejauh mana projek jalur lebar di Gerik. Untuk makluman Yang Berhormat Gerik, di Daerah Gerik, projek jalur lebar SUBB sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada tahun 2018. Terdapat 3,700 sambungan akan tersedia di Gerik di bawah projek ini. Terdapat juga 5 lokasi menara Gerik yang sedang di naik taraf kepada liputan 3G menjelang akhir tahun 2017. Terdapat beberapa projek lain iaitu seperti peluasan liputan jalur lebar di mana pada waktu ini terdapat 1,008 lokasi menara telekomunikasi terutamanya di luar bandar sedang dinaik taraf dengan liputan 3G dan juga 4G, yang dijangka siap secara berperingkat sehingga akhir 2017.

Merujuk kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Seputeh, isu berkaitan dengan filem *Ola Bola* dan *Kid from the Big Apple* dan sebagainya.

#### **■2330**

Memang, untuk makluman Yang Berhormat FINAS memang memberi penekanan kepada usaha-usaha untuk membangunkan modal insan dalam industri kreatif khususnya industri perfileman. Pelbagai bengkel dan juga tahap latihan telah diadakan untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran para pemain industri kreatif. FINAS juga melalui Pitching Centre yang ditubuhkan menyediakan khidmat nasihat kemudahan pembiayaan dana bagi pengeluaran filem. FINAS sentiasa menggalakkan pengeluaran filem bagi menggalakkan perpaduan dan semangat cintakan negara termasuklah filem *Ola Bola*.

Isu Astro, Yang Berhormat Seputeh. Bila hujan tidak ada gambar dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, teknologi satelit Ku Band memang sensitif kepada cuaca dan pihak kementerian di bawah MCMC telah mengarahkan MeaSAT sebenarnya, Astro itu nama lesen dan MeaSAT itu nama syarikat. Beberapa langkah untuk kurangkan impak hujan, pertamanya telah menyediakan rumah penyiaran kedua dan mencari teknologi alternatif yang boleh dilanggan oleh pengguna iaitu melalui jalur lebar dan juga Astro on the Go.

Yang Berhormat Seputeh juga menanyakan apakah fungsi JASA. Saya ingat isu JASA saya boleh merangkumi kepada persoalan yang ditanya oleh Yang Berhormat lain. Fungsi JASA adalah sebagai jabatan yang menjawab isu-isu semasa yang diputarbelitkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab seperti Yang Berhormat Seputeh. [Dewan riuh] Selain itu juga JASA juga berperanan untuk menjelaskan isu-isu

terkini merangkumi ekonomi politik dan keselamatan negara untuk mendidik semangat patriotik serta memupuk semangat perpaduan bangsa.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh bangun, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Dato' Jailani bin Johari:** Tidak apalah saya sudah jawab itu. 11.45 sedikit ada lagi ini ada 8.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya hanya hendak tanya adakah yang pegawai JASA itu mereka adalah anggota UMNO tetapi dibayar oleh kerajaan untuk memutarbelitkan kenyataan daripada parti pembangkang. Jadi apakah perbezaan di antara tanggungjawab JASA dan juga Jabatan Penerangan. Apakah perbezaan? Juga ada *special branch* dan juga ada Bahagian Komunikasi Strategik di Jabatan Perdana Menteri semuanya *overlap*. Kenapa perlu begitu ramai orang untuk menjadi pengintip atau supaya kepada parti pembangkang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Seputeh, bukannya putar belit jawab fitnahlah.

**Dato' Jailani bin Johari:** Saya sudah menjawab sudah, Yang Berhormat Seputeh dan saya lihat tidak ada kena-mengena dengan butiran juga. Isu berkaitan dengan *New Village*. Isu penapisan filem bukan dilakukan oleh FINAS tetapi LPF. Untuk makluman Yang Berhormat Seputeh juga, Yang Berhormat FINAS ada Program Talent Development filem yang positif seperti *Redha* untuk kesedaran autisme telah menang anugerah antarabangsa.

Yang Berhormat Seputeh juga ada menanyakan butiran 120000 berkaitan dengan pelaksanaan program oleh BERNAMA. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya pelbagai program yang akan dan sedang dilakukan pada tahun 2017. Pertamanya menambah jumlah program baru yang lebih sesuai untuk tontonan rakyat, mempelbagaikan jenis rancangan yang akan diterbitkan, membentuk satu unit niaga khas untuk mendapatkan pendapatan, menaiktarafkan studio dan peralatan penyiaran. Diharapkan dengan adanya peruntukan yang diberikan ini maka BERNAMA News Channel akan lebih relevan dan juga maju.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Adakah BERNAMA TV masih rugi?

**Dato' Jailani bin Johari:** Saya tidak benar soalan itu, okey. Saya merujuk kepada Yang Berhormat Kuala Selangor. Adakah RTM berminat untuk menerbitkan dokumentari mengenai sejarah Kuala Selangor terutama pada bulan Disember sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor. *Insya-Allah* Yang Berhormat, RTM menerusi

program-program seperti *Panorama*, *Dokumentari*, *Jom Jalan-jalan* sentiasa memaparkan keunikan sesuatu kawasan. Oleh itu pihak RTM bersedia untuk memaparkan ataupun menerbitkan dokumentari khas terutama mengenai Khazanah dan sejarah negara.

Dokumentari Bukit Melawati di Kuala Selangor dan Semarak Kasih di Kuala Selangor. Yang Berhormat RTM ambil maklum saranan Yang Berhormat untuk menerbitkan dokumentari Bukit Melawati sebagai lokasi bersejarah di negeri Selangor. Semarak Kasih merupakan program turun padang oleh pihak RTM untuk mendekati masyarakat, pengisian berbentuk pameran, khidmat masyarakat dan juga hiburan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat untuk FINAS memperbanyakkan filem patriotik. FINAS melalui Pitching Centre menyediakan kemudahan dana bagi pihak industri mengeluarkan filem. FINAS memang memberi keutamaan kepada pengeluar filem yang mengutarakan nilai-nilai perpaduan dan semangat cintakan negara.

Persoalan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor iaitu pembangunan sektor *internet of things* dapat dimanfaatkan. Untuk makluman Yang Berhormat, MDEC itu adalah salah satu agensi di bawah kementerian ini memainkan peranan untuk menjadi penggerak utama bagi pembangunan industri IOT (*internet of things*) di Malaysia. Ia merupakan kerjasama pelbagai industri bagi memacu pertumbuhan serta pelaburan IOT di Malaysia adalah bertujuan untuk memanfaatkan serta memaksimumkan penjanaan nilai IOT sebagai sumber baru pertumbuhan ekonomi digital Malaysia. Antara strategi bagi melaksanakan IOT Malaysia adalah seperti pembangunan portal, sesi *networking*, inisiatif syarikat-syarikat IOT, persidangan, *business matching* dan sebagainya.

Berkaitan dengan filem kenegaraan lagi, filem kenegaraan dan perpaduan di bawah dana industri kandungan digital kelolaan Pitching Centre untuk tahun 2015 sehingga 2016, 32 filem yang telah pun diterbitkan. Geran filem kenegaraan dan warisan 2010 hingga 2014 di mana terdapat lima buah filem iaitu *Tanda Putera*, *Hanyut*, *Kanang Anak Langkau*, *Victory* dan *Tun Sambathan*. Jumlah bajet untuk lima filem adalah RM7.1 juta.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh saya tanya.

**Dato' Jailani bin Johari:** Tidak, tidak saya tengah, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yalah hendak bagi sana?

**Dato' Jailani bin Johari:** Tidak banyak masa sudah, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan. Menteri tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Okey, berkaitan dengan eUsahawan dan eRezeki. MDEC bersedia bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan terlibat untuk meluaskan pelaksanaan program merakyatkan ekonomi digital ataupun #YouCanDuit dan seperti kita tahu program eRezeki adalah program yang disasarkan kepada golongan B40 untuk memberi peluang kerja sambilan. Manakala eUsahawan adalah untuk menerapkan nilai dan ilmu keusahawanan digital untuk pelajar TVET dan usahawan kecil sedia ada.

Berkaitan dengan pendekatan Pusat Internet 1Malaysia, di Kuala Selangor terdapat lima Pusat Internet 1Malaysia yang sudah siap beroperasi di Kuala Selangor dan satu lagi di peringkat pelaksanaan. Penggunaan internet di Pusat Internet 1Malaysia dikawal ketat oleh dua pengurus sepenuh masa di samping penggunaan sistem *web filtering* bagi mengawal operasi ataupun mengawal penggunaan internet yang negatif. Projek Pusat Internet 1Malaysia mendapat sambutan yang baik dari rakyat dengan adanya program-program ICT seperti Program Pembangunan Usahawan Atas Talian yang diberikan secara percuma di Pusat Internet 1Malaysia.

Jadi persoalan mengenai Jabatan Penerangan, untuk makluman Yang Berhormat Kuala Selangor fungsi Jabatan Penerangan adalah untuk memberi penerangan dan penjelasan berkaitan dengan dasar-dasar falsafah dan juga warisan negara, mengurus isu dan maklum balas awam sebagai input kepada perancangan jabatan, membina, mengukuh dan memperluaskan jaringan komunikasi yang menyeluruh dan berkesan dalam menguruskan maklumat strategik, menyediakan khidmat kepakaran dan perkhidmatan bahan-bahan maklumat seperti komunikasi visual.

Permohonan cadangan menaik taraf ini akan melibatkan 74 buah pejabat penerangan negeri, bahagian dan daerah. Walau bagaimanapun, peruntukan yang diluluskan hanyalah token sebanyak RM100 sahaja. Permohonan penambahan peruntukan akan digunakan pada rancangan RP3, RMKe-11 akan datang. Jadi kalau kita dapat sokongan daripada semua Ahli Yang Berhormat, *insya-Allah* kita dapat menaik tarafkan kebanyakan pejabat-pejabat penerangan.

Merujuk kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Padang Serai. Program di mana Yang Berhormat kata tidak ada program untuk pembangkang. Saya rasa Yang Berhormat tidak menonton TV kot. Kalau kita lihat baru-baru ini pun pada 26 Oktober, pihak RTM ada menyiarkan program Dialog dan di sini kalau kita lihat hanya seorang sahaja daripada Barisan Nasional iaitu Yang Berhormat daripada Muar sedangkan kita bagi peluang tiga orang daripada pembangkang.

Jadi tidak timbul Yang Berhormat dan yang keduanya secara langsung Parlimen.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Jailani bin Johari:** Saya tidak bagi kita tidak ada masa. *This is my floor okey, biar saya explain.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Duduklah, Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Siaran langsung Parlimen yang kita tahu seperti yang dimaklumkan juga oleh Yang Berhormat Sekijang tadi setiap pagi daripada pukul 10 pagi sehingga 11.30.

■2340

Jadi Yang Berhormat pun dapat peluang. Jadi tak timbul bahawa kita tidak beri peluang kepada pembangkang. *[Disampuk]* Betul. Okey, kepada Yang Berhormat Sekijang pula, sejauh manakah bagi memastikan institusi...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Padang Serai bangun lagi Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Tak, tak bagilah, tak bagilah pasal kita sudah 11.40 malam okey.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ini penting Yang Berhormat Menteri, saya perlu penjelasan mengenai isu ini...

**Dato' Jailani bin Johari:** Tak ada, tak ada, tak ada. Masalahnya Yang Berhormat, Yang Berhormat selalu politikkan isu.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Apa guna Menteri datang ke Dewan?

**Dato' Jailani bin Johari:** *No, no, no, no...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri tak bagi jalan.

**Dato' Jailani bin Johari:** *No, no, no, no.*

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Kalau tak mahu jawab? Ini perkara yang paling penting di sini.

**Dato' Jailani bin Johari:** Banyak soalan hendak jawab, saya ada enam lagi, enam lagi, okey?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Dua sahaja, hanya dua disebut, Parlimen dengan dialog. Yang lain semua?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Saya tak bagi, saya tak bagi jalan okey.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Oh, come on. Tak guna... buang masa..

**Dato' Jailani bin Johari:** Okey, sejauh mana kerajaan memastikan institusi bank menjaga maklumat peribadi pelanggan. *[Dewan riuh]* Untuk makluman Yang Berhormat Sekijang, kementerian melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi telah menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Organisasi yang memproses data peribadi di dalam transaksi komersial hendaklah mematuhi tujuh prinsip perlindungan data peribadi. Antara elemen penting dalam pematuhan prinsip-prinsip ini ialah memperoleh persetujuan pelanggan sebelum memproses data peribadi milik mereka. Kegagalan mematuhi tujuh prinsip ini merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan denda sebanyak RM300,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya. Yang Berhormat Sekijang...

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Yang Berhormat Menteri, sikit soalan mengenai data...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Peribadi sebab saya tak boleh cakap tadi. Data peribadi.

**Dato' Jailani bin Johari:** Okeylah.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Cuma saya begini, dari pertama adalah susah untuk kita mengenal pasti mereka dapat dari mana data peribadi kita. Jadi, tanggungjawab siapa untuk membuktikan yang data peribadi kita itu telah disalahgunakan. Saya pun dapat juga mesej-mesej dan sebagainya terutama yang bentuk perniagaan. *The banks call you up, the along pun hantar dia punya ini.* Jadi, saya hendak cadangkan bahawa kerana kita tak boleh nak mengenal pasti dari mana data itu datang.

Jadi sesiapa yang menggunakan data peribadi yang tidak diberi oleh kita, misalnya kita tak isi. Kalau telekom guna sebab kita menjadi pelanggan Telekom. Kalau bank kita guna, kita menjadi pelanggan. Akan tetapi misalnya along ini nombornya ada dengan kita, dia guna nombor kita. Jadi, bolehkah tidak kita *turnaround*, kita pusing bahawa sesiapa yang menggunakan data peribadi yang tak diberi pada dia dengan izin dia, maka kita boleh dakwa dia.

**Dato' Jailani bin Johari:** Okey, terima kasih Yang Berhormat yang memberikan pandangan. *Insya-Allah* kita akan tengok beberapa cadangan oleh Yang Berhormat.

Seperi yang saya nyatakan tadi bahawa PDP ini lebih merujuk kepada transaksi komersial.

Okey, saya terus kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Sekijang iaitu meluluskan pembinaan pencawang di Sri Dagang dan Paya Besar. Kementerian akan mengkaji keperluan menara di Sri Dagang dan Paya Besar jika ada keperluan, menara baru *insya-Allah* akan dibina pada tahun 2017.

Bagi menara yang sudah siap dibina, pemasangan peralatan selular akan dibuat dan diaktifkan secara berperingkat sehingga suku pertama tahun 2017.

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, yang lain kena jawab bertulis Yang Berhormat.

**Dato' Jailani bin Johari:** Ya?

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kena jawab bertulis ya.

**Dato' Jailani bin Johari:** Sikit lagi, saya hendak habiskan ya. Sikit lagi. Yang Berhormat Seputeh kacau saya banyak tadi. Yang Berhormat Sekijang untuk PID, sehingga sekarang sebanyak 36 PID pusat internet desa masih beroperasi di seluruh negara, Perkhidmatan PID ini akan diteruskan, ditambah baik sebagaimana Pusat Internet 1Malaysia. Untuk Yang Berhormat Rasah, siaran Olimpik secara langsung sukan antarabangsa di RTM, bagi saya 5 minit sahaja.

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak boleh Yang Berhormat. Dia *after eleven fourty five*, Speaker tak ada kuasa untuk *extend*.

**Dato' Jailani bin Johari:** Okey, kalau begitu yang lain itu saya terpaksa jawab secara bertulis. Sekali lagi saya ingin rakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan dan pihak kementerian akan memberikan perhatian dan mengambil tindakan susulan kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,124,722,700 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM1,124,722,700 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM495,376,400 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM495,376,400 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempergerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi, hari Isnin 14 November 2016.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.45 malam]***